الصّحف المجموعة

في تعريف دمجة الرواية

HIMPUNAN CATATAN

Dalam Memperkenalkan Tradisi Periwayatan

Susunan :
AMIRUL RIDZWAN

HEMARIZA
دار الميزان للنشر والتوزيع
KEMBARA

Kandungan

Transliterasi

Muqaddimah

Pengenalan

Penerangan Beberapa Istilah

- *Ṣiyaġh at-Taḥammul* (صِيَغ التَّحَمّلِ) dan *Siyaġh al-Adāᶜ* (صِيَغ الْأَدَاءِ)
    1. *At-Taḥdīṯs* (التَّحْدِيث)
    2. *Al-ᶜArḍ* (الْعَرْض)
    3. *Al-Ijāzah* (الإِجَازَة)
    4. *Al-Munāwalah* (الْمُنَاوَلَة)
    5. *Al-Kitābah* (الْكِتَابَة)
    6. *Al-Wijādah* (الْوِجَادَة)
- *Al-Musalsalāt* (الْمُسَلْسَلَات)
- *Al-ᶜUluww* (الْعُلُوّ) dan *an-Nuzūl* (النُّزُول)
- Konsep asas ijazah *khōṣṣoh* dan ijazah *ᶜāmmah*

Periwayatan Dahulu Dan Sekarang

Membaca Kitab Dengan Pantas, Adakah Ini Termasuk Dalam Tradisi Majlis Riwayat?

Kelebihan Majlis Riwayat

Faedah Riwayat Secara *Samāᶜ*

Tsabat: Tema Kitab Dalam Mengumpulkan Riwayat

Asas Takhrij Sanad Riwayat

Kenapa Sebahagian Pengijazah Tidak Diketahui Riwayatnya?

Golongan Yang Menggiatkan Tradisi Periwayatan

Teguran Khas Untuk Komuniti Salafi Tempatan

Beberapa Perkara Yang Berkaitan Dengan Riwayat Dan Hukum Padanya

Adakah Hanya Ulama Sahaja Yang Boleh Menjadi Musnid?

Sedikit Refleksi Peribadi Pada Abū Al-ᶜAbbās Aḥmad Bin Abū Aṭ-Ṭōlib Ibn Ašh-Šhiḥnah Al-Ḥajjār

Faedah Tambahan

Kesan daripada tradisi periwayatan yang dijauhkan

Apakah kitab yang terbaik untuk seseorang yang ingin berkecimpung dalam periwayatan agar menjadi musnid yang berkualiti yang memiliki masmūᶜāt?

Pembacaan hadis palsu dalam majlis riwayat

Segera merekodkan *masmūᶜāt*, *maqrūᶜāt* dan ijazah masyayikh setelah selesai majlis riwayat

Usah segan untuk jujur mengatakan bahawa riwayat samāᶜ bagi suatu kitab yang nipis tidak penuh

Usah terlalu mengejar *masmūᶜāt* dan *maqrūᶜāt* yang banyak

Mengapa sebahagian masyayikh yang memiliki riwayat tidak dapat diriwayatkan sama sekali atau dapat diriwayatkan, tetapi tidak sempurna haknya?

Tips memilih majlis jika bertembung dua majlis atau lebih dalam satu waktu yang sama

Sebahagian perangai buruk dari kalangan penganjur majlis riwayat

Tidak perlu menempik orang yang meminta ijazah dari kamu jika kamu tidak ingin memberikannya

Indah khabar dari rupa

Faedah Tergabung

- Tempoh untuk menghabiskan «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*»
- Kualiti pada riwayat dengan *al-Musalsal*
- Kualiti pada ketinggian isnad
- Kriteria pilihan sanad
- Rujukan bagi takhrij sanad ini
- Mengapa dibawakan riwayat dari salafi?
- Mengapa dibawakan riwayat yang berbeza?

Lampiran

Penutup

طَبَقَةُ مَجْلِسِ هَذَا الْكِتَابِ

Edisi: 30 Julai 2026

Transliterasi

Huruf Arab	Transliterasi	Contoh
ء	ʿ	*Al-Asmāʿ*
ث	T̲s / t̲s	*Al-Muġhīt̲s*
ح	Ḥ / ḥ	*At-Taḥammul*
خ	Kh̲ / kh̲	*Al-Kh̲oṭīb*
ذ	D̲z / d̲z	*Ad̲z-D̲zahabiyy*
ش	Šh / šh	*Ašh-Šhams*
ص	Ṣ / ṣ	*Ṣiyaġh*
ض	Ḍ / ḍ	*al-Mawḍūʿāt*
ط	Ṭ / ṭ	*Ṭōlib*
ظ	Ẓ / ẓ	*al-Ḥāfiẓ*
ع	c	*al-ʿUluww*

غ	Ğh / ġh	*Al-Muġhīṯs*
Huruf *al-Mād* yang *al-Fatḥah*	Ā / ā	*Sālim*
Huruf *al-Mād* yang *al-Kasroh*	Ī / ī	*Ibrōhīm*
Huruf *al-Mād* yang *aḍ-Ḍommah*	Ū / ū	*Manṯsūroh*
Huruf *al-Mād* apabila sebelumnya adalah huruf *al-Isticˤlāˤ*	ō	*Ṭōlib*

Muqaddimah

Semua pujian yang tinggi dan pengagungan yang dijulang tinggi hanyalah milik Allah jua yang tiada sekutu bagi-Nya. Semoga selawat, salam dan keberkatan melimpah kepada junjungan nabi kita yang mulia Muḥammad yang terpilih lagi dikasihi. Sebegitu juga kepada keluarganya yang tercinta dan sahabatnya yang agung. Mudah-mudahan dikekalkan kasih sayang-Nya buat selama-lamanya.

Adapun sesudah ini, saya sentiasa berhadapan dengan kesukaran untuk memperkenalkan tradisi periwayatan yang diamalkan oleh para ulama musnidin kita, khususnya ketika di awal majlis periwayatan. Saya perlu menjelaskan dari awal bagaimana majlis diadakan, peranan majlis dan sedikit sejarah mengenainya.

Saya telah menulis beberapa artikel tentangnya sama ada panjang atau pendek supaya para peserta majlis riwayat, khususnya di bawah kendalian saya dapat merujuknya bagi memahami orientasi majlis riwayat dan supaya saya tidak perlu mengulangi penjelasan itu berkali-kali setiap kali dalam memulakan majlis. Namun, saya kadangkala mendapati bahawa penulisan saya tidak memuaskan dan didapati ada beberapa kelompongan yang perlu diisi serta kekurangan yang perlu diperbaiki.

Maka, saya berusaha menghasilkan satu risalah yang dilihat sederhana, tetapi ringkas yang sedapatnya supaya saya dapat memperkenalkan tradisi periwayatan secara sekilas yang saya berusaha menggiatkannya dan yang para musnidin yang mulia meneruskannya.

Ia pada asalnya adalah beberapa artikel yang saya tulis secara terpisah. Kemudian, saya cuba menyatukannya dalam satu risalah dengan beberapa pengolahan semula serta penyelarasan. Lalu, saya menyusunnya dengan susunan yang saya kira sesuai untuk pembaca yang baru mula memahaminya dengan beransur-ansur mengikut beberapa isu yang dibangkitkan.

Saya juga tidak berniat untuk menulis secara akademik atau terlalu formal dengan menjadikan penulisan perlu terikat dengan format tertentu dalam penyampaian dan persembahan kandungan. Oleh sebab karya ini adalah asalnya catatan-catatan yang berasingan lagi terpisah yang digabungkan menjadi satu, maka ini bukanlah karya akademik atau formal yang diharapkan. Apa yang penting adalah kefahaman yang didapatkan oleh pembaca yang ingin mendapatkan manfaat dari penulisan yang bertemakan pengenalan ini.

Saya perlu mengingatkan pembaca bahawa ilmu periwayatan ini agak sukar untuk difahami dan dimanfaatkan melainkan setelah ada penguasaan bahasa Arab kerana banyak rujukan yang berkaitan dengannya adalah berbahasa Arab serta banyak dari format penyampaian periwayatan memerlukan penggunaan bahasa Arab.

Sebegitu juga perlu untuk orang yang ingin memasuki medan periwayatan untuk mempelajari ilmu hadis yang sekurang-kurangnya tahap asas kerana ada perkaitan besar dengannya.

Kemudian, terlalu banyak isu-isu yang berbangkit yang berkaitan dengan periwayatan, khususnya zaman kini yang mana periwayatan sudah dilakukan secara digital yang

realitinya sangat berbeza dengan dahulu dan barangkali kecerdasan buatan akan mempengaruhi beberapa hukum yang berkaitan dengan periwayatan. Sudah banyak karya yang tebal atau ringkas dalam membincangkan beberapa isu semasa yang berkaitan dengannya atau beberapa perincian hukum dalam perbahasan periwayatan.

Pun begitu, saya tidak merasakan sesuai untuk memasukkannya di sini walaupun dianggap penting kerana tujuan saya adalah untuk memperkenalkan tradisi riwayat bagi para pemula yang tidak tahu apa-apa mengenainya atau yang sudah berkecimpung, tetapi tiada gambaran yang jelas padanya.

Apa-apa yang berkaitan dengan isu semasa atau perbahasan yang memerlukan rincian, saya cuba untuk tidak memasukkannya kecuali yang terlalu berkait rapat dengan pengenalan yang mesti dikehadapankan. Jika kitab akidah, fiqh, usul fiqh, hadis, bahasa dan lain-lain ada peringkatnya, maka buku ini adalah pengenalan dan tingkat permulaan yang semata-mata untuk mendapatkan gambaran asas dan pendedahan bagi pemula sahaja.

Cuma, saya tidak menafikan bahawa ada kebarangkalian bahawa judul penulisan ini akan ada edisi pembaharuan dan suntingan kerana mungkin ada beberapa perkara yang berbangkit yang mendatang yang perlu ditambah atau diolah semula supaya sesuai dengan keadaan semasa dan meraikan suasana yang baru. Oleh itu, saya akan cuba memaklumkan edisi yang terbaru di platform yang sewajarnya agar para pembaca tidak terlepas dengan edisi yang terbaru untuk dibaca.

Mudah-mudahan karya ini memiliki keberkatan yang diharapkan dan kebaikan yang dimanfaatkan. Hanya kepada Allah jualah saya menyerahkan segala urusan dan mengharapkan segala bimbingan yang lurus.

Pengenalan

Riwayat adalah seseorang menyampaikan ucapan atau penulisan seseorang lain yang diperoleh dengan cara tertentu kepada seseorang lain dengan cara tertentu.

Tradisi periwayatan adalah tradisi yang mengekalkan format penerimaan periwayatan yang dipanggil dengan *Ṣiyaġh at-Taḥammul* (صِيَغ التَّحَمّلِ) dan mengekalkan format penyampaian periwayatan yang dipanggil *Siyaġh al-Adāᶜ* (صِيَغ الْأَدَاءِ) yang diamalkan oleh muhadditsin terdahulu dalam keadaan longgar pada aspek *al-Jarḥ Wa at-Taᶜdīl* (الْجَرح والتَّعْدِيل) dan *al-ᶜIlal* (الْعِلَل) selain mengekalkan beberapa aspek dalam kesenian ilmu hadis seperti *al-Musalsalāt* (الْمُسَلْسَلَات), *al-ᶜUluww* (الْعُلُوّ), *an-Nuzūl* (النُّزُول), *al-Mudabbaj* (الْمُدَبَّج), *Riwayāh al-Akābir ᶜAn al-Aṣōġhīr* (رِوَايَة الْأَكَابِر عَنِ الْأَصَاغِر), *as-Sābiq Wa al-Lāḥiq* (السَّابِق وَاللَّاحِق) dan lain-lain.

Mudah kata adalah tradisi periwayatan ini mengenangkan nostalgia dan meneruskan pengamalan muhadditsin terdahulu dalam meriwayatkan sesuatu dengan format tertentu, tetapi tidak terlalu ketat pada aspek penyemakan perawi dan penapisan periwayatan.

Disebabkan ada hubung kait yang rapat antara periwayatan dan ilmu hadis, maka seseorang yang ingin berkecimpung dengan periwayatan wajib memiliki pengetahuan sekurang-kurangnya asas ilmu hadis dan beberapa istilah yang di atas.

Cuma, untuk memperkenalkan tradisi periwayatan kepada orang awam, saya cuba menjelaskan secara ringkas tentang apa-apa yang berkaitan dengan periwayatan yang diamalkan pada fasa mutaakhir sehingga kini.

Penerangan Beberapa Istilah

Sememangnya seseorang yang ingin menceburkan diri dalam periwayatan perlu mengetahui sebahagian istilah yang ada dalam ilmu hadis kerana ia adalah amalan muhadtisin yang diteruskan pada beberapa aspek.

Akan tetapi, saya tidak berniat untuk memperpanjangkan penjelasan istilah atau menyebut semua istilah kerana ini memerlukan seseorang untuk mempelajari ilmu hadis secara khusus.

Saya hanya akan memberikan penjelasan yang ada hubung kait rapat dengan periwayatan sahaja atau yang popular dalam periwayatan sahaja atau yang penting untuk pemula sahaja atau yang ada kaitan dengan buku yang sentiasa berulang penyebutannya.

Selebihnya perlu dirujuk atau dipelajari dari kitabnya.

Dalam periwayatan, mesti akan ada orang yang meriwayatkan suatu riwayat dan orang yang menerima riwayat.

Orang yang meriwayatkan dipanggil dengan *ar-Rōwī* (الرَّاوِي), iaitu perawi. Namun, sebutan ini kadangkala diganti dengan penyebutan lain seperti *al-Musnid* (الْمُسْنِد) dan *al-Mujīz* (الْمُجِيز), iaitu pengijazah -definisi ijazah akan diterangkan kemudian-.

Cuma, kadangkala dibezakan antara kedua-duanya. Semua musnid adalah pengijazah, tetapi bukan semua pengijazah adalah musnid kerana musnid adalah orang yang memiliki

ijazah riwayat dari seseorang yang lain dan memiliki sanad yang bersambung untuk suatu riwayat walaupun dia tidak memiliki apa-apa karya penulisan, manakala pengijazah kadangkala tidak memiliki apa-apa ijazah riwayat dari seseorang lain atau sanad yang bersambung, tetapi ada karya penulisannya yang boleh dia memberikan ijazah riwayat kepada sesiapa yang dia mahu.

Kadangkala apabila disebutkan pengijazah, maka ia juga merujuk kepada musnid bersamaan kerana musnid juga ada yang mengijazahkan riwayat. Oleh itu, boleh lihat konteks masing-masing ketika disebutkan, khususnya jika seseorang itu dikenali tiada memiliki ijazah riwayat atau sanad yang bersambung kepada mana-mana riwayat, tetapi ada terlibat dengan pengijazahan, maka dipanggil pengijazah.

Kadangkala, perawi juga dipanggil dengan *ašh-Šhaykẖ* (الشَّيْخ). Ia adalah sesiapa sahaja yang kita ambil riwayat daripadanya sekalipun orang itu lebih muda usianya daripada kita dan sekalipun dia adalah orang awam yang bukan dari kalangan ulama.

Kadangkala ditambah penyandangan dengan shaykh riwayat atau shaykh ijazah. Shaykh atau shaykh riwayat atau shaykh ijazah merangkumi musnid dan pengijazah atau pengijazah sahaja tanpa musnid mengikut konteks sepertimana yang disebutkan.

Kadangkala, lafaz shaykh semata-mata lebih umum dari semua ini kerana shaykh juga merangkumi orang yang kita ingin ambil riwayat daripadanya, tetapi dia tidak pernah ada niat untuk meriwayatkan karyanya atau karya orang lain yang dia memiliki riwayat untuknya yang mana apabila kita

mendengar pembacaan dari lafaz shaykh sendiri atau mendengar pembacaannya dari orang lain atau kita membaca karyanya kepadanya, shaykh tersebut tidak berniat untuk menjadikannya riwayat atau tidak meredhai ia dijadikan sebagai riwayat.

Namun, sekalipun shaykh itu tidak berniat untuk meriwayatkan kitab itu atau mengijazahkannya, penerimaan riwayat seseorang yang mendengar pembacaan shaykh atau seseorang membacanya kepada shaykh atau mendengar bacaan kepadanya, riwayat sebegini tetap sah dengan syarat ketika meriwayatkan, dia memberitahu kadar yang dia baca atau kadar dia dengar sekalipun shaykh tiada niat untuk dijadikan riwayat dan ijazah, bahkan sekalipun shaykh tersebut tidak redha untuk menjadikannya sebagai riwayat atau mengingkari bahawa shaykh memiliki riwayat kitab itu atau memiliki kitab yang dibacakan walaupun pada hakikatnya dia memilikinya.

Oleh itu, boleh dikatakan juga shaykh atau shaykh riwayat pada istilah ini adalah merangkumi shaykh yang semata-mata kita ingin ambil riwayat sekalipun shaykh tidak pernah berniat untuk menjadikan kitabnya atau kitab orang lain yang dia memiliki riwayat yang dia membacanya dengan lafaznya atau orang lain yang membaca kepadanya dan kita mendengarnya atau yang kita membaca kepadanya sebagai riwayat atau meredhainya sebagai riwayat.

Orang yang menerima riwayat pula kadangkala dipanggil *al-Mujāz* (الْمُجَاز), tetapi biasanya apabila seseorang itu memiliki ijazah riwayat dari orang yang dia ambil meskipun ijazah *kẖōṣṣoh* (خَاصَّة) –akan diterangkan konsep ini nanti– untuk

satu kitab sahaja. Jika tiada, tidak akan dipanggil dengan mujaz.

Setiap periwayatan pula ada cara perolehan riwayat. Kadangkala, ia didapatkan dengan mendengar bacaan shaykh atau orang lain kepada shaykh. Maka, kita akan menyebutnya sebagai *as-Samāᶜ* (السَّمَاع). Karya penulisan sama ada kitab atau nazam yang kita mendengar bacaannya dipanggil dengan *al-Masmūᶜ* (الْمَسْمُوع) jika merujuk kepada satu kitab dan *al-Masmūᶜ āt* (الْمَسْمُوعَات) jika merujuk kitab yang banyak.

Kadangkala, ia didapatkan dengan seseorang yang ingin mengambil riwayat membaca pada shaykh yang ingin diambil riwayat. Maka, kita akan menyebutnya sebagai *al-Qirōᶜah* (الْقِرَاءَة). Karya penulisan sama ada kitab atau nazam yang dia membacakannya pada shaykh dipanggil *al-Maqrūᶜ* (الْمَقْرُوء) jika merujuk kepada satu kitab atau *al-Maqrūᶜāt* (الْمَقْرُوءَات) jika merujuk kepada kitab yang banyak. Kadangkala, istilah ini juga digunakan untuk kita mendengar bacaan orang lain yang sama-sama ingin mengambil riwayat dari shaykh.

Kadangkala, ia didapatkan dengan beberapa format yang lain yang akan diterangkan kemudian pada *Siyaġh at-Taḥammul* dan *Siyāġh al-Adāᶜ*.

Setelah selesai riwayat dengan *qiroᶜah* atau *samāᶜ*, akan ada rekod tentang kitab yang dibacakan atau didengarkan bacaan, kadar bacaan atau dengar bacaan, nama kehadiran, tarikh majlis periwayatan dan lain-lain. Kadangkala, mungkin hanya

diisikan rekod tarikh majlis dan kadar bacaan atau dengar bacaan sahaja. Apa yang ingin direkodkan adalah bergantung kepada kehendak orang yang merekod.

Ini dipanggil dengan *Ṭobaqoh al-Majlis* (طَبَقَة الْمَجْلِس) jika majlis hanya berlangsung dengan satu sesi atau *Ṭibāq al-Majlis* (طِبَاق الْمَجْلِس) jika majlis berlangsung lebih dari dua majlis.

Kita boleh memanggilnya sebagai dokumentasi majlis.

Biasanya dokumentasi ini dicatat di hujung kitab sepertimana yang kita boleh lihat di hujung kitab «*Jawāmiᶜ al-Kalim aṭ-Ṭoyyib*» karya Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah, khususnya di manuskripnya atau di hujung sebahagian kitab Ibn al-Mibrod.

Kadangkala dokumentasi majlis ini direkodkan di hujung kitab yang bukan karangannya, tetapi di hujung kitab orang lain dalam menunjukkan bahawa majlis riwayat diadakan dengan bacaan kitab tersebut seperti sebahagian kitab orang lain yang ditahqiq oleh ašh-Šhaykẖ Niẓōm Yaᶜqūbiyy dan disebutkan di hujung kitab yang ditahqiq selepas selesai pentahqiq bahawa dia mengadakan majlis riwayat untuknya.

Kadangkala dokumentasi majlis ini juga boleh direkodkan di hujung kitab terjemahan seperti saya secara peribadi apabila mengadakan majlis riwayat untuk kitab yang diterjemahkan, lalu apabila selesai, saya menuliskan dokumentasi majlis di hujung kitab.

Untuk masa sekarang, dokumentasi majlis bukan lagi di hujung kitab, lebih-lebih lagi jika majlis itu diadakan dalam talian. Ia sudah ditulis secara berasingan seperti dalam format

sijil yang dihantar dalam hantaran media sosial atau ke emel masing-masing.

Apabila ada periwayatan, semestinya akan ada sambungan kita dengan sumber pengambilan riwayat kita atau sambungan orang lain dengan sumber pengambilan riwayatnya. Sambungan ini dipanggil dengan a*s-Sanad* (السَّنَد) atau *al-Isnād* (الْإِسْنَاد). Sambungan ini kadangkala hanya dua orang sahaja seperti kita dan shaykh. Kadangkala, boleh tiga orang seperti kita dengan shaykh yang bersambung kepada shaykh kepada shaykh kita. Kadangkala, boleh lebih dari itu.

Apabila dalam sanad itu ada sifat tertentu yang konsisten dari kita yang mendapat riwayat atau yang ingin meriwayatkan suatu riwayat sehingga hujung sanad seperti semua perawi dalam sanad itu adalah yang bernama Muḥammad. Maka, ini dipanggil dengan *al-Musalsal* (الْمُسَلْسَل).

Kadangkala, sanad kita untuk sampai kepada sesuatu riwayat hanya perlu kepada sedikit perawi sahaja dan kadangkala wujud ramai perawi. Ini termasuk dalam perbahasan *al-ᶜUluww* (الْعُلُوّ) dan *an-Nuzūl* (النُّزُول) yang akan dibincangkan nanti.

Apabila adanya sanad, maka peringkat periwayatan untuk setiap orang tidak sama. Sudah tentu peringkat riwayat kita dengan shaykh tidak sama sepertimana peringkat periwayatan Sahabat رضي الله عنهم أجمعين tidak sama dengan peringkat periwayatam tabiin kerana peringkat Sahabat رضي الله عنهم

أجمعين adalah satu peringkat dan peringkat tabiin adalah satu peringkat yang lain. Peringkat Sahabat رضي الله عنهم أجمعين adalah di atas tabiin kerana mereka meriwayatkan terus daripada Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم, manakala tabiin pula mengambil daripada para Sahabat رضي الله عنهم أجمعين. Peringkat periwayatan ini dipanggil dengan *Ṭobaqoh ar-Ruwāh* (طَبَقَة الرُّوَاة).

Sekarang, kita masuk kepada perincian istilah ini supaya faham apa yang dimaksudkan ketika berkecimpung dalam periwayatan.

- ***Ṣiyaġh at-Taḥammul*** **(صِيَغ التَّحَمّلِ) dan *Siyaġh al-Adāᵉ* (صِيَغ الْأَدَاءِ)**

Ṣiyaġh at-Taḥammul adalah format seseorang perawi menerima suatu riwayat dari perawi lain yang kini dipanggil musnid atau pengijazah atau shaykh riwayat. *Siyaġh al-Adāᵉ* pula adalah format seseorang perawi, iaitu yang sekarang dipanggil musnid atau pengijazah atau shaykh riwayat menyampaikan periwayatan.

Beberapa format tersebut adalah:

1. *At-Taḥdīṯs* (التَّحْدِيث)

At-Taḥdīṯs (التَّحْدِيث) format penerimaan riwayat yang mana shaykh membacakan sendiri apa-apa sahaja yang berkaitan dengan hasil penulisan dirinya atau orang yang lain yang dia memiliki riwayat untuknya.

Apabila seseorang ingin menyampaikan riwayat dengan penerimaan sebegini, istilah yang digunakan adalah "حَدَّثَنَا" jika lebih seorang yang ada di majlis atau "حَدَّثَنِي" jika seorang sahaja.

Contohnya adalah saya menerima pembacaan kitab «*al-Arbaᶜūn al-Kẖiyār Min Jawāmiᶜ al-Akẖbār*» dari penulisnya sendiri. Maka, format yang saya boleh guna adalah: " حَدَّثَنَا بِهَا الْمُؤَلِّفُ".

Boleh juga dengan format periwayatan yang semakna dengannya seperti: "قَرَأَ عَلَيْنَا هَذَا الْكِتَابَ" atau " أَرْوِي هَذَا الْكِتَابَ عَنِ الْمُؤَلِّفِ قِرَاءةً مِنْهُ".

2. *Al-ᶜArḍ* (الْعَرْض)

Al-ᶜArḍ (الْعَرْض) adalah format penerimaan yang mana ia shaykh tidak membacakan karyanya atau karya orang lain yang dia memiliki riwayat untuknya, tetapi ia adalah shaykh mendengar pembacaan dari orang lain kepadanya sama ada kita sendiri yang membacakannya kepadanya atau kita mendengar pembacaan orang lain kepadanya.

Apabila seseorang ingin menyampaikan riwayat dengan penerimaan sebegini, format yang digunakan ketika penyampaian adalah "أَخْبَرَنَا" jika lebih seorang yang ada di majlis atau "أَخْبَرَنِي" jika seorang sahaja yang ada.

Contohnya adalah saya mendengar pembacaan kitab «*al-Arbaᶜūn al-Asadiyyah Fī Sīroh Kẖoyr al-Bariyyah*». Maka, format yang saya boleh guna adalah: "أَخْبَرَنَا بِهَا الْمُؤَلِّفُ".

Boleh juga dengan format periwayatan yang semakan dengannya seperti: "قُرِئَ هَذَا الْكِتَابُ عَلَى الْمُؤَلِّفِ وَأَنَا أَسْمَعُ" atau "أَرْوِي هَذَا الْكِتَابَ عَنِ الْمُؤَلِّفِ سَمَاعًا".

Jika kitab yang saya baca sendiri kepada pengijazah seperti pembacaan saya untuk kitab «*al-ᶜAqīdah al-Madīniyyah*» kepada penulisnya, saya boleh menggunakan format yang semakna dengannya seperti: " أَرْوِي هَذَا الْكِتَابَ عَنِ الْمُؤَلِّفِ قِرَاءَةً عَلَيْهِ" atau "قَرَأْتُهُ عَلَى الْمُؤَلِّفِ".

Jika seseorang mendengar pembacaan kitab dari penulis asalnya secara curi di majlis tertutup yang tidak menjemputnya, maka riwayat kitab itu tetap sah sekalipun penulis tidak meredhai dia meriwayatkannya. Ini sepertimana yang disebutkan oleh al-Ḥāfiẓ as-Sakẖōwiyy dalam «*al-Ġhōyah Fī Šharḥ al-Hidāyah Fī ᶜIlm ar-Riwāyah*». Beliau berkata:

إِذَا قَالَ الشَّيْخُ لِلطَّالِبِ بَعْدَ مَا سَمِعَ مِنْهُ حَدِيثا أَو كِتَابًا "[رَجَعْتُ أَوْ مَنَعْتُ] عَنْ إِخْبَارِكَ بِهِ" وَنَحْوَ ذَلِكَ وَكَذَا إِذَا قَالَ: "مَنَعْتُكَ مِنَ الرِّوَايَةِ عَنِّي أَوْ لَا تَرْوِ عَنِّي"، فَهَذَا لَا يَضُرُّ وَلَا يَمْتَنِعُ لأَجْلِه مِنَ الرِّوَايَةِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مُسْتَنِدًا إِلَى أَنَّهُ أَخْطَأَ فِي مَا حَدَّثَ بِهِ أَوْ شَكَّ فِي سَمَاعِهِ وَنَحْو ذَلِك. فَلَيْسَ لَهُ أَنْ يَرْوِيهِ عَنْهُ وَالْحَالَةُ هَذِهِ. وَكَذَا لَوْ خَصَّ بِالسَّمَاعِ غَيْرُهُمْ قَوْمًا فَسَمِعَ مِنْهُمْ بِغَيْرِ عِلْمِ الشَّيْخِ جَازَتْ لَهُ الرِّوَايَةُ عَنْهُ. وَلَوْ قَالَ: "أُخْبِرُكُمْ وَلَا أُخْبِرُ فُلَانًا"، لَمْ يَضُرَّ. قَالَهُ الْأُسْتَاذُ أَبُو إِسْحَاقَ.

“Apabila shaykh berkata kepada penuntut setelah apa yang dia dengar suatu hadis atau suatu kitab daripadanya: "Aku menarik balik" atau "Aku menegah" dari engkau mengkhabarkan dengannya dan seumpama itu dan sebegitu juga apabila dia berkata: "Aku menegah engkau dari meriwayatkan dariku" atau "Jangan meriwayatkan dariku", maka tiada mudarat dan tidak tertegah dari meriwayatkannya kerananya melainkan adanya sandaran kepada kesalahan dalam penyampaian dengannya atau syak pada dengarnya dan seumpama itu. Maka, tidak ada hak untuknya meriwayatkannya daripadanya dalam keadaan kondisinya adalah itu.

Sedemikian juga kalau selain mereka mengkhususkan dengar untuk suatu kaum, lalu dia mendengar bersama mereka tanpa pengetahuan shaykh, maka harus untuknya meriwayatkan daripadanya. Kalau dia berkata: "Aku telah mengkhabarkan kepada kalian, tetapi aku tidak

mengkhabarkan kepada si fulan", maka tiada mudarat. Abū Isḥāq berpendapat dengannya”.

Faedah: Jika seseorang sudah membacakan suatu kitab kepada shaykh atau seseorang mendengar pembacaannya sama ada dari dari lafaz shaykh sendiri atau orang lain yang membaca kepada shaykh sama ada kitab itu milik shaykh atau kitab orang lain yang shaykh memiliki riwayat untuknya, sedangkan shaykh tidak berniat untuk menjadikannya riwayat atau shaykh tidak meredhainya untuk dijadikan riwayat, maka seseorang tetap boleh meriwayatkannya.

Sebegitu juga boleh meriwayatkan walaupun shaykh mengingkari adanya periwayatannya dari seseorang shaykh yang lain atau mengingkari kitab itu adalah kitab miliknya, sedangkan sememangnya shaykh memilikinya sama ada melalui perkhabaran orang yang terpercaya atau ada dalam rekod yang tertulis dari institusi rasmi atau seumpamanya kecuali jika shaykh membuang dan meninggalkan riwayat dari shaykh yang dia pernah terima atau membuang dan meninggalkan kitab yang pernah dia tulis.

Sebegitu juga boleh meriwayatkan jika shaykh mengenakan syarat, tetapi seseorang tidak menunaikan syarat tersebut seperti seseorang telah mendengar pembacaan kitab dari shaykh, lalu shaykh berkata bahawa sesiapa yang ingin meriwayatkan kitab ini daripadanya, perlu membayar harga tertentu. Boleh sahaja meriwayatkan walaupun tidak ditunaikan syaratnya.

Ini menepati apa yang telah disebutkan Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ:

نَضَّرَ اللَّهُ امرَءًا سَمِعَ مَقَالَتِي فَأَدَّاهَا كَمَا سَمِعَهَا

“Semoga Allah mengindahkan wajah seseorang yang mendengar kata-kata, lalu dia menyampaikannya sepertimana dia mendengarnya”.

Melainkan jika terdapat maslahat yang tidak boleh membolehkan seseorang untuk menyebarkan seperti ada kandungan yang ada unsur umpatan, membuka aib peribadi dan adu domba dan kitab itu pula tidak terkenal kecuali kitab yang masyhur yang telah dicetak dan diwarisi.

Semua situasi ini dibolehkan untuk meriwayatkan dengan syarat mengikut kadar yang dia baca atau dengar bacaan. Jika seseorang itu membaca atau mendengar secara penuh, maka silalah riwayat dengan berkata bahawa dia membaca atau mendengar secara penuh dari shaykh. Jika tidak penuh, maka dia menyampaikan setakat apa yang dia dengar.

Cuma, perbahasan tentang sah periwayatan dengan dosa atau pahala atau keberkatan adalah dua perkara yang berbeza. Mohon diperhalusi dan dibezakan dengan baik-baik.

Tanbih: Untuk zaman periwayatan, format penggunaan "حَدَّثَنَا" adalah apabila seseorang mendengar penuh pembacaan dari pengijazah. Sebegitu juga format "أَخْبَرَنَا" untuk seseorang yang membaca kitab sebagai contoh secara penuh atau mendengar bacaan kitab secara penuh.

Jika seseorang tidak membaca penuh atau mendengar penuh, tetapi ingin menyampaikan riwayat dengan format ini perlu ada ikatan untuk menjelaskan kadarnya sebagai amanah dalam periwayatan.

Contohnya, jika seseorang shaykh riwayat hanya membaca separuh kitab sahaja dalam periwayatan, maka apabila kita ingin meriwayatkan daripadanya, kita akan menyebutkan: "حَدَّثَنَا الشَّيْخُ فُلَانٌ بِنِصْفِ الْكِتَابِ". Sebegitu juga selebihnya dan seterusnya. Jika ada iringan ijazah, maka boleh ditambah dengan lafaz: "وَإِجَازَةٌ" seperti: "حَدَّثَنَا الشَّيْخُ فُلَانٌ بِنِصْفِ الْكِتَابِ وَإِجَازَةً لِبَاقِيهِ" atau seumapama dengannya.

3. *Al-Ijāzah* (الإِجَازَة)

Al-Ijāzah adalah penerimaan periwayatan atas jalan kebenaran shaykh kepada mujaz untuk meriwayatkan daripadanya dengan menghubungkan nama mujaz dengan nama pengijazah dalam silsilah sanad.

Fungsi ijazah dilihat pada beberapa aspek. Pertama, ia adalah untuk mujaz menghubungkan namanya dengan shaykh

pengijazah dalam silsilah sanad tanpa perlu bacaan walau sepatah huruf dari kitab atau syair dari sesiapa pun. Tidak seperti sebelum ini yang memerlukan bacaan atau dengar bacaan.

Jika mujaz ingin meriwayatkan dengan penerimaan format sebegini, maka lafaz yang digunakan adalah "أَجَازَنِي" jika pengijazah mengijazahkan spesifik kepada kita seorang sahaja atau "أَجَازَنَا" jika pengijazah mengijazahkan kepada kita dan orang lain yang menerima bersama. Sebegitu juga dengan lafaz "أَنْبَأَنَا" atau "أَنْبَأَنِي". Kadangkala juga digunakan "أَخْبَرَنَا" atau "أَخْبَرَنِي" dengan ikatan ijazah seperti "أَخْبَرَنَا الشَّيْخُ إِجَازَةً".

Contohnya adalah penulis kitab «*Qowāᶜid an-Naḥw Wa Amṯsilah Jumalihā Wa Iᶜrōbihā*» mengijazahkan saya kitab ini tanpa saya membacanya kepadanya atau mendengar bacaan kepadanya. Maka, saya boleh menyebutkan: "أَجَازَنَا بِهَا الْمُؤَلِّف" atau "أَخْبَرَنَا بِهَا الْمُؤَلِّفُ إِجَازَةً".

Kadangkala, format yang digunakan untuk pengijazahan secara mutlak adalah dengan "عَنْ". Maksudnnya, saya sebagai contoh jika ingin meriwayatkan kitab ini, saya boleh berkata: "أَرْوِي هَذَا الْكِتَابَ عَنِ الْمُؤَلِّفِ".

Kadangkala, boleh juga digunakan format ini dengan tambahan lafaz yang menunjukkan keizinan seperti "إِذْنًا" untuk

mengindikasikan wujudnya ijazah secara mutlak. Maka, saya boleh meriwayatkan kitab tadi dengan berkata: " أَرْوِي هَذَا الْكِتَابَ عَنِ الْمُؤَلِّفِ إِذْنًا".

Kedua, ia sebagai menampung kepada apa yang luput dan kecacatan yang berlaku ketika seseorang dalam majlis periwayatan. Contohnya adalah penerima riwayat mungkin tidak mendengar penuh bagi pembacaan suatu kitab kerana terlewat hadir atau tertidur atau ada gangguan internet atau apa-apa sahaja faktor yang sengaja atau tidak sengaja yang seseorang penerima riwayat tidak mendengar penuh bacaan kitab.

Jika seseorang ingin meriwayatkan dengan dua format di atas tadi, ia perlulah baca kitab secara penuh atau dengar bacaan secara penuh supaya dapat menghubungkan namanya dengan shaykh riwayat dalam silsilah sanad. Akan tetapi, jika tidak mendengar penuh atau tidak dibacakan penuh, barangkali seseorang terhalang untuk meriwayatkan suatu kitab secara penuh kerana berlakunya luput atau kecacatan.

Oleh itu, perakuan ijazah dari shaykh pengijazah adalah supaya seseorang boleh meriwayatkan kitab ini meskipun wujudnya luput dan kekurangan. Inilah yang dimaksudkan ijazah itu menampung.

Akan tetapi, seseorang tidak boleh guna dua format yang di atas tanpa ikatan kerana dia tidak mendengar bacaan penuh atau tidak membaca penuh pada pengijazah. Maka, format yang perlu digunakan perlu lebih teliti.

Contohnya adalah jika seseorang hanya sempat mendengar separuh kitab dan mendapat perakuan ijazah dari pengijazah sama ada dengan lisan, khususnya di akhir majlis atau bertulis, maka seseorang boleh memperincikan pada format penyampaiannya: "أَخْبَرَنَا الشَّيْخُ سَمَاعًا لِنِصْفِ الْكِتَابِ وَإِجَازَةً لِبَاقِيهِ" atau semakna dengannya.

Ketiga, ia juga menampung kepada apa yang berbaki yang tidak dibacakan. Ini kerana bukan semua kitab dibacakan secara penuh. Contohnya adalah Badruddīn Abū ᶜAbdullāh Muḥammad bin Šharofuddīn Maḥmūd bin Ismāᶜīl hanya mendengar beberapa fasal awal dari kitab «*Jawāmiᶜ al-Kalim aṭ-Ṭoyyib*» kepada pengarangnya Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah.

Kitab ini tidak dibacakan kepada Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah secara penuh. Pada asalnya, wujud halangan untuk meriwayatkan kitab ini secara penuh kerana tidak mendengar bacaan secara penuh. Akan tetapi, beliau memberikan ijazah *ᶜāmmah* yang mana ia adalah menampung yang berbaki yang tidak dibacakan dan kitabnya boleh diriwayatkan dalam silsilah sanad.

Akan tetapi, apabila seseorang tidak mendengar bacaan penuh dan ingin meriwayatkannya, maka boleh menggunakan format penyampaian yang sebelumnya. Jika ingin menggunakan yang semakna dengannya, boleh disebutkan: "سَمِعْتُ فُصُولًا مِنْ أَوَّلِ الْكِتَابِ عَلَى مُؤَلِّفِهِ وَأَجَازَنِي بِبَاقِيهِ".

Tentang ijazah *ᶜāmmah* dan *kẖōṣṣoh* pula akan dibahaskan pada bab khas yang berkaitan dengannya.

Keempat, memandangkan boleh jadi satu kitab memiliki lafaz yang berbeza pada manuskrip, cetakan dan tahqiq yang berbeza. Walaupun seseorang membaca atau mendengar pembacaan suatu kitab dengan suatu cetakan atau manuskrip atau tahqiq kepada shaykh, sememangnya dia tidak membacakan beberapa lafaz yang ada pada cetakan atau manuskrip atau tahqiq yang lain atau tidak membacakan beberapa lafaz yang berbeza yang ada pada yang lain.

Oleh itu, dengan adanya ijazah, dia boleh meriwayatkan kitab itu dengan mana-mana edisi dengan berkata bahawa dia membaca atau mendengar pembacaan edisi kitab yang dibacakan atau yang dia dengar itu kepada shaykh bersama ijazah yang menampung apa yang menjadi perbezaan dari cetakan atau manuskrip yang lain.

Kelima, walaupun kita membaca secara penuh satu kitab dari penulis asalnya atau mendengar secara penuh, boleh jadi penulis mungkin pada masa akan datang menyunting dengan membuat tambahan lafaz atau mengubah olahan atau mengurangi beberapa lafaz sehingga edisi yang seterusnya akan ada beberapa perbezaan dengan kitab yang dibacakan sebelum ini.

Oleh itu, pada asalnya, seseorang hanya meriwayatkan dengan apa yang dia baca dan apa yang dia dengar yang mana dia tidak boleh meriwayatkan edisi kitab yang baru dan mengatakan bahawa kitab edisi baru itu adalah termasuk *masmūᶜ* atau *maqruᶜ* baginya. Namun, dengan adanya ijazah, dia tetap boleh meriwayatkan edisi yang baru dengan berkata bahawa dia telah membaca atau mendengar bacaan edisi kitab yang dijadikan bacaan kepada penulis bersama ijazah yang menampung untuk edisi kitab baru yang berbeza pada lafaz.

Untuk yang berkaitan dengan ijazah, ada beberapa isu yang berbangkit. Pertama, jika seseorang mendengar pembacaan kitab kepada shaykh sama ada kitabnya atau kitab orang lain yang dia memiliki riwayat untuknya secara penuh atau membaca penuh kepadanya, maka lafaz ijazah tidak diperlukan dan sah untuk meriwayatkannya sekalipun tiada ijazah riwayat daripadanya.

Jika seseorang membaca kitab kepada shaykh sama ada kitabnya atau kitab orang lain yang dia memiliki riwayat untuknya atau mendengar pembacaannya kepadanya tanpa secara penuh, lalu shaykh berkata bahawa dia hanya mengijazahkan sekadar apa yang dibacakan atau yang didengari, maka ini adalah lafaz sia-sia yang tiada makna kerana sudah dimaklumi dalam ilmu hadis dan periwayatan bahawa ijazah adalah menampung apa yang tidak dibaca atau luput. Lafaz yang menterbalikkan hakikat tidak diamalkan.

Kedua, ijazah yang telah diberikan kepada seseorang tidak boleh ditarik balik dan tidak ada mudarat penerima ijazah itu meriwayatkan daripadanya sekalipun pengijazah tidak meredhainya kecuali kalau didapati tersilap atau memiliki syak atau seumpama dengannya. Ini sepertimana yang disebutkan al-Ḥāfiẓ as-Sakẖōwiyy dalam «*al-Ġhōyah Fī Šharḥ al-Hidāyah Fī ᶜIlm ar-Riwāyah*» pada nukilan yang telah disebutkan sebelum ini.

4. *Al-Munāwalah* (الْمُنَاوَلَة)

Al-Munāwalah adalah penerimaan periwayatan atas jalan penyerahan kitab sama ada kitab karangannya sendiri atau kitab karangan orang lain atau kitab yang mengandungi riwayatnya atau kitab yang menganduni riwayat orang lain atas tujuan

memberikan kebenaran kepada penerima serahan untuk meriwayatkan daripadanya.

Periwayatan secara *al-Munāwalah* yang mana ada tujuan untuk penyambungan namanya dengan penyerah kitab dalam silsilah sanad hanya sah jika ada iringan dengan ijazah.

Jika sekadar ingin menyebutkan bahawa kitab yang diterima adalah sumber maklumat yang dia ambil, maka tidak ada masalah untuk menyampaikan atas dasar memberitahu sumber ambilan, bukan periwayatan. Contohnya adalah bahawa seseorang berkata: "Saya mendapat maklumat tentang periwayatan shaykh fulan dari fulan melalui kitab karangannya yang dia menyerahkannya kepada saya", maka ini bukan periwayatan, tetapi penyebutan sumber.

Jika seseorang ingin meriwayatkan suatu kitab sebagai contoh dari format penerimaan ini, maka format penyampaian boleh menggunakan: "نَاوَلَنِي" jika penyerahan kitab itu kepada kita seorang sahaja atau "نَاوَلَنَا" jika penyertahan kitab itu kepada kita dan orang lain.

Contohnya adalah seseorang pengijazah menyerahkan kitab kepada mujaz dan berkata bahawa dia mengizinkan periwayatan kitab ini melaluinya atau mengijazahkannya kepadanya. Maka, apabila seseorang ingin meriwayatkannya, dia boleh berkata: "نَاوَلَنِي الشَّيْخُ هَذَا الْكِتَابَ".

Boleh juga meriwayatkan dengan "عَنْ" dengan tambahan ikatan "مُنَاوَلَةً" sebagai penegasan bahawa periwayatan yang dia

dapat adalah melalui *al-Munāwalah* seperti seseorang berkata: "أَرْوِي هَذَا الْكِتَابَ عَنِ الْمُؤَلِّفِ مُنَاوَلَةً".

5. *Al-Kitābah* (الْكِتَابَة)

Al-Kitābah adalah penerimaan periwayatan atas jalan persuratan seseorang yang menulis tentang riwayatnya atau riwayat orang lain kepada penerima.

Periwayatan secara *al-Kitābah* yang mana ada tujuan untuk penyambungan namanya dengan penyerah kitab dalam silsilah sanad hanya sah jika ada iringan dengan ijazah.

Jika ingin menyebutkan bahawa surat yang diterima adalah sumber maklumat yang dia ambil, maka tidak ada masalah untuk menyampaikan atas dasar memberitahu sumber ambilan, bukan periwayatan. Contohnya adalah jika seseorang berkata: "Saya mendapat maklumat bahawa shaykh fulan meriwayatkan daripada shaykh fulan melalui surat yang dihantar kepada saya", maka, ini bukan sama sekali periwayatan, tetapi ini adalah penyebutan sumber.

Jika seseorang ingin meriwayatkan suatu riwayat sebagai contoh dari format penerimaan ini, maka format penyamapaian boleh menggunakan: "كَتَبَ إِلَيَّ" jika penerima surat adalah kita seorang sahaja atau "كَتَبَ إِلَيْنَا" jika penerima surat adalah kita dan orang lain.

Contohnya adalah seseorang pengijazah menulis sanad riwayat suatu kitab kepada mujaz dan berkata bahawa dia mengizinkan periwayatan kitab ini melaluinya atau

mengijazahkannya kepadanya. Maka, apabila seseorang ingin meriwayatkannya, dia boleh berkata: "كَتَبَ إِلَيَّ الشَّيْخُ".

Boleh juga meriwayatkan dengan "عَنْ" dengan tambahan ikatan "كِتَابَةً" sebagai penegasan bahawa periwayatan yang dia dapat adalah melalui *al-Kitābah* seperti seseorang berkata: "أَرْوِي هَذَا الْكِتَابَ عَنِ الْمُؤَلِّفِ كِتَابَةً".

Jika ada unsur saling membalas antara kedua-dua pihak, maka ia akan dipanggil *al-Mukātabah* (الْمُكَاتَبَة) seperti seseorang menulis surat kepada seseorang musnid untuk memohon pengijazahan riwayat suatu kitab kepadanya, lalu musnid itu membalasnya dan memperkenannya. Maka, boleh mujaz meriwayatkannya dengan format seperti: " أَرْوِي هَذَا الْكِتَابَ عَنْهُ مُكَاتَبَةً" atau "أَخْبَرَنِي بِهِ إِجَازَةً مُكَاتَبَةً".

> **Faedah**: Yang pertama adalah kitab yang paling bagus yang memperincikan tentang format penyampaian dalam setiap peringkat sanad periwayatan adalah «*al-Muᶜjam al-Mufahros Aw Tajrīd Asānīd al-Kutub al-Mašhhūroh Wa al-Ajzāᶜ al-Manṯsūroh*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy dan «*Fahrosah Ibn Kẖoyr al-Išhbīliyy*».
>
> Wajar seseorang yang ingin berkecimpung dalam periwayatan untuk menelaah kitab ini dalam memahami bagaimana format penyampaian riwayat digunakan. Bahkan, saya berpesan sebelum meriwayatkan apa-apa

kitab, kitab ini perlu ditelaah terlebih dahulu sebelum seseorang menjadi shaykh.

Antara kitab yang lain yang bagus untuk diteliti adalah «*Anšhāb al-Kuṯsub Fī Ansāb al-Kutub*» karya al-Ḥāfiẓ as-Suyūṭiyy, «*Ṯsabat Šhaykẖ al-Islām al-Qōḍī Zakariyyā Ibn Muḥammad al-Anṣōriyy*», «*Kanz ar-Ruwāh al-Majmūᶜ Min Duror al-Mujāz Wa Yawāqīt al-Masmūᶜ Aw Maqōlīd al-Asānīd*» karya Abū Mahdiyy ᶜĪsā bin Muḥammad aṯs-Ṯsaᶜālabiyy, «*Ṯsabat Šhamsuddīn al-Bābiliyy al-Musammā Bi Muntakẖob al-Asānīd Fī Waṣl al-Muṣonnafāt Wa al-Ajzāᶜ Wa al-Masānīd*» takhrij Abū Mahdiyy ᶜĪsā bin Muḥammad aṯs-Ṯsaᶜālabiyy, «*al-Imdād Fī Maᶜrifah ᶜUluww al-Isnād*» karya ᶜAbdullāh bin Sālim al-Baṣriy, «*Buġhyah aṭ-Ṭōlibīn Li Bayān al-Mašhāyikẖ al-Muḥaqqiqīn al-Muᶜtamadīn*» karya ash-Shihāb Aḥmad bin Muḥammad an-Nakẖliyy dan «*al-Imtāᶜ Bi Ḏzikr Baᶜḍ Kutub as-Samāᶜ*» karya ash-Shaykẖ ᶜAbdullāh bin Ṣōliḥ al-ᶜUbayd.

Boleh juga membaca takhrij ash-Shaykẖ Muḥammad Ziyād bin ᶜUmar at-Tuklah untuk beberapa masyayikh seperti kitab «*al-Kanz al-Farīd Fī Tarjamah al-ᶜAllāmah Muḥammad Muṭīᶜ al-Ḥāfiẓ Wa Aᶜmālih Wa Mā Lahu Min al-Ittiṣōlāt Wa al-Asānīd*» dan «*Nayl al-Amānī Bi Fahrosah Musnid al-ᶜAṣr ᶜAbd ar-Roḥmān Ibn ᶜAbd al-Ḥayy al-Kattāniyy*».

Malangnya adalah seni kehalusan dalam memelihara format periwayatan pada setiap peringkat sanad periwayatan ini sudah hilang zaman ini. Kesemua mereka dengan mudah hanya meletakkan "عَنْ" pada setiap

peringkat periwayatan kerana tidak ingin membebankan waktu atau apa-apa jua alasan lain.

Yang kedua adalah menurut al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy dalam «*Nuzhah an-Naẓor Fī Tawḍīḥ ari Nukẖbah al-Fikar ᶜAlā Muṣṭolaḥ Ahl al-Aṯsar*», martabat periwayatan yang paling kuat adalah *at-Taḥdīṯs*. Kemudian, *al-ᶜArḍ*. Walaupun begitu, dalam rujukan yang sama, disebutkan segolongan ramai yang antaranya adalah al-Imām al-Bukẖōriyy berpendapat bahawa kedua-duanya sama dari sudut kesahihan dan kekuatan. Kemudian, *al-Munāwalah*. Kemudian, ijazah dengan lisan. Kemudian, *al-Kitābah*.

Tinggi nilai periwayatan pada *at-Taḥdīṯs* dan *al-ᶜArḍ* sehingga al-Ḥafiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy menyatakan bahawa memperbanyakkan *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt* lebih utama daripada memperbanyakkan masyayikh. Beliau berkata:

وَيَكُونُ اعْتِنَاؤُهُ بِتَكْثِيرِ الْمَسْمُوعِ أَوْلَى مِنِ اعتِنَائِهِ بِتَكْثِيرِ الشُّيُوخِ

"Dan perhatiannya kepada memperbanyakkan *masmūᶜ* menjadi lebih utama daripada memperbanyakkan syuyukh". [*Nuzhah an-Naẓōr Fī Tawḍīḥ Nukẖbah al-Fikar Fī Muṣṭolaḥ Ahl al-Aṯsar*].

Melainkan jika seseorang boleh memperbanyakkan syuyukh dengan mempelbagaikan *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt* dari pelbagai syuyukh yang berbeza. Maka, ini diterima, bahkan antara jalan yang terbaik.

Bahkan, mendapatkan riwayat dengan *samāᶜ* atau *qirōᶜah* dengan sanad yang rendah lebih bernilai berbanding

riwayat dengan semata-mata ijazah dengan sanad yang tinggi selagimana sanad yang rendah itu tidak terlalu melampau.

Tanbih: Apabila kita menelaah kitab periwayatan, adakalanya periwayatan ditulis dengan "عَنْ" sahaja yang seakan-akan mengindikasikan bahawa periwayatan itu atas dasar ijazah semata-mata. Namun, apabila kita melakukan semakan silang atau rujukan lebih dalam atau mendapatkan kepastian daripada perawi itu sendiri, didapati bahawa dia sebenarnya meriwayatkan dengan format penyampaian disebutkan tadi.

Contohnya adalah seseorang yang ingin meriwayatkan «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» melalui jalur ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Roḥmān bin ᶜAbdul Ḥayy al-Kattāniyy daripada ayahnya hanya menuliskan "عَنْ" seperti: " عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ الْحَيِّ الْكَتَّانِيِّ، عَنْ وَالِدِهِ", padahal ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Roḥmān al-Kattāniyy mendengar pembacaan Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy kepada ayahnya atau membacanya sendiri kepada ayahnya berulangkali, bukan dengan ijazah semata-mata. Maka, yang sewajarnya ditulis dengan: "أَخْبَرَنَا وَالِدِي" sebagai contoh.

Namun, malang sekali bahawa orang semakin megnambil mudah pada perkara ini. Tidakkah dia tahu bahawa periwayatan secara *samāᶜ* atau *qirōᶜah* lebih kuat nilai periwayatannya berbanding periwayatan dengan ijazah

semata-mata? Sepatutnya dia menjaga nilai kekuatan ini dengan memelihara format periwayatan ini.

6. *Al-Wijādah* (الْوِجَادَة)

Al-Wijādah adalah mengambil riwayat seseorang lain bukan melalui majlis secara langsung bersamanya tanpa ada keizinan periwayatan daripadanya.

Contohnya adalah dia menemukan periwayatan orang itu di dalam bukunya atau dia menerima serahan kitab dari seseorang tanpa ada pengijazahan, lalu dia meriwayatkannya tanpa ada keizinan riwayat dari orang itu dan tanpa melalui apa-apa majlis pun bersamanya.

Sepakat ahli riwayat bahawa riwayat secara *al-Wijādah* yang mana ada tujuan untuk penyambungan namanya dengan penyerah kitab dalam silsilah sanad adalah tidak sah sama sekali. Ia seperti seseorang menemukan teks sanad dari seseorang dan dia terus meriwayatkannya tanpa apa-apa jalan dari yang sebelumnya yang dibincangkan.

Pun begitu, jika ingin menyebutkan sumber ambilan, maka tidak ada masalah menyebutnya seperti seseorang berkata: "Saya menemukan dalam nota fulan bahawa dia meriwayatkan daripada shaykh fulan". Maka, ini bukan periwayatan, tetapi menyebutkan sumber ambilan.

Akan tetapi, jika penulis kitab itu adalah lebih dari seorang dan ada seorang sahaja yang kita memiliki ijazah riwayat daripadanya, maka ahli riwayat memberikan kelonggaran untuk meriwayatkannya dengan syarat menyatakan bahawa

berlakunya periwayatan secara ijazah pada sebahagian dan *al-Wijādah* secara sebahagian.

Contohnya adalah kitab «*al-Balāġhoh al-Wāḍiḥah*» karya ašh-Šhaykẖ Muṣṭofā Amīn dan ašh-Šhaykẖ ᶜAliyy al-Jārim. Saya meriwayatkan kitab ini melalui ašh-Šhaykẖ ᶜAliyy bin Ṣōliḥ Ibrōhīm al-Azhariyy hanya memiliki ijazah riwayat daripada ašh-Šhaykẖ ᶜAliyy al-Jārim sahaja. Maka, apabila saya ingin meriwayatkan kitab ini, saya akan memperincikan perkara ini.

- ***Al-Musalsalāt* (الْمُسَلْسَلَات)**

Al-Musalsalāt adalah periwayatan yang mana setiap peringkat riwayat memiliki sifat yang sama.

Contohnya adalah periwayatan yang mana dalam setiap perawi dalam sanad itu hanya orang yang bernama Muḥammad sahaja. Sebegitu juga terdapat periwayatan sanad hadis yang mana setiap perawi padanya membaca surah tertentu jika ingin meriwayatkan hadis itu.

Sebegitu juga terdapat periwayatan sanad hadis yang setiap perawi padanya perlu menyampaikannya pada hari tertentu sahaja agar sah periwayatan hadis itu.

Cuma, perlu diingatkan bahawa kebanyakan *al-Musalsalāt*, khususnya hadis adalah dhaif, dhaif berat dan palsu. Oleh itu, seseorang perlu berjaga-jaga tentangnya.

Pada zaman ini, sebahagian periwayatan *al-Musalsalāt* yang sebahagian perawi tidak memiliki sifat yang sama seperti *al-Musalsal* dengan perawi yang bernama Muḥammad yang mana kita dapati bahawa ada sebahagian perawi tidak ada nama

Muḥammad pun sehingga menyebabkan ia terputus dan tidak sah dianggap riwayat *al-Musalsal*.

Akan tetapi, sikap longgar ini sudah dibiarkan dan setiap tajuk ketika meriwayatkan *al-Musalsal* ini akan disebutkan dengan *al-Musalsal Bi ad-Dimašhqiyyīn*[1] secara kebanyakannya.

- ***Al-ᶜUluww* (الْعُلُوّ) dan *an-Nuzūl* (النُّزُول)**

Al-ᶜUluww, iaitu tinggi adalah sanad yang mengandungi sedikit perawi untuk suatu hadis atau suatu kitab, manakala *an-Nuzūl*, iaitu rendah adalah sanad yang mengandungi lebih banyak perawi berbanding *al-ᶜUluww*.

Apa kaitan tinggi dengan sedikit perawi dan rendah dengan banyak perawi? Kita cuba fahami sepertimana tingkat untuk sampai ke puncak bukit. Semakin tinggi seseorang ke arah puncak bukit dan jauh dari permukaan, semakin sedikit tingkat seseorang untuk capai ke puncak bukit. Sebegitu juga semakin rendah seseorang dari puncak bukit dan dekat dengan permukaan, semakin banyak tingkat seseorang untuk capai ke puncak bukit.

Sanad boleh dikatakan tinggi atau rendah jika terdapat periwayatan sanad yang memiliki sanad tinggi atau sanad rendah untuk suatu riwayat yang sama.

Contohnya adalah riwayat saya kepada ash-Shaykẖ ᶜUmar bin Ḥamdān. Sanad tinggi saya adalah saya meriwayatkan terus daripada mereka yang pernah mendapat ijazah dari beliau seperti ash-Shaykẖ Muḥammad bin Abū Bakr al-Ḥibshiyy

[1] Rantaian periwayatan dari orang Damsyik atau pernah memasukinya atau lahir di situ atau meninggal di situ.

yang mana perantara saya dengan ash-Shaykẖ ᶜUmar bin Ḥamdān hanya seorang sahaja.

Sanad rendah saya adalah saya meriwayatkan melalui mereka yang meriwayatkan daripada ash-Shaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy sebagai contoh sebelum sampai ke riwayat ash-Shaykẖ ᶜUmar bin Ḥamdān yang mana perantara saya dengan beliau adalah dua orang.

Sanad yang tinggi adalah sanad yang disukai oleh muhadditsin. Namun, sebahagian orang meriwayatkan dengan sanad yang rendah jika sanad tersebut memiliki ciri yang istimewa seperti para perawinya adalah ramai dari kalangan para ulama yang soleh sebagai keberkatan atau sanad tersebut memiliki periwayatan tanpa ijazah semata-mata.

Contoh sanad riwayat tinggi saya kepada «*Manẓūmah Lā Ilāha IllAllāh*» karya ash-Shaykẖ Muḥammad bin al-Hāshimiyy at-Tilmisāniyy hanya perantara seorang sahaja, iaitu ash-Shaykẖ ᶜAbdul Mājid al-Ḥinnāwiyy. Akan tetapi, saya memilih periwayatan dengan sanad yang rendah dengan melalui ash-Shaykẖ Maḥmūd bin Nuᶜaym al-Ḥusayniyy al-Madaniyy yang mana beliau meriwayatkan daripada ash-Shaykẖ ᶜAbdul Mājid al-Ḥinnāwiyy disebabkan riwayat ini memiliki *al-Musalsal* dengan dengar atau pembacaan secara berirama dengan nada yang sama yang mana ia adalah *al-Musalsal* yang paling langka di dunia.

Antara istilah yang terkait dengan topik ini adalah *Riwāyah al-Akābir ᶜAn aṣ-Ṣoġhōᶜir* (رِوَايَة الْأَكَابِرِ عَنِ الصَّغَائِرِ). Ia adalah pengambilan riwayat seseorang yang lebih tinggi pada peringkat periwayatannya dari seseorang yang lebih rendah pada periwayatannya.

Antara contoh dalam ilmu hadis biasanya diberi dengan contoh pengambilan riwayat sahabat Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم daripada tabiin. Kebiasaannya tabiin yang akan mengambil riwayat daripada para Sahabat رضي الله عنهم أجمعين memandangkan para Sahabat رضي الله عنهم أجمعين lebih tinggi pada peringkat periwayatan berbanding tabiin. Namun, ada beberapa kes di mana beberapa orang Sahabat رضي الله عنهم أجمعين mengambil riwayat dari tabiin.

Praktik yang sama untuk peringkat seterusnya yang lebih bawah.

Antara istilah yang terkait dengan topik ini adalah istilah *al-Mudabbaj* (الْمُدَبَّج). Ia adalah dua orang atau lebih dalam satu peringkat periwayatan yang sama saling mengambil riwayat antara satu sama lain. Contohnya adalah sesama Sahabat رضي الله عنهم أجمعين saling mengambil dari sesama mereka seperti ᶜĀᶜišhah رضي الله عنها mengambil riwayat dari Abū Huroyroh رضي الله عنه dan Abū Huroyroh رضي الله عنه juga mengambil riwayat dari ᶜĀᶜišhah رضي الله عنها.

Tujuan *al-Mudabbaj* adalah kerana boleh jadi seseorang itu mempunyai riwayat yang tidak ada pada seseorang yang lain

yang dalam periwayatan yang sama dan orang lain itu pula pun ada riwayat yang tidak ada pada orang pertama. Oleh itu, saling meriwayatkan ini adalah saling melengkapkan antara satu sama lain yang masing-masing ada bahagian riwayat yang setiap dari seorang itu tiada dan masing-masing boleh meriwayatkan orang yang di peringkat periwayatan yang di atas melalui orang yang sama peringkat periwayatan dengannya supaya tidak terputus riwayat dan dapat diteruskan periwayatan sekalipun ia akan menjadi sanad yang rendah.

Antara istilah yang terkait dengan topik ini adalah *as-Sābiq Wa al-Lāḥiq* (السَّابِق وَاللَّاحِق). Ia adalah seseorang dari orang yang awal yang meriwayatkan dari seseorang shaykh −dan kita memanggilnya sebagai *as-Sābiq*− dan dari orang yang terakhir dari seseorang shaykh yang sama −dan kita memanggilnya sebagai *al-Lāḥiq*−. Biasanya beza tarikh kewafatan antara yang *as-Sābiq* dengan yang *al-Lāḥiq* mempunyai jurang yang besar.

Tujuannya adalah untuk menunjukkan bahawa riwayat untuk seorang shaykh itu adalah sangat tinggi kerana ada perawi daripadanya yang berusia panjang dan lewat kewafatannya.

Kita ambil contoh riwayat kepada ash-Shaykẖ Muḥammad Naḏzīr Ḥusayn ad-Dihlawiyy yang meninggal pada 1320 Hijrah. Antara orang yang terawal yang meriwayatkan daripadanya adalah anaknya, Ḥusayn yang meninggal dunia ketika ash-Shaykẖ masih hidup lagi. Manakala, orang yang terakhir yang meriwayatkan daripadanya ash-Shaykẖ Saʿīd ar-Roḥmān bin Laṭīf ar-Roḥmān al-Maẓhariyy al-Hindiyy yang meninggal dunia pada 1446 Hijrah. Kita dapat lihat jurang umur kewafatan antara kedua-duanya melebihi 100 tahun.

Maka, Ḥusayn, anak ašh-Šhaykẖ dipanggil *as-Sābiq* dan ašh-Šhaykẖ Saʿīd ar-Roḥmān dipanggil *al-Lāḥiq*.

Tujuannya adalah untuk menunjukkan bahawa riwayat kepada ašh-Šhaykẖ Naḏzīr ad-Dihlawiyy adalah tinggi disebabkan ada perawi yang hidup panjang dan lewat meninggal dunia sehingga saya sendiri mendapatkan riwayat kepada ašh-Šhaykẖ Naḏzīr dengan satu perantara sahaja, sedangkan untuk mendapatkan dengan dua perantara sahaja pun sudah sangat langka dan memperoleh melalui tiga perantara sudah tinggal sedikit.

Yang *al-Lāḥiq* dipanggil dengan *Mulḥiq al-Aḥfād Bi al-Ajdād* (مُلْحِق الْأَحْفَادِ بِالْأَجْدَادِ), iaitu orang yang menyusulkan cucu dengan datuk kerana usia perawi itu terlalu panjang sehingga orang yang di peringkat datuk dalam periwayatan disusulkan dalam zaman seorang cucu perawi dan cucu perawi itu pula dapat riwayat pada peringkat datuk yang melangkaui peringkat ayah.

Ini kerana kebiasaannya adalah perawi dari peringkat tabiin sebagai contoh akan meriwayatkan daripada Sahabat رضي الله عنهم أجمعين yang mana mereka meriwayatkan daripada Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم dan tabiʿ tabiin pula akan meriwayatkan daripada tabiin sebelum sampai kepada riwayat Sahabat رضي الله عنهم أجمعين. Ketika ini dapat dikatakan bahawa tabiʿ tabiin adalah peringkat cucu, para tabiin adalah peringkat ayah dan para Sahabat رضي الله عنهم أجمعين adalah peringkat

datuk. Akan tetapi, ada sebahagian Sahabat رضي الله عنهم أجمعين yang berusia panjang sehingga tabiᶜ tabiin pun dapat meriwayatkan daripada Sahabat itu رضي الله عنه secara langsung. Seolah-olah Sahabat رضي الله عنه yang berusia panjang itu menyusulkan para cucunya kepada datuknya kerana usia panjangnya telah menemui peringkat riwayat seorang cucu, lalu cucu itu terus mendapat riwayat dari peringkat datuk.

Sebegitu juga saya yang berada di peringkat cucu mendapat riwayat dari peringkat datuk, iaitu ašh-Šhaykẖ Saᶜīd ar-Roḥmān sehingga saya mendapat periwayatan ašh-Šhaykẖ Naḏzīr melalui satu perantara sahaja dengan melangkaui peringkat ayah seperti ašh-Šhaykẖ Karīmullāh Kẖōn bin Ḥaḍorot ad-Dihlawiyy yang meriwayatkan daripada ašh-Šhaykẖ Kifāyatullāh Kẖōn ad-Dihlawiyy dan dia pula meriwayatkan daripada ašh-Šhaykẖ Naḏzīr Ḥusayn.

Beginilah yang dimaksudkan dalam perbahasan *as-Sābiq Wa al-Lāḥiq*.

- **Konsep asas ijazah *kẖōṣṣoh* dan ijazah *ᶜāmmah***

Sebahagian yang baru sahaja melangkah ke tradisi riwayat dan ijazah mungkin pertama kali untuk kenal ijazah *kẖōṣṣoh* (خَاصَّة) dan *ᶜāmmah* (عَامَّة) yang disebut di akhir majlis riwayat atau dalam teks ijazah bertulis.

Ijazah *kẖōṣṣoh* adalah ijazah yang spesifik kepada riwayat *al-Musalsal* atau kitab tertentu. Contohnya adalah pengijazah berkata: "Saya mengijazahkan *kẖōṣṣoh* untuk kitab

ini", maka bermaksud pengijazah hanya mengijazahkan riwayat kitab itu dengan sanad tertentu dan memberikan kebenaran hanya untuk meriwayatkan kitab itu sahaja dengan sanad itu sahaja.

Ijazah *ᶜāmmah* pula adalah ijazah untuk kebenaran meriwayatkan apa sahaja yang sahih riwayatnya daripadanya walaupun dia hanya hadir untuk satu majlis bagi satu kitab sahaja melainkan ijazah riwayat al-Quran dan riwayat yang berkaitan dengan sebahagian *al-Musalsal*.

Contohnya adalah jika seseorang hadir ke majlis riwayat kitab «*al-Arbaᶜīn an-Nawawiyyah*», lalu pengijazah mengijazahkan *ᶜāmmah*, maka penerima ijazah ini boleh meriwayatkan kitab «*al-Arbaᶜīn an-Nawawiyyah*» dan juga apa juga mana-mana kitab lain atau riwayat lain daripadanya selagimana bukan riwayat sebahagian *al-Musalsal* atau riwayat al-Quran walaupun dia hanya hadir dalam satu sesi majlis sahaja.

Jika seseorang pengijazah itu memiliki ribuan sanad kitab, maka dia boleh meriwayatkannya mana-mana kitab daripadanya walaupun dia hanya menghadiri satu sesi majlis bersama pengijazah itu sahaja. Bahkan, jika dia tidak pernah langsung menghadiri mana-mana majlis bersama pengijazah, tetapi pernah mendapat ijazah *ᶜāmmah* daripadanya sama ada secara lisan atau secara bertulis atau pemakluman dari orang yang dipercayai, maka tidak ada masalah untuk meriwayatkan daripadanya apa-apa kitab yang sah melalui jalurnya.

Setelah tahu perbezaan ini, ada beberapa perkara perlu diambil perhatian. Pertama, jika pengijazah mengucapkan:

"Saya mengijazahkan kepada yang hadir", perlu tanya kepada pengijazah sama ada ia adalah ijazah *kẖōṣṣoh* atau *ᶜāmmah*.

Jika tidak dapat penjelasan dari pengijazah sendiri, ambil tahu prinsip pengijazah apabila dia mengijazahkan. Jika dia dikenali bahawa dia hanya mengijazahkan *kẖōṣṣoh* dan sangat jarang untuk mengijazahkan *ᶜāmmah*, maka lafaz pengijazahannya adalah ijazah *kẖōṣṣoh*. Sebegitu juga jika sebaliknya.

Jika tidak dapat memastikannya, lebih selamat adalah lafaz pengijazahan itu ditanggung dengan ijazah *kẖōṣṣoh*.

Bahkan, kadangkala shaykh tidak menyebutkan lafaz ijazah, tetapi apabila seseorang memenuhi syarat shaykh, maka dia berhak mendapat ijazah itu apabila dia menunaikan syaratnya.

Contohnya adalah ash-Shaykẖ ᶜAbdullāh bin Ṣōliḥ al-ᶜUbayd mensyaratkan bahawa sesiapa yang mendengar bacaan kitab kepadanya secara penuh, maka dia mendapat ijazah *ᶜāmmah* dari beliau dan sesiapa yang hanya mendengar sebahagian, maka dia hanya mendapat ijazah *kẖōṣṣoh*. Lalu, kadangkala apabila selesai majlis riwayat, beliau tidak menyebutkan apa-apa lafaz ijazah.

Maka, apabila seseorang menunaikan syarat yang ditetapkan, maka dia berhak mendapat ijazah sekalipun tidak mendengar lafaz ijazah. Kalau pun shaykh hanya menyebutkan lafaz ijazah tanpa ada ikatan sama ada *kẖōṣṣoh* atau *ᶜāmmah*, maka seseorang mendapat bahagian ijazah mengikut syarat yang dipenuhi.

Pun begitu, apabila seseorang membaca kitab tsabat atau membaca biografi para ulama atau musnid, jika disebutkan:

"Ašh-Šhaykẖ fulan telah mengijazahkannya" atau "Masayayikh ijazahnya adalah fulan, fulan dan fulan", maka yang dimaksudkan di sini adalah ijazah *ᶜāmmah* melainkan dibuktikan sebaliknya seperti disebutkan kitab tertentu seperti "Ašh-Šhaykẖ fulan telah mengijazahkan kitab sekian kepadanya".

Yang kedua adalah apabila meminta ijazah daripada pengijazah, cuba minta ijazah *ᶜāmmah* melainkan jika sudah diketahui bahawa mereka bermurah hati memberi ijazah *ᶜāmmah*, maka lafaz pengijazahan tanpa ikatan *ᶜāmmah* atau *kẖōṣṣoh* tidak diperlukan walaupun ikatan *ᶜāmmah* ini lebih elok disebut untuk mengelakkan sebarang kesamaran.

Adakalanya, sebahagian masyayikh enggan memberikan *ᶜāmmah*. Maka, hormati pilihannya dan usah memaksanya.

Yang ketiga adalah pengijazah kadangkala mengikat ijazah *ᶜāmmah* hanya kepada kitab atau riwayat spesifik seperti dia berkata: "Saya mengijazahkan secara *ᶜāmmah* bagi kitab ini". Ketika ini, yang dimaksudkan adalah penerima ijazah boleh meriwayatkan mana-mana sanad yang berkaitan dengan kitab yang diijazahkan itu sahaja, bukan semua kitab yang lain.

Yang keempat adalah jika seseorang mendengar secara penuh pada kitab «*al-Arbaᶜīn an-Nawawiyyah*» sebagai contoh dan mendapat ijazah *kẖōṣṣoh* bagi kitab tersebut daripada pengijazah dan ijazah *ᶜāmmah* bagi seluruh riwayatnya, maka jika dia ingin meriwayatkan kitab «*al-Arbaᶜīn an-Nawawiyyah*» pengijazah itu, dia boleh menggunakan format yang menunjukkan dia mendengarnya: "حَدَّثَنَا" atau "أَخْبَرَنَا" atau penyebutan: " قُرِئَ الْأَرْبَعُونَ النَّوَوِيَّةُ عَلَيْهِ

"سَمِعْتُ قَرَاءَةَ الْأَرْبَعِينَ النَّوَوِيَّةِ عَلَيْهِ" atau "وَأَنَا أَسْمَعُ" seumpamanya bergantung kepada siapa yang membaca dalam majlis atau sama ada dia memiliki luput atau tidak.

Adapun jika ingin meriwayatkan kitab lain daripada pengijazah yang sama yang telah mengijazahkan ijazah *ᶜāmmah*, dia tidak boleh menggunakan format tadi kerana dia tidak mendengar pembacaan kitab yang ingin diriwayatkan sama ada daripada pengijazah atau daripada selainnya. Apa yang dia boleh buat adalah seperti "أَرْوِي هَذَا الْكِتَابَ عَنْهُ" atau seumpama dengannya yang menunjukkan bahawa ia adalah dari ijazah, bukan dari mendengar.

Yang kelima adalah lafaz ijazah *ᶜāmmah* dan *kẖōṣṣoh* adalah berbeza dengan penggunaan zaman al-Imām as-Suyūṭiyy ke atas dan ke bawah yang berhampiran zaman dengannya. Zaman tersebut, makna *ᶜāmmah* merujuk kepada *al-Mujāz Lahu* (الْمُجَاز لَهُ), iaitu penerima ijazah.

Maksudnya adalah ijazah *ᶜāmmah* ketika itu merujuk kepada ijazah kepada semua penerima yang ada di muka bumi yang sempat masa hidup dengan pengijazah, manakala ijazah *kẖōṣṣoh* merujuk kepada penerima yang spesifik yang ditentukan.

Adapun zaman sesudah al-Imām as-Suyūṭiyy ke bawah yang jauh hingga sekarang, penggunaan lafaz ijazah *ᶜāmmah* merujuk kepada *al-Mujāz Bihi* (الْمُجَاز بِهِ), iaitu riwayat atau kitab yang diijazahkan. Maksudnya adalah jika disebutkan

ijazah *ᶜāmmah* dan *kẖōṣṣoh*, ia adalah sepertimana yang dibincangkan tadi.

Oleh itu, apabila membaca kitab *Muṣṭolaḥ al-Ḥadīṯs*, pembezaan ini perlu diambil cakna.

Jika ada yang bertanya: "Bagaimana jika saya tidak dapat dengar sepenuhnya seperti ada gangguan internet sehingga tidak dapat dengar secara langsung dengan penuh atau seperti datang lewat sehingga tidak dapat dengar yang awal?", maka bahagian *samāᶜ* adalah sejumlah yang dia dapat. Yang selebihnya yang dia tidak mendapat secara langsung, maka ia ditampung dengan ijazah.

Pembezanya adalah jika seseorang dengar secara penuh, maka dia boleh berkata: "حَدَّثَنَا" atau "أَخْبَرَنَا" ketika ingin meriwayatkannya. Berbeza jika dia tidak mendengar secara penuh, maka dia perlu menyebutkan wujudnya luput seperti berkata: "سَمِعْتُ قِرَاءَةَ الْكِتَابِ عَلَى الشَّيْخِ فُلَانٍ بِفَوْتٍ يَسِيرٍ" ketika meriwayatkan.

Boleh juga untuk berlapik dengan berkata bahawa: "سَمِعْتُ قِرَاءَةَ الْكِتَابِ عَلَى الشَّيْخِ فُلَانٍ لِبَعْضِهِ".

Adakalanya, pengijazah memberi had seberapa banyak yang dikira luput yang sedikit dan yang banyak. Ada yang meletakkannya bahawa jika terluput sepuluh hadis daripada beberapa ratus hadis, dikira luput yang sedikit dan yang lebih dari itu, dikira luput yang banyak. Bergantung pada had pengijazah.

Jika pengijazah tidak memberikan had, terpulang pada masing-masing untuk mengatakan yang sedikit. Namun, nisbah luput yang sedikit untuk «*al-Arbaᶜīn an-Nawawiyyah*» dengan «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» sudah tentu tidak sama. Luput separuh daripada «*al-Arbaᶜīn an-Nawawiyyah*» pasti tidak sama dengan luput separuh daripada «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*».

Mungkin ada yang tertanya tentang kenapa sanad al-Quran tidak boleh diambil dengan ijazah *ᶜammāh*? Ini kerana sudah ada syarat yang tidak terucap bahawa untuk memperoleh sanad ini, ia memerlukan penyemakan pembacaan di hadapan pengijazah dan dibuktikan kemampuannya.

Contohnya adalah tidak boleh sama sekali seseorang meriwayatkan sanad qiraat Warš dengan ijazah *ᶜammāh*. Perlu disemak dahulu bagaimana penguasaan qiraat dan disahkan kemampuannya oleh pengijazah.

Sebegitu juga sebahagian hadis *al-Musalsal* kerana sebahagiannya diriwayatkan dengan peraturan dan kaedah tersendiri. Ada sebahagian hadis *al-Musalsal* diriwayatkan pada hari tertentu, diiringi bersama perbuatan tertentu serta setiap pengijazah dan penerimanya perlu membuat yang sama.

Contohnya adalah hadis *al-Musalsal* pembacaan Surah aṣ-Ṣoff. Tidak boleh mengambil hanya dengan ijazah *ᶜammāh*. Ijazah hadis *al-Musalsal* ini hanya sah dengan penerima ijazah mendengar pembacaan daripada pengijazah dan apabila penerima ingin meriwayatkannya, dia pula perlu membacakannya kepada penerima yang lain. Tidak boleh sekadar mengijazahkannya sahaja.

Sebegitu juga ada hadis *al-Musalsal* yang diriwayatkan pada hari raya atau memegang janggut atau seumpamanya.

Adapun perbincangan tentang ijazah untuk pengajaran dan beramal, maka ini tidak termasuk yang dibincangkan dalam kerana istilah ijazah untuk pengajaran dan pengamalan bukan istilah yang dibincangkan dalam tradisi periwayatan.

Periwayatan Dahulu Dan Sekarang

Dahulu, periwayatan dalam manhaj muhadditsin adalah untuk memastikan perkhabaran yang berkaitan dengan Nabi صلى الله عليه وآله وسلم adalah sabit lagi sahih yang terbebas dari pencemaran kepalsuan dan kecacatan padanya.

Oleh itu, mana-mana perkhabaran tentang baginda صلى الله عليه وآله وسلم yang sampai kepada mereka wajib menyebutkan sumbernya dan disemak ketepatannya.

Oleh itu, pertama sekali yang perlu dibawa adalah sumber pengambilannya. Ia mesti diambil daripada seorang manusia. Apabila seorang manusia menyampaikan hadis, dia dipanggil perawi.

Seseorang yang ingin menyampaikan hadis perlu memberitahu nama sumbernya. Nama sumbernya sudah tentu perawi yang lain juga. Perawi yang seseorang perawi lain yang mengambil daripadanya belum tentu sezaman dengan baginda صلى الله عليه وآله وسلم. Oleh itu sudah tentu berlakunya pengambilan riwayat dari satu generasi dari satu generasi sehingga kepada baginda صلى الله عليه وآله وسلم. Rantaian pengambilan bergenerasi inilah yang dipanggil sanad.

Sanad tidak semestinya menunjukkan kesahihan sesuatu riwayat kerana ia perlu melalui tapisan lagi. Akan tetapi, dengan sanad, tampaklah bahawa wujudnya sumber

pengambilan dari satu generasi ke satu generasi hinggalah ke maksud yang diinginkan.

Setiap seorang perawi dalam sanad itu akan menerima hadis dari sumbernya dan menyampaikan hadis kepada orang lain dengan format tertentu yang akan diterangkan nanti.

Setelah selesai pembentangan sanad, iaitu menyebutkan sumber pengambilan, perlu melalui tapisan yang seterusnya, iaitu semakan kesahihan. Ini kerana boleh jadi sumber yang diambil ada yang tidak betul sama ada berpunca pada perawi yang pertama atau yang kedua atau kedua-duanya sekali atau mana-mana yang ada dalam sanad tersebut.

Semua ini bertujuan supaya hadis yang sampai kepada kita adalah benar lagi tepat serta diamalkan berasaskan dengan sumber yang dipercayai lagi disemak.

Setelah beberapa abad kemudian sesudah zaman Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم, khususnya apabila abad ke-6 Hijrah, periwayatan masih diteruskan dengan format penerimaannya dan format penyampaiannya bersama beberapa seninya yang telah disebutkan, tetapi sudah nyata bahawa penyemakan pada *al-Jarḥ Wa at-Taᶜdīl* dan *al-ᶜIlal* tidak dititikberatkan dan sudah menjadi longgar.

Akan tetapi, aspek periwayatan pada fasa ini tidak begitu tertumpu pada periwayatan hadis semata-mata melainkan pada aspek *al-Musalsalāt* dan *al-ᶜUluww*, tetapi ia sudah banyak terfokus pada kitab, karangan, risalah dan lain-lain.

Jika dahulu, seseorang akan minta periwayatan tentang hadis sebagai contoh. Zaman seterusnya dan sekarang pula

seseorang akan minta periwayatan untuk suatu kitab, karangan, risalah dan lain-lain.

Pun begitu, bukan bermakna pada masa dahulu, seseorang tidak begitu ambil peduli tentang periwayatan kitab dan zaman sekarang seseorang tidak begitu peduli tentang periwayatan hadis. Cuma, yang berbeza adalah fokus.

Zaman dahulu, periwayatan kitab adalah bertujuan supaya dapat periwayatan hadis itu. Contohnya, ada periwayatan «*Muṣonnaf ᶜAbdul Rozzāq*», «*Muwaṭṭoᶜ Mālik*» dan lain-lain, tetapi fokus yang paling penting adalah periwayatan hadis yang terkandung dalam kitab itu.

Zaman sekarang, riwayat untuk hadis pun banyak tertumpu pada yang ada aspek *al-Musalsalāt* sahaja. Periwayatan untuk kitab pula menjadi tumpuan memandangkan pencarian hadis baru tidak diperlukan lagi dan kesemua hadis yang diperlukan sudah tersedia dalam kitab. Yang tinggal hanyalah untuk melestarikan sebahagian pengamalan muhadditsin dan beberapa aspek kesenian dalam ilmu hadis serta memfokuskan fiqh dan kefahaman yang terkandung dalam kitab.

Dari sinilah tampak berlaku perubahan dalam corak periwayatan dahulu dan sekarang. Untuk fasa yang awal, kita boleh panggil fasa penapisan kerana ia menekankan aspek saringan yang ketat agar setiap hadis yang disampaikan menjadi sahih. Untuk fasa yang berikutnya, kita boleh panggil sebagai fasa penerusan.

Sebegitu juga kita lihat perubahan konsep periwayatan pada fasa penapisan dan fasa penerusan. Untuk fasa penerusan, penyebutan riwayat sudah terpisah daripada ilmu hadis secara

sepenuhnya melainkan sekadar beberapa sahaja yang diambil yang sekadar untuk meneruskan legasi muhadditsin. Seakan-akan periwayatan dan ilmu hadis sudah berbeza.

Jika kita lihat penjelasan tadi, pada fasa penapisan, bukannya tidak ada riwayat langsung sama sekali. Akan tetapi, yang berbeza adalah orientasi dan matlamat.

Fasa penapisan menggabungkan aspek periwayatan pada *Ṣiyaġh at-Taḥammul* dan *Siyaġh al-Adāᶜ* bersama beberapa seninya yang lain dan aspek penyemakan berasaskan *al-Jarḥ Wa at-Taᶜdīl* dan *al-ᶜIlal*. Fasa penerusan adalah memisahkan aspek periwayatan dari aspek penyemakan yang ketat sehingga fokusnya adalah untuk periwayatan semata-mata yang dilihat jauh lebih diberi perhatian berbanding semakan.

Inilah sebabnya apabila disebutkan periwayatan pada fasa penerusan, ia sudah terpisah dari aspek praktikal ilmu hadis dan matlamatnya. Apabila disebutkan majlis riwayat atau periwayatan, ia sudah terfokus pada periwayatan yang bukan lagi wujud penekanan kuat pada praktik ilmu hadis.

Kemudian, yang membezakan periwayatan pada dua fasa ini adalah fasa awal adalah memfokuskan penyebutan sumber yang asal. Disebutkan sanad supaya diketahui tempat ambilan bagi suatu hadis.

Untuk fasa yang seterusnya pula, ia lebih memfokuskan pewujudan silsilah sanad antara periwayat dari kalangan shaykh dengan penerima riwayat atas dasar keizinan atau jalan yang dibenarkan[2]. Penyebutan sanad ketika ini adalah untuk

[2] Maksudnya boleh jadi seseorang mendapat riwayat dengan cara yang shaykh tidak redha terhadapnya seperti seseorang mendengar pembacaan kitab kepada shaykh di majlis tertutup secara menyelinap tanpa pengetahuan shaykh dan kebenaran shaykh untuk menjadi peserta yang hadir. Riwayat secara *samāᶜ* dengna perolehan ini adalah sah dan dia boleh meriwayatkannya sekalipun shaykh tidak merestuinya. Penting untuk dibezakan isu status sah periwayatannya dan status halal perbuatan tersebut.

memaparkan bahawa penerimaan seseorang individu ke dalam silsilah sanad yang diperkenankan oleh orang yang mengizinkannya.

Apabila kita berbicara tentang ijazah pula, maka untuk fasa penerusan, apabila kita ingin menyambungkan suatu sanad seseorang yagn kita pilih kepada seseorang shaykh untuk suatu periwayatan, asas penyambungannya adalah cukup dengan adanya ijazah atau riwayat umum pada perawi yang dipilih dari shaykh yang ingin disambungkan sanadnya, lalu disambungkan sanad itu pada perawi itu dengan shaykh itu memandangkan amalan pengijazahan sudah semakin luas dan bertebaran melainkan sebahagian *al-Musalsalāt* atau riwayat yang khusus.

Sebagai contoh, jika seseorang ingin menyambungkan sanad seseorang kepada al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy, cukup kita mencari orang yang ada ijazah riwayat dari beliau. Contohnya adalah al-Qolqošhandiyy memiliki ijazah dan riwayat umum dari beliau. Maka, seseorang boleh menyambungkan suatu sanad melalui al-Qolqošhandiyy kepada beliau walaupun ada ramai lagi yang menerima ijazah dari beliau.

Adapun beberapa riwayat yang khusus atau sebahagian *al-Musalsalāt*, maka seseorang perlu teliti orang yang spesifik yang memiliki riwayat tersebut dari beliau. Contohnya adalah riwayat *al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah*[3]. Jalur yang terkenal

[3] Ranaian setiap perawi yang akan mendengar hadis ini kali pertama dari shaykh yang dia ingin mengambil riwayat daripadanya. Ia adalah hadis riwayat ᶜAbdullāh bin ᶜAmr bin al-ᶜĀṣ رضي الله عنه, Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم bersabda:

الرَّاحِمُوْنَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ اِرْحَمُوْا مَنْ فِيْ الْأَرْضِ يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ

adalah melalui Šhaykẖ al-Islām Zakariyyā al-Anṣōriyy dari beliau. Oleh itu, tidak boleh menyambungkannya melalui al-Qolqošhandiyy untuk *al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah* melainkan jika ada bukti yang menyabitkan wujudnya riwayat *al-Musalsal* ini dari beliau.

Ini kita akan lihat secara lanjut pada bab takhrij riwayat nanti.

Adapun untuk fasa penapisan, kita tidak boleh sesuka hati menyambungkan sanad seperti ini hanya kerana seseorang yang lain itu ada riwayat dari shaykh yang diambil riwayatnya. Sebagai contoh, al-Qoᶜnabiyy memiliki riwayat hadis daripada al-Imām Mālik. Pun begitu, bukan semua riwayat hadis yang ada pada al-Qoᶜnabiyy dari al-Imām Mālik sama seperti riwayat yang ada pada Muḥammad ašh-Šhaybāniyy dan Yaḥyā al-Layṯsiyy sehingga boleh diganti kedua-duanya untuk satu hadis tertentu dengan al-Qoᶜnabiyy memandangkan riwayat al-Qoᶜnabiyy dari al-Imām Mālik adalah riwayat khusus, bukannya atas jalan ijazah *ᶜāmmah*.

"Seseorang yang menyayangi, pasti akan disayangi Maha Pengasih. Sayangilah mereka yang di bumi, nescaya kalian akan disayangi mereka di langit".

Dalam riwayat lain:

يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ

"Moga-moga mereka yang di langit akan menyayangi kalian".

Perlu diketahui bahawa *al-Musalsal* ini sehingga ᶜAbdul Roḥman bin Bišhr bin al-Ḥakam al-ᶜAbdiyy yang mana dia pertama kali mendengar hadis ini daripada Sufyān bin ᶜUyaynah, sedangkan Sufyān bin ᶜUyaynah mengambil hadis daripada ᶜAmr bin Dīnar, tetapi bukan secara mendengar dengan kali pertama sepertimana sebelumnya. Sebegitu ᶜAmr bin Dīnar tidak mendengar hadis ini secara kali pertama daripada Abū Qōbus. Sebegitu juga Abū Qōbus tidak mendengar hadis ini dengan kali pertama daripada ᶜAbdullāh bin ᶜAmr bin al-ᶜĀṣ رضي الله عنه. Sebegitu juga Abdullāh bin ᶜAmr bin al-ᶜĀṣ رضي الله عنه tidak mendengar kali pertama daripada Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم.

Ekoran itu, apabila ada riwayat hadis spesifik yang melalui jalur al-Qoᶜnabiyy dari al-Imām Mālik, maka kita sama sekali tidak boleh menggantikan al-Qoᶜnabiyy dengan orang lain walaupun orang lain meriwayatkan juga dari al-Imām Mālik untuk hadis yang lain kerana riwayat masing-masing adalah riwayat yang khusus. Setiap satu hadis dari murid al-Imām Mālik ada yang berbeza dan ada yang sama.

Sesiapa yang melakukan sebegini, maka dia termasuk *Murokkib al-Isnād* (مُرَكِّب الْإِسْنَادِ), iaitu penunggang sanad yang dikecam oleh ahli hadis. Ia adalah seseorang memasukkan suatu matan hadis atau riwayat seseorang yang bukan dengan sanadnya.

Hal ini tidak berlaku pada fasa penerusan. Jika seseorang ingin meriwayatkan kitab «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» melalui jalur al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy sebagai contoh, maka dia boleh menyambungkan sanad kepada beliau melalui mana-mana orang yang ada menerima ijazah atau ada riwayat umum dari beliau. Namun, jika untuk riwayat yang khusus dan sebahagian *al-Musalsalāt*, dia tidak boleh berbuat demikian dan ini pun termasuk golongan yang menunggang isnad.

Dari sini, nampaklah kita bahawa berlakunya perubahan tradisi dalam periwayatan dan sememangnya dapat dikatakan istilah periwayatan ini sudah terpisah dengan realiti pada fasa yang awal sehingga menatijahkan istilah periwayatan adalah istilah yang independen yang tiada kaitan lagi dengan praktik ilmu hadis melainkan sedikit.

Oleh itu, apabila disebutkan tradisi periwayatan untuk fasa sekarang ini, maka sematlah dalam ingatan bahawa kita sedang membincangkan tentang periwayatan yang sudah independen

dengan ilmu hadis melainkan beberapa yang diserap masuk dan bertujuan untuk pewujudan silsilah sanad atas dasar keredhaan dari pemberi atau periwayat serta tidak menumpukan dalam pengumpulan hadis baru, tetapi mengekalkan tradisi sebahagian *al-Musalsalāt* dan periwayatan kitab yang merekodkan hadis yang sudah dicukupkan keperluannya.

Membaca Kitab Dengan Pantas: Adakah Ini Termasuk Dalam Tradisi Majlis Riwayat?

Tujuan mengadakan majlis riwayat adalah supaya seseorang mendapatkan riwayat dengan format penerimaan dengan *at-Taḥdīṯs* atau *al-ᶜArḍ* sepertimana yang dijelaskan tadi.

Cuma, sebahagian orang apabila kali pertama menyertai majlis riwayat, mereka akan kehairanan kerana majlis hanya diisi dengan pembacaan secara pantas tanpa ada apa-apa syarahan walau sepatah pun dan pengijazah yang dijemput hanya bercakap apabila ingin memulakan majlis atau apabila selesai majlis. Sebahagian orang sanggup mempersoalkan orientasi majlis sebegini yang dilihat tidak ada apa-apa manfaat dan hanya mendengar bacaan tanpa memfokuskan kefahaman.

Untuk permulaan, perlu kita tahu bahawa fokus majlis periwayatan adalah mengekalkan *Ṣiyaġh at-Taḥammul* dan *Siyaġh al-Adāᶜ* bersama aspek keseniannya sepertimana yang disebutkan tadi. Ia bukan majlis pengajian atau dirayah melainkan jika itu yang dimahukan oleh pengijazah.

Lagipun, tidak ada satu pun daripadanya yang mensyaratkan bahawa periwayatan hanya sah apabila diadakan dengan majlis pengajian atau dirayah sama ada dengan daurah ekspres atau yang bersiri panjang melainkan jika itu yang shaykh mahu dalam majlisnya. Sebegitu tidak ada ang mensyaratkan bahawa ia perlu dibaca dengan kelajuan yang perlahan atau sederhana dengan menyebut huruf sepatah-sepatah supaya sah periwayatan melainkan itu yang shaykh mahu dalam majlisnya.

Yang penting adalah apabila format itu dilaksanakan sepertimana yang sepatutnya, sudah cukup untuk meriwayatkan dan diriwayatkan.

Antara rekod pembacaan yang paling laju adalah al-Kẖoṭīb al-Baġhdādiyy yang membaca «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» di hadapan Abū ᶜAbdul Roḥmān al-Ḥīriyy sebanyak tiga majlis sepertimana yang beliau sendiri menceritakannya dalam kitab «*Tārikẖ Baġhdād*».

Dua majlis yang pertama adalah dibuat pada waktu maghrib hingga subuh. Majlis yang terakhir adalah pada waktu dhuha sehingga maghrib, kemudian berakhir dari maghrib sehingga terbit fajar esoknya.

Kepantasan ini sehingga dikomentari oleh al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy yang berkata:

وَهَذَا شَيْءٌ لَا أَعْلَمُ أَحَدًا فِي زَمَانِنَا يَسْتَطِيعُهُ

"Ini adalah sesuatu yang aku tidak tahu seseorang pada zaman kita yang berkemampuan untuknya". [*Tārīkẖ al-Islām*].

Benar sekali. Kalau dibuat majlis yang berdurasi sejam untuk «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» setiap hari, ia mungkin mengambil masa 60 jam hingga 70 jam untuk pembacaan yang paling laju dalam kalangan tukang baca yang ada pada hari ini.

Kalau dibuat tanpa henti, itu adalah tiga hari berturut-turut tanpa rehat, tidur, makan dan solat!

Bayangkan al-Kẖoṭīb al-Baġhdādiyy hanya menghabiskan kira-kira 40 jam sahaja jika mengikut kiraan waktu maghrib dan isyak sehingga subuh di Malaysia! Itu pun sudah tentu ada selang waktu solat, rehat dan lain-lain.

Menghabiskan pembacaan kitab yang tebal, khususnya *al-Kutub as-Sittah* dalam masa yang singkat juga antara amalan dalam periwayatan. Kita ambil contoh ash-Shaykẖ Ḥasan al-Ḥulwāniyy al-ᶜAdawiyy yang menyebutkan bahawa dia mendengar bacaan *al-Kutub as-Sittah* kepada ash-Shaykẖ ᶜĀbid as-Sindiyy selama sebulan. Sebegitu juga ᶜĀbid as-Sindiyy mengkhatamkan pembacaan *al-Kutub as-Sittah* selama sebulan sepanjang beliau berada di Madinah. Ini diriwayatkan oleh ash-Shaykẖ ᶜAbdul Ḥayy bin ᶜAbdul Kabīr al-Kattāniyy dalam «*Fihris al-Fahōris Wa Muᶜjam al-Maᶜājim Wa al-Mashyakẖōt Wa al-Musalsalāt*».

Sebegitu juga Ibn al-ᶜImād dalam «*Shaḏzarōt aḏz-Ḏzahab Fī Akẖbār Man Ḏzahaba*» menyebutkan bahawa al-Burhān al-Buqōᶜiyy membacakan «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» kepada al-Badr al-Ġhozziyy selama enam hari hari dan «*Ṣoḥīḥ Muslim*» selama 5 hari.

Al-Ḥāfiẓ as-Sakẖōwiyy dalam «*al-Jawāhir Wa ad-Duror Fī Tarjamah Shaykẖ al-Islām Ibn Ḥajar*» menyebutkan bahawa al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy membaca «*Sunan Ibn Mājah*» selama empat majlis dan «*Ṣoḥīḥ Muslim*» pada ash-Sharof Abū aṭ-Ṭōhir Muḥammad bin al-ᶜIzz Muḥammad bin al-Kuwayk ar-Robaᶜiyy selama empat majlis kecuali majlis khatam yang mana semua ini dalam sekitar dua hari.

Sebegitu juga al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy membaca «*Sunan an-Nasāʾiyy al-Kubrō*» kepada pada ash-Sharof selama 10 majlis. Paling cepat adalah beliau menghabiskan pembacaan «*al-Muᶜjam aṣ-Ṣoġhīr*» karya aṭ-Ṭobarōniyy yang dihabiskan antara waktu zohor dengan asar.

Al-Ḥāfiẓ as-Sakẖōwiyy dalam kitab yang sama juga menyebutkan al-Fayrūzaābādiyy membaca «*Ṣoḥīḥ Muslim*» kepada Nāṣiruddīn Abū ᶜAbdullāh Muḥammad bin Jahbal selama tiga hari.

Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah juga mengikut majlis «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» yang dibacakan kepada ash-Šhaykẖ ash-Šhihāb Aḥmad bin Abū Ṭōlib al-Ḥajjār yang dihabiskan sebanyak 20 majlis sahaja secara berturut-turut kecuali hari Jumaat sepertimana yang Sirōjuddīn Abū Ḥafṣ ᶜUmar bin ᶜAliyy al-Bazzār al-Baġhdāriyy menyebutkannya dalam «*al-Aᶜlām al-ᶜAliyyah Fī Manāqib Ibn Taymiyyah*».

Setelah tahu tentang pengamalan pembacaan laju dalam tradisi ini, janganlah disebabkan ketidakbiasaan dengan amalan seperti ini menganggap bahawa amalan ini adalah jelik dan dipertikaikan.

Walaupun begitu, pembacaan perlulah menyebutkan huruf yang jelas dan dibezakan setiap bunyi kalimah yang mana ahlinya tidak mendengar seperti seseorang yang meraban dan mengoceh. Pembacaan yang sebegini sememangnya dipertikaikan dan diingkari.

Ibn al-Jazariyy berkata:

وَلْيُورِدِ الْحَدِيثِ بِالصَّوْتِ الْحَسَن ... وَلْيَفْصَحن اللَّفْظَ وَلْيُبَيِّنن

وَلَا سَرْدَ الْحَدِيثِ سَرْدًا يمْنَع ... إِدْرَاكَ بَعْضِهِ لِمَنْ يَسْتَمِع

Sampaikanlah hadis dengan suara yang indah … Fasihkanlah lafaz dan jelaskan bunyinya

Jangan percepat bacaan hadis dengan kecepatan yang menegah … Capaian sebahagiannya bagi yang mendengar

Al-Ḥāfiẓ as-Sakẖōwiyy mengulas:

أَيْ وَلْيُورِدِ الرَّاوِي الْحَدِيثَ بِصَوْتٍ حَسَنٍ فَصِيحٍ مِنْ هَذْرَمَةٍ وَلَا سَرْدَ يَمْنَعُ مِنْ إِدْرَاكِ بَعْضِهِ لِلسَّامِعِينَ لِقَوْلِ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: "كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَسْرُدُ الحَدِيثَ كَسَرْدِكُمْ وَلَكِنَّهُ كَانَ إِذَا تَكَلَّمَ كَلَامًا فَصْلًا لِيَحْفَظَهُ مَنْ يَسْمَعُهُ". فَإِنْ فَعَلَ ذَلِك كَرِهَ إِنْ لَمْ يَفْحُشْ فِيهِ

“Iaitu dan hendaklah perawi itu menyampaikan hadis dengan suara yang indah lagi fasih dari sebarang meraban dan jangan ada kecepatan yang menegah dari mencapai sebahagiannya untuk orang yang mendengarnya kerana ᶜĀᶜišhah رضي الله عنها berkata: "Dahulu Rasulullah صلى الله عليه وسلم tidak mempercepatkan bicara sepertimana kalian mempercepatkannya". Akan tetapi, baginda apabila berbicara, bicaranya berbutir supaya orang yang mendengarnya menghafalnya. Jika dia melakukan itu, ia dibenci walaupun tidak terjejas padanya”. [*Al-Ġhōyah Fī Šharḥ al-Hidāyah Fī ᶜIlm ar-Riwāyah*].

Al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy berkata:

وَقَدْ تَسَمَّحَ النَّاسُ فِي هَذِهِ الْأَعْصَارِ بِالْإِسْرَاعِ الْمَذْمُومِ الَّذِي يَخْفَى مَعَهُ بَعْضُ الْأَلْفَاظِ وَالسَّمَاعُ هَكَذَا لَا مِيزَةَ لَهُ عَلَى الْإِجَازَةِ، بَلِ الْإِجَازَةُ

صِدْقٌ. وَقَوْلُكَ: "سَمِعْتُ أَوْ قَرَأْتُ هَذَا الْجُزْءَ كُلَّهُ" مَعَ التَّمْتَمَةِ وَدَمْجِ بَعْضِ الْكَلِمَاتِ كَذِبٌ

“Orang ramai pada masa-masa ini mengambil ringan dengan pembacaan pantas yang dicela yang sebahagian lafaz tersembunyi bersamanya, sedangkan mendengar seperti ini tidak ada nilai untuknya atas ijazah meski ijazahnya benar. Kata engkau: “Aku mendengar atau aku membaca juzuk ini kesemuanya" bersama meracau dan menyusup beberapa kalimah adalah dusta”. [*Al-Mūqiẓoh Fī ᶜIlm Muṣṭolaḥ al-Ḥadīṯs*].

Ibn Daqīq al-ᶜĪd berkata:

وَلَقَدْ تَسَامَحَ النَّاسُ فِي هَذَا الْأَعْصَارِ فَيَسْتَعْجِلُ الْقُرَّاءُ اسْتِعْجَالًا يَمْنَعُ مِنْ إِدْرَاكِ حُرُوفٍ كَثِيرَةٍ بَلْ كَلِمَاتٍ وَهَذَا عِنْدَنَا شَدِيدٌ لِأَنَّ عُمْدَةَ الرِّوَايَةِ الصِّدْقُ وَمُطَابَقَةُ مَا يُخْبِرُ بِهِ لِلْوَاقِعِ. وَإِذَا قَالَ السَّامِعُ عَلَى هَذَا الْوَجْه: "قَرَأَهُ عَلَيَّ فُلَانٌ وَأَنَا أَسْمَعُ أَوْ أَخْبَرَنَا فُلَانٌ قِرَاءَةً عَلَيْهِ وَأَنَا أَسْمَعُ" فَهَذَا إِخْبَارُ غَيْرِ مُطَابِقٍ فَيَكُونُ كَذِبًا وَمَا قِيلَ فِي هَذَا مِنْ أَنَّهُ يَدْخُلُ فِي الْإِجَازَةِ الْمَقْرُونَةِ بِالسَّمَاعِ وَيَكُونُ ذَلِكَ رِوَايَة لبَعْضِ الْأَلْفَاظِ بِالْإِجَازَةِ مِنْ غَيْرِ بَيَانٍ. فَهَذَا تسَامُحٌ لَا أَرْضَاهُ

“Orang ramai pada masa-masa ini mengambil ringan, lalu para pembaca memperlajukan dengan kelajuan yang menegah dari capaian beberapa huruf yang banyak, bahkan beberapa kalimah, sedangkan ini di sisi kami adalah serius kerana

tonggak riwayat adalah kejujuran dan apa yang dia mengkhabarkan dengannya menepati realiti. Apabila orang yang mendengar dengan cara ini berkata: "Fulan telah membacakannya kepadaku dan aku mendengar" atau "Fulan telah mengkhabarkan kepada kami dengan pembacaan kepadanya", maka ini adalah perkhabaran yang tidak menepati realiti, lalu menjadilah ia pendusta dan apa yang dikatakan pada perkara ini tentang bahawa ia masuk dalam ijazah yang digandingkan dengan dengar dan menjadilah itu riwayat untuk sebahagian lafaz bersama ijazah tanpa keterangan. Ini adalah sikap ambil ringan yang aku tidak merestuinya. [*Al-Iqtirōḥ Fī Bayān al-Muṣṭolaḥ*].

Banyak lagi bicara tentang ini yang tidak saya sebut di sini untuk ringkasan.

Kelebihan Majlis Riwayat

Setelah faham tentang amalan dan orientasi yang ada dalam majlis riwayat, maka kita lihat pula kelebihan dalam penyertaan dan mengadakan majlis ini.

Pertama, memperkenalkan kandungan isi bagi yang belum pernah membacanya. Bagi yang tidak pernah baca kitab, pasti mereka akan mendapat manfaat pada pengisian kandungannya walaupun tidak sebanyak dengan pembacaan secara tekun. Seseorang mendapat sekilas kandungan tentangnya pun sudah memadai.

Saya sendiri secara peribadi pun kenal beberapa kitab yang kurang dikenali sekalipun dari tokoh yang ternama seperti al-Imām Ibn Qudāmah dan al-Ḥāfiẓ Ibn Rojab al-Ḥanbaliyy melalui majlis riwayat. Jika tiada majlis riwayat yang mengadakan pembacaan kitab itu, mungkin sehingga hari ini pun saya tidak kenal kitab itu.

Cuma, selalunya ia tidak dapat dimanfaatkan jika tidak mahir bahasa Arab kerana selalunya majlis ini adalah untuk kitab bahasa Arab.

Oleh itu, saya menggesa kepada sesiapa yang ingin terlibat dengan majlis riwayat, pelajarilah bahasa Arab terlebih dahulu dan kuasai terlebih dahulu, di samping beberapa ilmu yang lain.

Kedua, bagi yang pernah mempelajarinya, ia adalah sebagai ulangkaji dan mengingatkan apa yang terlupa. Ini pun sama untuk mereka yang ada kemahiran bahasa Arab.

Ketiga, bagi yang malas membaca, mereka sudah dibantu untuk dibacakan untuk mereka atau mereka baca sama-sama dengan lihat teks. Ini juga dimanfaatkan oleh orang yang mempunyai kemahiran bahasa Arab.

Keempat, bagi mereka yang sudah berkemahiran, mereka sebenarnya lebih mengutamakan perolehan riwayat kerana mereka sudah tahu kemahiran kitab.

Ambil contoh «*Matn al-Ājurrūmiyyah*». Bagi yang sudah menguasai bahasa Arab, tetapi tidak pernah melalui pembelajaran kitab ini, maka untuk dia memperoleh riwayat, tidak perlu bagi mereka mengulang pengajian yang mengambil masa yang lama. Cukup mereka mendapatkan riwayat secara dengar atau pembacaan teks semata-mata yang boleh dihabiskan tanpa perlu mengambil masa sepertiga jam.

Contoh mudah adalah Abū Mahdiyy ᶜĪsā bin Muhammad aṯs-Ṯsaᶜālabiyy yang ingin mengambil riwayat «*Matn al-Ājurrūmiyyah*» pun tidak membaca penuh kitab ini walaupun nipis. Hanya dibacakan dari awal sehingga *Bāb al-Iᶜrōb* sahaja. Ini boleh dilihat dalam «*Ṯsabat Šhamsuddīn al-Bābiliyy al-Musammā Bi Muntakẖob al-Asānīd Fī Waṣl al-Muṣonnafāt Wa al-Ajzāᶜ Wa al-Muḥaddiṯsīn*».

Orang yang sudah berstatus ulama seperti beliau sudah tentu tidak ingin mengambil riwayat kitab ini dengan melalui pengajian yang panjang semula sepertimana pemula. Sudah tentu sudah memadai untuk mengambil apa yang sepatutnya untuk dia ambil.

Ia berbeza dengan mereka yang baru atau belum ada kemahiran. Mereka dalam kelompok ini tidak ada manfaat perolehan riwayat melainkan setelah melalui proses pengajian.

Mereka ini lebih baik mendalami dan menghalusi kandungan yang ada di dalamnya barulah perolehan riwayat itu bermakna untuk mereka.

Kelima, yang lebih penting adalah menjimatkan masa untuk mendapatkan riwayat. Jika seseorang mahu dapat riwayat «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» dengan majlis pengajian dan syarahan, berapa lama masa perlu diambil? Kalau buat mingguan sekali sahaja, usah bermimpi untuk dapat dengan setahun sahaja. Lagi-lagi jika seseorang itu termasuk dari kalangan yang malas mengaji dan sukar untuk istiqamah.

Justeru, amalan sebeginilah yang memudahkan jalan walaupun sememangnya tanpa dinafikan bahawa jalan pengajian adalah jauh lebih baik daripada segala-galanya dari bagai-bagai periwayatan.

Untuk mereka yang tidak menguasai bahasa Arab, sekurang-kurangnya majlis seperti ini adalah pendedahan kepada kitab dan pengarangnya yang mereka mungkin belum pernah dengar atau melihat isinya.

Jika mereka sudah tahu pun nama kitab ini, sekurang-kurangnya ini adalah majlis ilmu yang ada keberkatannya dengan pembacaan kitab sekalipun kekurangan mereka adalah tiada penguasaan bahasa Arab. Amat wajar untuk mereka bersegera untuk mempelajari bahasa Arab agar majlis seperti ini dapat mereka memanfaatkannya dengan lebih optimum.

Kelima, majlis riwayat juga adalah kesempatan untuk menyemak hasil draf, mengenal pasti kesilapan jika ada supaya dapat dibetulkan dan membandingkan perbezaan lafaz yang ada pada setiap cetakan.

Contohnya adalah apabila saya menerbitkan satu penulisan teks Arab yang saya membariskannya, saya kadangkala mendapati wujudnya kesilapan apabila saya membacanya yang mana saya tidak mengesannya ketika penyemakan sebelum majlis. Mungkin inilah limpah berkat yang diturunkan pada majlis ilmu walaupun bacaan.

Sebegitu juga apabila kita ingin mengadakan majlis riwayat dengan satu kitab yang klasik yang memiliki pelbagai perbezaan lafaz dalam cetakan. Contoh yang pernah saya lihat adalah majlis riwayat kitab «*al-Awāᶜil as-Sunbuliyyah*» bersama ash-Shaykẖ ᶜAbdullaẖ bin ᶜAbdullāh bin Yaḥyā ash-Shaᶜbiyy Saya mendengar pelbagai pandangan hadirin, khususnya ash-Shaykẖ Nabīl bin Sābiq as-Subkiyy yang masing-masing ada cetakan yang berbeza yang mana wujud lafaz yang berbeza pada beberapa tempat supaya kita boleh catat dan ambil tahu.

Dari sini, kita dapat faedah dari perlaksanaan majlis riwayat. Saya cukup kecewa dengan mereka yang berkata dengan bongkak bahawa sekadar majlis riwayat sahaja tidak menghasilkan apa-apa ilmu.

Benar bahawa ia tidak setanding dengan majlis dirayah yang menekankan kepada penuntasan dan syarahan yang menggadakan kefahaman dan pengetahuan. Namun, objektif majlis periwayatan itu sendiri berbeza dengan riwayat walaupun boleh disinergikan kedua-duanya.

Kita sendiri seringkali memperingatkan bahawa periwayatan semata-mata tidak menjamin seseorang itu mahir, pandai, berkeahlian dalam bidang ilmu itu atau menguasai kitab tersebut, apatah lagi ia menzahirkan bahawa seseorang itu

adalah soleh atau wali Allah. Ia sekadar keberkatan sahaja. Semua itu hanya diperoleh dengan belajar, hafal, ulangkaji, tekun dan beramal yang ada penekanan usaha dan displin.

Kami pun berpesan bahawa sememangnya tidak padan bagi seseorang yang hanya sibuk memfokuskan periwayatan dan mengumpulkan *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt* dalam usaha memperbanyakkannya, tetapi kurang memberi perhatian pada aspek kefahaman dan penguasaan bagi ilmu yang dipelajari.

Al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy berkata ketika dalam perbahasan topik *al-ᶜUluww*:

وَقَدْ عَظُمَتْ رَغْبَةُ الْمُتَأَخِّرِينَ فِيهِ حَتَّى غَلَبَ ذَلِكَ عَلَى كَثِيرٍ مِنْهُمْ بِحَيْثُ أَهْمَلُوا الْاشْتِغَالَ بِمَا هُوَ أَهَمُّ مِنْهُ. وَإِنَّمَا كَانَ الْعُلُوُّ مَرْغُوبًا فِيهِ لِكَوْنِهِ أَقْرَبَ إِلَى الصِّحَّةِ وَقِلَّةِ الْخَطَأِ لِأَنَّهُ مَا مِنْ رَاوٍ مِنْ رِجَالِ الْإِسْنَادِ إِلَّا وَالْخَطَأُ جَائِزٌ عَلَيْهِ. فَكُلَّمَا كَثُرَتْ الْوَسَائِطُ وَطَالَ السَّنَدُ كَثُرَتْ مَظَانُّ التَّجْوِيزِ. وَكُلَّمَا قَلَّتْ قلَّتْ.

"Telah menjadi besar minat mutaakhirin padanya sehingga itu mendominasi ke atas ramai dari mereka dengan sekira-kiranya mereka mengabaikan fokus dengan apa yang lebih penting daripadanya. Sebenarnya *al-ᶜUluww* diminati padanya kerana ia lebih dekat dengan kesahihan dan sedikit kesilapan kerana tidak ada dari seorang perawi pun dalam orang isnad melainkan risiko kesalahan adalah yang harus ke atasnya. Setiap kali banyak perantara dan panjang sanad itu, menjadi banyak ruang sangkaan untuk keharusannya. Setiap kali

sedikit, maka sedikitlah ia.". [*Nuzhah an-Naẓōr Fī Tawḍīḥ Nukẖbah al-Fikar Fī Muṣṭolaḥ Ahl al-Aṯsar*].

Ini adalah teguran beliau kepada orang ramai di zamannya yang terlalu memfokuskan periwayatan yang tinggi isnadnya sehingga terabai apa yang menjadi intipati kepada pencarian isnad yang tinggi. Ia adalah untuk memastikan kurang risiko kesilapan dari setiap perawi kerana setiap manusia pasti melakukan kesilapan.

Apabila kurang sumber pengambilan dalam suatu silsilah periwayatan, kuranglah risiko kesalahan kerana masing-masing terus mengambil sumbernya secara langsung ketikamana sumbernya itu masih hidup. Apabila banyak perawi di dalamnya, ini bermakna masing-masing tidak mengambil dari sumber asal pengambilannya yang masih hidup, tetapi melalui orang tengah yang mana ini lebih besar risiko kesilapan kerana boleh jadi orang tengah akan meriwayatkan berbeza yang sepatutnya daripada sumber asalnya. Inilah roh daripada pencarian isnad yang tinggi yang dilupakan oleh ramai orang.

Sebegitu juga seseorang yang terlalu fokus dengan periwayatan sehingga terabai dari pembelajaran ilmu hadis, sedangkan periwayatan yang diamalkan sekarang ini adalah warisan dari ilmu hadis.

Ini juga teguran yang kami sampaikan dan memperingatkan. Bahkan, dalam penulisan buku ini pun saya menekankan kepada penguasaan ilmu hadis walaupun asas bagi mereka yang ingin berkecimpung dalam periwayatan.

Para ulama yang ada dalam rantaian sanad itu pun semuanya lebih dikenali dengan kemantapan ilmu mereka, kewibawaan mereka dan keterampilan mereka dalam

kefahaman dan amal. Mereka semua bukan sekadar pengumpul riwayat dan ijazah semata-mata.

Cuma, apa yang kami minta adalah fahami orientasi dan membezakan matlamatnya. Tradisi riwayat ada fokusnya, objektifnya dan orientasinya tersendiri. Ia sama seperti objektif pengajian yang berorientasikan daurah yang berbeza dengan pengajian ekstensif. Seminar dan bedah buku pun ada matlamatnya dan orientasinya tersendiri.

Jika ada otak dan mata, sila menggunakannya untuk berfikir, lihat dan perhati dalam menghalusinya dengan sebaik-baiknya.

Saya secara peribadi pun lebih banyak terfokus kepada pengajaran kitab dan bahasa Arab yang mana saya menggandingkannya bersama dengan periwayatan. Kita sendiri pun tidak hanya tertumpu pada riwayat sahaja.

Bahkan, kalau ada yang ingin memfokuskan pada riwayat, apa masalahnya? Sepertimana kalau ada seseorang ingin fokus pada tajwid sahaja atau fiqh sahaja atau bahasa Arab sahaja atau ilmu hadis sahaja atau penyucian jiwa sahaja atau ceramah sahaja atau penceritaan sahaja, apa masalahnya? Lebih-lebih kalau itu adalah bahagian kepakarannya dan minatnya untuk berkhidmat.

Orang yang bermasalah adalah orang yang suka mencari pertengkaran dengan orang lain, menimbulkan kegusaran dan menyebarkan persepsi buruk pada invididu lain tanpa sebab yang valid.

Sememangnya tidak dinafikan untuk mengintegrasi diri kita dengan pelbagai cabang supaya kefahaman kita lebih mantap dan dapatan kita dengan ilmu lebih luas supaya

penyampaian kita lebih berkualiti dan berkesan, tetapi tidak perlu menyinggung orang lain kerana terlalu fokus dengan satu aspek sahaja.

Yang lebih membahayakan adalah apabila kita mendapati bahawa orang suka menuduh orang lain yang sibuk dengan riwayat dan mengabaikan aspek dirayah dan pengajian sebenarnya ada masalah dengki kerana dia tidak memiliki riwayat dari pelbagai masyayikh sepertimana orang yang dia kutuk dan singgung.

Parah dengkinya sampai apabila kita ingin mengadakan majlis pengajian bersanad dan ada ijazah riwayat pun masih dianggap terlalu sibuk dengan riwayat semata-mata atau mencari publisiti dengan riwayat yang dimiliki atau bermacam-macam alasan untuk memburukkannya.

Disebabkan dia tidak dapat mendominasi dan berpengaruh pada aspek periwayatan kerana dia tiada tawaran untuk itu kepada sekeliling, mulalah dia menghamburkan cercaan dan menghasut secara jelik kepada tradisi riwayat dan orang yang terlibat dengannya seakan-akan menceburkan diri dalam kesia-siaan supaya orang ramai menjauhkannya daripadanya. Dalam masa yang sama, dia melagak seolah-olah dialah satu-satunya manusia di dunia yang paling menyibukkan diri dalam dirayah dan pengajian.

Inikah akhlak dan tarbiyyah yang dia dapat dalam majlis dirayah dan pengajian? Adakah suka bersangka buruk dan menghasut orang lain ini hasil pengajian dirayah yang dibangga-banggakan?

Kita bukannya tidak pernah jemput dan mengajak mereka dalam menyertai majlis riwayat untuk sebentar sahaja. Berkali-

kali kita menjemputnya sehingga mesej secara peribadi supaya dia ikut sertai. Namun, dia tetap enggan.

Apabila shaykh itu meninggal dunia, dia acah-acah menzahirkan rasa riba dan menyesal kerana terlepas untuk mendapatkan riwayat. Seribu jam berlalu pun tidak mahu meluangkan masan walau sejam atau kurang dari itu untuk mendapatkan riwayat dari shaykh itu. Setiap kali dijemput, setiap kali itulah beralasan dengan bermacam-macam alasan.

Kalau tidak mahu hadir pun, apabila kita mengisi borang agar dia sekurang-kurangnya mendapat ijazah melalui bertulis dari masyayikh riwayat pun tetap ambil sambil lewa dan melengahkannya sehingga tidak mengisinya walau namanya!

Orang sebegini jika tidak berminat pada riwayat, maka tidak perlu meriwayatkan apa-apa kepadanya dan tidak perlu mengundangnya ke majlis riwayat.

Šhuᶜbah berkata:

رَآنِي الْأَعْمَشُ وَأَنَا أُحَدِّثُ قَوْمًا فَقَالَ: وَيْحَكَ يَا شُعْبَةُ! تُعَلِّقُ اللُّؤْلُؤَ فِي أَعْنَاقَ الْخَنَازِيرِ

“Al-Aᶜmašh melihat aku sedang menceritakan suatu hadis kepada suatu kaum, lalu dia berkata: "Aduhai Šhuᶜbah! Engkau mengkalungkan mutiara pada leher babi!"”. [Kutipan daripada «*Jāmiᶜ Bayān al-ᶜIlm Wa Faḍlih*» karya Ibn ᶜAbdul Barr].

Al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal berkata:

مَعْنَى قَوْلِهِ لَا يَنْبَغِي أَنْ يُحَدَّثَ مَنْ لَا يَسْتَأْهِلُ

"Makna kata-katanya adalah tidak sepatutnya seseorang menceritakan suatu hadis kepada orang yang tiada keahlian". [Dikutip oleh Ibn al-Mufliḥ dalam «*al-Ādāb ash-Šharᶜiyyah Wa al-Minaḥ al-Marᶜiyyah*»].

Ibn Abū Šhaybah menamakan satu bab dalam kitabnya «*al-Muṣonnaf*»:

مَنْ قَالَ لَا يُحَدِّثُ بِالْحَدِيثِ إِلَّا مَنْ يُرِيدُهُ

"Orang yang berkata: “Jangan menceritakan hadis melainkan kepada orang yang memahukannya”".

Ustaz Rikrik Aulia Rahman, musnid dari Indonesia pernah berkata: "Saya selama ini menakar yang disebut ingin itu dengan melihat bagaimana usahanya. Jika dia sudah berkorban banyak fikiran, harta, waktu dan tenaga untuk mendapatkan riwayat, maka dia dianggap telah menginginkannya, ertinya sudah boleh diberi jalan untuk mendapatkan riwayat. Jika tidak, maka tidak". [https://www.facebook.com/rikrik.a.rahman/posts/pfbid0FffFS4hVhwaBakAihfZmHn9MBs24N3wAurgo2d8hUkRQpAFoLAuKKRAZrAhRkvtJl].

Kita hanya mampu tersengih sinis dan geleng kepala sambil melihat gelagat mereka yang acah-acah hiba ini kerana kita tahu semasa shaykh masih hidup, dialah orang yang paling menyia-nyiakan peluangnya.

Orang yang dengki ini buat apa? Menghabiskan banyak masa untuk menjatuhkan orang lain demi meraih kepentingan perhatian orang lain kepadanya, tetapi culas untuk mendapatkan sendiri riwayat dari para masyayikh.

Memang padan orang yang dengki tidak dapat apa-apa nikmat pun umpama segala usaha dia seperti kayu yang membakar dirinya kerana dia menaburkan segala kemarahan untuk menghancurkan orang lain, tetapi sebenarnya merugikan dirinya sendiri sama ada cepat atau lambat. Dia mungkin berjaya dalam matlamatnya, tetapi Allah jualah yang akan menghakimi apa yang dia buat.

Kalau saya sendiri buat majlis dirayah pun, adakah mereka akan hadir dan sudi belajar? Bahkan, sebahagian mereka yang sibuk berkata buruk tentang riwayat ini sebenarnya tidak tahu bahasa Arab dan tidak pernah mengkhatamkan apa-apa kitab pun. Langsung tidak mencerminkan fokusnya kepada pengajian dan dirayah.

Tiada siapa yang berkata bahawa hanya fokus satu bidang dalam seumur hidup ini dan segenap waktu adalah perkara yang baik tidak kira dalam riwayat atau selainnya walaupun setiap orang ada bahagian kepakarannya dalam satu bidang dan fokusnya untuk dia berbakti. Akan tetapi, yang menjadi masalah adalah kerana wujud orang yang dengki yang seringkali mencari jalan untuk menjatuhkan kita.

Faedah Riwayat Secara *Samāᶜ*

Ash-Shaykẖ Ḥasan bin Muḥammad al-Mashāṭ dalam «*at-Taqrīrōt as-Sunniyyah Sharḥ al-Manẓūmah al-Bayqūniyyah Fī Muṣṭolaḥ al-Ḥadīṯs*» berkata:

فَائِدَةٌ مِنْ فَضِيلَةِ الْمُسَلْسَلِ اشْتِمَالُهُ عَلَى مَزِيدِ الضَّبْطِ مِنَ الرُّوَاةِ.

وَاعْلَمْ أَنَّ أَفْضَلَ مُسَلْسَلٍ مَا دَلَّ عَلَى اتِّصَالِ السَّمَاعِ وَعَدَمِ التَّدْلِيسِ.

"Faedah: Antara kelebihan *al-Musalsal* adalah kerangkumannya pada pertambahan kejituan dari perawi. Ketahuilah bahawa sebaik-baik musalsal adalah apa yang menunjukkan penyambungan dengar dan ketiadaan tadlis".

Perenggan ini walaupun ringkas, tetapi mengandungi faedah yang banyak yang saya ingin menuangkannya.

Pertama, antara kepincangan yang terjadi pada pengajaran ilmu hadis adalah sebahagian pengajar apabila mengajarkan topik *al-Musalsal*, mereka tidak memiliki riwayat *al-Musalsal* yang mereka dapat tunjuk kepada pelajar walaupun satu dan walaupun *al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah* yang amat mudah didapatkan.

Contoh yang paling mudah adalah apabila disebutkan dengan bangga bahawa al-Musalsal yang paling sahih di dunia seperti *al-Musalsal Bi Qirōᶜah Ṣuroh aṣ-Ṣoff*, mereka tidak menyampaikannya kepada pelajar. Hanya sekadar berteori tanpa dapat menampilkan riwayat yang sebenar.

Sebegitu juga apabila menampilkan contoh *al-Musalsal* yang berkesinambungan pada kata-kata atau perbuatan atau kedua-duanya sekali atau dengan sifat tertentu pada aspek waktu, tempat, nama perawi, keturunan dan lain-lain.

Sedangkan, apabila sedar faedah riwayat *al-Musalsal*, iaitu ketersambungan dengar atau bacaan pada setiap peringkat periwayatan dan zaman, mereka yang berkecimpung dalam bidang hadis sepatutnya ada kesedaran besar untuk mendapatkannya kerana pemeliharaan inilah yang menjadi warisan ahli hadis.

Ketersambungan ini membuktikan isnad yang sentiasa bersambung yang merupakan keistimewaan umat Muḥammad

صلى الله عليه وآله وسلم yang mana ia tiada pada mana-mana umat yang lain. Ini adalah warisan yang kita amat bangga dengan memilikinya.

Namun, amat malang apabila mereka yang terlibat dalam hadis ini sendiri memudarkan warisan ini dengan tiada keinginan mencarinya dan hanya menanggapinya sebagai relik sejarah yang lepas. Lebih sekadar bernostalgia. Bahkan, ada yang beranggapan bahawa ia tidak penting atas alasan dirayah dan kefahaman lebih penting!

Sedangkan, pencarian *al-Musalsal* ini membuktikan kepada diri sendiri bahawa kita berusaha mencari shaykh yang memiliki riwayat *al-Musalsal* ini yang mana sekaligus mengenang pencarian penuntut hadis dalam mencari satu hadis dari para masyayikh dan berusaha untuk hadir ke majlis dan mendengarnya dengan penuh teliti agar kejituan pada dengar itu terjaga sepertimana yang dilakukan oleh para penuntut hadis pada masa dahulu.

Walaupun sekarang sudah dimudahkan dengan kemudahan komunikasi secara globalisasi, tetapi usaha pencarian tetap perlu dilakukan dan fokus untuk mengikat kejituan tetap dijaga agar kita akan menyampaikan sepertimana yang kita dapat.

Sekurang-kurangnya usaha pencarian ini dan fokus dalam majlis riwayat bersama masyayikh ada kelebihan pahalanya tersendiri walaupun suasananya berbeza dengan yang klasik.

Kita sendiri menampilkan bagaimana kita meriwayatkan sesuatu dengan format yang meyakinkan yang bebas dari

tadlis yang mana riwayat kita adalah dengan dengar secara langsung yang mana sesudah kita menyampaikan dengan format demikian, lalu realitinya adalah sebaliknya, maka sama ada kita berdusta atau tadlis. Oleh itu, ia mendidik kita untuk bertanggungjawab pada apa yang kita sampaikan dan menegaskan apa yang sepatutnya disebutkan.

Contohnya adalah seseorang yang dikatakan bahawa dia memiliki riwayat hadis *al-Musalsal* pada hari hari raya, tetapi apabila diteliti, ia sebenarnya mendapat riwayat tersebut bukan pada hari tersebut dan tidak menepati syarat *al-Musalsal* itu, tetapi hanya semata-mata mendengar pembacaan hadis itu ketika dibacakan kitab «*Jiyād al-Musalsalāt*» karya al-Imām as-Suyūṭiyy dalam satu majlis sahaja yang bukan pada hari yang sepatutnya dibacakan, iaitu hari raya.

Maka, dari sini, kita dapat menilai kejituan sebenar seorang perawi dan membuat saringan pada periwayatan mereka.

Tidakkah ini sebenarnya menghidupkan apa yang menjadi tradisi dalam ilmu hadis dalam menyemak kredibiliti, kejituan dan perincian riwayatnya walaupun ia semata-mata *al-Musalsal*?

Jangan meremehkan tradisi periwayatan kerana ia ada nilai yang tersendiri. Tradisi periwayatan sebenarnya mengekalkan tradisi ahli hadis walaupun beberapa dari pengamalan ilmu hadis tidaklah seketat sepertimana piawaiannya dan tidak diamalkan sepenuhnya.

Saya faham bahawa apabila saya menjelaskan ini, sebahagian pengajar ilmu hadis akan tersinggung kerana tidak

memiliki apa-apa riwayat. Saya sama sekali tidak mengingkari keluasan ilmunya dan ketajaman kefahamannya dalam ilmu hadis.

Cuma, mari kita fikirkan bersama tentang kepentingannya dari apa yang disebutkan di perenggan di atas.

Kalau kita benar-benar melangkah perjalanan kita sebagai manhaj ahli hadis, tidakkah sepatutnya untuk seseorang terlibat dengan ini dengan mendapatkan riwayat *al-Musalsal* secara minimum dalam mengekalkan warisan ahli hadis atau sekurang-kurangnya menikmati nostalgia suasana pencarian hadis?

Kemudian, apabila seseorang berbicara tentang *al-Musalsal* yang paling sahih di dunia, tetapi dia sendiri tidak ada riwayat itu, di mana nilainya dalam menampilkan umat ini dalam pewarisan riwayat secara terus-menerus? Pelajar sendiri ingin lihat sendiri nilai *al-Musalsal* itu.

Tidakkah kurang nilainya apabila kita mengajarkan suatu topik, tetapi tidak dapat dapat menampilkan contoh sebenar dan hanya mampu bernostalgia dengan relik yang lepas, sedangkan realiti sebenar di hadapan mata dan yang terkini boleh diaplikasikan?

Sebegitu juga apabila seseorang mengajarkan topik *Siyaġh at-Taḥammul* dan *Siyāġh at-Taḥdīṯs*.Kita akan lihat kadangkala mereka sendiri tidak dapat memberikan satu contoh untuk diri mereka.

Saya ambil contoh untuk diri saya bagi periwayatan kitab ini. Apabila saya mengajarkan topik *Siyāġh at-Taḥdīṯs*, saya boleh menyebutkan riwayat saya untuk kitab ini dengan

berkata: " أَخْبَرَنَا الشَّيْخُ قَاسِمٌ بْنُ إِبْرَاهِيمَ بْنِ حَسَنٍ الْبَحْرُ الْقُدَيْمِيُّ، عَنِ الْمُؤَلِّفِ الشَّيْخِ حَسَنٍ بْنِ مُحَمَّدٍ الْمَشَاطِ سَمَاعًا".

Ini bermakna, saya meriwayatkan kitab ini dengan *al-ᶜArḍ*, iaitu saya mendengar pembacaan kitab ini secara penuh kepada ash-Shaykẖ Qōsim al-Baḥr dan tanpa ijazah semata-mata. Di sini, ia menampilkan riwayat yang tiada celahan ijazah padanya.

Dari sinilah, kita nampak praktik ilmu hadis ini masih lagi melestari melalui tradisi riwayat.

Atas faktor inilah, kita dapat melihat keagungan penulisan kitab «*al-Muᶜjam al-Mufahros Aw Tajrīd Asānīd al-Kutub al-Mashhūroh Wa al-Ajzāᶜ al-Manṯsūroh*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ʿAsqolāniyy yang tiada tandingannya sepanjang zaman dalam pemeliharaan *Siyaġh at-Taḥammul* dan *Siyāġh at-Taḥdīṯs* dalam periwayatan.

Bagi sesiapa yang ingin memahami praktikal dalam topik *Siyaġh at-Taḥammul* dan *Siyāġh at-Taḥdīṯs*, inilah kitab yang saya cadang untuk ditelaah dan diperhatikan.

Malah, ini juga menghidupkan tradisi ahli hadis sepanjang usaha mereka dalam menuntut hadis sepertimana yang diterangkan.

Sekarang, apabila kita memiliki riwayat *al-Musalsal*, kita telah merealitikan apa yang disebutkan ash-Shaykẖ Ḥasan al-Mashāṭ ini. Ia adalah kerangkuman pada pertambahan kejituan perawi kerana apabila kita ingin mendapatkan periwayatan secara *al-Musalsal* ini, kita akan mendengar dan mengekalkan sifat tertentu.

Contohnya adalah apabila ia adalah berkaitan dengan *al-Musalsal* pada waktu tertentu, maka kita hanya menyampaikan apabila waktu itu sahaja dan amanah kepada apa yang disampaikan.

Kalaulah majlis riwayat tidak penting, cuba beritahu apa faedah penulisan kitab ini, apa faedah menerbitkannya dan apa faedah mencetaknya lagi?

Usah lihat pada muqaddimah penulis semata-mata. Perhatikan juga seni dalam penyampaian riwayat dengan menjaga *Siyaġh at-Taḥammul* dan *Siyāġh at-Taḥdīṯs* pada setiap peringkat periwayatan?

Kalau tidak dapat menerangkannya, bakar sahaja kitab ini dan yang seumpama dengan genre ini dan biarkan sahaja ia terkubur ditelan zaman kerana kalau kamu tidak melihat manfaatnya, maka boleh jadi umat ini pada zaman ini pun tidak dapat memanfaatkan apa-apa untuk kitab ini!

Kedua, jika berbicara tentang *Siyaġh at-Taḥammul* dan *Siyāġh at-Taḥdīṯs*, kita lihat pada zaman ini, sudah ditinggalkan periwayatan yang memelihara kedua-dua format ini ketika menyebutkan isnad mereka.

Fasa yang boleh dikatakan yang terakhir dalam penjagaan ini adalah pada masa ašh-Šhaykẖ ᶜAbdullāh bin Sālim al-Baṣriyy dan ašh-Šhaykẖ ašh-Šhihāb Aḥmad bin Muḥammad an-Nakẖliyy yang boleh dilihat dalam tsabat mereka.

Seterusnya, kita boleh lihat kebanyakan penulisan tsabat atau al-Fihris atau genre seumpama dengannya, semuanya meriwayatkan secara *al-Muᶜanᶜanah* (الْمُعَنْعَنَة) tanpa diusahakan untuk teliti sama ada salah seorang dari peringkat

periwayatan ada meriwayatkan secara dengar atau bacaan dengan formatnya.

Jika disebutkan formatnya, itu hanya pada peringkat shaykh yang diambil riwayatnya. Peringkat seterusnya yang ke atas hanya disambung dengan *al-Muᶜanᶜanah*.

Kita boleh lihat contoh sebahagian penulisan tsabat pada kurun ke-13 atau ke-14 yang berbangga bahawa isnadnya kepada «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» adalah paling tinggi di dunia dengan hanya 14 perantara sahaja sebagai contoh. Sedangkan, apabila diteliti sanadnya, semuanya penuh dengan *al-Muᶜanᶜanah* yang mengindikasikan ijazah semata-mata.

Sedangkan, sepakat ahli riwayat, bahkan ahli hadis bahawa periwayatan dengan bacaan atau dengar bacaan pada masyayikh adalah lebih bermerit berbanding riwayat dengan ijazah semata-mata. Riwayat dengan bacaan atau dengar sekalipun rendah, ia diutamakan berbandingkan riwayat dengan ijazah semata-mata sekalipun tinggi selagimana bukan rendah yang melampau.

Sepatutnya mereka yang berkecimpung dengan riwayat pun perlu ada usaha untuk mencari format ini pada setiap peringkat zaman kerana kita ingin menyampaikan riwayat dengan kualiti.

Bacalah kitab «*al-Muᶜjam al-Mufahros Aw Tajrīd Asānīd al-Kutub al-Mašhhūroh Wa al-Ajzāᶜ al-Manṯsūroh*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy dan renungkanlah apa yang menjadi faedah kepada penyebutan format pada setiap peringkat periwayatan.

Yang lebih teruk lagi adalah sebahagian isnad riwayat yang didakwa paling tinggi di dunia adalah melalui perantara

yang diragui keabsahannya seperti riwayat dari orang yang berusia panjang yang tidak diterima adat.

Apa nilainya isnad yang tertinggi di dunia kalau dipenuhi dengan *al-Muᶜanᶜanah*? Cuba perhatikan semula perkataan ash-Shaykẖ Ḥasan al-Mashāṭ ini yang disebutkan di atas tadi. Apa faedah *al-Musalsal*?

Tidakkah dapat menyampaikan periwayatan «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» dengan bacaan atau dengar lebih bobot meritnya kerana adanya penegasan kepada bacaan kitab kepada shaykh atau dengar bacaannya yang mengindikasikan kehadirannya dalam majlis periwayatan serta bebas dari tadlis sepertimana yang diinginkan dalam periwayatan?

Malangnya, semua ini ditinggalkan dan dibiarkan terkambus kerana meriwayatkan secara *al-Muᶜan ᶜanah* adalah mudah dan tidak memerlukan penelitian dan perluasan bacaan dalam memperoleh pengetahuan format penyampaian pada setiap peringkat.

Sekarang, saya melihat ada beberapa tokoh periwayatan yang berusaha untuk menghidupkan semula penyampaian periwayatan dengan menyebutkan format penyampaian pada setiap peringkat.

Antara yang aktif menggiatkan ini adalah ash-Shaykẖ Muḥammad Ziyād bin ᶜUmar at-Tuklah dalam pelbagai takhrijnya dan ash-Shaykẖ ᶜAbdullāh bin Ṣōliḥ al-ᶜUbayd at-Tamīmiyy melalui kitabnya «*al-Imtāᶜ Bi Ḏzikr Baᶜḍ Kutub as-Samāᶜ*». Malah, ini juga diusahakan oleh Aḥmad bin Sālim an-Najjār, salah seorang admin saluran Telegram Riyāḍ al-Asānīd.

Jasa mereka sangat besar dan ini memang menampakkan keluasan cerapannya dalam pelbagai kitab, bahkan manuskrip yang tidak terfikir pun seseorang merujuknya.

Ini apa yang sedikit sebanyak apa yang saya terlintas pada idea saya apabila melewati perenggan ini. Apabila direnungi semula, ia menyampaikan banyak perkara yang sudah terangkum dalam satu perenggan yang pendek.

Walaupun majlis riwayat tidak sepenting dirayah, tetapi warisan ini tetap dijaga. Bahkan, ramai dari kalangan ahli ilmu kebesaran pun tidaklah memudarkan dan mematikan majlis riwayat secara total sekalipun mereka adalah yang paling mementingkan dirayah! Malah, mereka sendiri pun ada riwayat yang direkodkan dan diwariskan riwayat mereka sepanjang zaman.

Cukuplah seseorang menelaah kitab «*al-Muᶜjam al-Mufahros Aw Tajrīd Asānīd al-Kutub al-Mašhhūroh Wa al-Ajzāᶜ al-Manṯsūroh*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy untuk melihat kepentingan majlis riwayat dan menyambungkan tradisi ini sepanjang zaman.

Semoga Allah merahmati ash-Šhaykẖ Ḥasan bin Muḥammad al-Mašhāṭ dan semua para ulama musnidin yang mempertahankan legasi ahli hadis dan meneruskan apa yang menjadi keistimewaan umat ini.

Tsabat: Tema Kitab Dalam Mengumpulkan Riwayat

Setiap cabang ilmu pasti ada kitab yang mempunyai tema tertentu. Contohnya adalah tema kitab yang mengumpulkan hadis-hadis palsu sebagai peringatan tentang kepalsuannya dipanggil tdengan *al-Mawḍūᶜāt* (الْمَوْضُوعَات).

Sudah tentu kitab yang berada di fasa penerusan yang mengumpulkan periwayatan seseorang itu ada kitab yang khas yang mempunyai tema tertentu. Ia dipanggil dengan *aṯs-Ṯsabat* (الثَّبَت).

Tsabat adalah tema karya yang ditulis oleh para ulama sejak zaman berzaman untuk mengumpulkan riwayat mereka.

Cuma, setiap pengarang akan berbeza dalam mengisi kandungan dalam tsabat mereka. Kadangkala, ada yang sekadar sebut nama masyayikh ijazah mereka sahaja. Kadangkala, ada yang tidak membiografikan masyayikh ijazah mereka dan sekadar menyebut sanad periwayatan sahaja. Kadangkala, ada yang membahaskan tentang kaedah dan disiplin periwayatan sebelum menyebut riwayat mereka.

Oleh itu, setiap kitab tsabat akan berbeza antara satu sama yang lain pada pengisiannya. Yang penting adalah ia adalah kitab yang berkaitan dengan periwayatan.

Nama tsabat ini juga beraneka. Ada yang disebutkan *al-Fahrosah* (الْفَهْرَسَة), iaitu indeks. Ada yang disebutkan dengan *al-Mašyakẖoh* (الْمَشْيَخَة), iaitu senarai masyayikh mereka atau

Muᶜjam ašh-Šyuyūkẖ (مُعْجَم الشُّيُوخِ), iaitu ensiklopedia kamus yang mengumpulkan senarai masyayikh mereka.

Penulisan tsabat ini sangat banyak. Dahulu lebih dikenali dengan penamaan *al-Mašyakẖoh* atau *Muᶜjam ašh-Šyuyūkẖ*. Antara mereka yang menghasilkan karya ini adalah al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy, muridnya al-Imām at-Tāj as-Subkiyy, Šharofuddīn ᶜAbdul Muᵉmin bin Kẖolaf ad-Dimyāṭiyy dan lain-lain.

Meskipun penamaan tsabat itu tidaklah terkenal sehingga ke zaman yang terkebelakangan seperti zaman Shaykẖ al-Islām Zakariyyā bin Muḥammad al-Anṣōriyy dan ašh-Šhaykẖ Ibn Ḥajar al-Haytamiyy, konsep pembukuan tetap sama.

Contohnya adalah kitab «*al-Muᶜjam al-Mufahros Aw Tajrīd Asānīd al-Kutub al-Mašhhūrot Wa al-Ajzāᵉ al-Manṯsūroh*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy. Beliau mengumpulkan sanad pelbagai kitab yang beliau baca kepada masyayikh ijazahnya atau dengar bacaannya atau selainnya dari metod penerimaan dan sangat teliti pada *Ṣiyāġh al-Adāᵉ* pada setiap peringkat periwayatan. Ini antara contoh tsabat yang paling komprehensif dan paling berkualiti yang tiada tandingannya sehingga sekarang.

Penulisan tsabat boleh dengan hasil tangan sendiri atau dari hasil kerja orang lain untuk khidmat kepadanya dalam mengumpulkan riwayatnya. Biasanya khidmat orang lain kepadanya dipanggil dengan *at-Takẖrīj* (التَّخْرِيج), iaitu mengeluarkan sumber periwayatan seseorang. Kadangkala, untuk zaman sekarang, ia meluas dengan ungkapkan dengan

al-Iᶜdād (الْإِعْدَاد), iaitu penyediaan atau *al-Jamᶜ* (الْجَمْع), iaitu pengumpulan.

Antara mereka yang menyumbang bakti pada zaman klasikal dalam mentakhrijkan riwayat dari masyayikh yang lain adalah al-Imām ᶜAlāmuddīn al-Qōsim al-Birzāliyy seperti takhrij beliau terhadap riwayat ašh-Šhaykẖah Zaynab binti al-Kamāl Aḥmad bin ᶜAbdul Roḥīm, ašh-Šhaykẖ Abū Bakr Aḥmad bin ᶜAbdul Dāᶜim, ašh-Šhaykẖ Bahāᶜuddīn Abū Muḥammad al-Qōsim bin Muẓoffar bin ᶜAsākir ad-Dimašhqiyy dan lain-lain.

Untuk zaman sekarang, antara yang memberi khidmat besar dalam takhrij riwayat dan ijazah masyayikh adalah ašh-Šhaykẖ Muḥammad Ziyād bin ᶜUmar at-Tuklah seperti takhrij beliau terhadap riwayat ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Roḥmān bin ᶜAbdul Ḥayy al-Kattāniyy, ašh-Šhaykẖ Muḥammad Muṭīᶜ al-Ḥāfiẓ bin Muḥammad Wāṣil, ašh-Šhaykẖ Ṣōliḥ bin Aḥmad ašh-Šhāmiyy dan lain-lain.

Banyak faedah yang kita boleh dapat melalui penghasilan tsabat, lebih-lebih lagi jika memerhati kitab «*al-Muᶜjam al-Mufahros Aw Tajrīd Asānīd al-Kutub al-Mašhhūrot Wa al-Ajzāᶜ al-Manṯsūroh*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy. Yang boleh saya sebut secara ringkas adalah dengan beberapa poin.

Yang pertama adalah memperkenalkan siapakah guru yang dia mengambil ilmunya dan riwayatnya atau murid yang mengambil daripadanya. Kadangkala, pertemuan antara guru dan murid boleh memberikan gambaran garis masa yang seseorang itu berada. Begitu juga dalam menyabitkan pertemuan antara seseorang dengan orang yang dia

mengambil riwayatnya dan ilmunya. Banyak faedah dari mengenali hubungan guru dan murid walaupun dalam periwayatan.

Yang kedua adalah dapat memastikan kepemilikan kitab kepada seseorang dengan melalui bukti periwayatan. Contohnya adalah berlaku pertikaian milik penisbahan kepemilikan kitab «*al-Waroqōt Fī Usūl al-Fiqh*» sama ada ia adalah milik al-Imām al-Juwayniyy atau al-Imām ašh-Šhīrōziyy. Apabila kita merujuk tsabat Shaykẖ al-Islām Zakariyyā bin Muḥammad al-Anṣōriyy yang menyabitkan pemilikan kitab ini kepada al-Imām al-Juwayniyy yang mana silsilah sanadnya adalah dengan dengar bacaan, bukan semata-mata ijazah kecuali dalam dua peringkat yang berasingan dan beliau pula mengambilnya dari al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy, maka dapatlah diyakini bahawa kitab ini adalah milik al-Imām al-Juwayniyy.

Yang ketiga adalah memperkenalkan kitab atau tokoh yang mungkin kita belum pernah dengar sebelum ini.

Yang keempat adalah apabila ia berkaitan dengan periwayatan yang bersanad, maka ia menambahkan sentimen untuk orang belajar, baca dan ambil peduli kandungan bagi kitab itu. Adakalanya, kitab yang mungkin dilupakan pembacaan atau kurang diberi sambutan boleh disegarkan semula dengan adanya periwayatan yang mengenangkan bahawa kitab ini pernah diberi perhatian khusus.

Yang kelima adalah mengekalkan sebahagian seni dalam ilmu hadis yang mengekalkan rantaian periwayatan sebagai pewarisan khabar dan ilmu dari yang terdahulu walaupun penapisan baginya tidak seketat sepertimana fasa awal kritik

hadis. Sanad adalah keistimewaan yang tidak akan didapatkan oleh mana-mana umat lain. Maka, ini cara untuk menzahirkan kebanggaan umat Islam dan warisan yang dipertahankan sepanjang zaman.

Banyak lagi kelebihannya yang seseorang boleh mendapatkannya sendiri dengan menelaahnya sendiri.

Kemudian, ada dua perkara yang perlu diperingatkan yang berkaitan.

Pertama, tsabat adalah tema buku. Perlu diketahui bahawa bukan semua buku yang berkaitan dengan periwayatan akan dinamakan dengan tsabat secara eksplisit. Kadangkala, tidak ditulis pun judul bukunya dengan perkataan tsabat, tetapi temanya menepati apa yang dipanggil dengan tsabat.

Sebab itu kadangkala apabila dikatakan bahawa ašh-Šhaykẖ fulan memiliki tsabat, bukan bermakna kitab itu bernama tsabat atau ada perkataan tsabat dalam judul kitab. Yang dimaksudkan adalah beliau memiliki kitab yang bertemakan tsabat, iaitu yang mengumpulkan riwayat beliau.

Contohnya adalah apabila dikatakan ašh-Šhaykẖ Yūsuf an-Nabhāniyy memiliki tsabat, maka yang dimaksudkan adalah kitab beliau yang berjudul «*Hādī al-Murīd Ilā Ṭuruq al-Asānīd*», bukan kitab beliau yang berjudul tsabat atau ada perkataan tsabat dalam judul buku tersebut. Maka, yang dimaksudkan adalah beliau memiliki kitab yang bertemakan tsabat.

Kedua, begitu perolehan riwayat tidak semestinya seseorang hanya fokus pada kitab yang bertemakan tsabat sahaja sepertimana seseorang boleh sahaja menemukan hadis

dalam kitab fiqh yang tidak hanya pada kitab hadis sahaja seperti kitab «*al-Umm*» karya al-Imām ash-Shāfiʿiyy yang mana kitab ini juga selain ia adalah kitab fiqh, ia juga adalah kitab hadis.

Boleh jadi ia ada dalam kitab yang memuatkan biografi ulama atau sejarah. Sanad bagi kitab dan format penyampaian pula boleh juga didapati di awal kitab kerana sebahagian kitab sememangnya diadakan majlis riwayat dan dicatat silsilah sanad periwayatan ada di awal kitab.

Dengan kata lain, pencarian riwayat ini perlu ada pembacaan luas yang tidak sekadar tertumpu pada yang bertemakan tsabat sahaja sepertimana pencarian hadis tidak hanya terfokus pada kitab hadis sahaja walaupun kitab hadis adalah rujukan utama.

Asas Takhrij Sanad Riwayat

Sebahagian orang apabila menghadiri majlis riwayat bersama pengijazah dan mendapat ijazah riwayat daripadanya, dia tidak mendapat sanad secara spesifik untuk kitab yang dibacakan. Ini kerana sememangnya pihak penganjur atau pengijazah tidak menyediakan sanad untuk kitab yang dibacakan. Paling baik pun pihak penganjur akan menyebutkan dalam hebahan bahawa pengijazah ini meriwayatkan dari ash-Shaykẖ fulan atau termasuk *masmūᶜāt* atau *maqruᶜāt* kepada ash-Shaykẖ fulan.

Antara sebabnya adalah mereka beranggapan bahawa masyayikh riwayat yang mereka ambil atau *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt* mereka sudah diketahui −walaupun hakikatnya tidak sebegitu dan ini yang saya akan sentuh nanti−. Sebegitu juga mereka beranggapan bahawa dengan memberikan maklumat secara sepintas tentang periwayatan mereka untuk suatu kitab, para peserta mampu untuk mentakhrij sendiri sanad yang ingin diidamkan.

Apapun, mari kita beranggapan bahawa riwayat pengijazah yang mengijazahkan kita untuk suatu kitab sudah diketahui pada masyayikh ijazahnya atau *masmūᶜāt*nya. Saya akan kongsi sedikit cara mentakhrij riwayat mereka bagi mereka yang pertama kali atau tiada pengalaman atau tiada pengetahuan dalam mentakhrijkan riwayat mereka.

Pertama, jika mereka ada karya bertemakan tsabat, sila rujuk dalam tsabat mereka kerana boleh jadi mereka sudah menyebutkan beberapa sanad kepada kitab yang dibacakan

dalam majlis seperti «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» dan lain-lain. Ketika ini, semuanya sudah dimudahkan.

Kedua, jika ada tsabat, tetapi tiada sanad yang spesifik bagi kitab yang seseorang menginginkannya atau tiada tsabat, tetapi pengijazah itu diketahui periwayatan mereka dari masyayikh riwayat mereka atau mereka menyebutkan sanad mereka bagi kitab yang kita menginginkan, tetapi kita ingin tambah lagi jalur periwayatan melalui mereka, maka kita boleh takhrij secara manual.

Sebelum saya menerangkan takhrij secara manual, seseorang wajib ada kemahiran pembacaan bahasa Arab kerana kebanyakan rekod tentang periwayatan masyayikh hampir kesemuanya ditulis dalam bahasa Arab. Oleh itu, sekadar bergantung kepada sumber terjemahan atau selain bahasa Arab amat terhad maklumatnya.

Apabila sudah ada penguasaan bahasa Arab, bolehlah seseorang boleh memulakan takhrij secara manual.

Ambil contoh yang seseorang ingin mendapatkan sanad bagi kitab «*al-Fawāᶜīd al-Makkiyyah Fī Mā Yaḥtājuhu Ṭolabah ašh-Šhāfiᶜiyya*h» karya ašh-Šhaykẖ ᶜAlawiyy bin Aḥmad as-Saqqōf ašh-Šhāfiᶜiyy melalui salah seorang jalur masyayikh ijazah *ᶜāmmah*, ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Muḥsin bin Muḥammad al-Qōsim untuk orang yang mendapat ijazah daripada ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Muḥsin.

Pertama sekali adalah kita lihat apakah ada seseorang yang ašh-Šhaykẖ ᶜAlawiyy as-Saqqōf mengijazahkan riwayat dan *ᶜāmmah* kepada seseorang yang lain.

Apabila kita rujuk kitab «*Minaḥ al-Majīd Fī Ijāzāt Wa Asānīd ašh-Šharīf al-ᶜAmīd*» karya Muḥammad bin Abū Bakr

bin Ḥusayn al-Ḥibšhiyy, didapati ašh-Šhaykẖ ᶜAlawiyy bin Ṭōhir al-Ḥaddād, mufti Johor ada meriwayatkan daripada ašh-Šhaykẖ ᶜAlawiyy as-Saqqōf. Dengan kata lain, ašh-Šhaykẖ ᶜAlawiyy as-Saqqōf ada mengijazahkan riwayat kepada ašh-Šhaykẖ ᶜAlawiyy al-Ḥaddād.

Setelah kita tahu bahawa sanad kitab ini bersambung melalui ašh-Šhaykẖ ᶜAlawiyy bin Ṭōhir al-Ḥaddād, maka kita cari pula siapa pula yang meriwayatkan daripada beliau.

Didapati bahawa ašh-Šhaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy ada meriwayatkan dari beliau apabila kita merujuk «*Bulūġh al-Amānī Fī at-Taᶜrīf Bi Šhuyūkẖ Wa Asānīd Musnid al-ᶜAṣr ašh-Šhaykẖ Muḥammad Yāsīn*» karya Muḥammad Mukẖtaruddīn al-Falimbāniyy dan «*Tašhnīf al-Asmāᶜ Bi Šhuyūkẖ al-Ijāzah Wa as-Samāᶜ*» karya ašh-Šhaykẖ Maḥmūd Saᶜīd Mamdūḥ.

Sebegitu juga didapati ašh-Šhaykẖ Aḥmad bin Abū Bakr al-Ḥibšhiyy ada juga meriwayatkan daripada beliau apabila kita merujuk «*Ṭīb aḏz-Ḏzikr Fī Ṯsabat Wa Asānīd Aḥmad Ibn Abī Bakr Ibn Aḥmad Ibn Ḥusayn al-Ḥibšhiyy*».

Sebegitu juga didapati saudaranya, ašh-Šhaykẖ Muḥammad bin Abū Bakr al-Ḥibšhiyy juga meriwayatkan dari beliau apabila kita merujuk kitab «*Minaḥ al-Majīd Fī Ijāzāt Wa Asānīd ašh-Šharīf al-ᶜAmīd*» karya Muḥammad bin Abū Bakr bin Ḥusayn al-Ḥabšhiyy.

Oleh itu, jalur ašh-Šhaykẖ ᶜAlawiyy bin Ṭōhir al-Ḥaddād melalui ketiga-tiga nama yang disebutkan.

Setelah itu, kita mendapati pula bahawa ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Muḥsin bin Muḥammad al-Qōsim pula meriwayatkan daripada ašh-Šhaykẖ Aḥmad bin Abū Bakr al-Ḥibšhiyy.

Oleh itu, sanad bagi kitab «*al-Fawāᶜīd al-Makkiyyah Fī Mā Yaḥtājuhu Ṭolabah ash-Šhāfiᶜiyyah*» karya ash-Šhaykẖ ᶜAlawiyy bin Aḥmad as-Saqqōf ash-Šhāfiᶜiyy adalah dari ash-Šhaykẖ ᶜAbdul Muḥsin bin Muḥammad al-Qōsim, dari ash-Šhaykẖ Aḥmad bin Abū Bakr al-Ḥibšhiyy, dari ash-Šhaykẖ ᶜAlawiyy bin Ṭōhir al-Ḥaddād, dari pengarang.

Bagaimana pula dengan yang melalui periwayatan ash-Šhaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy? Didapati bahawa ash-Šhaykẖ ᶜAbdul Muḥsin bin Muḥammad al-Qōsim tidak ada periwayatan secara langsung dari ash-Šhaykẖ al-Fādāniyy. Maka, periwayatan antara ash-Šhaykẖ ᶜAbdul Muḥsin dengan ash-Šhaykẖ al-Fādāniyy adalah melalui perantara.

Maka, perantara beliau kepada ash-Šhaykẖ al-Fādāniyy adalah boleh pada ash-Šhaykẖ Aḥmad bin Abū Bakr al-Ḥibšhiyy atau mana-mana masyayikh ijazah beliau yang lain, tetapi ia akan menjadi lebih rendah berbanding periwayatan tanpa melalui ash-Šhaykẖ al-Fādāniyy.

Untuk melalui ash-Šhaykẖ Muḥammad bin Abū Bakr al-Ḥibšhiyy pula, didapati beliau bukan termasuk salah seorang masyayikh ijazah bagi ash-Šhaykẖ ᶜAbdul Muḥsin dan tidak juga shaykh bagi masyayikh ijazah bagi ash-Šhaykẖ ᶜAbdul Muḥsin. Maka, tidak dapat diriwayatkan kitab ini melalui jalur ash-Šhaykẖ Muḥammad bin Abū Bakr al-Ḥibšhiyy dari ash-Šhaykẖ ᶜAbdul Muḥsin.

Bahkan, melalui jalur sanad ini, seseorang boleh meriwayatkan semua kitab pengarang yang lain atau sanad yang sah untuk bersambung melalui beliau.

Ini antara cara takhrij yang seseorang boleh melakukannya sendiri untuk pelbagai periwayatan yang lain.

Dari sini, nampaklah bahawa kerja pentakhrijan ini sememangnya memerlukan pembacaan yang luas, khususnya biografi para ulama dan pembacaan tsabat supaya jelas di mana penyambungnya serta ada kemahiran pembacaan bahasa Arab.

Untuk memantapkan praktikal kemahiran takhrij ini, saya menggalakkan seseorang membaca kitab dan lihat sendiri praktikal pentakhrij untuk pelbagai riwayat:

1. «*Al-Ijāzah al-ᶜIlmiyyah Fī Najd*» karya ash-Šhaykẖ Hišhām bin Muḥammad bin Sulaymān as-Saᶜīd.

2. «*Al-Ijāzāt al-Hindiyyah Wa Tarōjim ᶜUlamāᶜihā*» karya Abū Sirōj ᶜUmar bin Muḥammad Sirōj Ḥabībullāh.

3. «*Muᶜjam al-Maᶜājim Wa al-Mašhyaẖōt Wa al-Fahāris Wa al-Barōmij Wa al-Aṯsbāt*» karya ash-Šhaykẖ Yūsuf bin ᶜAbdul Roḥmān al-Marᶜašhliyy.

4. «*Fihris al-Fahōris Wa Muᶜjam al-Maᶜājim Wa al-Mašhyakẖōt Wa al-Musalsalāt*» karya ash-Šhaykẖ ᶜAbdul Ḥayy bin al-Kabīr al-Kattāniyy.

Pada kesempatan ini, ada empat perhatian penting yang perlu diambil cakna dalam pentakhrijan.

Yang pertama adalah seseorang perlu ambil tahu pada *masmūᶜāt* dan *maqrūᶜāt*.

Sebahagian kitab tidak diriwayatkan dengan semata-mata ijazah sama ada *kẖoṣṣōh* atau *ᶜāmmah*. Ada daripadanya didapatkan dengan dengan *samāᶜ* atau *qirōᶜah*.

Ini jelas apabila mereka menyebut dalam tsabat mereka sebagai contoh, mereka meriwayatkan «*Sunan Abū Dāwud*» secara contoh dengan format "حَدَّثَنَا" atau "أَخْبَرَنَا" atau " قَرَأْتُ

عَلَيْهِ" atau "عَنِ الشَّيْخِ قِرَاءَةً عَلَيْهِ" atau "عَنِ الشَّيْخِ سَمَاعًا" atau apa sahaja ungkapan yang menunjukkan wujudnya *samāᶜ* atau *qirōᶜah*.

Oleh itu, jika seseorang ingin meriwayatkan kitab yang spesifik yang termasuk dari *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt* daripada pengijazah yang mengijazahkan kepada mereka atau yang di atasnya, dipersilakan untuk menyebutkan dalam sanad dengan menyebutkan ini.

Contohnya adalah apabila seseorang terjumpa dalam sanad riwayat kitab «*Sunan Abū Dāwud*» sebagai contoh yang mana ia tertulis: " عَنْ زَكَرِيَّا بْنِ مُحَمَّدٍ الْأَنْصَارِيِّ، عَنِ أَبِي إِسْحَاقَ إِبْرَاهِيمَ بْنِ صَدَقَةَ الْحَنْبَلِيِّ", lalu apabila merujuk «*Tsabat Šhaykẖ al-Islām al-Qōḍī Zakariyyā Ibn Muḥammad al-Anṣōriyy*», didapati bahawa Šhaykẖ al-Islām Zakariyyā al-Anṣōriyy membaca kitab ini kepadanya, maka apabila kita ingin menuliskan riwayat, pastikan kita tulis: " عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ إِبْرَاهِيمَ بْنِ صَدَقَةَ الْحَنْبَلِيِّ قِرَاءَةً عَلَيْهِ" atau semakna dengannya bagi mengekalkan periwayatan yang sesuai dengan format penyampaiannya.

Untuk contoh perkara ini, saya boleh mencadangkan seseorang untuk membaca «*al-Muᶜjam al-Mufahros Aw Tajrīd Asānīd al-Kutub al-Mašhūroh Wa al-Ajzāᶜ al-Manṯsūroh*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy sebagai permulaan. Sila teliti bagaimana format yang digunakan dalam setiap tingkat sanad periwayatan.

Yang kedua adalah penggunaan "عَنْ" yang bermaksud periwayatan itu atas jalan ijazah sepertimana yang disebutkan al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy dalam «*Nuzhah an-Naẓor Fī Tawḍīḥ Nukẖbah al-Fikar Fī Muṣṭolaḥ Ahl al-Aṯsar*». Dengan kata lain, ia adalah periwayatan yang bukan termasuk dalam *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt* para periwayat itu.

Akan tetapi, adakalanya penulisan "عَنْ" ini sebenarnya termasuk juga *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt*, tetapi tidak dituliskan format sepertimana yang disebutkan tadi dan digantikan dengan penggunaan "عَنْ" kerana urusan pemudahan penulisan dan penyebutan ketika meriwayatkan sahaja.

Ini jelas apabila ia berkaitan dengan sebahagian riwayat *al-Musalsal* yang sama sekali tidak menerima semata-mata ijazah daripadanya, tetapi tetap ditulis dengan "عَنْ".

Oleh itu, perlu disemak di sumber lain sama ada ia adalah *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt* atau pun tidak. Jika pengijazah masih hidup, boleh ditanyakan sama penggunaan "عَنْ" yang ditulis atau disebutkan adalah ijazah atau ia termasuk daripada *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt* pengijazah yang mengijazahkannya.

Jika tidak dapat dipastikan, kekalkan sahaja dengan "عَنْ" dan anggap sahaja ia adalah ijazah kecuali jika dalam sebahagian riwayat yang *al-Musalsal*.

Tidak menjadi keslaahan kalau suatu riwayat yang memiliki dokumentasi wujudnya periwayatan secara *samāᶜ*

sebagai contoh ditulis dengan "عَنْ" seperti " عَنْ زَكَرِيَّا بْنِ مُحَمَّدٍ الْأَنْصَارِيِّ، عَنِ أَبِي إِسْحَاقَ إِبْرَاهِيمَ بْنِ صَدَقَةَ الْحَنْبَلِيِّ" kerana "عَنْ" itu sendiri sudah membuktikan wujudnya pengambilan riwayat dari shaykhnya.

Hanya sahaja ia mengurangkan nilai estetika dalam format penyampaian kerana penyebutan dengan periwayatan secara *samāᶜ* adalah lebih tinggi nilainya berbanding periwayatan dengan ijazah semata-mata yang kebanyakannya pada pengungkapan "عَنْ".

Yang ketiga adalah pentakhrijan ini hanya boleh dilakukan apabila adanya pengijazahan *ᶜāmmah* dari setiap perawi dalam jalur sama ada ijazah *ᶜāmmah* untuk semua periwayatan yang dia miliki atau ijazah *ᶜāmmah* untuk suatu riwayat yang spesifik.

Adapun pengijazahan secara *kẖōṣṣoh* secara mutlak seperti pengijazahan dengan sanad tertentu, pentakhrijan ini tidak dapat dilakukan kerana ijazah ini adalah terhad kepada apa yang dispesifikkan oleh pengijazah.

Seperti yang disebut pada bab yang lalu, asal penyebutan pengijazahan dalam karya tsabat atau biografi adalah ijazah *ᶜāmmah* kecuali jika dibuktikan sebaliknya.

Oleh itu, jika ditemukan dalam tsabat yang menyebutkan: "Fulan meriwayatkan dari ash-Shaykẖ fulan" atau"Masyayikh ijazah fulan adalah ash-Shaykẖ fulan dan ash-Shaykẖ fulan" atau "Ash-Shaykẖ fulan mengijazahkannya", dipersilakan melakukan takhrij sepertimana yang dibincangkan tadi.

Sebegitu juga jika pengijazah mengijazahkan *ᶜāmmah* kepada kitab «*al-Arbaᶜīn an-Nawawiyyah*» sahaja sebagai contoh, maka dia juga boleh melakukan takhrij seperti tadi, tetapi hanya terhad untuk kitab itu sahaja dan tidak boleh sama sekali dilakukan untuk kitab yang lain. Sebegitu juga pengijazah mengijazahkan *ᶜāmmah* untuk riwayat ašh-Šhaykẖ al-Fadāniyy sahaja.

Oleh itu, sepertimana yang disebutkan dalam artikel tentang konsep asas ijazah *ᶜāmmah* dan *kẖōṣṣoh*, seeloknya setiap penerima ijazah cakna tentang pengijazah mengijazahkan *ᶜāmmah* atau *kẖōṣṣoh* supaya jelas.

Bagaimana pula jika pengijazah mengijazahkan tsabatnya? Perlu dilihat jika dalam tsabat itu disebutkan pengijazahan *ᶜāmmah* atau tidak. Jika ada, maka ditanggung ijazah *ᶜāmmah* sekalipun tidak dilafazkan ijazah *ᶜāmmah* atau sememangnya diketahui bahawa pengijazah itu sememangnya bermurah hati mengijazahkan *ᶜāmmah*.

Jika tiada dan biasanya tsabat ini hanya menyebutkan beberapa masyayikh ijazahnya yang dia meriwayatkannya dan menyebutkan beberapa sanad yang bersambung kepada sesuatu riwayat, maka ditanggung sebagai ijazah *kẖōṣṣoh* yang terhad yang ada dalam kitab itu dan periwayatan daripadanya hanya sekitar apa yang di dalam tsabat itu melainkan jika diketahui bahawa pengijazah itu apabila mengijazahkan sesuatu, pasti dia akan mengijazahkan *ᶜāmmah*.

Apapun, lebih elok untuk mendapatkan kenyataan jelas tentang perkara ini agar tidak berlaku kesamaran dan pertikaian.

Yang keempat adalah walaupun seseorang perawi itu memiliki ijazah *ᶜāmmah* dari seorang shaykh, bukan bermakna dia boleh disambungkan apa sahaja riwayat untuknya kerana ada sebahagian *al-Musalsalāt* tidak sah disambungkan kepadanya memandangkan dia tidak mengambil *al-Musasal* itu dari shaykh tersebut.

Contohnya adalah walaupun al-Qolqošhandiyy memiliki riwayat umum dari al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy, bukan bermakna kitab oleh menyambungkan riwayat *al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah* bagi al-Qolqošhandiyy kepada beliau kerana al-Qolqošhandiyy tidak mengambil *al-Musalsal* ini dari beliau, tetapi dari orang lain.

Orang yang popular yang mengambil *al-Musalsal* ini dari beliau adalah Šhaykẖ al-Islām Zakariyyā al-Anṣōriyy. Maka, sewajarnya sanad *al-Musalsal* dari beliau ini disambungkan melalui Šhaykẖ al-Islām Zakariyyā al-Anṣōriyy.

Kenapa Sebahagian Pengijazah Tidak Diketahui Riwayatnya?

Saya menambah bab ini kerana saya melihat sebahagian orang kecewa apabila pihak penganjur dan pengijazah tidak menyediakan ijazah sanad riwayat kepada peserta untuk kitab yang dibacakan.

Malah, saya secara peribadi juga berhadapan dengan situasi ini. Lebih mengecewakan lagi adalah pengijazah itu tidak diketahui pun periwayatannya. Bahkan, mungkin hanya dikenali pada nama sahaja.

Sebegitu juga apabila seseorang membaca tsabat para masyayikh, sebahagian masyayikh periwayatan mereka pun tidak diketahui yang hanya diketahui melainkan nama sahaja.

Ada beberapa sebab untuk perkara ini. Yang pertama adalah dari pihak pengijazah itu sendiri. Kadangkala, walaupun mereka dijemput sebagai pengijazah, tetapi usia mereka masih dianggap muda seperti baru 45 tahun atau 50 tahun. Mereka juga masih penuntut seperti kita dan mereka juga ingin mencari riwayat yang lain yang lebih senior lagi sepuh daripada mereka.

Jika mereka menyenaraikan apa yang mereka telah dapat seperti ditulis dalam tsabat, lalu ada pertambahan dari penyenaraian nama masyayikh ijazah mereka, bukankah ini akan merumitkan penulisan mereka dalam memperkenalkan riwayat mereka?

Namun, pada saya, ini tidak patut kerana kebanyakan media sosial sudah ada pautan untuk hantaran yang diterbitkan jika ingin merujuknya dan hantaran tersebut boleh diedit pada

bila-bila masa, lebih-lebih lagi Facebook atau Telegram. Sepatutnya mereka memanfaatkannya pilihan edit yang disediakan.

Mereka tidak perlu menerbitkan tsabat terlebih dahulu jika masih mencari dan menambah. Jika perlu pun, tulis di Facebook atau di mana-mana platform lain, kemudian edit pada bila-bila masa dengan memberitahu tarikh perubahan di hantaran yang terbaru dengan mengepilkan pautan yang khusus untuk periwayatannya. Apabila orang ingin rujuk dengan pautan hantarannya, boleh dikongsikan kepada orang lain dan dia pun mudah untuk merujuknya jika ada sebarang suntingan.

Yang kedua adalah sebahagian komuniti yang rapat dengan pengijazah sudah sedia maklum periwayatan mereka, tetapi tidak pada orang luar. Kadangkala, apabila saya bertanya kepada orang yang rapat dengannya, barulah saya dapat tahu siapa masyayikhnya dan apa periwayatannya.

Kadangkala, pihak pengacara majlis pun perlu ambil masa yang lebih lama jika ingin menulis biografi dan menyenaraikan periwayatannya apabila ingin menghebahkan majlis. Malah, pengumuman majlis akan menjadi sebuah karangan panjang jika ingin memperkenalkan kesemuanya. Atas sebab itu, mereka tidak menyebutkannya dan beranggapan orang ramai sudah tahu apa periwayatannya.

Ini juga tidak sepatutnya berlaku kerana boleh sahaja pihak pengacara majlis buat satu saluran khas untuk mengumpulkan biografi masyayikh yang dijemput dan boleh dijadikan rujukan.

Yang ketiga adalah kadangkala sememangnya kelalaian dan sikap lengah sebahagian mereka yang rapat dengannya atau

mengenalinya atau pihak penganjur majlis untuk mendapatkan maklumat mengenainya.

Apa yang mereka sibuk hanyalah kejar ijazah darinya dan mendapatkan *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt* yang pelbagai daripadanya, tetapi rekod-rekod penting seperti masyayikh ijazah dan riwayatnya tidak diambil berat. Kemudian, apabila shaykh itu meninggal dunia, hilang bersamanya maklumat tentang masyayikh ijazah mereka.

Sangat mendukacitakan mereka yang dengan murid rapat atau orang rapat atau orang yang selalu mengadakan majlis riwayat bersamanya tidak memerincikan perkara ini daripada shaykh sendiri ketika shaykh masih hidup. Bagi saya, ini adalah satu bentuk pengkhianatan kepada umat yang ada perhatian kepada riwayat kerana orang yang rapat ini tidak memanfaatkan peluang yang besar dan kesempatan yang luas ketika shaykh masih hidup untuk memerincikan perkara ini dengan bertanya kepadanya atau selidik dokumentasinya jika ada.

Sebegitu juga yang mendukacitakan apabila ada seorang shaykh yang meninggal dunia dikatakan ada 200 masyayikh riwayat, tetapi sampai sekarang tiada siapa yang mengongsikannya walau satu nama pun. Mana muridnya yang rapat yang ada perhatian dengan riwayat? Apakah kerana bakhil atau menyembunyikan sesuatu kerana kepentingan diri atau dia juga termasuk pengkhianat yang tidak memanfaatkan peluang yang ada semasa shaykh masih hidup?

Apa guna menyebutkan shaykh ada 200 orang masyayikh ijazah kalau akhirnya kita tidak tahu apa-apa dan tidak dapat mewariskan apa-apa pun daripadanya?

Bahkan, apabila tentang periwayatan shaykh, masing-masing enggan untuk menjawabnya seakan-akan shaykh adalah seorang agen rahsia dari kerajaan. Bahkan, sehingga menyindir kami yang hadir ke seorang shaykh yang kami belum pernah kenal sebelum ini dengan berkata: "Kamu hadir ke majlis ini tanpa mengenali shaykh yang kamu ingin ambil riwayat? ". Padahal kita hadir kerana kita tidak mengenalinya dan kita ingin meminta maklumat dari admin terus jika berkesempatan. Namun, dia enggan dan bakhil!

Dia mengajak orang ramai dengan menghebahkan nama shaykh yang tidak jelas seperti ašh-Šhaykẖ Ibrōhīm al-Kẖoṭīb sahaja tanpa ada pengenalan ringkas atau maklumat yang membezakannya dengan orang lain. Kemudian, dia menjangkakan orang ramai mengenalinya sama seperti dia mengenalinya? Beginikah cara dia membalas para peserta yang hadir untuk mengisi majlis dia?

Semoga Allah mengharamkan kebaikan dari periwayatan mereka sepertimana mereka mengharamkannya dari orang lain. Tidak ada keberkatan pun pada majlis yang menyembunyikan hak muslimin dan menghalangi mereka dari mendapatkan haknya, iaitu mengenali orang yang dia mengambil riwayat dan mengambil ilmunya.

Tambah lagi menghairankan adalah apabila mereka ingin meminta hadirin mengisi borang kehadiran atau borang permohonan ijazah riwayat, nama yang diminta untuk diisi adalah nama kita, nama ayah, nama datuk dan nama moyang! Sehingga sebegitu sekali dia mintaa ketelitiannya kerana mereka tidak mahu terkeliru dengan nama orang yang sama! Jika tidak menunaikannya, mereka tidak akan memasukkan nama kita dalam senarai.

Namun, mereka ini dalam memperkenalkan shaykh yang dijemput dalam majlis, mereka hanya memperkenalkannya dengan ash-Shaykẖ Jaᶜfar Aḥmad al-Binġhāliyy sahaja! Entah apa nama ayahnya, entah apa nama datuknya, entah apa nama moyangnya, entah apa biografinya, entah apa maklumat periwayatannya dan entah apa yang ada pada individu ini.

Ini sememangnya antara sikap kederhakaan terhadap syaikh mereka sendiri kerana melalaikan perekodan periwayatan mereka. Murid jenis apa yang berperangai sebegini yang tidak ambil berat untuk merekodkan perkara yang penting yang bermanfaat untuk ditinggalkan kepada umat?

Sebegitu juga yang menyedihkan adalah apa yang saya saksikan sendiri apabila ada seorang shaykh yang dikatakan memiliki isnad yang tinggi meninggal dunia, tiba-tiba ada keraguan dan pertikaian tentang shaykh yang meriwayatkan dari shaykhnya itu sekadar *kẖōṣṣoh* sahaja atau *ᶜāmmah* atau sekadar menghadiri pengajian sahaja tetapi tiada siapa pun yang berjaya menjawabnya dengan tuntas dan meyakinkan sekalipun dari mereka yang kerap mengadakan majlis bersama shaykh tersebut atau rapat dengannya!

Sedangkan, al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy dalam «*al-Majmaᶜ al-Muᶜassis Li al-Muᶜjam al-Mufahros*» membezakan masyayikhnya dalam riwayat dan masyayikh dalam dirayah!

Untuk zaman sekarang, sangat patut untuk memperincikan lagi masyayikh riwayat dengan masyayikh yang mengijazahkan *kẖōṣṣoh* sahaja dan masyayikh yang mengijazahkan *ᶜāmmah*.

Saya pernah lihat biografi seseorang musnid yang menyenaraikan ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Roḥmān bin Šhaykẖ bin ᶜAlawiyy al-Ḥibšhiyy sebagai shaykh yang dia mengambil ilmunya, sedangkan sudah maklum bahawa beliau adalah orang awam yang hampir-hampir tiada pengajian daripadanya. Bagaimana boleh tersenarai dalam masyayikh yang dia bertalaqqi ilmu darinya?

Sebegitu saya melihat biografi beberapa musnid yang mana penulis biografi memasukkan senarai masyayikhnya adalah ašh-Šhaykẖ Ibn Bāz atau ašh-Šhaykẖ al-Albāniyy atau ašh-Šhaykẖ Ibn ᶜUṯsaymīn atau ašh-Šhaykẖ Yaḥyā bin ᶜAbdul Rozzāq al-Ġhowṯsāniyy tanpa membezakan sama sama ada masyayikh pengajian semata-mata atau masyayikh periwayatan sama ada *kẖōṣṣoh* sahaja atau *ᶜāmmah*.

Sedangkan, semua yang terlibat dalam periwayatan telah tahu bahawa kesemua nama ini tidak mengijazahkan *ᶜāmmah* kepada sesiapa pun melainkan yang sangat sangat sangat sangat jarang. Kita pun tahu bahawa musnid yang dibiografikan itu pun sememangnya tiada apa-apa hubungan istimewa dengan mereka sehingga berhak ijazah *ᶜāmmah* pun daripadanya melainkan sekadar berdamping untuk belajar. Kalau ada pun, perolehan ijazah *ᶜāmmah* amat tidak memungkinkan secara pasti. Kenapa culas untuk membezakan ini, padahal perkara ini sangat serius untuk diperhalusi dengan teliti?

Akhirnya, apabila kita ingin meriwayatkan daripadanya, kita tidak dapat memastikan bahawa shaykh ini meriwayatkan daripada shaykhnya secara *kẖōṣṣoh* sahaja atau tiada ijazah riwayat langsung daripadanya kerana itu adalah shaykh yang dia hadir ke pengajiannya sahaja. Lalu, apa manfaat ijazah dari

mereka kalau tidak dapat mewariskan apa-apa secara pasti daripadanya?

Semoga Allah membaiki keculasan yang ada pada sebahagian umat dari kalangan pembiografi dan orang yang merekod sesuatu dari shaykh riwayat.

Saya teruja melihat kehati-hatian ash-Shaykẖ Muḥammad Ḥuḥūd at-Timsimāniyy dalam kitab «*Arīj al-Ġhowālī Bi Ḏzikr Mashāyikẖ al-ᶜAṣr Wa Tarōjimihim Wa Ḏzikr Mā Ladayhum Min al-Asānīd al-ᶜAwālī*» ketika menyenaraikan masyayikh ash-Shaykẖ Muḥammad Sāmir bin Muḥammad Mamdūḥ an-Naṣ ad-Dimashqiyy.

Ketika menyebutkan salah seorang masyayikhnya, ash-Shaykẖ Ibrōhīm al-ᶜĪd, beliau berkata bahawa ash-Shaykẖ Muḥammad Sāmir an-Naṣ mengambil *al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah* dan *al-Musalsal Bi Ijābah ad-Duᶜāᶜ Fī al-Multazam*[4]. Ash-Shaykẖ at-Timsimāniyy berkata bahawa berkemungkinan ash-Shaykẖ Ibrōhīm al-ᶜĪd mengijazahkan *ᶜāmmah* kepada ash-Shaykẖ Muḥammad Sāmir an-Naṣ.

Sebegitu juga ketika menyebutkan masyayikhnya seperti ash-Shaykẖ Iqbāl al-Aᶜẓōmiyy. Beliau mendengar *al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah* dan *al-Musalsal Bi Qirōᶜah Surōh aṣ-Ṣoff*[5]. Ash-Shaykẖ at-Timsimāniyy berkata bahawa berkemungkinan beliau mengijazahkan *ᶜāmmah* kepadanya.

---

[4] Rantaian setiap perawi yang ingin meriwayatkan hadis ini akan berdoa di Multazam dan apabila ada doanya diperkenankan, dia berkata ketika meriwayatkan hadis ini:

أَنَا مَا دَعَوْتُ اللَّهَ فِيهِ إِلا اسْتَجَابَ لِي

“Tidaklah aku berdoa kepada Allah padanya melainkan Dia memperkenankan untukku”.

[5] Rantaian setiap perawi yang setiap kali ingin meriwayatkan hadis ini, dia akan membacakan Surah aṣ-Ṣoff.

Ini juga boleh dilihat sikap ašh-Šhaykẖ at-Timsimāniyy ketika menyebutkan masyayikhnya seperti ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul ᶜAzīz ᶜUyūn dan ašh-Šhaykẖ Muḥammad Nūruddīn al-Kẖoṭīb.

Bahkan, dalam Abū al-Ḥasan Muḥammad Maᶜrūf al-Jānūbiyy dalam «*Tuḥfah al-Mubdī Fī Ṯsabat Šhaykẖinā al-Kiyāhī ᶜAliyy Masᶜadī*» juga membezakan masyayikh pengajian, masyayikh riwayat *ᶜāmmah* dan masyayikh riwayat *kẖōṣṣoh* ketika menyenaraikan masyayikh ašh-Šhaykẖ ᶜAliyy Masᶜadī.

Malang sekali bahawa sikap kehati-hatian ini hilang pada sebahagian orang dan secara gampangnya berkata masyayikh fulan adalah fulan, fulan dan fulan tanpa diperhalusi dan dijelaskan dengan seberhaknya sehingga menggambarkan bahawa setiap masyayikhnya adalah masyayikh riwayatnya.

Semoga Allah memperelokkan urusan ini kepada umatnya dan membersihkannya dari apa yang tidak sepatutnya dalam periwayatan.

Yang keempat adalah kerana adakalanya sebahagian masyayikh ijazah bagi pengijazah ini ada dari kalangan yang kontroversi yang jika disebut namanya, pasti akan ada konotasi negatif dari pihak sekelilingnya seperti ahli bidaah atau orang yang menyimpang dari ahli sunnah atau pelbagai lagi.

Saya pernah sahaja terjumpa orang mempersoalkan akidah salah seorang musnid kerana didapati ada ijazah dan daripada golongan yang dari kalangan ahli bidaah atau ada *masmūᶜāt* kitab ahli bidaah.

Bagi saya, ini alasan yang tidak ada valid kerana dua sebab. Yang pertama adalah tiada siapa yang boleh memuaskan hati semua orang. Kalau ada orang ingin benci dan boikot kita,

jangankan soal ijazah dari siapa yang diambil dan diriwayatkan, isu piscisan pun akan dibangkitkan untuk menimbulkan kebencian pada orang lain.

Oleh itu, bagi saya, tiada keuzuran atau alasan untuk zaman ini dalam tidak merekodkan periwayatan dari pengijazah yang dijemput untuk mengijazahkan kepada peserta walaupun hanya sekadar menyenaraikan nama masyayikh riwayat yang dia ambil daripadanya. Pada saya, ia adalah sikap culas dan ambil sambil lewa sahaja.

Kita boleh faham bagi mereka yang di usia sepuh yang tidak mampu memanfaatkan teknologi pada hari ini. Namun, bukankah sepatutnya yang muda yang ada kecelikan dalam teknologi dan kemampuan akal untuk mempelajarinya seringkali menjemput mereka sebagai pengijazah membantu mereka dalam merekodkan apa yang sepatutnya dari mereka pada periwayatan mereka? Sebegitu juga pengijazah yang muda dalam merekodkan dirinya sebelum memperkenalkan kepada orang lain.

Jika dalam ilmu dan kefahaman pun kita menapis guru yang kita ingin ambil ilmunya dan pendidikannya, maka dalam periwayatan pula kita perlu menapis masyayikh yang kita ingin ambil riwayat daripadanya. Apa guna banyak senarai nama masyayikh riwayat kalau banyak daripadanya tidak dapat dimanfaatkan untuk diriwayatkan apa-apa pun?

Apa tujuan majlis periwayatan? Supaya melestarikan apa yang diwarisi dari yang terdahulu. Justeru, bagaimana seseorang dapat meneruskan periwayatan dari seseorang yang tidak diketahui riwayatnya? Sangat menghairankan sebahagian orang menjemput beberapa pengijazah yang amat sukar untuk

diakses pengetahuan tentang periwayatannya atau tidak diketahui langsung! Sebegitu juga seseorang yang mengkehadapankan diri pengijazah yang juga amat sukar diketahui tentang periwayatannya.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengongsikan ironi yang saya temui yang berkaitan dengan ini. Saya pernah menghadiri majlis pembacaan bahagian awal untuk beberapa kitab tafsir bersama ash-Shaykẖ Muḥmmad Nūruddīn bin Muḥammad Ṣōliḥ al-Kẖoṭīb. Apabila sampai ke tafsir Ibn ᶜĀshūr atau dikenali dengan «*at-Taḥrīr Wa at-Tanwīr*», tiba-tiba ada satu hantaran dari seorang admin pengelola majlis yang menyebutkan bahawa ash-Shaykẖ Muḥmmad Nūruddīn sama sekali tidak mempunyai ijazah riwayat dari Ibn ᶜĀshūr mahupun dari mana-mana perantara masyayikh ijazahnya.

Saya mengenali admin ini dan mengikuti sebahagian majlis yang dia kelola. Ketika dia memberitahu bahawa orang lain cuba mendapatkan riwayat kitab ini melalui shaykh yang tiada riwayat daripada penulis kitab itu, dia sendiri pun mengadakan majlis riwayat untuk membacakan apa sahaja kitab yang dia jumpa.

Yang melucukan adalah apabila kita baca muqaddimah pentahqiq bagi suatu kitab yang ingin dibacakan dalam majlis riwayat, terang-terangan pentahqiq menyebut bahawa dia tidak menemui senarai muridnya. Bagaimana mungkin ada riwayat yang bersambung kepadanya? Bagaimana orang yang ada perhatian pada periwayatan ini sangat cuai pada perkara ini?

Banyak kitab yang dibacakan yang sememangnya tidak akan ditemui pun sanad bersambung kepadanya, tetapi tidak segan untuk membacakannya meskipun demikian. Apabila

salah seorang hadirin bertanya tentang sanad suatu kitab yang dibacakan, dia berlepas diri dengan berkata: "Sudah ada ijazah *ᶜāmmah* dari masyayikh yang bersambung sanadnya. Tinggal sahaja seseorang mentakhrijnya dan menyambungkannya sendiri!". Seakan-akan jawapan dengan ijazah *ᶜāmmah* sudah membolehkan dia berlepas diri untuk menyemak sanad periwayatan.

Mana pengamalan kata mereka: "Dengan syarat ahli hadis dan atsar" ketika pengijazahan mereka? Apakah hanya sekadar di mulut sahaja tanpa ada kehati-hatian? Ijazah *ᶜāmmah* bukannya boleh menyambungkan kepada segala-galanya.

Kita tidak ada masalah pun jika dia ingin menjadikan pembacaan yang tiada kaitan dengan riwayat. Namun, dari hebahan majlis tidak mencerminkan yang sebenarnya dan inilah salah satu bentuk penipuan dalam periwayatan, iaitu mendakwa ada riwayat sanad yang bersambung kepadanya, tetapi hakikatnya tidak ada.

Kita bukan menafikan manfaat yang terkandung dalam kitab. Banyak sahaja kitab yang tiada riwayat sanad yang bersambung, tetapi ia bertahan kualitinya sehingga ke hari ini. Pun begitu, yang kita sedang membincangkan adalah menghebahkan sesuatu yang tidak ada pada realitinya. Apakah ini bukan suatu kecuaian yang tiada kemaafan untuknya kalau ia bukan suatu bentuk dosa?

Golongan Yang Menggiatkan Tradisi Periwayatan

Tradisi periwayatan ini digiatkan oleh semua golongan yang ingin menjayakannya sama ada dari Ašhāᶜirah-sufi, salafi dan syiah zaydiyyah.

Untuk Ašhāᶜirah-sufi, ia sudah maklum dan ini mendominasi dalam persada sejarah sehingga tidak perlu diulangi perincian tersebut.

Untuk salafi, amalan pengijazahan ini juga dilakukan oleh Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah. Ini jelas bahawa pada akhir kitab «*Jawāmiᶜ al-Kalim aṭ-Ṭoyyib*», wujud catatan bahawa Badruddīn Abū ᶜAbdullāh Muḥammad bin Šharofuddīn Maḥmūd bin Ismāᶜīl mendengar beberapa fasal awal dari kitab dan Šhaykẖ al-Islām mengijazahkan *ᶜāmmah* kepadanya.

Sebegitu juga Šhaykẖ al-Islām juga ada menuliskan ijazah kepada Muhaḏzḏzabuddīn Abū al-Futūḥ Muḥammad bin Aḥmad al-Aṣfahāniyy yang mana di dalamnya menyebutkan bahawa beliau mendengar «*Musnad Aḥmad*» dari pelbagai masyayikh. Seperti itu juga «*al-Muᶜjam al-Kabīr*» karya aṭ-Ṭobrōniyy, «*Sunan Abū Dāwud*», «*Jāmiᶜ at-Tirmiḏziyy*» dan «*Ṣoḥīḥ Muslim*».

Sebegitu juga Šhaykẖ al-Islām pernah mengijazahkan kepada seorang Yahudi, Yūsuf bin ᶜAbdul Sayyid bin al-Muhaḏzḏzib Isḥāq bin Yaḥyā al-Isrōᶜiliyy yang hadir ke majlis hadis dan kitab «*Juzᶜ Ibn ᶜItroh*» yang mana dia mendengarnya daripada ash-Shams Muḥammad bin ᶜAbdul Muᶜmin aṣ-Ṣūriyy, lalu beberapa masa kemudian, dia pun menganut Islam dan

dipanggil dengan nama Muḥammad, lalu dia menyampaikan apa yang dia dengar. Hal ini direkodkan oleh al-Ḥāfiẓ as-Sakẖōwiyy dalam «*Fatḥ al-Muġhīṯs Šharḥ Alfiyyah al-Ḥadīṯs*».

Ibn Nāṣiruddīn ad-Dimašhqiyy dalam «*ar-Rodd al-Wāfir ᶜAlā Man Zaᶜama Bi Anna Man Samma Ibn Taymiyyah Bi Šhaykẖ al-Islām Kāfir*» menyebutkan bahawa Ibn Taymiyyah adalah orang pertama yang merespons permintaan ijazah daripada Abū ᶜAbdullāh Muḥammad bin Yaḥyā bin Saᶜd al-Maqdisiyy kepada ulama semasanya yang berjumlah seribu orang.

Sebegitu juga beliau menyebutkan beberapa dokumentasi majlis riwayat *samāᶜ* dan mengijazahkan kepada hadirin. Bahkan, sebahagiannya disebutkan sanad periwayatannya secara *samāᶜ* kepada kitab tersebut.

Sebegitu al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy dalam kitabnya «*al-Majmaᶜ al-Muᶜassis Li al-Muᶜjam al-Mufahros*» menyebutkan beberapa masyayikhnya yang memiliki riwayat *samāᶜ* kepada Ibn Taymiyyah dan meriwayatkan riwayat *samāᶜ* Ibn Taymiyyah dengan sanad yang bersambung.

Sirōjuddīn Abū Ḥafṣ ᶜUmar bin ᶜAliyy al-Bazzār al-Baġhdāriyy menyebutkannya dalam «*al-Aᶜlām al-ᶜAliyyah Fī Manāqib Ibn Taymiyyah*» juga menyebutkan bahawa Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah memiliki riwayat *samāᶜ* bagi kitab «*Musnad Aḥmad*», «*Ṣoḥiḥ al-Bukẖōriyy*», «*Ṣoḥīḥ Muslim*», «*Jāmiᶜ at-Tirmiḏziyy*», «*Sunan Abū Dāwud as-Sijistāniyy*», «*Sunan an-Nasāᶜiyy*», «*Sunan Ibn Mājah*» dan «*Sunan ad-Dāruquṭniyy*» kepada lebih seorang shaykh.

Bahkan, beliau sendiri sepertimana yang disebutkan dalam kitab tadi mencadangkan untuk mengadakan majlis «*Ṣoḥiḥ al-Bukẖōriyy*» bersama ash-Šhaykẖ ash-Šhihāb Aḥmad bin Abū Ṭōlib al-Ḥajjār secara terbuka yang dihadiri oleh orang ramai. Majlis diadakan sebanyak 20 majlis secara berturut-turut melainkan hari Jumaat dan Šhaykẖ al-Islām mendengar pembacaannya kepadanya secara penuh.

Amat menghairankan seseorang yang berkata bahawa dia pencinta Šhaykẖ al-Islām Taymiyyah, pengikutnya dan pembelanya, tetapi tidak ada mana-mana *masmūᶜ* walau satu kitab dari *al-Kutub as-Sittah*, bersikap amat lokek dalam pengijazahan dan bahkan, tiada apa-apa riwayat atau ijazah walau dari seorang pun!

Sebegini juga yang dilakukan oleh al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy. Sebahagian riwayatnya yang bersambung kepadanya secara *samāᶜ* atau riwayat *samāᶜ* beliau direkodkan oleh al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy dalam «*al-Muᶜjam al-Mufahros*». Sebegitu juga al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy dalam kitabnya «*al-Majmaᶜ al-Muᶜassis Li al-Muᶜjam al-Mufahros*» merekodkan pengijazahannya kepada beberapa masyayikhnya, selain merekodkan beberapa riwayat *samāᶜ* masyayikẖnya kepada al-Ḥāfiḏz aḏz-Ḏzahabiyy dan riwayat *samāᶜ* al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy dengan sanad yang bersambung.

Amat menghairankan mereka yang menjulang tinggi beliau, tetapi langsung tiada usaha untuk mendapatkan ijazah masyayikh yang boleh didapatkan, tiada perhatian kepadanya, tiada masyayikh yang didapatkan secara ijazah dan tiada yang boleh diriwayatkan daripadanya!

Al-Ḥāfiẓ as-Sakẖōwiyy dalam kitabnya «*aḍ-Ḍowᵉ al-Lāmiᶜ Li Ahl al-Qorn at-Tāsiᶜ*» menyebutkan beberapa pengijazahan al-ᶜImād Abū al-Fidāᵉ Ibn Kaṯsīr kepada beberapa orang yang jumlahnya lebih 15 orang. Beliau juga merekodkan bahawa Ibn Kaṯsīr mendengar «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» kepada Aḥmad bin Abū Ṭōlib al-Ḥajjār. Beliau juga merekodkan bahawa Ibn Kaṯsīr juga mendengar «*Muntaqō Min Rōbiᶜ bin Saᶜdān*» kepada al-Ḥajjār.

Malah, al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy dalam kitabnya «*al-Majmaᶜ al-Muᵉassis Li al-Muᶜjam al-Mufahros*» dan sebegitu al-Ḥāfiẓ as-Sakẖōwiyy dalam kitabnya yang sama merekodkan bahawa Muḥammad bin Salmān bin Muḥammad al-Baġhdādiyy aṣ-Ṣōliḥiyy mendengar dari karangan Ibn Kaṯsīr dan ringkasannya pada kelebihan jihad, lalu Ibn Kaṯsīr mengijazahkan kepadanya.

Sebegitu juga Jamāluddīn Yūsuf Ibn al-Mibrod yang mencatatkan dokumentasi majlis di hujung kitab yang beliau karang seperti «*an-Nihāyah Fī Ittiṣōl ar-Riwāyah*», «*Iršhād al-Ḥāᵉir Ilā ᶜIlm al-Kabāᵉir*» dan «*aṯs-Ṯsalāṯsīn Allatī ᶜAn al-Imām Aḥmad Fī Ṣoḥīḥ Muslim*» di hujung kitabnya dan mengijazahkan riwayat kepada hadirin yang mendengar. Bahkan, dalam «*al-Fihris al-Waṣfiyy Li an-Nusakẖ al-Kẖoṭṭiyyah*» mengumpulkan beberapa pengijazahan beliau untuk mereka yang mengadakan majlis riwayat bersamanya.

Ia juga diteruskan oleh ašh-Šhaykẖ Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-Tamīmiyy an-Najdiyy dan sebahagian ahli keluarganya.

Ibn Ġhonnām dalam «*Rowḍoh al-Afkār Wa al-Afhām Li Murtād Ḥāl al-Imām Wa Tiᶜdād Ġhozawāt Ḏzawī al-Islām*»

merekodkan bahawa ash-Shaykẖ Muḥammad mendengar *al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah* dan *al-Musalsal Bi al-Ḥanābilah* dari ash-Shaykẖ ᶜAbdullāh bin Ibrōhīm bin Sayf ash-Shammariyy. Cucunya, ash-Shaykẖ Sulaymān bin ᶜAbdullāh dalam kitab «*at-Tawḍīḥ ᶜAn Tawḥīd al-Kẖollāq Fī Jawāb Ahl al-ᶜIrōq Wa Taḏzkiroh Ūl al-Albāb Fī Ṭorīqoh ash-Shaykẖ Muḥammad Ibn ᶜAbd al-Wahhāb*» menyebutkan bahawa datuknya mendapat ijazah daripadanya.

Cucunya, ash-Shaykẖ ᶜAbdul Roḥmān bin Ḥasan dalam kitabnya «*al-Maqōmāt*» menyebutkan bahawa dia mengambil kitab hadis dari Muḥammad Ḥayāh as-Sindiyy dengan ijazah dan pembacaan sebahagiannya.

Cucunya, ash-Shaykẖ ᶜAbdul Roḥmān bin Ḥasan juga membacakan kitab karangan datuknya sendiri seperti lebih sepertiga kitab «*at-Tawḥīd*», iaitu dari awal sehingga bab sihir dan «*Ādāb al-Mašhyī Ilā aṣ-Ṣolāh*» sepertimana yang didokumentasi ash-Shaykẖ Hišhām bin Muḥammad bin Sulaymān as-Saᶜīd dalam «*al-Ijāzah al-ᶜIlmiyyah Fī Najd*».

Untuk hari ini, kebanyakan riwayat yang datang tanah Hijaz, khususnya dari kalangan salafi akan tertumpu kembali kepada beliau. Amat malang sebahagian salafi yang mengatakan bahawa mereka mencintai beliau, menjunjung beliau dan mempertahankan beliau langsung tidak memiliki riwayat yang bersambung kepadanya walaupun secara ijazah, bahkan mengambil ringan dan tiada kepedulian untuknya.

Sedangkan, penglibatan keluarga beliau dan beberapa dari kalangan ulama salafi dalam periwayatan direkodkan dalam kitab «*al-Ijāzah al-ᶜIlmiyyah Fī Najd*» karya ash-Shaykẖ Hišhām bin Muḥammad bin Sulaymān as-Saᶜīd.

Untuk era semasa ini, antara salafi yang menonjol dalam perekodan perolehan ijazah adalah ašh-Šhaykẖ Sulaymān bin ᶜAbdul Roḥmān al-Ḥamdān dalam «*Itḥāf al-ᶜUdūl aṯs-Ṯsiqōt Bi Ijāzah Kutub al-Aḥādīts Wa al-Aṯsbāt*», ašh-Šhaykẖ Ismāᶜīl bin Muḥammad al-Anṣōriyy dalam «*Hady as-Sārī Ilā Asānīd ašh-Šhaykẖ Ismāᶜīl al-Anṣōriyy*», ašh-Šhaykẖ Ḏziyāb bin Saᶜd al-Ġẖōmidiyy dalam «*al-Wajāzah Fī al-Aṯsbāt Wa al-Ijāzah*», ašh-Šhaykẖ ᶜAbdullah bin ᶜAbdul Roḥmān as-Saᶜd dalam «*Naẓm al-ᶜAqd Bi Tartīb Asānīd as-Saᶜd*».

Antara ulama salafi yang tersohor dalam menggiatkan majlis riwayat secara berkala adalah ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Muḥsin bin Muḥammad al-Qōsim. Majlis beliau sangat mendapat tumpuan sehingga sebahagian admin bagi majlis riwayat dalam talian menangguhkan waktu majlis yang bertembung dengannya bagi meraikan majlis beliau seakan-akan hari raya.

Amat malang sebahagian salafi menyia-nyiakan kesempatan ini dan tidak mendapatkan peluang sekalipun sudah berkali-kali majlis riwayat bersama beliau sudah dijalankan sekalipun mereka ini berkata bahawa amat mengambil berat tahqiqnya pada beberapa kitab.

Periwayatan bersilang intergolongan juga saling berlaku. Jika salafi ada meriwayatkan dari kitab Ašhāᶜirah-sufi, maka sebahagian Ašhāᶜirah-sufi juga meriwayatkan beberapa daripada salafi. Al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy dalam «*al-Muᶜjam al-Mufahros*» antara yang merekodkan riwayatnya kepada Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah dan al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy.

Antaranya juga adalah al-Imām Burhānuddīn Ibrōhīm bin Ḥasan al-Kurdiyy al-Kūrōniyy dalam «*al-Umam Li Īqōz al-Himam*» merekodkan periwayatannya dari seluruh kitab Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah dengan sanadnya. Tidak dinafikan lagi bahawa banyak jalur periwayatan Ašhāᶜirah-sufi ini akan bertemu pada al-Imām Ibrōhīm al-Kūrōniyy.

Ašh-Šhaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy juga ada meriwayatkan daripada kitab Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah, al-Imām Ibn Qoyyim al-Jawziyyah dan bahkan, kitab ašh-Šhaykẖ Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb. Ini khususnya kita boleh lihat dalam «*al-ᶜAqd al-Farīd Min Jawāhir al-Asānīd*».

Bahkan, ašh-Šhaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy juga ada meriwayatkan daripada masyayikh salafi seperti ašh-Šhaykẖ Sulaymān bin ᶜAbdul Roḥmān aṣ-Ṣonᶜāniyy, ašh-Šhaykẖ Ibn Bādīs, ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Ḥafīẓ bin Muḥammad Ṭōhir al-Fāsiyy dan lain-lain.

Bahkan, Muḥammad Mukẖtaruddīn al-Falimbāniyy dalam kitab «*Bulūġh al-Amānī Fī at-Taᶜrīf Bi Šhuyūkẖ Wa Asānīd Musnid al-ᶜAṣr ašh-Šhaykẖ Muḥammad Yāsīn*» merekodkan bahawa ašh-Šhaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy ada membaca «*al-ᶜAqīdah al-Wāsiṭiyyah*» karya Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah dan «*Kašhf ašh-Šhubuhāt*» karya al-Imām Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-Tamīmiyy an-Najdiyy kepada ašh-Šhaykẖ Zubayr bin al-Ḥāj Aḥmad Ismāᶜīl bin al-Ḥājj Ibrōhīm al-Indūnīsiyy.

Adakalanya, kita hairan kenapa ada sebahagian orang dari kalangan Ašhāᶜirah-sufi mengecam mereka dari kalangan Ašhāᶜirah-sufi membaca kitab ini dan mendapatkan riwayat

daripadanya, sedangkan itu tiada menjadi isu kepada ash-Šhaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy.

Lebih memalukan lagi adalah apabila pihak salafi langsung tiada riwayat secara *samāᶜ* atau bacaan pada kitab ini, sedangkan pihak yang mereka benci ada periwayatan daripadanya dan merekodkannya!

Sebaliknya juga terjadi seperti ash-Šhaykẖ ᶜAbdullah as-Saᶜd dari salafi meriwayatkan daripada sufi seperti al-Ḥāfiẓ ᶜAbdullah bin Muḥammad bin aṣ-Ṣiddīq al-Ġhumāriyy dan adiknya, as-Sayyid ᶜAbdul ᶜAzīz. Sebegitu juga Muḥammad bin al-Amīn Būkẖubzah walaupun memusuhi keluarga al-Ġhumāriyy, dia tetap meriwayatkan daripada al-Ḥāfiẓ Aḥmad al-Ġhumāriyy dan adiknya, al-Ḥāfiẓ ᶜAbdullah.

Malah, ash-Šhaykẖ ᶜAbdul Roḥmān bin Ḥasan bin Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-Tamīmiyy an-Najdiyy juga memiliki riwayat dari ash-Šhaykẖ al-Burhān Ibrōhīm bin Muḥamma al-Bājūriyy yang tiada keraguan akidah Ašhᶜarisme beliau dan ash-Šhaykẖ ᶜAbdul Roḥmān membacakan «*al-Kẖulāṣoh*» karya al-Ašhmūniyy sehingga *al-Iḍōfah*.

Untuk zaydiyyah, ia direkodkan oleh al-Imām ash-Šhawkāniyy dalam «*Itḥāf al-Akābir Bi Isnād ad-Dafātir*». Ini juga diriwayatkan oleh Ašhāᶜirah-sufi dan salafi.

Oleh itu, dalam aspek periwayatan, ia memang longgar dan terbuka sekalipun setiap golongan itu saling menjadi nemesis antara satu sama lain atau kadar popularity dalam menampilkannya adalah berbeza. Ia tidak sama untuk aspek kefahaman, ikutan dan penerimaan manhaj. Ini lebih ketat daripada aspek periwayatan dalam penyaringan dan pemilihan.

Apapun, terserah pada masing-masing sama ada untuk mengambil riwayat seseorang yang lain atau meriwayatkannya atau sebaliknya. Yang penting adalah keselamatan agama terjaga, perpaduan dilestarikan dan sentiasa di atas jalan kebenaran di dunia dan di akhirat.

Teguran Khas Untuk Komuniti Salafi Tempatan

Komuniti salafi tempatan khususnya perlu mendengar muqadimmah ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Muḥsin bin Muḥammad al-Qōsim pada majlis riwayat pada 10 Januari 2026[6] yang mana beliau menyebut beberapa kebaikan majlis riwayat dan kepentingannya.

Antara poin yang beliau sebut adalah pada masa yang terkebelakangan ini, majlis riwayat hampir pupus, sedangkan ia adalah tradisi para pendahulu yang para ulama menempuhnya pada masa lalu.

Sebahagian komuniti salafi di Malaysia ini pun antara penyumbang kepada kepupusannya. Hanya tahu kutuk majlis pembacaan kitab hadis yang dianjurkan dan dihadiri ahli kalam bermazhab Aristole dan pengamal bidaah sufi lagi penyembah kubur, tetapi apabila diajak untuk hadir ke majlis musnid salafi yang ada kaliber pengetahuan walau sejam untuk setahun, culas dan beri banyak alasan, kerap berdalih dan ambil sambil lewa.

Setiap tahun kutuk orang lain, setiap tahun itu juga dia tidak menyumbang untuk hadir ke majlis musnid salafi sendiri. Apabila diajak walaupun untuk peruntukan sejam

[6] https://www.youtube.com/live/CL0mea7NAsY

sahaja dalam setahun, bercakap seakan tiada kepentingan dan cari alasan untuk berkeras tidak hadir.

Bahkan, walaupun sudah bertahun lamanya, sudah diperkenalkan tokoh musnid salafi beberapa kali dan sudah dijemput berkal-kali, sikap ignoran mereka yang pekat dalam riwayat sehingga sekarang ini pun masih bertanya lagi siapa dari kalangan musnid salafi yang mereka boleh mendapat ijazah riwayat «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» sebagai contoh.

Kadangkala, saya perhati mereka suka mendesak pihak sana dengan bertanya mengapa tidak membacakan kitab «*Kẖolq Afᶜāl al-ᶜIbād*» karya al-Imām al-Bukẖōriyy untuk faham akidah salaf.

Soalan saya kepada mereka adalah kenapa anda tidak memulakan dahulu?

Ada beberapa dari kalangan musnid salafi yang berkaliber dalam ilmu yang memiliki riwayat secara *samāᶜ* bagi kitab «*Kẖolq Afᶜāl al-ᶜIbād*» karya al-Imām al-Bukẖōriyy.

Kenapa anda tidak menganjurkan dahulu? Kenapa tidak jemput mereka? Kalau tidak mahu semata-mata majlis riwayat, boleh sahaja dibuat daurah atau pengajian sambil digandingkan dengan riwayat bersama.

Persoalan penting adalah kenapa anda tidak memulakan dahulu dengan memanfaatkan riwayat dari musnid salafi anda yang ada kaliber juga dalam ilmu?

Akhirnya, yang terjadi adalah sama ada riwayat dari salafi menjadi mati di tengah jalan -dan yang jelas di Malaysia adalah memang rata-rata penghuninya tidak bawa legasi

riwayatnya walaupun sanad kepada Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah, al-Imām Ibn Qoyyim al-Jawziyyah dan ašh-Šhaykẖ Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-Tamīmiyy an-Najdiyy sudah tersedia- atau yang memanfaatkan riwayat salafi adalah golongan yang mereka kutuk sepertimana yang direkodkan oleh ašh-Šhaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy dalam «*al-ᶜIqd al-Farīd Min Jawāhir al-Asānīd*» atau dalam tsabat Majlis «Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy» di Putrajaya pada tahun 2024.

Memalukan!

Beberapa Perkara Yang Berkaitan Dengan Riwayat Dan Hukum Padanya

Pada kesempatan, ada perlunya juga untuk memasukkan beberapa perkara yang berkaitan dengan riwayat dan hukum ke atasnya sama ada sah atau tidak sah atau status tentangnya. Saya tidak berhajat untuk menyebutkan secara banyak dan memperincikannya lebih dalam. Cukup untuk memperkenalkan dan menjelaskan bagi pemula.

Saya juga tidak berniat untuk menyusun mengikut tertib tertentu. Saya akan memasukkannya secara rawak.

Antaranya adalah:

- Mendapatkan riwayat melalui rakaman suara sama sekali tidak sah kerana ini adalah sama seperti *al-Wijādah*, iaitu mengambil riwayat dari seseorang lain tanpa melalui majlis bersamanya secara langsung dan tiada ijazah daripadanya.

  Untuk rakaman pula, ia adalah seseorang menemui rakaman, mendengar rakaman di luar majlis secara langsung, lalu terus meriwayatkan tanpa ada keizinan dari shaykh.

  Ijazah yang disebutkan pada rakaman tersebut adalah tertuju kepada yang hadir dan mendengar majlis itu, bukan yang mendengar rakaman.

Jika ada seorang shaykh mensyaratkan untuk mendengarkan rakaman dalam mendapatkan ijazah daripadanya, maka ijazahnya sah, tetapi tidak boleh berkata sama sekali bahawa dia mendengar bacaan kerana mendengar perlu dari siaran langsung.

Jika seseorang mendengar rakaman dan shaykh memberikan ijazah dengan syarat tersebut, maka ia lebih mendekati *al-Munāwalah*. Sama sekali tidak akan dipanggil *at-Taḥdīṯs* dan *al-ᶜArḍ*.

- Orang yang tidak mengetahui bahasa Arab dan hadir ke majlis riwayat, maka dia boleh berkata bahawa dia mendapat riwayat secara *at-Taḥdīṯs* dan *al-ᶜArḍ*. Al-Ḥāfiẓ as-Sakẖōwiyy berkata:

وَيَشْهَدُ لَهُ أَنَّ شَيْخَنَا سُئِلَ عَمَّنْ لَا يَعْرِفُ بِالْعَرَبِيَّةِ كَلِمَةً فَأَمَرَ بِإِثْبَاتِ سَمَاعِهِ وَكَذَا حَكَاهُ ابْنُ الْجَزَرِيِّ عَنْ كُلٍّ مِنِ ابْنِ رَافِعٍ وَابْنِ كَثِيرٍ وَابْنِ الْمُحِبِّ بَلْ حَكَى ابْنُ كَثِيرٍ أَنَّ الْمِزِّيَّ كَانَ يَحْضُرُ عِنْدَهُ مَنْ يَفْهَمُ وَمَنْ لَا يَفْهَمُ، يَعْنِي مِنَ الرِّجَالِ وَيَكْتُبُ لِلْكُلِّ السَّمَاعَ.

"Yang menjadi sokongan untuknya adalah bahawasanya shaykh kita ditanya tentang orang yang tidak mengetahui kalimah dalam bahasa Arab. Lalu, dia menyuruh untuk menetapkan *samāᶜ*nya. Seperti ini yang Ibn al-Jazariyy mengutip dari semua orang dari Ibn Rōfiᶜ, Ibn Kaṯsīr dan Ibn al-Muḥibb. Bahkan, Ibn Kaṯsīr mengutip bahawa dahulu orang yang faham dan orang yang tidak faham, iaitu dari kalangan

lelaki hadir di sisi al-Mizziyy. Dia pun menulis *samāᶜ* untuk kesemuanya". [*Fatḥ al-Muġhīṯs Šharḥ Alfiyyah al-Ḥadīṯs*].

> Sebegitu juga jika seseorang membacakan pada shaykh yang tidak tahu bahasa Arab, tetap juga boleh mendapat riwayat secara *al-ᶜArḍ*.
>
> Kes ini juga terpakai untuk kitab yang dibacakan adalah bahasa selain bahasa Arab.
>
> Namun, kes ini terpakai untuk mereka di usia mumayyiz, iaitu mula memahami percakapan dan mampu berkomunikasi dengan lancar.

- Orang yang kafir yang hadir ke majlis riwayat, maka boleh dituliskan kehadirannya. Sah untuk dia menerima periwayatan. Akan tetapi, pada penyampaian riwayat, ia adalah sah ketika dia menjadi muslim. Al-Ḥāfiẓ as-Sakẖōwiyy berkata:

وَمِنْ هُنَا أَثْبَتَ أَهْلُ الْحَدِيثِ فِي الطِّبَاقِ اسْمَ مَنْ يَتَّفِقُ حُضُورُهُ مَجَالِسَ الْحَدِيثِ مِنَ الْكُفَّارِ رَجَاءَ أَنْ يُسْلِمَ وَيُؤَدِّيَ مَا سَمِعَهُ كَمَا وَقَعَ فِي زَمَنِ التَّقِيِّ ابْنِ تَيْمِيَّةَ أَنَّ الرَّئِيسَ الْمُتَطَبِّبَ يُوسُفَ بْنَ عَبْدِ السَّيِّدِ بْنِ الْمُهَذِّبِ إِسْحَاقَ بْنِ يَحْيَى الْإِسْرَائِيلِيَّ عُرِفَ بِابْنِ الدَّيَّانِ سَمِعَ فِي حَالِ يَهُودِيَّتِهِ مَعَ أَبِيهِ مِنَ الشَّمْسِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الْمُؤْمِنِ الصُّورِيِّ أَشْيَاءَ مِنَ الْحَدِيثِ كَجُزْءِ ابْنِ عِتْرَةَ وَكَتَبَ بَعْضُ الطَّلَبَةِ اسْمَهُ فِي الطَّبَقَةِ فِي جُمْلَةِ السَّامِعِينَ فَأُنْكِرَ عَلَيْهِ. وَسُئِلَ

ابْنُ تَيْمِيَّةَ عَنْ ذَلِكَ فَأَجَازَهُ وَلَمْ يُخَالِفْهُ أَحَدٌ مِنْ أَهْلِ عَصْرِهِ. بَلْ مِمَّنْ أَثْبَتَ اسْمَهُ فِي الطَّبَقَةِ الْحَافِظُ الْمِزِّيُّ. وَيَسَّرَ اللَّهُ أَنَّهُ أَسْلَمَ بَعْدُ وَسُمِّيَ مُحَمَّدًا وَأَدَّى فَسَمِعُوا مِنْهُ.

"Dari sini, ahli hadis mengisi nama orang yang hadir ke majlis dari kalangan kafir dalam dokumentasi majlis dalam keadaan berharap agar orang itu memeluk Islam dan menyampaikan apa yang dia mendengarnya sepertimana yang terjadi pada zaman at-Taqiyy Ibn Taymiyyah bahawa ketua doktor, Yūsuf bin ᶜAbdul Sayyid bin al-Muhaḏzḏzib Isḥāq bin Yaḥyā al-Isrōᶜiliyy yang dikenali dengan Ibn ad-Dayyān mendengar beberapa hadis dari ašh-Šhams Muḥammad bin ᶜAbdul Muᶜmin aṣ-Ṣūriyy seperti «*Juzᶜ Ibn ᶜItroh*» ketika dia berstatus Yahudi bersama ayahnya. Sebahagian penuntut menulis namanya dalam dokumentasi majlis dalam kelompok orang yang mendengar, tetapi diingkari terhadapnya. Ditanya Ibn Taymiyyah tentang itu, lalu dia mengijazahkannya dan tiada seorang pun dari ahli masanya menyelisihinya. Bahkan, orang yang mengisi namanya dalam dokumentasi majlis adalah al-Ḥāfiẓ al-Mizziyy. Allah pun memudahkannya agar dia memasuki Islam selepas itu dan dinamakan Muḥammad. Dia pun menyampaikan apa yang dia dengar". [*Fatḥ al-Muġhīṯs Šharḥ Alfiyyah al-Ḥadīṯs*].

- Jika seseorang pengijazah hantar kitab digital seperti kitab berformat PDF ke peti masuk emel kita dan mengijazahkan kita dengannya, adakah ini termasuk *al-*

Munāwalah atau *al-Kitābah* atau kedua-duanya sekali? Terserah kepada masing-masing.

- Tidak sah *samāᶜ* secara penuh bagi yang menghadiri dua majlis yang berbeza dalam satu masa yang sama seperti seseorang hadir ke majlis «*Alfiyyah al-ᶜIrōqiyy*» di Google Meet dan «*Alfiyyah Ibn Mālik*» di Telegram dalam masa yang sama sekalipun ijazah pengijazah kepada yang hadir itu sah untuknya dan sah sebahagian *samāᶜ* padanya yang mana dia sama sekali tidak boleh berkata bahawa dia memiliki *samāᶜ* penuh untuk kedua-dua kitab ini meskipun dia hadir kedua-duanya secara penuh dalam keadaan serentak.

  Al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy berkata:

مَا أَعْلَمُ أَحَدًا مِنَ الْمُقْرِئِينَ تَرَخَّصَ فِي إِقْرَاءِ اثْنَيْنِ فَصَاعِدًا إِلَّا الشَّيْخَ عَلَمَ الدِّينِ. وَفِي النَّفْسِ مِنْ صِحَّةِ تَحَمُّلِ الرِّوَايَةِ عَلَى هَذَا الْفِعْلِ شَيْءٌ فَإِنَّ اللهَ تَعَالَى مَا جَعَلَ لِرَجُلٍ مِنْ قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ. وَلَا رَيْبَ فِي أَنَّ ذَلِكَ أَيْضًا خِلَافُ السُّنَّةِ لِأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ: {وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا} [الأعراف: 204]. وَإِذَا كَانَ هَذَا يَقْرَأُ فِي سُورَةٍ وَهَذَا فِي سُورَةٍ وَهَذَا فِي سُورَةٍ فِي آنٍ وَاحِدٍ فَفِيهِ مَفَاسِدُ. أَحَدُهَا زَوَالُ بَهْجَةِ الْقُرْآنِ عِنْدَ السَّامِعِينَ وَثَانِيهَا أَنَّ كُلَّ وَاحِدٍ يُشَوِّشُ عَلَى الْآخَرِ مَعَ كَوْنِهِ مَأْمُورًا بِالْإِنْصَاتِ.

"Aku tidak mengetahui seseorang dari ahli qiraat membenarkan pada pembacaan dua orang dan lebih kecuali ašh-Šhaykẖ ᶜAlāmuddīn. Pada masa yang sama, dari aspek validiti tanggung terima riwayat atas perbuatan ini ada sesuatu keran Allah *Taᶜālā* tidak menjadikan dua jantung dalam rongganya untuk seorang individu. Tiada ragu lagi bahawa itu menyalahi sunnah kerana Allah *Taᶜālā* berfirman: {Apabila dibacakan al-Quran, maka dengarkanlah kepadanya dan diamlah} [Surah *al-Aᶜrōf* ayat 204]. Apabila orang ini membacakan pada suatu surah, orang ini pada suatu surah yang lain dan orang ini pada suatu surah yang lain dalam suatu masa yang sama, maka padanya ada kerosakan. Salah satunya adalah merosakkan estetika al-Quran di sisi orang yang mendengar. Yang kedua adalah setiap seorang akan menganggu yang lain meski dia disuruh untuk diam". [*Maᶜrifah al-Qurrōᶜ al-Kibār ᶜAlā Ṭobaqōt Wa al-Aᶜsōr*].

- Asal ijazah kepada *al-Maᶜdūm* (الْمَعْدُوم), iaitu yang tiada adalah tidak sah. Oleh itu, jika seseorang pengijazah mengijazahkan kepada ahli sesebuah kumpulan dan orang itu hanya menyertai kumpulan sesudah pengijazahan shaykh, maka tidak sah kerana orang itu adalah tiada dari kalangan ahli kumpulan. Ijazah hanya sah untuk mereka yang menjadi ahli kumpulan itu sebelum pengijazahan.

  Sebegitu juga jika pengijazah mengijazahkan kepada anak penerima ijazah. Maka, anak yang lahir sesudah pengijazahan tidak sah kerana dia belum ada ketika itu.

  Ini terkecuali jika pengijazah menambah bahawa dia juga mengijazahkan kepada yang bakal ada seperti anak yang

bakal lahir dari zuriatnya atau orang yang akan menyertai kumpulan itu. Sebegitu juga apabila sudah diketahui kebiasaan pengijazah bahawa dia bermaksud sebegitu sekalipun tidak menyebutkan tambahan itu.

Adakah Hanya Ulama Sahaja Yang Boleh Menjadi Musnid?

Tiada siapa yang mensyaratkan bahawa dalam seseorang ingin menjadi musnid perlu seorang ulama atau mereka yang terpelajar yang menguasai beberapa cabang ilmu atau berkepakaran dalam satu bidang walaupun ini amat digalakkan bagi mereka. Orang awam sekalipun boleh menjadi musnid asalkan dia memiliki riwayat, khususnya ijazah riwayat dari shaykh riwayat untuk dia meriwayatkan sesuatu.

Contoh yang paling popular adalah Abū al-ᶜAbbās Aḥmad bin Abū aṭ-Ṭōlib Ibn ash-Shiḥnah al-Ḥajjār[7]. Beliau adalah seseorang yang hidup sebagai orang awam yang tidak mampu membaca dan menulis yang hanya bekerja sebagai buruh kasar, lalu menjadi musnid pilihan para ulama dari kalangan musnid dan huffaz berebut mencari untuk menemuinya dan hanya menjadi selebriti setelah 86 tahun hidup sebagai orang biasa yang tidak dipedulikan dan tidak dikenang.

Beliau lahir pada 620 Hijrah. Bahkan, dikatakan lebih awal dari itu.

Beliau pernah menghadiri majlis pembacaan «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» bersama Ibn az-Zabīdiyy[8] pada tahun 630 Hijrah. Beliau juga menghadiri majlis «*Juzᶜ Ibn Makẖlad*» dan

---

[7] Rujukan untuk penceritaan biografi beliau ini adalah diambil daripada kitab berikut:

1. «*Ad-Duror al-Kāminah Fī Aᶜyān al-Miᵉah āts-Ṯsāminah*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ʿAsqolāniyy.
2. «*Aᶜyān al-ᶜAṣr Wa Aᶜwān an-Naṣr*» karya al-Imām Ṣolāḥuddīn aṣ-Ṣofadiyy.
3. «*Sullam al-Wuṣūl Ilā Ṭobaqoh al-Fuḥūl*» karya Ḥājī Kẖolīfah.
4. «*Ḏzayl Ṭobaqōt al-Aᶜyān*» karya Abū al-ʿAbbās Ibn al-Qōḍī al-Miknāsiyy.
5. «*Fatḥ al-Muġhīṯs Šharḥ Alfiyyah al-Ḥadīṯs*» karya al-Imām as-Sakẖōwiyy.
6. «*Tārīkẖ al-Islām Wa Wafayāt al-Mašhāhir Wa al-Aᶜlām*» karya al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy.

[8] Wafat 631 Hijrah.

«*Musnad ᶜUmar*» karya Ibn an-Najjār bersama Abū al-Munajjā Ibn al-Lattiyy[9]. Sebegitu juga dengan beberapa masyayikh yang lain seperti ᶜAbdul Wāḥid bin Nizār Ibn al-Jamāl al-Baġhdādiyy[10] dan al-Anjab Ibn Abū as-Saᶜadāt al-Baġhdādiyy[11].

Beliau memulakan profesion sebagai tukang batu pada tahun 643 Hijrah. Semasa tempoh ini, tidak ada apa-apa yang menjadi tarikan daripadanya sehingga ketika pada tahun 706 Hijrah, 86 tahun setelah tarikh kelahiran yang direkodkan.

Pada tahun itu, ada seseorang melihat dokumentasi majlis bagi majlis Ibn al-Lattiyy. Kemudian, melihat pula dokumentasi majlis Ibn az-Zabīdiyy. Orang tersebut menyedari nama beliau direkodkan di dalamnya dan orang tersebut bertanya kepadanya untuk mendapatkan kepastian.

Setelah dipastikan, di sinilah bermulanya era hidup yang baru untuk beliau. Pada ketika itu, beliau berubah menjadi selebriti yang direbut oleh orang ramai untuk mendapatkan riwayat dengan isnad yang tinggi dari beliau yang mana jurang usia kesemua masyayikh periwayatannya dengan usia beliau ketika itu kira-kira 70 tahun lebih lamanya.

Pada masa itu, kemasyhurannya mencapai sehingga Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah, al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy, al-Ḥāfiẓ al-Mizziyy, al-Imām al-Birzāliyy, al-Imām Ibn Kaṯsīr dan al-Imām Muḥibuddīn Ibn al-Muḥibb bertandang kepadanya untuk mendapatkan riwayat dari seorang yang cuma tukang batu yang tidak tahu membaca! Bayangkan kedudukan orang

[9] Wafat 635 Hijrah.

[10] Wafat 634 Hijrah.

[11] Wafat 635 Hijrah.

yang menjadi perhatian dari kalangan huffaz dan ulama yang gemilang namanya!

Beliau dijemput ke pelbagai tempat untuk membawa periwayatan seperti Kaherah, Baalbek, Homs, Damsyik, Kafr Batna dan pelbagai lagi. Orang ramai membacakan Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy kepadanya lebih daripada 70 kali.

Beliau juga ketika ini menjadi orang yang kaya raya sehingga mencecah asetnya berjumlah lebih seratus ribu dirham yang berasal dari saguhati orang ramai yang mengambil riwayat dari beliau.

Beliau meninggal dunia pada tahun 730 Hijrah, pada usia 110 tahun selepas tarikh kelahiran yang direkodkan.

Sedikit Refleksi Peribadi Pada Abū Al-ᶜAbbās Aḥmad Bin Abū Aṭ-Ṭōlib Ibn Ash-Shiḥnah Al-Ḥajjār

Ada beberapa refleksi yang ingin saya mencoretkannya berdasarkan daripada kisah Abū al-ᶜAbbās al-Ḥajjār ini.

Pertama, saya pada dahulunya tidak pernah terfikir untuk berharap saya berumur panjang dalam hidup ini kerana saya beranggapan bahawa tidak ada masalah apa-apa pun jika umur pendek selagimana ia diisi dengan keberkatan daripada Allah dan ketaatan kepada-Nya.

Namun, semenjak mengenali nama Abū al-ᶜAbbās Aḥmad bin Abū aṭ-Ṭōlib Ibn ash-Shiḥnah al-Ḥajjār dan juga mereka yang dari kalangan musnid yang berumur panjang, saya sentiasa berdoa agar dikurniakan umur yang panjang bersama keselamatan dari segala bahaya dan penyakit sepanjang hidup dan penuaan yang membinasakan diri kerana melihat mahal nilai bagi isnad yang tinggi.

Menuntut isnad yang tinggi dalam periwayatan adalah tuntutan dari mereka yang menjejaki jejak ahli hadis kerana isnad yang tinggi di sisi muhadditsin adalah kurangnya risiko kesalahan dari setiap perawi yang ada dalam isnad pada proses pemindahan hadis dari seseorang kepada sesseorang yang lain.

Isnad yang tinggi ini seumpama kita mendapat info secara langsung dan terus dari sumber penamanya berbanding melalui perantara orang lain yang terdedah dengan risiko kesalahan dalam pemindahan maklumat walau untuk sebahagian.

Sekarang, walaupun periwayatan pada era ini bukan mementingkan piawaian kesahihan ahli hadis dan semata-mata untuk bertabarruk, tetapi ia diusahakan untuk meniru syiar ahli

hadis dalam mengenang dan melestarikan manhaj mereka sedapat yang mampu.

Kalaulah memiliki isnad yang tinggi dengan umur yang panjang dapat memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat muslim secara umum bagi mereka yang mempunyai perhatian kepada periwayatan, tidakkah sekurang-kurangnya kita menjadi orang yang berbakti untuknya?

Tidakkah sekurang-kurangnya kita ingin termasuk dalam doa nabi Ibrōhīm –*ᶜalayhi as-Salām*–?:

وَاجْعَل لِّي لِسَانَ صِدْقٍ فِي الْآخِرِينَ

"Jadikanlah penyebutan benar pada generasi seterusnya untukku". [Surah *ašh-Šhuᶜarōᶜ* ayat 84].

Sekurang-kurangnya kita sentiasa menjadi tumpuan yang dipandang baik lagi mulia ketika orang ramai mencari kita dalam mendapatkan riwayat dan menjadi salah satu penama yang diabadikan dalam silsilah isnad.

Bukanlah kemasyhuran dan pujian orang yang kita menjadikannya sebagai matlamat. Namun, saya secara peribadi berharap saya dapat meneruskan legasi ašh-Šhaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy dalam periwayatan walaupun bilangan masyayikh ijazah saya tidak seramai yang beliau dapat.

Saya ada harapan untuk menaikkan nama nusantara dengan periwayatan dengan isnad yang tinggi melalui pelbagai jalur dari masyayikh saya jika saya direzekikan dengan usia yang panjang. Saya tidak mahu nama ašh-Šhaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy hanya kenangan dahulu dan sejarah yang lepas, tetapi

tidak ada usaha dari generasi seterusnya dalam melestarikan legasinya.

Apa guna berbangga-bangga nama ash-Shaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy sebagai musnid nusantara yang tidak ditandingi oleh sesiapa pun pada zamannya, tetapi generasi seterusnya mandul dan tidak dapat menyumbang apa-apa warisan daripadanya? Nusantara sekali lagi dilupakan dan dikebelakangkan kecuali dari sebahagian yang sedikit sahaja.

Jika kita tidak memiliki ijazah yang semewah beliau, sekurang-kurangnya isnad yang tinggi dari kita yang berusia panjang dapat mengisi kekosongan dari generasi sekarang atau seterusnya yang kini memalapkan legasi beliau dan hanya mencanang kenangan dahulu sahaja.

Semoga Allah mengembalikan kedudukan nusantara di pentas kebanggaan dunia dalam periwayatan.

Kedua, dari kisah Abū al-ᶜAbbās al-Ḥajjār ini, tampak kepada kita bahawa betapa orang awam yang mungkin sejahil-jahil manusia pun akan mendapat tempat yang istimewa jika memiliki periwayatan dan isnad yang tinggi.

Jika mereka tidak diistimewakan dengan sebab keilmuan yang luas dan penguasaan yang tajam dalam sesuatu bidang, mereka diistimewakan dengan riwayat dan ijazah yang tidak dimiliki oleh mereka yang dari generasi sesudahnya.

Itulah sebabnya amat elok bagi kita semua sekurang-kurangnya ada usaha untuk mendapatkan riwayat dan ijazah dari para musnid dan masyayikh kerana kita sebagai penuntut ilmu, boleh jadi kita tidak akan mendapat keistimewaan dengan keilmuan kita dan penguasaan sesuatu bidang pengkhususan

sekalipun kita telah mencapainya dengan susah payah dan masa yang lama.

Namun, tidakkah sekurang-kurangnya pemilikan riwayat dan ijazah, lebih-lebih lagi isnad yang tinggi dari kita yang berumur panjang yang mana orang sesudahnya tidak akan mampu untuk mendapatkannya seperti kita mendapatkannya menampung kekurangan yang kita berada di situasi tersebut?

Jika dikatakan sumbangan kita kepada masyarakat yang lain tidak memberikan impak yang signifikan dan pengaruh yang memberangsangkan, sekurang-kurangnya periwayatan yang kita miliki adalah penampung kepada kelompongan ini.

Bahkan, saya lihat sebahagian masyayikh apabila tidak mampu mengajar lagi atau tidak mampu untuk menulis kerana usia sudah terlalu sepuh dan badannya sudah tiada kekuatan lagi, maka mereka beralih kepada riwayat kerana ia lebih mudah dan ringan untuk mereka memberikan khdimat yang terakhir kepada masyarakat.

Tidakkah kita berpotensi dengan situasi ini? Oleh itu, jika berkemampuan untuk mendapatkan riwayat ketika muda, jangan bertangguh kerana boleh jadi inilah yang terakhir yang kita akan ada untuk berbakti kepada masyarakat, lebih-lebih lagi di hujung usia.

Ketiga, ini menunjukkan perhatian besar para ulama semasa era Abū al-ᶜAbbās al-Ḥajjār, bahkan sebelumnya dan sesudahnya dalam mendapatkan riwayat sama ada melalui *samāᶜ* atau ijazah semata-mata.

Antara yang menarik adalah al-Imām Ṣolāḥuddīn aṣ-Ṣofadiyy amat sedih kerana tidak mendapat riwayat *samāᶜ*

daripadanya sekalipun memiliki ijazah melalui al-Birzāliyy. Beliau berkata ketika hari kematian Abū al-ᶜAbbās al-Ḥajjār:

عِلْم الرِّوَايَةِ حِصْنٌ لِلْحَدِيثِ وَبَال ... إِسْنَاد قَدْ سَدَّ أَشْيَاخُ الْوَرَى فُرَجَهْ

وَكَانَ شَاد لَنَا الْحَجَّارُ مَنْزِلَةً ... وَحِينَ مَاتَ نَزَلْنَا بَعْدَهُ دَرَجَهْ

Ilmu riwayat adalah perisai bagi hadis dan urusan... isnad telah pun para shaykh manusia menutup celahannya

Al-Ḥajjār telah mengungguli kedudukan kita ... dan ketika matinya dia, kami turun ke satu darjat sesudahnya

Maksudnya adalah setelah kematian al-Ḥajjār, isnad menjadi rendah dengan melalui satu perantara. Dengan kata lain, isnad al-Imām Ṣolāḥuddīn aṣ-Ṣofadiyy secara *samāᶜ* dari al-Ḥajjār menjadi rendah dengan perlu melalui seorang perantara.

Ini sememangnya yang dilalui oleh ramai orang dari kalangan penuntut yang mengekspresikan rasa kesedihan kerana tidak mendapatkan ijazah secara langsung dari seorang musnid ketika hidup atas beberapa faktor halangan.

Malangnya, ada sebahagian orang pada era ini dilihat memperkecilkan dan memperlekehkan aktiviti periwayatan dan perolehan ijazah seakan-akan tidak ada kepentingan yang besar dan menyangka buruk bahawa tidak ada bahagian ilmu pun untuknya, sedangkan kita tidak akan mengenal ahli hadis yang ada kedudukan yang besar dalam dunia pun melainkan mereka memiliki riwayat yang mereka meriwayatkan dan mengijazahkan serta mereka diriwayatkan dan sentiasa disebut dalam isnad periwayatan untuk pelbagai riwayat.

Alasan yang selalu dikehadapankan apabila untuk menghakis periwayatan dan pengijazahan adalah bahawa dirayah dan kefahaman lebih utama berbanding *samāᶜ* yang lengkap tanpa apa-apa kefahaman.

Pun begitu, tidak pernah pun dari kalangan huffaz yang jauh lebih memandang berat terhadap dirayah dan kefahaman dari golongan ini dilihat memperkecilkan periwayatan dan pengijazahan.

Tiada siapa pun yang akan menafikan kepentingan besar pada dirayah dan kefahaman. Tidak perlu melagak satria yang paling mementingkan dirayah dan kefahaman. Cukup sahaja tegur dan beri peringatan agar para penuntut riwayat dan ijazah sentiasa terfokus dalam kefahaman tanpa mengetepikannya.

Mereka yang dilihat paling memberi perhatian kepada dirayah dan kefahaman ini sambil berusaha untuk menggagalkan periwayatan dan pengijazahan sekarang dalam kedudukan para huffaz?

Jika tidak, bukankah lebih baik kita ada bakti yang berguna kepada masyarakat yang sekurang-kurangnya cukup menjadi seperti Abū al-ᶜAbbās al-Ḥajjār dalam bahagian periwayatan dan ini merupakan menampung kekurangan kita yang mungkin tidak menyerlah pada aspek yang lain?

Yang lebih teruk lagi adalah sebahagian mereka berbicara seakan-akan riwayat dan ijazah ini bagai habuk yang dibuang sebegitu sahaja, tetapi mereka jugalah yang paling bengis dalam mendengki dan tampak rasa terpinggir mereka apabila seseorang memiliki ijazah dari masyayikh yang terkenal dan kegemaran mereka.

Ijazah itu sendiri adalah pemberian daripada shaykh. Anggaplah ia adalah hadiah dan kenangan seperti item yang lain yang ada harga besarnya.

Jenis murid atau peminat apakah ini yang ada peluang untuk mendapat dan merasai kepemurahan shaykh, tetapi langsung tidak ada keinginan dan gesaan untuk mendapatkannya? Bolehkah kita kata ini adalah murid atau peminat yang tidak tahu menghargai pemberian guru mereka atau orang yang mulia kedudukannya?

Apabila orang lain yang dilihat lebih kecil dan kurang signifikan berbanding dirinya atau murid yang lain memperoleh bahagian ijazah dari seseorang shaykh, mulalah mencari jalan yang kotor untuk menjatuhkan orang yang mendapat ijazah daripadanya.

Semoga Allah menyelamatkan diri daripada perangai hina dari orang yang tidak tahu harga pemberian orang yang lain dan tidak gemar melihat orang lain mendapat bahagian kesenangan yang dia ingin monopoli, sedangkan dia sendiri mengambil sambil lewa sebelum ini.

Keempat, amat patut untuk kita berusaha untuk mendapatkan riwayat dan ijazah dari para masyayikh kerana berkemungkinan sahaja ita dapat mendapat keistimewaan seperti Abū al-ᶜAbbās al-Ḥajjār jika Allah mengkehendakinya.

Untuk zaman ini, amat mudah untuk mendapatkan riwayat dan ijazah dari para masyayikh seluruh dunia secara dalam talian sehingga tiada alasan untuk tidak mendapatkannya walau satu pun.

Dalam masa yang seminggu sahaja, ada potensi seseorang untuk mendapat 10 ijazah daripada pelbagai masyayikh.

Bahkan, boleh mencecah lebih dari 20 orang jika ada beberapa peristiwa atau acara besar-besaran.

Inilah keberuntungan zaman ini dan terima kasih yang sebesar-besar terima kasih kepada pihak yang menggiatkan dan memudahkan urusan ini supaya kita mendapatkannya.

Pada masa mereka hidup ini, manfaatkanlah sedikit masa untuk mendapatkan riwayat dari mereka. Apabila hilang, sesal itu amat pahit sekali.

Paling menakutkan sekali adalah pahit itu menjadi penyakit hati yang membawa kepada dengki dan permusuhan yang menghasut untuk menjatuhkan orang lain yang mendapatkan bahagian yang istimewa dari seseorang shaykh kerana tidak dapat pengaruh dan monopoli keistimewaan dari seseorang shaykh yang dia berguru atau menjadi peminatnya.

Kelima, dari kisah ini juga, ini menunjukkan bahawa Allah sama sekali tidak akan menyia-nyiakan pahala kehadiran kita dalam majlis ilmu sekalipun sekadar mendengar pembacaan matan kitab semata-mata tanpa syarahan dan komentar.

Menghadiri majlis yang mulia jika atas dasar keikhlasan dan mengharapkan pahala daripada-Nya, pasti Allah akan memuliakan seseorang itu kepada penghuni langit dan penghuni bumi. Jangan ambil ringan kebaikan yang ada sekalipun kecil dan dilihat remeh seperti majlis yang sekadar pembacaan untuk memfokuskan periwayata ndan pengijazahan sahaja kerana kita tidak tahu di mana jalan yang Allah ingin memberikan rezeki-Nya dan rahmat-Nya.

Keenam, dari kisah ini juga, adakalanya Allah memberikan kesenangan dan penunaian permintaan kita yang

mungkin setelah 70 tahun seseorang itu hidup. Oleh itu, jika kita menghadapi kesukaran dalam hidup atau ketiadaan progres sepanjang umur berjalan atau pengharapan yang tidak kesampaian setelah berlalu hari yang panjang, maka bersabarlah dan nantikan. Jika tidak dibalas di dunia, mudah-mudahan diberikan secara tunai di hari akhirat kelak.

Ketujuh, kita lihat juga bagaimana para ulama yang besar kedudukannya dan dijulang namanya juga memberikan penghormatan dan kedudukan yang tinggi kepada orang awam yang tidak tahu membaca dan hanya profesion yang biasa-biasa sahaja jika mereka ada.

Seperti Abū al-ᶜAbbās al-Ḥajjār ini, beliau bukan sahaja diistimewakan dan dikenang sebagai orang yang memiliki isnad yang tinggi, beliau juga dipuji kerana beliau memiliki kesolehan dan watak yang baik seperti menjaga solat, sering berpuasa, bahkan masih berpuasa walaupun usia sudah mencecah 100 tahun dan menyusulkannya dengan puasa sunat Syawal.

Seperti itu juga Ibrōhīm bin Aḥmad bin Yūnus al-Maġhribiyy al-Ḥalabiyy atau dikenali dengan Ibn aḍ-Ḍuᶜayyif yang merupakan antara masyayikh Muḥammad bin Fahd al-Hāšhimiyy al-Makkiyy yang juga merupakan seorang yang buta huruf, tetapi menjaga solatnya, menjaga kebaikan dan orang yang menjaga kehormatan diri, berbuat baik kepada orang asing yang singgah di tempatnya dan menghadiri majlis ilmu di negeri ajam.

Bahkan, mereka yang dikenali dengan orang awam yang tiada ilmu langsung pun diambil perhatian dalam urusan

periwayatan seperti Ibn al-Lattiyy dan ᶜAbd al-Laṭīf bin Abū al-Barokāt Ibn Dūsat.

Oleh itu, kita sebagai muslim wajib memuliakan sesiapa sahaja dari kalangan hamba Allah dan menempatkan mereka dengan selayaknya. Usah meremehkan seseorang hanya kerana seseorang itu buta huruf atau orang yang biasa-biasa sahaja jika dibandingkan orang lain yang lebih berwibawa.

Ingatlah sabda Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم:

بِحَسْبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ

"Cukup seseorang itu dikira jahat dengan memperlecehkan saudaranya yang muslim". [*Ṣoḥīḥ Muslim*].

Kelapan, pada periwayatan pun, orang menghargainya dengan memberikan saguhati. Sudah tentu pada aspek dirayah dan mereka yang memfokuskan kefahaman lebih patut diutamakan dalam pemberian hadiah dan saguhati.

Alangkah malang jika melihat orang sekarang menjadi lokek untuk memberikan sesen kepada asatizah dan masyayikh yang mengajar hanya kerana beralasan mereka yang terlibat dalam dakwah dan pengajaran tidak boleh meminta balasan dan perlu ikhlas.

Ini sangat berbeza dengan apa yang ditonjolkan oleh al-Imām Abū Ḥanīfah yang memberikan lima ratus dirham kepada guru yang mengajar anaknya sehingga pandai dalam surah al-Fātihah sepertimana yang disebutkan dalam kitab «*Manāqib al-Imām Abī Ḥanīfah Wa Ṣōḥibayhi*» karya al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy.

Sebegitu juga ᶜAbdullāh bin Ġhōnim al-Qōḍī memberikan dua puluh dirham kepada guru yang mengajarkan anaknya surah al-Fātihah sepertimana yang disebut dalam «*an-Nawāzil al-Kubrō*» karya Abū al-Mahdiyy al-Wazzāniyy.

Beginilah sikap para ulama memuliakan para pengajar dan mereka yang berbakti kepada agama. Bukan seperti orang yang lokek atas alasan agamawan tidak boleh meminta upah atau mengambil upah dari gerak kerja agama, tetapi dalam masa yang sama, orang lokek ini ambil kesempatan terhadap keperitan orang lain dan menjustifikasikan lokeknya supaya dia tidak mengeluarkan apa-apa sesen pun sebagai terima kasih.

Paling tidak malu lagi adalah mereka mendengar dan hadiri ceramah yang rata-ratanya adalah penceramah atau pengajar jemputan adalah dibayar dan majlisnya adalah dengan berbayar.

Alasan agamawan tidak boleh meminta upah dan mengambil upah hanya untuk menyelindungkan rasa lokeknya dan kikir terima kasihnya kepada orang yang telah berbakti dalam urusan agama untuk diri sang lokek ini dan masyarakat sekeliling.

Ingatlah sabda Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم:

لا يَشْكُرُ اللَّهَ مَنْ لا يَشْكُرُ النَّاسَ

"Orang yang tidak berterima kasih kepada manusia adalah orang yang tidak berterima kasih kepada Allah". [*Musnad Aḥmad*].

Faedah Tambahan

Berikut adalah beberapa artikel yang saya pernah tulis di platfrom saya dan saya mengumpulkan kesemuanya di sini tanpa mengikut susunan bab sebagai faedah yang dikumpulkan yang berkaitan dengan periwayatan yang mempunyai isu sosial dan interaksi yang berkaitan dengan periwayatan.

Kesan daripada tradisi periwayatan yang dijauhkan

Sememangnya benar bahawa riwayat tidak sepenting dirayah dan hakikat dalam agama ini adalah kefahaman. Akan tetapi, sekalipun riwayat tidak sepenting dirayah, bukan bermakna riwayat perlu diketepikan secara total.

Kita lihat sahaja penulisan genre tsabat sentiasa diterbitkan sepanjang kurun dari kalangan ahli ilmu dan muhadditsin sama ada dengan nama tsabat atau yang sama orientasi dengannya. Malah, mereka merekodkan *masmūᶜāt* dan *maqrūᶜāt* mereka. Ini menunjukkan bahawa riwayat tidak diketepikan sama sekali secara total sekalipun sumbangan mereka pada dirayah jauh lebih banyak.

Hakikatnya, apabila riwayat dijauhkan dan dipandang rendah, boleh jadi ada pendapat yang pelik, ganjil dan menyimpang boleh muncul yang mana ia menyalahi asas dalam ilmu hadis itu sendiri.

Saya pernah mendengar ada pihak berkata bahawa wanita tidak boleh memberikan sanad kepada orang lain.

Kenapa pendapat ini muncul? Mudah sahaja. Ini kerana kejauhan dari realiti tentang tradisi periwayatan, tidak mengikuti majlis riwayat dan tidak pernah membaca tsabat.

Sesiapa yang membaca tsabat atau beberapa kitab biografi, seseorang dapat menemukan bahawa ilmuwan dan muhadditsin mengambil sanad dan riwayat dari kalangan wanita. Sepanjang sejarah dan sehingga hari ini, sebahagian wanita yang memiliki isnad yang tinggi atau berkualiti dijemput untuk menjadi pengijazah dalam majlis riwayat. Para wanita sama sekali tidak diketepikan.

Mungkin sahaja kitab tsabat atau tradisi periwayatan dianggap tidak memberikan impak yang maksimum dalam mencetuskan reformasi pemikiran, semangat jihad dan sentimen keagamaan yang bertenaga.

Kitab tsabat yang dihasilkan mungkin hanya menyebut nama masyayikh yang seseorang mengambil riwayat dan sanad yang bersambung kepada kitab.

Manfaat hanya nampak lebih besar jika ditambahkan lagi dengan biografi setiap nama yang ada di dalamnya dan pengenalan tentang mereka. Jika tidak, ia hanya dianggap contengan yang tidak memberi apa-apa makna.

Mungkin ini sebabnya periwayatan diambil ringan dan majlis riwayat dipinggirkan. Akan tetapi, apabila muncul pendapat sebegini, kitab tsabat yang sekadar mengumpulkan nama sahaja sebenarnya mempunyai nilai yang besar, khususnya memenggal pendapat yang aneh seperti ini.

Allah lebih tahu di mana manfaat besar bagi kitab-kitab yang biasanya diambil ringan dalam kepedulian untuknya dan

sekarang zahirlah beberapa yang selama ini terhijab dari kita dari tradisi yang dianggap tidak sepenting dirayah.

Jelaslah kesan buruk apabila tradisi periwayatan ini dipencilkan dan dibiarkannya sebagai snek yang ringan. Ini mungkin satu pendapat yang sudah dilihat. Kalau dibiarkan, boleh jadi akan ada lebih banyak pendapat yang menyeleneh dan menyesatkan pada aspek periwayatan.

Maka, amat patut seseorang yang memiliki isnad yang tinggi dan riwayat yang berkualiti untuk mengusahakan dalam kegiatannya walaupun sebahagian orang meremehkannya kerana tidak sepenting dirayah kerana boleh jadi kegiatan ini sebenarnya membasmi apa yang tidak sepatutnya ada dan manfaat besarnya mungkin akan terzahir pada suatu hari walaupun dilihat kecil impaknya.

Apakah kitab yang terbaik untuk seseorang yang ingin berkecimpung dalam periwayatan agar menjadi musnid yang berkualiti yang memiliki *masmūᶜāt*?

Saya akan mencadangkan kitab yang popular dibacakan secara berulang dan menjadi pilihan apabila diadakan majlis riwayat. Saya tidak menyenaraikan semua kerana berkemungkinan saya terlepas pandang atau lupa untuk memasukkannya atau ada perspektif berbeza tentang makna popular atau berulang.

Kemungkinan juga ia terkenal pada majlis riwayat, tetapi tidak terkenal pada majlis dirayah. Sebegitu juga sebaliknya. Sebegitu juga majlis yang menggabungkan kedua-duanya.

Adakalanya ia popular dibacakan dengan penuh dan adakalanya ia popular dengan cukup membacakan sebahagian sahaja atau awal daripadanya.

Adakalanya juga ia adalah popular dibacakan pada sekarang, tetapi tidak pada masa dahulu. Walaupun ada rekod bahawa ia adalah bacaan yang sentiasa diulang dan mudah didapatkan, tetapi bukan bermakna ia adalah sama pada hari ini.

Adakalanya ia adalah popular pada peristiwa tertentu yang tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang kecuali sangat langka. Contohnya apabila berlakunya pembebasan Syria dari Bashar al-Asad, ramai dari penganjur majlis riwayat mengadakan majlis yang berkaitan dengan kelebihan tanah Syam dan yang berkaitan dengannya.

Adakalanya ia popular dibacakan dalam majlis riwayat, tetapi hakikatnya kitab tersebut tidak ada sanad yang bersambung kepada kitab tersebut. Antaranya adalah «*Taʿlīm al-Mutaʿallim Ṭorīq at-Taʿallum*» karya Burhān al-Islām az-Zarnūjiyy.

Adakalanya ia adalah popular kerana ada individu yang membacanya secara berulang, tetapi mendapat sambutan ramai. Contohnya adalah penulis kitab yang popular yang seringkali mengulangi majlis pembacaan itu dan untuk mendapatkan riwayat daripadanya, hanya melalui penulis sahaja dan majlisnya seringkali mendapat sambutan yang ramai.

Ada yang mungkin popular pada sirkel saya sahaja dan sekadar pemerhatian saya yang sempit yang mungkin sama sekali tidak menggambarkan realiti yang sebenar. Semoga Allah meluaskan pandangan saya dan menambahkan kebaikan-Nya di mata saya.

Jika benar ia pada hakiaktnya tidak popular pada mana-mana perspektif, maka ia adalah apa yang saya anggap penting untuk diberikan perhatian dalam mendapatkan riwayat.

Perhatian besar untuk seorang periwayat adalah al-Quran yang mulia kerana inilah sebaik-baik kalam dan perkataan yang setiap orang muslim memberikan perhatian kepadanya.

Sesiapa yang berkemampuan untuk mendapatkan riwayat qiraah al-Quran melalui guru yang berkaliber, maka lakukanlah.

Kemudian, yang berkaitan dengan tafsir al-Quran. Paling ringkas, dapatkanlah riwayat secara *samāᶜ* atau *qiroᶜah* untuk kitab tafsir yang ringkas seperti «*Tafsīr al-Jalālayn*», «*Taysīr al-Karīm ar-Roḥmān Fī Tafsīr Kalām al-Mannān*» karya ᶜAbdul Roḥmān bin Nāṣir as-Siᶜdiyy, «*Maᶜālim at-Tanzīl Fī Tafsīr al-Quᵣᶜān*» karya al-Baġhowiyy, «*Anwār at-Tanzīl Wa Asrōr at-Taᶜwīl*» karya al-Bayḍōwiyy, «*Madārik at-Tanzīl Wa Ḥaqōᶜiq at-Taᶜwīl*» karya an-Nasafiyy dan seumpama dengannya.

Kemudian, ilmu yang berkaitan dengan al-Quran. Minimumnya adalah «*Manzūmah at-Tafsīr*» karya ᶜAbdul ᶜAzīz bin ᶜAliyy az-Zamzamiyy al-Makkiyy dan «*Muqaddimah Uṣūl at-Tafsīr*» karya Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah.

Kemudian, ilmu yang berkaitan dengan tajwid. Kebiasaan yang menjadi pilihan adalah «*al-Muqoddimah al-Jazariyyah*», «*Tuḥfah al-Aṭfāl Wa al-Ġhilmān Fī Tajwīd al-Quᵣᶜān*» karya Sulaymān bin Ḥusayn al-Jamzūriyy dan «*al-*

Qoṣīdah al-Wāḍiḥah Fī Tajwīd al-Fatiḥah» karya al-Burhān al-Jaᶜbariyy.

Kemudian, yang berkaitan dengan kalam Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم. Pertama sekali adalah kitab yang mengumpulkan hadis. Yang terbaik adalah memulakan dengan *al-Kutub at-Tisᶜah*, iaitu «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*», «*Ṣoḥīḥ Muslim*», «*Sunan Abū Dāwud*», «*Jāmiᶜ at-Tirmiḏziyy*», «*Sunan an-Nasāᶜiyy*», «*Sunan Ibn Mājah*», «*Muwaṭṭoᶜ Mālik*» riwayat Yaḥyā al-Layṯsiyy, «*Musnad Aḥmad*» dan «*Musnad ad-Dārimiyy*».

Faedah: Antara penyesalan saya secara peribadi adalah melambatkan perolehan riwayat secara *samāᶜ* secara penuh untuk *al-Kutub at-Tisᶜah* ketika ada peluang untuknya. Apabila dilambatkan, saya terlepas banyak majlis yang dibacakan kitab yang sangat penting atau hanya dapat sebahagian sahaja kerana ingin menghabiskan jadual pembacaan *al-Kutub at-Tisᶜah* terlebih dahulu.

Bahkan, saya terlepas untuk mendapatkan ijazah riwayat dari masyayikh. Sebegitu juga banyak gangguan jadual harian saya yang lain seperti waktu bekerja dan waktu tidur kerana terpaksa demi memenuhi impian mendapatkan riwayat secara *samāᶜ*.

Oleh itu, pesan saya untuk mereka yang ingin berkecimpung dalam periwayatan adalah segera mendapatkan yang *samāᶜ* penuh untuk *al-Kutub at-Tisᶜah* dengan segera sebelum kitab lain supaya tidak tertimpa apa yang saya tertimpa padanya.

Untuk «*Muwaṭṭoᶜ Mālik*», adalah dicadangkan untuk mendapatkan riwayat ash-Shaybāniyy. Kemudian, riwayat lain yang bersambung sanadnya sepertimana yang al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy sebut «*al-Muᶜjam al-Mufahros Aw Tajrīd Asānīd al-Kutub al-Mashhūroh Wa al-Ajzāᶜ al-Manṯsūroh*».

Jika «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*», «*Sunan Abū Dāwud*», «*Jāmiᶜ at-Tirmiḏziyy*», «*Musnad ad-Dārimiyy*» dan «*Musnad Aḥmad*» dilihat terlalu tebal dan sukar untuk mendapatkan *samāᶜ* secara penuh, maka dapatkanlah *aṯs-Ṯsulāṯsiyyāt*[12] daripadanya. Jika «*Muwaṭṭoᶜ Mālik*» riwayat Yaḥyā al-Layṯsiyy dan lain-lain dilihat terlalu tebal, maka dapatkan *aṯs-Ṯsunāᶜiyyāt*[13] daripadanya.

Untuk tambahan yang dicadangkan, tambah «*ash-Shamāᶜil al-Muḥammadiyyah*», «*Miskāh al-Maṣōbīḥ*» karya al-Kẖoṭīb at-Tabrīziyy, «*Sharḥ Maᶜānī al-Aṯsar*» karya aṭ-Ṭoḥāwiyy dan «*al-Āṯsār*» karya ash-Shaybāniyy sepertimana yang dibacakan di sebahagian madrasah jajaran Urdu.

Antara perhatian besar yang diberikan periwayatan secara *samāᶜ* dan *qirōᶜah* adalah «*Juzᶜ Ibn ᶜArofah*». Sebahagiannya memberikan perhatian kepada «*Ṣoḥīfah Hammām Ibn Munabbih*».

Antaranya adalah karya al-Imām al-Bukẖōriyy seperti «*al-Adab al-Mufrod*», «*Birr al-Wālidayn*», «*Rofᶜ al-Yadayn Fī aṣ-Ṣolāh*» dan «*al-Qirōᶜah Kẖolf al-Imām*».

---

[12] Hadis yang pengarang kitab meriwayatkan kepada hadis Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم dengan tiga perantara sahaja.

[13] Hadis yang pengarang kitab meriwayatkan kepada hadis Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم dengan dua perantara sahaja.

Untuk koleksi hadis, tetapi ia adalah sumber sekunder, maka ia adalah «*al-Awāᶜil as-Sunbuliyyah*», «*ᶜIqd al-Jawhar Fī Arbaᶜīn Ḥadīṯsan Min Aḥādiṯs Sayyid al-Mursalīn*» karya Ismāᶜīl bin Muḥammad al-ᶜAjlūniyy dan «*al-Awāᶜil al-Baṣriyyah*».

Untuk koleksi hadis, tetapi yang sudah dibuang sanadnya, maka «*al-Arbaᶜīn an-Nawawiyyah*» atau nama sebenarnya «*al-Arbaᶜīn Fī Mabānī al-Islām Wa Qowāᶜid al-Aḥkam*» karya al-Imām an-Nawawiyy. Sekarang, sudah masyhur dibacakan bersama penambahan Ibn Rojab al-Ḥanbaliyy sebanyak lapan hadis ke atasnya sepertimana yang ada dalam kitabnya «*Jawāmiᶜ al-ᶜUlūm Wa al-Ḥikam*».

Kemudian, tambahkan pula dengan kitab yang berkaitan dengan empat puluh hadis sebanyak-banyaknya. Antara yang popular adalah «*al-Arbaᶜūn Fī al-Aḥkām*» karya al-Munḏziriyy dan «*al-Arbaᶜūn aṭ-Ṭūsiyyah*» dan «*al-Arbaᶜūn Ḥadīṯsan*» karya Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah.

Sebegitu juga dengan «*Riyāḍ aṣ-Ṣōliḥīn Min Kalām Sayyid al-Mursalīn*» karya al-Imām an-Nawawiyy, «*Bulūġh al-Marōm Min Adillah al-Aḥkām*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy, «*al-Muntaqō Fī al-Aḥkām ašh-Šharᶜiyyah Min Kalām Kẖoyr al-Bariyyah*» karya al-Majd ᶜAbdul Salām Ibn Taymiyyah dan «*at-Tajrīd aṣ-Ṣorīḥ Li Aḥādiṯs al-Jāmiᶜ aṣ-Ṣoḥīḥ*» karya Zaynuddīn Aḥmad bin Aḥmad bin ᶜAbdul Laṭīf ašh-Šharjiyy az-Zabīdiyy.

Kemudian, ilmu hadis. Yang popular adalah «*al-Manẓūmah al-Bayqūniyyah*» dan «*Nukẖbah al-Fikar Fī Muṣṭolaḥ Ahl al-Aṯsar*» karya Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy. Jika mampu, teruskan dengan kitab «*Nuzhah an-Naẓor Fī Tawḍīḥ*

Nukẖbah al-Fikar Fī Muṣṭolaḥ Ahl al-Aṯsar» karya Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy. Oleh sebab ia berkaitan dengan ilmu hadis, maka dibacakan juga «*Taqyīd al-ᶜIlm*» dan «*Šharof Aṣḥāb al-Ḥadīṯs*» yang kedua-duanya adalah karya al-Kẖoṭīb al-Baġhdādiyy.

Kemudian, karya yang berkaitan dengan *al-Musalsalāt*. Antara yang popular dibacakan adalah «*Jiyād al-Musalsalāt*» karya al-Ḥāfiẓ as-Suyūṭiyy dan «*al-Faḍl al-Mubīn Fī al-Musalsal Min Ḥadīṯs an-Nabiyy al-Amīn*» karya ash-Šhāh Waliyyullāh ad-Dihlawiyy.

Al-Musalsal yang penting untuk didapatkan dengan syaratnya adalah *al-Musalsal Bi al-Awwaliyyah*, *al-Musalsal Bi al-Maḥabbah*, *al-Musalsal Bi Qiroᶜah Sūroh aṣ-Ṣoff*, *al-Musalsal Bi Qirōᶜah Sūroh al-Kawṯsar*, *al-Musalsal Bi Yam al-ᶜĪd*, *al-Musalsal Bi Yawm ᶜArofah*, *al-Musalsal Bi Qobḍ ᶜAlā al-Liḥyah*, *al-Musalsal Bi Ijābah ad-Duᶜāᶜ Fī al-Multazam*, *al-Musalsal Bi Kẖotm al-Majlis Bi ad-Duᶜāᶜ*, *al-Musalsal Bi ad-Dimašhqiyyīn* dan *al-Musalsal* bagi setiap empat mazhab.

Kemudian, karya yang berkaitan dengan akidah. Jika dari aliran salafi, maka kebiasaannya dibacakan «*Šharḥ Uṣūl as-Sunnah*» karya al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal, «*Uṣūl as-Sunnah*» karya al-Ḥumaydiyy, «*Šharḥ as-Sunnah*» karya al-Muzaniyy, «*al-Ḥāᶜiyyah*» karya Ibn Abū Dāwud, «*ᶜAqīdah ar-Rōziyyayn*», «*ᶜAqīdah as-Salaf Wa Aṣḥāb al-Ḥadīṯs*» karya Abū ᶜUṯsmān aṣ-Ṣōbūniyy, «*Lumᶜah al-Iᶜtiqōd al-Hādī Ilā Sabīl ar-Rošhād*» karya Ibn Qudāmah, «*Kẖolq Afᶜāl al-ᶜIbād*» karya al-Bukẖōriyy, bahagian muqaddimah di kitab «*ar-Risālah*» karya Ibn Abū Zayd al-Qoyrowāniyy, kesimpulan akidah atas kesepakatan yang disebutkan oleh Ḥarb al-

Kirmāniyy dalam «*al-Masāᶜil*» miliknya dan «*al-ᶜAqīdah aṭ-Ṭoḥāwiyyah*».

Jika spesifik untuk mazhab Ḥanābilah, maka «*ad-Durroh al-Muḍiyah Fī ᶜAqd Ahl al-Firqah al-Marḍiyyah*» karya ašh-Šhams as-Safārīniyy atau dikenali dengan «*al-ᶜAqīdah as-Safārīniyyah*» atau «*al-Manẓūmah as-Safārīniyyah*» dan «*al-ᶜAyn Wa al-Aṯsar Fī ᶜAqōᶜid Ahl al-Aṯsar*» karya at-Taqiyy ᶜAbdul Bāqī al-Baᶜliyy al-Ḥanbaliyy.

Jika dari Ašhᶜarisme, antara yang menjadi pilihan adalah «*ᶜAqīdah al-ᶜAwāmm*» karya Aḥmad al-Marzūqiyy al-Mālikiyy, «*al-Kẖorīdah al-Bahiyyah*» karya al-Imām Aḥmad ad-Dardīr dan «*Jawharoh at-Tawḥīd*» karya al-Imām Ibrōhīm al-Laqqōniyy.

Kemudian, karya yang berkaitan dengan ilmu mantiq. Antaranya adalah «*as-Sullam al-Munawroq Fī ᶜIlm al-Manṭiq*» dan «*Īsāġhūjī*» karya al-Imām Aṯsīruddīn al-Abhariyy karya ᶜAbdul Roḥmān a-Akẖḍoriyy.

Kemudian, karya yang berkaitan dengan ilmu usul fiqh. Yang paling popular dibacakan adalah «*al-Waroqōt*» karya Imām al-Ḥaromayn dan «*Manẓūmah Qowāᶜid al-Fiqhiyyah*» karya ᶜAbdul Roḥmān bin Nāṣir as-Saᶜdiyy. Bonus yang bagus adalah dibacakan nazam al-ᶜAmrīṭiyy ke atasnya. Amat bagus juga jika dibacakan «*ar-Risālah*» karya al-Imām ašh-Šhāfiᶜiyy.

Kemudian, karya yang berkaitan dengan mazhab fiqh. Untuk mazhab Abū Ḥanīfah, maka kitab «*Mukẖtaṣor al-Qudūriyy*». Yang berkaitan dengan usul mazhab Ḥanafisme adalah «*ᶜUqūd Rosm al-Muftī*» karya Ibn ᶜĀbidīn. Jika

berkemampuan, teruskan dengan syarahannya dari Ibn ᶜĀbidīn sendiri.

Untuk mazhab Mālik, maka kitab «*Matn al-Akẖḍoriyy*». Untuk mazhab ašh-Šhāfiᶜiyy, maka kitab «*Matn al-Ġhōyah Wa at-Taqrīb*» karya Abū Šhujāᶜ. Jika berkaitan dengan ilmu faraid atas mazhab ini, maka dibacakan «*ar-Roḥbiyyah*».

Adapun untuk mazhab Aḥmad bin Ḥanbal, ada beberapa yang sering dijadikan pilihan pembacaan. Antaranya adalah «*Dalīl aṭ-Ṭōlib Li Nayl al-Maṭōlib*» karya Marᶜiyy bin Yūsuf al-Karmiyy, «*Nayl al-Maᶜārib Bi Šharḥ Dalīl aṭ-Ṭōlib*» karya ᶜAbdul Qōdir bin ᶜUmar at-Taġhollubiyy ašh-Šhaybāniyy, «*ᶜUmdah aṭ-Ṭōlib Li Nayl al-Maᶜārib*» karya Manṣūr bin Yūnus al-Buhūtiyy, «*Akẖṣor al-Mukẖtaṣorōt Fī al-Fiqh ᶜAlā Maḏzhab al-Imām al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal*» karya Ibn Balābān, «*Zād al-Mustaqniᶜ Fī Ikẖtiṣōr al-Muqniᶜ*» karya al-Ḥajjāwiyy, «*al-ᶜUmdah Fī al-Fiqh* atau «*ᶜUmdah al-Fiqh Fī al-Maḏzhab al-Ḥanbaliyy*» karya Ibn Qudāmah, «*Mukẖtaṣor al-Kẖorqiyy*» dan «*at-Tashīl Fī al-Fiqh ᶜAlā Maḏzhab al-Imām ar-Robbāniyy Aḥmad Ibn Ḥanbal ašh-Šhaybāniyy*» karya Badruddīn Abū ᶜAbdullāh Muḥamad bin ᶜAlāᶜuddīn bin al-Baᶜliyy.

Kemudian, karya yang berkaitan denggan ilmu bahasa. Antara yang menjadi pilihan adalah «*Matn al-Ājurrūmiyyah*», «*Qoṭr an-Nadā Wa Ball aṣ-Ṣodā*» karya Ibn Hišhām al-Anṣōriyy, «*Mulḥah al-Iᶜrōb*» karya Abū Muḥammad al-Qōsim al-Ḥarīriyy dan «*al-Alfiyyah Ibn Mālik*» atau dinamakan dengan «*al-Kẖulāṣoh Fī an-Naḥw*».

Kemudian, karya yang berkaitan dengan nasihat, adab dan penyucian jiwa. Antara yang popular adalah «*Tāᶜiyyah al-*

Ilbīriyy», «*Lāmiyyah Ibn al-Wardiyy*», «*Akẖlāq Ḥamalah al-Qurᶜān*» karya al-Ājurriyy dan «*at-Tibyān Fī Ādāb Ḥamalah al-Qurᵟān*» karya al-Imām an-Nawawiyy. Jika berkaitan dengan sufi, maka «*Ḥikam Ibn ᶜAṭōᶜillāh*».

Kemudian, karya yang berkaitan dengan zikir dan amalan. Antaranya adalah «*ᶜAmal al-Yawm Wa al-Laylah*» karya Ibn as-Sunniyy, «*al-Aḏzkār*» karya al-Imām an-Nawawiyy, «*al-Ḥisn al-Ḥaṣīn Min Kalām Sayyid al-Mursalīn*» karya Ibn al-Jazariyy dan «*Ḥisn al-Muslim Min Aḏzkār al-Kitāb Wa as-Sunnah*» karya Saᶜīd bin ᶜAliyy bin Wahf al-Qoḥṭōniyy.

Kemudian, karya yang berkaitan dengan sirah Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم dan yang berkaitan dengan kemuliaannya. Antara yang popular dibacakan adalah «*al-Urjūzah al-Miᶜiyyah Fī Ḏzikr Ḥāl Ašhrof al-Bariyyah*» karya Ibn Abū al-ᶜIzz al-Ḥanafiyy, «*Awjaz as-Sayr Li Kẖoyr al-Bašhar*» karya Ibn Fāris dan «*ašh-Šhifā Bi Taᶜrīf Ḥuqūq al-Muṣṭofā*» karya al-Qōḍī ᶜIyāḍ.

Kemudian, karya individu yang terkenal dibacakan. Jika Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah, maka ia adalah «*al-Qōṣīdah al-Lāmiyyah*», «*al-ᶜAqīdah al-Wāsiṭiyyah*» dan «*al-Futyā al-Ḥamawiyyah*».

Kemudian, karya yang berkaitan dengan spesifik bulan tertentu atau peristiwa tertentu. Jika bulan Rejab, maka dibacakan «*Tabyīn al-ᶜAjab Fī Faḍl Rojab*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy, «*al-Adab Fī Rojab*» karya al-Imām al-Mullā ᶜAliyy bin Sulṭōn Muḥammad al-Qōrī dan «*Faḍōᶜil Šhahr Rojab*» karya al-Kẖollāl.

Jika bulan Syaaban, maka dibacakan «*Mā Waḍoḥa Wa Istabāna Fī Faḍoᶜil Šhahr Šhaᶜbān*» karya Ibn Diḥyah al-Kalbiyy. Jika pada pertengahan bulan Rejab, sebahagian mereka yang ada riwayat secara langsung dari as-Sayyid ᶜAbdullāh bin Muḥammad bin aṣ-Ṣiddīq al-Ġhumāriyy akan menganjurkan pembacaan kitabnya «*Ḥusn al-Bayān Fī Laylah Niṣf Šhaᶜbān*».

Jika bulan Ramadhan, maka ada beberapa kitab. Sebelum kemasukan Ramadhan, adakalanya dibacakan «*Maqōṣid aṣ-Ṣowm*» karya al-Imām al-ᶜIzz bin ᶜAbdul Salām. Antara yang dibaca sepanjang bulan ini adalah «*Faḍōᶜil Romaḍōn*» karya Ibn Abū ad-Dunyā, «*Faḍl Romaḍōn*» karya Ibn ᶜAsākir dan «*Faḍōᶜil Romaḍōn*» karya ᶜAbdul Ġhoniyy al-Maqdisiyy.

Antara yang dibaca ketika sepuluh malam terakhir, maka kitab «*Šharḥ Ṣodr Bi Ḏzikr Laylah al-Qodar*» karya al-Imām az-Zayn al-ᶜIrōqiyy dan «*al-Inṣōf Fī Ḥukm al-Iᶜtikāf*» karya ᶜAbdul Ḥayy al-Laknawiyy.

Jika di penghujung Ramadhan, akan dibacakan kitab «*Wadāᶜ Romaḍōn*» karya Ibn al-Jawziyy dan «*Waḍā Šhahr Romaḍōn*» karya Abū Bakr bin Muḥammad al-Mullā al-Aḥsāᶜiyy.

Jika pada hari raya sama ada Aidilfitri atau Aidiladha, maka dibacakan «*Musalsal al-ᶜĪdayn*» karya Abū Muḥammad ᶜAbdul ᶜAzīz bin Aḥmad al-Kattāniyy, «*Musalsal al-ᶜĪdayn*» karya al-Kẖoṭīb al-Baġhdādiyy, «*Musalsal al-ᶜĪdayn*» karya aṣ-Ṣoyrofiyy, «*al-Aḥādīṯs al-ᶜĪdiyyah*» karya Abū Ṭōhir as-Silafiyy dan «*Juzᶜ Fī at-Tahniᶜah Fī al-ᶜĪd Wa Ġhoyrihā*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy. Jika Aidiladha,

dibacakan kitab «*Juzᵉ Tuḥfah ᶜĪd al-Aḍhā*» karya ash-Šhaḥḥāmiyy.

Jika berkaitan dengan puasa Syawal, maka kitab «*Taḥrīr al-Aqwāl Fī Ṣowm as-Sitt Min Šhawwāl*» karya Ibn Quṭlūbuġhō.

Jika pada hari Ashura, kitab «*Majlis Fī Yawm ᶜĀšhurōᵉ*» karya al-Munḏziriyy, «*Musalsal ᶜAšhūrōᵉ*» karya al-Amīr aṣ-Ṣoġhīr dan «*Risālah ᶜĀšhurōᵉ*» karya al-Murtaḍō az-Zabīdiyy. Sebahagian mereka akan membaca dua kitab al-Ḥāfiẓ Aḥmad al-Ġhumāriyy yang berkaitan dengannya, iaitu «*Lubb al-Akḫbār al-Maᵉṯsūroh Fī Mā Yataᶜallaqu Bi Yawm ᶜĀšhurōᵉ*» dan «*Hadiyyah aṣ-Ṣuġhorōᵉ Bi Taṣḥīḥ Ḥadīṯs Tawsiᶜah Yawm ᶜĀšhurōᵉ*». Ada sebahagian juga membaca «*Fatwā Fī al-Kalām Fī at-Tawassuᶜ ᶜAlā an-Nafs Wa al-ᶜIyāl Fī Yawm ᶜĀšhurōᵉ*» karya al-Ḥāfiẓ ᶜAbdul Roḥīm al-ᶜIrōqiyy.

Jika pada hari Arafah, dibacakan kitab «*Faḍl ᶜAšhr Ḏzī al-Ḥijjah*» karya Ibn Abū ad-Dunyā, «*Faḍl Yawm ᶜArōfah*» karya Ibn ᶜAsākir, «*Faḍl Yawm ᶜArofah*» karya Abū Bakr al-Warrōq dan «*Faḍl Fī Ḏzikr Yawm ᶜArofah*» karya Ibn al-Jawziyy.

Jika pada perayaan Krismas dari kristian, dibacakan «*Qoṣīdah Aᶜbād al-Masīh*» karya Ibn Qoyyim al-Jawziyyah sebagai mengecam perayaan mereka yang bersalut dengan kepercayaan batil terhadap ᶜĪsā عليه السلام.

Jika pada Mawlid ar-Rosūl, dibacakan «*Mawlid al-Barzanjiyy*», «*ᶜUrf at-Taᶜrīf Bi al-Mawlid ash-Šharīf*» karya Ibn al-Jazariyy dan «*Qoṣīdah al-Burdah*» karya al-Būṣīriyy.

Kemudian, kitab karya individu yang menjadi pilihan pembacaan. Jika ašh-Šhaykẖ Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-Tamīmiyy an-Najdiyy, maka tiga kitab yang utama adalah «*Nawāqiḍ al-Islām*», «*al-Usūl aṯs-Ṯsalāṯsah*» dan «*al-Qowāᶜid al-Arbaᶜ*». Kemudian, «*at-Tawḥīd*», «*al-Uṣūl as-Sittah*» dan «*Ādāb al-Mašhy Ilā aṣ-Ṣolāh*».

Adapun kitab al-Imām ašh-Šhawkāniyy, maka «*Šharḥ aṣ-Ṣudūr Bi Taḥrīm Rofᶜ al-Qubūr*» dan «*ad-Durroh al-Bahiyyah Fī al-Masāᶜil al-Fiqhiyyah*».

Setakat ini sahaja yang saya dapat menyenaraikan dan saya tidak mendakwa yang saya telah mengumpulkan kesemua yang seberhaknya. Saya hanya mengumpulkan apa yang saya kerap kali lihat dan mendapatkannya.

Saya tidak berkata bahawa sesiapa yang tidak memiliki riwayat *samāᶜ* atau *qirōᶜah* bagi semua kitab ini walaupun sebahagian dari setiap satu tidak akan menjadi musnid yang berkualiti pada masa akan datang.

Saya hanya sekadar menyebutkan kitab yang sering diulangkali pembacaan dan kerapkali saya menemukan pengumuman majlis riwayat untuknya.

Oleh sebab ini adalah sentiasa berulang atau dilihat penting, saya hanya menyenaraikan sahaja kerana apabila seseorang menjadi musnid pada suatu hari nanti, boleh jadi kitab-kitab inilah yang akan diminta untuk dibacakan oleh mereka yang ingin mengambil riwayat daripadanya.

Apabila sedemikian, maka sekurang-kurangnya semua kitab ini sudah ada dalam senarai *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt*.

Pembacaan hadis palsu dalam majlis riwayat

Saya pernah mendengar ada suatu institusi didakwa menyebarkan hadis palsu kerana membaca hadis palsu dalam majlis riwayat tanpa ada apa-apa komentar dari masyayikh yang hadir sama ada ketika pembacaan hadis atau sebelum majlis atau selepas majlis.

Perlu diingatkan bahawa majlis riwayat memfokuskan pelestarian *Siyaġh at-Taḥammul* dan *Siyaġh al-Adāᵉ* sepertimana yang telah dijelaskan. Apabila cukup syarat, maka boleh diriwayatkan tanpa ada masalah.

Cuma, apabila membaca, bukan bermakna seseorang itu meredhai kandungan kitab di dalamnya, apatah lagi mengalu-alukan penyebarannya. Sama sahaja seseorang baca kitab yang tidak sependapat dengannya seperti kitab yang memiliki pandangan yang menyalahi ijmak atau pandangan yang jelas bertentangan atsar.

Membacanya dan meriwayatkannya tidak bermakna seseorang setuju dengan kandungannya. Ia adalah dua perkara yang berbeza yang perlu diperhalusi. Tambah lagi pula majlis riwayat bukanlah semestinya majlis dirayah, syarahan, kuliah, daurah atau seumpamanya.

Pun begitu, tidak salah jika shaykh mengingatkannya sama ada ketika pembacaan hadis atau sebelum majlis atau selepas majlis supaya mengingatkan bahawa tidak semua yang dibacakan itu boleh dipercayai, diamalkan dan disebarkan.

Sekalipun tidak mengingatkannya, objektif utamanya adalah riwayat, bukannya bersetuju kandungan di dalamnya.

Segera merekodkan *masmūᶜāt*, *maqrūᶜāt* dan ijazah masyayikh setelah selesai majlis riwayat

Antara perkongsian yang menarik yang saya jumpa daripada ašh-Šhaykẖ Salīm Ibrōhīm Maḥmūd al-Ḥalabiyy adalah beliau pernah hadir ke majlis ašh-Šhaykẖ Abū al-Kẖoyr al-Maydāniyy pada tahun 1961 Masihi yang mana ketika itu beliau berusia 17 tahun.

Ketika itu, beliau belum ada perhatian untuk mendapatkan ijazah. Namun, beliau beruntung kerana mendapat ijazah secara oral daripada ašh-Šhaykẖ Abū al-Kẖoyr al-Maydāniyy. Kini, beliau antara musnid yang dicari pada zaman ini kerana tinggi isnadnya.

Apa yang diceritakan oleh ašh-Šhaykẖ Salīm Ibrōhīm al-Ḥalabiyy tentang kurang perhatian terhadap ijazah adalah apa yang dilalui oleh kebanyakan daripada kita. Biasanya perhatian ini akan mula mekar apabila seseorang mendalami sedikit ilmu hadis, lebih-lebih lagi apabila memasuki perbahasan tentang *Ṣiyaġh at-Taḥammul*, lebih-lebih lagi ijazah.

Ini kerana tidak mudah untuk memahami tentang ijazah melainkan seseorang perlu ada pengetahuan yang mapan. Orang ramai mungkin tahu tentang sanad, tetapi itu tidak memberikan gambaran yang menyeluruh tentang hakikat sebenar periwayatan.

Saya pun antara yang lewat dalam mendalami hadis, lalu lambat untuk mendapatkan perhatian pada riwayat. Pun begitu, saya masih menghadiri majlis *samāᶜ* sekalipun saya tidak tahu menahu tentang ijazah. Saya hanya cuma tahu tentang sanad sahaja.

Cuma, berkat kehadiran saya, apabila saya menyelongkar semula sijil dan salinan riwayat yang saya dapat sebelum ini

yang selama ini dibiarkan tersimpan dalam almari buku yang sudah berhabuk atau fail lama yang format PDF atau rakaman setelah saya mula memahami tentang konsep ijazah dan kepentingannya, ada sebahagiannya saya mendapat pengesahan ijazah *ᶜāmmah* dari sebahagian masyayikh yang saya pernah hadir sebelum ini.

Walaupun begitu, saya masih agak hiba kerana sebenarnya masih banyak yang saya terlepas peluang dari beberapa masyayikh yang isnad yang tinggi yang sebahagiannya boleh didapatkan di sebahagian forum dalam talian atau di siaran langsung Facebook atau Youtube sebelum zaman komuniti riwayat di Telegram disebabkan saya tidak ambil berat pada periwayatan ketika itu.

Saya juga pada masa lalu ada tanggapan seumpama sebahagian orang lain bahawa majlis riwayat ini tiada apa-apa kepentingan besar, ijazah tidak menghasilkan apa-apa ilmu dan hanya beranggapan kitab hanya difahami dengan pembacaan yang tenang dan disyarahkan dengan seberhaknya.

Malah, setelah mula mula melangkah untuk mendedikasikannya pun, saya masih ambil ringan dalam merekodkan *masmūᶜāt* dan *maqrūᶜāt* dengan sebaik-baiknya sehingga sebahagiannya yang langka dibacakan dengan isnad yang tinggi hilang daripada saya atau ada arkib majlis, tetapi saya tidak pasti sama ada saya menghadirinya atau tidak atau ada rekod saya mendengarnya, tetapi saya tidak pasti sama ada mendengar penuh atau tidak.

Pesan saya kepada semua hadirin adalah merekodkan dengan segera *masmūᶜāt* dan *maqrūᶜāt* yang didapatkan selesai sahaja majlis.

Saya sendiri menyaksikan bahawa sebahagian masyayikh apabila sudah terlalu tua dan tidak merekodkannya ketika muda, mereka tidak ingat lagi sama ada kitab yang ingin kita baca kepadanya pernah dia membacakannya kepada mana-mana masyayikh atau kadar bacaannya jika dia pernah, bahkan sampai terlupa beberapa nama masyayikh yang mengijazahkannya!

Saya kadangkala ada melihat ada kehadiran daripada budak atau remaja yang kadangkala menghadiri majlis *samāᶜ*. Biasanya mereka dibawa sekali kerana program madrasah atau maahad atau sekolah mereka dan mereka bukan datang dengan sukarela.

Saya lihat rata-rata mereka tidak tahu nilai besar pada sekeping kertas ijazah yang mereka terima. Kalau mereka tahu nilai besar pada ijazah, lebih-lebih lagi jika umur mereka panjang mencecah 80 tahun, mereka pasti akan simpan dengan sebaik-baiknya sepertimana mereka menyimpan emas dan akan ingat nama pengijazah itu sebaik-baiknya.

Saya sebenarnya mencadangkan bahawa apabila ingin menjemput anak-anak kecil atau awal remaja ke majlis riwayat, pastikan dihadirkan bersama ayahnya supaya ayahnya boleh menjadi saksi yang paling kuat terhadap penerimaan ijazah anaknya dari dari syaikh, kadar *samāᶜ* mereka dan sang ayah pula boleh simpan sijil atau salinan ijazah dengan sebaik-baiknya supaya diserahkan semula ketika sampai waktunya yang munasabah.

Ia adalah warisan anak yang berharga yang mungkin setanding dengan tabungan simpanan tua kita kalau pun ia tidak lebih daripada itu. Jika seseorang pernah membaca kisah

Abū al-ᶜ Abbās Aḥmad bin Abū Ṭōlib Ibn ašh-Šhihnah al-Ḥajjār yang pernah saya mengongsikan sebelum ini, pasti akan tahu bahawa pentingnya menyimpan rekod dan ingat ijazah dan *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt* yang pernah dia dapat.

Oleh itu, walau sekeping kertas, tetapi ia bermakna seluruh hidup seseorang. Jagalah dengan seeloknya.

Usah segan untuk jujur mengatakan bahawa riwayat *samāᶜ* bagi suatu kitab yang nipis tidak penuh

Sememangnya satu kebanggaan bagi seorang musnid apabila seseorangi tu dapat meriwayatkan kitab dengan *samāᶜ* atau *qirōᶜah* secara penuh, lebih-lebih lagi kitab yang tebal.

Akan tetapi, kadangkala yang menjadi keresahan bagi sebahagian orang yang ingin meriwayatkan sesuatu kitab adalah apabila wujudnya riwayat *samāᶜ* yang kurang, iaitu tidak penuh, lebih-lebih lagi kitab yang nipis. Bahkan, adakalanya sanggup menyampaikan riwayat dengan format periwayatan ijazah semata-mata demi menutup wujudnya kekurangan pada *samāᶜ* baginya untuk kitab itu.

Hakikatnya, tidak ada apa-apa masalah untuk itu. Abū Mahdiyy ᶜĪsā bin Muḥammad aṯs-Ṯsaᶜālabiyy hanya membaca «*Matn al-Ājurrūmiyyah*» dari awal hingga Bāb al-Iᶜrōb sahaja pada ašh-Šhams Muḥammad bin ᶜAlāᵉuddīn al-Bābiliyy sepertimana dalam «*Muntakẖob al-Asānīd Fī Waṣl al-Muṣonnafāt Wa al-Ajzāᵉ Wa al-Masānīd*».

Jika kita membaca dokumentasi majlis untuk kitab «*aṯs-Ṯsalāṯsīn Allatī ᶜAn al-Imām Aḥmad Fī Ṣoḥīḥ Muslim*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn al-Mibrod, sekalipun ada 30 hadis sahaja, ada yang hanya hadir pada akhir hadis ke-5 sahaja dan hadis ketiga.

Ramai sahaja dari masyayikh yang saya riwayat daripadanya yang tidak mendengar dengan penuh untuk kitab yang nipis. Ašh-Šhaykẖ Muḥammad Muṭīᶜ a-Ḥāfiẓ sepertimana dalam «*al-Kanz al-Farīd Fī Tarjamah al-ᶜAllāmah Muḥammad Muṭīᶜ al-Ḥāfiẓ Wa Aᶜmālih Wa Mā Lahu Min al-Ittiṣōlāt Wa al-Asānīd*» menyebutkan bahawa hanya membaca kebanyakan dari «*al-Arbaᶜīn an-Nawawiyyah*» kepada Abū al-Kẖoyr al-Maydāniyy dan selebihnya adalah ijazah sahaja.

Ašh-Šhaykẖ Yaḥyā bin ᶜAbdul Rozzāq al-Ġhowṯsāniyy menyebutkan dalam ijazahnya untuk kitab «*Jawāmiᶜ al-Islām Min Aḥādīṯs Sayyid al-Anām*» karya ašh-Šhaykẖ Nūruddīn ᶜItr bahawa beliau hanya mendengar sebahagian sahaja dari kitab ini.

Ašh-Šhaykẖ Hišhām bin Muḥammad bin Sulaymān as-Saᶜīd menyebutkan bahawa dia tidak membaca dengan penuh untuk kitab «*al-Waroqōt*» karya Imām al-Ḥaromayn kepada ašh-Šhaykẖ ᶜAbdullāh bin ᶜAbdul Roḥmān bin ᶜAqīl.

Tidak ada apa yang perlu disembunyikan kerana malu padanya. Ilmu riwayat berdiri di atas kejujuran dan menyatakan kebenaran.

Penyebutan kadar ini daripada masyayikh kami ini bukan untuk mengaibkan mereka, tetapi supaya merasakan benarnya kata-kata Benar kata ᶜAbdullāh bin ᶜAlawiyy al-Ḥaddād dalam al-Ḥikam:

وَلَا تَسَلِّيَ الْمُصَابِ بِمِثْلِ ذِكْرِ مَنْ أُصِيبَ بِمِثْلِ مُصِيبَتِهِ

"Tidak ada kelegaan musibah dengan semisal penyebutan orang yang ditimpa dengan semisal musibahnya".

Jika berhadapan dengan orang yang mencela kerana tidak mendengar bacaan kitab yang tidak melebihi lima muka surat, maka tidak perlu dilayani kerana sudah dimaklumi bagi para penuntut riwayat bahawa memperoleh mendengar dan ijazah adalah rezeki. Kalau Allah berkehendak, kita akan dapat. Jika sebaliknya, moga-moga Dia menggantikan yang lebih baik daripadanya.

Adakalanya orang ini tidak mahu meriwayatkan dari orang yang mendengar kitab yang nipis dengan hanya sebahagian sahaja, tetapi lebih rela mendapat riwayat *samāᶜ* atau *qirōʕah* dari mereka yang hanya meriwayatkan kitab itu dengan ijazah *ᶜāmmah* semata-mata kerana tidak mahu dilihat ada riwayat sebegini secara kurang!

Sanad mereka lebih rela diriwayatkan dengan format "عَنْ" atau "إِجَازَةً" berbanding "أَخْبَرَنَا سَمَاعًا لِبَعْضِهِ".

Usah terlalu mengejar *masmūᶜāt* dan *maqrūᶜāt* yang banyak

Sememangnya riwayat secara dengan format *at-Taḥdīṯs* dan *al-ᶜArḍ* lebih kuat dari ijazah semata-mata.

Kadangkala, kita mendapati sebahagian orang sangat memfokuskan untuk mendapatkan *masmūᶜāt* dan *maqrūᶜāt* sebanyak-banyaknya yang dia tidak ingin kalah dengan jumlah *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt* al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy yang beliau menyebutkannya dalam «*al-Muᶜjam al-Mufahros Aw Tajrīd Asānīd al-Kutub al-Mašhūroh Wa al-Ajzāᶜ al-Manṯsūroh*» sehingga saya lihat kadangkala membebankan beberapa masyayikh yang sudah terlalu renta

atau terlalu sakit semata-mata untuk tidak mahu terlepas riwayat kedua-dua ini dengan isnad yang tinggi.

Wahai saudara dalam periwayatan! Ramai dari kalangan periwayat tidak direkodkan *masmūᶜāt* dan *maqrūᶜāt*. Hanya diketahui siapa masyaiykh periwayatan mereka sahaja dan jumlahnya.

Kalau pun ada, sebahagiannya hanya merekodkan bahawa mereka tidak mendengar semua atau hanya dengar *al-Aṭrōf*, iaitu tepian sahaja atau potongan yang awal sahaja, khususnya untuk *al-Kutub at-Tisᶜah*.

Contohnya adalah ašh-Šhaykẖ Ibrōhīm al-Kūrōniyy dalam «*al-Umām Li Īqōẓ al-Humam*», ašh-Šhaykẖ ᶜ Abdullāh bin Sālim al-Baṣriyy dalam «*al-Imdād Fī Maʿrifah ᶜUluww al-Isnād*», ašh-Šhaykẖ Muḥammad Muṭīᶜ al-Ḥāfiẓ dalam «*al-Kanz al-Farīd*» dan pelbagai lagi. Lihat rekod mereka. Amat sukar untuk menemukan riwayat yang ada *samāᶜ* dan *qirōᶜah* yang penuh.

Bahkan, banyak riwayat kita melalui selang-seli yang ada ijazah *ᶜāmmah* Seperti riwayat yang melalui mereka yang menjad tumpuan sanad seperti ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Ḥayy al-Kattāniyy, ašh-Šhaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy, ᶜAbdul Ġhoniyy ad-Dihlawiyy, Muḥammad ᶜĀbid as-Sindiyy, al-Wajīh ᶜAbdul Roḥmān al-Ahdal, al-Wajīh ᶜAbdul Roḥmān al-Kuzbariyy, al-Murtaḍō az-Zabīdiyy, al-Amīr al-Kabīr, ᶜAbdullāh bin Sālim al-Baṣriyy, ašh-Šhihāb Aḥmad bin Muḥammad an-Nakẖliyy, al-Ḥāfiẓ as-Suyūṭiyy, Šhaykẖ al-Islām Zakariyyā al-Anṣōriyy, al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy, al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy dan lain-lain yang terlalu padat untuk disenaraikan di sini.

Kita langsung tidak ada masalah menyambungkan sanad mereka atas jalur ijazah *ᶜāmmah*. Justeru, mengapa kita merasakan ketempangan jika generasi kita pada masa akan datang meriwayatkan dari kita hanya dengan ijazah *ᶜāmmah* semata-mata untuk riwayat kitab yang bukan *masmūᶜāt* dan *maqrūᶜāt* kita?

Yang penting adalah memfokuskan dengan penguasaan ilmu dan pemantapan kefahaman. Riwayat mungkin berguna ketika umur kita panjang dan ketika kita tidak berdaya untuk mengajar lagi seperti sudah terlalu tua. Namun begitu, ilmu yang bermanfaat akan membentengi diri kita dari kebahayaan kejahilan dan membina masyarakat setempat sepanjang hidup kita, malah keselamatan di hari akhirat.

Kalau pun ingin menjadi musnid pun, golongan ini tetap diaibkan jika yang ada hanyalah kejahilan dan lebih teruk adalah penyimpangan. Lihat pula nama-nama musnid yang ternama dan menjadi sambungan utama kepada setiap sanad. Adakah mereka adalah dari kalangan orang awam semata-mata yang hanya bersibuk dengan riwayat sahaja?

Jika ingin mengajar dan ingin meriwayatkan kitab, jangan malu untuk meriwayatkan dengan ijazah semata-mata. Walaupun riwayat dengan *samāᶜ* memiliki merit yang lebih tinggi berbanding semata-mata ijazah sahaja, tetapi penghargaan yang lebih utama adalah faedah dari pencerahan kita dan warisan ilmu yang membekas dalam jiwa.

Riwayat dengan *samāᶜ* adalah nikmat dunia semata-mata. Tiada yang memberikan apa-apa manfaat melainkan beberapa rakaat yang sedikit yang kita bersolat dengannya pada penjuru malam.

Kata al-Junayd al-Baġhdādiyy apabila Jaᶜfar al-Kẖuldiyy bertemu dengannya dalam mimpi dan bertanya tentang apa yang tuhan telah berbuat kepadanya:

طَاحَتْ تِلْكَ الْإِشَارَاتُ وَغَابَتْ تِلْكَ الْعِبَارَاتُ وَفَنِيَتْ تِلْكَ الْعُلُومُ

وَنَفَدَتْ تِلْكَ الرُّسُومُ وَمَا نَفَعَنَا إِلَّا رُكَيْعَاتٌ كُنَّا نَرْكَعُهَا فِي الْأَسْحَارِ

"Tergamam segala isyarat itu, telah hilang segala ungkapan itu, telah hancur segala ilmu itu, Tiada yang memberi manfaat kepada kita melainkan beberapa rakaat yang sedikit yang kita rukuk dengannya pada waktu sahur".

Mengapa sebahagian masyayikh yang memiliki riwayat tidak dapat diriwayatkan sama sekali atau dapat diriwayatkan, tetapi tidak sempurna haknya?

Sebahagian masyayikh memiliki riwayat *samāᶜ* yang tinggi dan langka, tetapi tidak dapat mewariskan riwayatnya atau jika dapat pun, tidak sesempurna haknya seperti seseorang memiliki riwayat *samāᶜ* bagi «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» secara penuh, tetapi kita tidak dapat meriwayatkannya secara penuh dan hanya dapat sebahagian atau awal hadis sahaja.

Antara sebabnya adalah syarat yang ditetapkan untuk mendapatkan periwayatan amat ketat sehingga orang amat susah untuk mendapatkannya.

Antara syarat ketatnya adalah orang tersebut perlu melazimi bersamanya dengan tempoh yang lama atau lulus ujian yang disyaratkan orang tersebut ada kapisiti kaliber di sisinya atau yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat.

Antara syarat ketatnya adalah hanya graduan pelajar madrasahnya sahaja berhak mendapatkan riwayat daripadanya

dan orang lain secara umum tidak berhak untuknya. Ada yang mensyaratkan seseorang itu perlu bersemuka dan tidak menerima majlis dalam talian. Bahkan, ada yang mensyaratkan perlu dibayar dengan harga yang mahal untuk mendapatkan satu ijazah yang *kẖōṣṣoh* daripadanya.

Pengajaran untuk kita adalah bersikap longgar dalam periwayatan. Saya tidak berkata seseorang tidak boleh meletakkan syarat. Cuma, kalau seseorang sudah bersusah payah untuk mendapatkannya dan berkeinginan untuk warisan anda diriwayatkan dan dimanfaatkan dalam periwayatan, maka permudahkanlah urusan.

Benar bahawa kadangkala kita sangat menginginkan pewaris riwayat kita adalah orang yang berkualiti. Namun, perlu ingat bahawa akhirnya adalah riwayat kitab «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» yang menjadi pilihan dunia adalah dari orang yang awam lagi buta huruf yang hanya tukang batu sahaja, iaitu ašh-Šhaykẖ Aḥmad bin Abū Ṭōlib al-Ḥajjār kerana usianya panjang dan isnadnya yang paling tinggi di dunia.

Orang yang awam lagi buta huruf ini yang sekadar tukang batu sahaja inilah yang menjadi rebutan riwayatnnya dari kalangan imam, huffaz dan ulama dari seluruh dunia! Antaranya adalah Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah, al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy dan al-Ḥāfiẓ al-Mizziyy sepertimana yang akan diceritakan nanti.

Kalau shaykh yang beliau ambil riwayat daripadanya, iaitu ašh-Šhaykẖ al-Ḥusayn bin al-Mubārok az-Zabīdiyy mengetatkan syaratnya seperti terhad kepada pelajar madrasah tertentu atau hanya ahli ilmu sahaja, sudah tentu beliau tidak mewariskan apa-apa daripadanya.

Kalau kita ingin menterhadkan hanya beberapa orang sahaja yang dapat, belum tentu orang yang sudah mendapatkannya pula ada kepedulian untuk meriwayatkan daripadanya, aptah lagi memelihara periwayatannya kecuali sekadar dokumentasi dan rekod sahaja.

Boleh jadi dari kalangan 100 orang hadirin, hanya seorang sahaja yang betul-betul serius untuk meriwayatkannya. Itu pun belum tentu pada beberapa generasi seterusnya, riwayatnya akan terus tersambung dan melegasi dengan isnad yang tinggi atau diterima pada kadar ketinggiannya.

Oleh itu, jadikan riwayat ini terbuka dan boleh diakses untuk semua orang supaya ada potensi yang orang ramai akan meriwayatkan dari kita. Kita akan lihat beberapa contoh yang menunjukkan Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah sebagai contoh yang amat mudah dalam pengijazahan.

Itulah sebab periwayatan yang bersambung kepada Ibn Taymiyyah ada banyak. Antaranya adalah murid rapatnya, Ibn Qoyyim al-Jawziyyah, al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy[14], ᶜAliyy bin Muḥammad bin Muḥammad bin Abū al-Majd ad-Dimašhqiyy,[15] Aḥmad bin an-Najm Sulaymān bin Muḥammad bin Sulaymān bin Marwān az-Zamlakāniyy[16], al-Burhān Abū Isḥāq Ibrōhīm bin ᶜUmar al-ᶜAlawiyy[17] dan lain-lain[18]. Malah,

---

[14] «*Muᶜjam ašh-Šhuyūkẖ*» karya al-Ḥāfiẓ aḏz-Ḏzahabiyy.

[15] «*Al-Majmaᶜ al-Muᶜassis Li al-Muᶜjam al-Mufahros*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy.

[16] «*Al-Majmaᶜ al-Muᶜassis Li al-Muᶜjam al-Mufahros*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy.

[17] «*Al-ᶜIqd al-Fākẖir al-Ḥasan Fī Ṭobaqōt Akābir Ahl al-Yaman*» karya Abū al-Ḥasan ᶜAliyy bin al-Ḥasan al-Kẖozrojiyy.

[18] Sebahagiannya boleh rujuk dalam kitab «*ar-Rodd al-Wāfir ᶜAlā Man Zaᶜama Bi Anna Man Samma Ibn Taymiyyah Bi Šhaykẖ al-Islām Kāfir*» karya Ibn Nāṣiruddīn ad-Dimašhqiyy.

sebahagian mereka ada mendapat riwayat secara bacaan dan dengar dari beliau.

Bahkan, sebahagian pengijazah mengijazahkan kepada anak yang kecil walaupun belum baligh agar anak tersebut dapat meriwayatkan daripada mereka dengan isnad yang tinggi pada suatu hari nanti.

Sebegitu juga antara sebab yang lain adalah kerana sebahagian penulis dokumentasi majlis tidak memperincikan kadar *samāᶜ* masyayikh mereka jika dijemput dengan ramai.

Mereka hanya menulis kitab yang dibaca, senarai naa masyayikh yang hadir, perincian pengijazahan dan tarikh majlis, tetapi tidak memperincikan yang mana satu dari shaykh hadir penuh, shaykh yang hadir lewat, shaykh yang hanya dengar sebahagian sahaja dan lain-lain yang penting untuk direkodkan.

Lebih teruk lagi adalah sebahagian penulis ini melengahkan rekod dokumentasi majlis dan tiada rakaman untuknya sehingga sebahagian mereka lupa perinciannya dan tidak dapat menunaikan hak penyampaian dengan tepat.

Akhirnya, kita tidak tahu kepada siapa yang kita dengar dengan penuh dan hanya sebahagian.

Sebegitu juga antara sebab yang lain adalah sebahagian mereka tidak menulis dokumentasi majlis apabila kitab dibacakan dengan banyak.

Saya pernah menghadiri majlis dalam talian yang mana apabila pembaca ingin menukar kitab lain yang ingin dibacakan, dia tidak menyebut nama kitab dan tidak membentangkan kandungan kitab itu di skrin, tetapi menyebut

nama penulis sehingga kita tidak tahu apa nama kitabnya dan kita tidak dapat meneka nama kitab walaupun isi kandungannya, sedangkan ada sebahagian penulis yang disebutkan itu memiliki penulisan yang banyak.

Apabila kami meminta untuk menulis dokumentasi majlis, langsung tidak dibuat. Bahkan, ada sebahagiannya ditulis di saluran yang tertutup yang tidak terbuka untuk orang awam mengaksesnya!

Malah, saya pernah mengikuti satu majlis riwayat yang terus dibacakan isi kandungan kitab tanpa diketahui apa kandungannya dan siapa penulisnya dari awal hingga akhir!

Akhirnya, walaupun kami mengenali shaykh yang dibacakan dan riwayatnya, kami langsung tidak dapat merekodkan *masmūᶜāt* kami sehingga kami boleh meriwayatkannya.

Semoga Allah mengharamkan kebaikan mereka dalam riwayat mereka sepertimana dia mengharamkan kebaikan itu dari orang lain.

Sebegitu juga antara sebabnya adalah terlalu melengahkan masa sehingga sudah usia yang terlalu lewat dan mula mendapati kesihatan yang kronik yang dilihat tidak menyebelahinya, barulah dia untuk memulakan dan bergiat aktif.

Semoga Allah menguatkan jasad mereka dengan kesejahteraan, lalu dengan kesihatan itu, dikembalikan untuk manfaat yang besar kepada umat.

Pengajarannya adalah apabila ada kesempatan, lebih-lebih lagi mendapat isnad yang tinggi atau periwayatan yang

jarang didapatkan atau setara dengannya, sebarkanlah manfaatnya.

Jika rasa masih muda untuk menjalankan riwayat, maka mulakan dengan periwayatan dari masyayikh yang sudah meninggal dunia dan ada nilai ketinggian pada isnad. Jika merasa segan untuk mengadakan riwayat kerana masih ada masyayikh yang diambil riwayatnya yang masih hidup, maka pilihlah yang periwayatan dari sesiapn yang lain sukar untuk mendapatkan riwayat masyayikh itu dan mempunyai kadar ketinggian yang berbaloi.

Yang penting adalah memulakan dan melaksanakan tradisi periwayatan selagimana ada ruang untuknya.

Tips memilih majlis jika bertembung dua majlis atau lebih dalam satu waktu yang sama

Antara masalah yang dihadapi oleh penuntut riwayat adalah mereka menghadapi dilemma untuk memilih antara dua majlis yang bertembung pada satu waktu yang sama.

Apa pertimbangan yang perlu dibuat untuk memilih kehadiran salah satu majlis dari dua majlis yang bertembung?

Berikut adalah beberapa yang saya boleh kongsi dan pertimbangan yang perlu diambil bukan hanya pada satu sahaja, tetapi lebih daripada itu.

Pertama, utamakan pengijazah yang dikenali riwayatnya. Jangan memilih majlis yang tidak diketahui riwayatnya sekalipun biografinya diisi dengan pelbagai latar belakang pendidikan.

Tujuan periwayatan adalah supaya kita dapat menyampaikan riwayat dari orang yang kita menerima ijazah.

Jika pengijazah yang kita ambil tidak tahu apa riwayatnya dan sanadnya, apa manfaatnya?

Kedua, utamakan majlis yang diketahui menyediakan sanad atau mudah dicari sanadnya di tempat lain atau yang dapat ditakhrij sanadnya sekalipun hadirin hanya akan mendapat ijazah *kẖōṣṣoh* kerana seseorang mendapat ijazah yang diketahui riwayatnya dan mendapat bahagian *masmūᶜāt* adalah lebih bermakna berbanding mendapat ijazah *ᶜāmmah* yang tidak diketahui riwayatnya dan tidak dapat diriwayatkan apa-apa pun daripadanya.

Sebelum hadiri majlis, sila usahakan dulu untuk membuat semakan sanad sama cuba untuk mentakhrij sendiri atau semak latar belakang admin majlis atau pengijazah yang sememangnya akan memberikan ijazah kepada hadirin.

Kadangkala, ada admin sudah mengongsikan sanad mereka di saluran mereka atau halaman rasmi mereka. Kadangkala, sanad ada dalam permulaan kitab atau hujung kitab. Kadangkala, sanad boleh dicari dalam tsabat. Kadangkala, sanad diketahui dan boleh disambungkan dengan takhrij kendiri.

Yang penting adalah usaha sedaya yang mampu untuk menyemak periwayatan mereka sebelum menyertai majlis.

Ketiga, utamakan majlis yang meriwayatkan secara *al-Musalsal*. Ini kerana ijazah *ᶜāmmah* tidak merangkumi periwayatan secara *al-Musalsal* yang memiliki sifat tersendiri yang perlu dipenuhi.

Contohnya adalah *al-Musalsal* pembacaan surah aṣ-Ṣoff. Seseorang perlu mendengar pembacaan surah ini bagi sah untuk meriwayatkan *al-Musalsal* ini dari pengijazah. Sekadar

ijazah *ᶜāmmah* dari seorang pengijazah semata-mata tidak boleh meriwayatkan *al-Musalsal* ini.

Keempat, utamakan mereka yang memiliki isnad yang tinggi atau yang langka.

Usah tertitpu dengan sebahagian pengacara majlis yang cuba mengelabui orang ramai bahawa pengijazah yang dijemput adalah panjang umur yang berusia lebih 90 tahun atau seumpamanya, padahal sebahagian mereka hanya memiliki riwayat yang sama peringkat periwayatan yang ada pada hari ini atau isnad mereka yang boleh didapatkan dari orang lain.

Begitu juga jangan terpengaruh dengan popularitiseseorang kerana bukan semua yang popular memiliki isnad yang tinggi atau langka. Kadangkala mereka mengambil dari orang yang sebaya mereka atau yang kita ada peluang untuk mendapatkannya.

Semak periwayatan mereka terlebih dahulu agar tidak membuang masa atau terlepas majlis sama ada sebahagian atau keseluruhannya yang sedia ada yang sepatutnya kita sertai.

Kelima, utamakan majlis yang mengadakan pembacaan kitab yang langka dibacakan di majlis atau mungkin tidak dibacakan sebelum ini.

Jika bertembung majlis yang membacakan kitab yang masyhur yang dibacakan dengan majlis yang membacakan kitab yang langka dibacakan, pilih majlis yang membacakan kitab yang langka kerana kitab yang masyhur yang dibacakan boleh didapatkan dari musnid yang lain.

Contohnya adalah jika bertembung majlis kitab «*al-Uṣūl aṯs-Ṯsalāṯsah*» karya ašh-Šhaykẖ Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-Tamīmiyy dengan kitab «*at-Tawḍīḥ al-Abahar Šarḥ Li Taḏzikroh Ibn al-Mulaqqin*» karya al-Ḥāfiẓ as-Sakẖōwiyy, pilih yang kedua kerana ini adalah kitab yang sangat jarang untuk dibacakan, manakala yang pertama boleh didapatkan di kesempatan yang lain kerana ia adalah kitab yang popular diulang pembacaan.

Keenam, utamakan kitab yang belum termasuk dalam *masmūᶜāt*. Jika yang sudah ada dalam *masmūᶜāt*, lebih-lebih lagi *masmūᶜāt* yang penuh dari musnid yang lain, maka tidak perlu untuk hadir sekalipun kitab yang dibacakan itu adalah *masmūᶜāt* dari musnid yang lain.

Tidak perlu menyibukkan diri dalam mendapatkan *masmūᶜāt* yang penuh dari pelbagai shaykh. Memadai untuk mendapat dari seorang sahaja. Untuk apa mendapatkan masmūʿāt yang penuh dari pelbagai orang? Apa yang ingin dibanggakan?

Ketujuh, dahulukan yang dirasakan boleh dihabiskan dengan cepat. Jika bertembung antara dua, ambil yang boleh dihabiskan dengan cepat. Apabila habis, boleh terus pergi ke majlis seterusnya walaupun akan ada luput untuk majlis yang seterusnya.

Kelapan, dahulukan majlis yang mana kitab yang dibacakan boleh didapatkan sama ada secara percuma atau dibeli di kedai. Bukan semua majlis yang membacakan kitab yang para peserta boleh mendapatkannya.

Adakalanya, kitab yang dibacakan masih dalam manuskrip dan ada kitab yang sukar didapatkan di pasaran

kerana sebahagiannya hanya berlegar di negara tertentu sahaja.

Oleh itu, pilih majlis yang kita boleh ikut bacaannya dan boleh diriwayatkan dengan bacaan pada masa kemudian.

Kesembilan, jika ingin mengikuti majlis bacaan kitab yang tebal, pastikan dilihat pada kadar kelajuan yang boleh dibaca oleh penganjur, penjadualan yang tetap dan beberapa kualiti yang saya menyuarakan tentang beberapa sikap penganjur nanti agar penyertaan majlis secara komitmen tidak sia-sia.

Semua ini adalah pertimbangan yang terserah kepada para penuntut untuk mengambil kira dalam memilih majlis yang mereka ingin sertai. Kadangkala, seseorang boleh sahaja mengutamakan yang keenam berbanding yang pertama dan seterusnya. Kadangkala, seseorang boleh sahaja mengutamakan yang pertama dan yang ketiga berbanding yang kelima. Sebegitu seteusnya.

Tidak ada paksaan dalam setiap pertimbangan yang dibuat. Yang penting adalah masing-masing memanfaatkan peluang yang ada untuk mendapatkan ijazah dan *masmū*[c] dari masyayikh dan musnid, di samping ilmu yang terkandung dalam kitab yang dibacakan.

Sebahagian perangai buruk dari kalangan penganjur majlis

Saya ingin memperingatkan perangi yang keji lagi jijik dari sebahagian penganjur majlis agar sesiapa yang ingin menjadi penganjur majlis pada masa akan datang agar tidak mengulangi ini.

Perangai buruk yang pertama adalah kalangan mereka menyembunyikan nama masyayikh dalam pengumuman majlis.

Ketika pengumuman secara mengejut, ditulis beberapa ayat yang menekan-nekan psikologi mereka yang membaca dengan berkata: "Majlis yang sangat penting yang masyayikhnya adalah pemilik isnad yang tertinggi di dunia! Bersiap sedia kerana majlis akan bermula pada sebentar lagi. Sesiapa yang terlepas, akan terpuruk dalam penyesalan yang mendalam buat selama-lamanya kerana shaykh sudah tenat yang tidak dapat lagi dijalankan majlis riwayat!".

Ada ada beberapa perkara yang akan tertimpa dengan majlis sebegini. Yang pertama adalah seseorang itu akan pulang dengan tangan kosong. Tiada siapa tahu siapa nama shaykh tersebut walaupun setelah didesak berkali-kali untuk dinamakan. Kalau pun tahu namanya, riwayatnya diragui dan tiada perincian yang seberhaknya.

Apabila kita memenuhi undangan mereka, mereka sama sekali tidak mencanangkan nama shaykh yang disebut dan sampai sekarang saya tidak tahu kepada siapa yang dibacakan sehingga saya tidak dapat meriwayatkan apa-apa.

Beginikah jasa yang dia balas setelah mendesak orang ramai? Semoga Allah mengharamkan kebaikan dari mereka sebagaimana dia mengharamkan kebaikan dari orang lain.

Mereka yang menghalangi hak penuntut ilmu untuk mengenal dari siapa yang mereka ambil dan menyembunyikannya pasti tidak akan diberikan kejayaan.

Saya pernah mendengar pembacaan kitab «*Bulūġh al-Marōm Min Adillah al-Aḥkām*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-

ᶜAsqolāniyy kepada shaykh yang penganjur menamakannya dengan ašh-Šhaykẖ "أ" dan ašh-Šhaykẖ "ب" seakan-akan shaykh yang dijemput adalah model Android dari awal sehingga khatam. Pun begitu, sampai sekarang saya tidak tahu kepada siapa yang dibacakan setelah diminta berkali-kali.

Persoalan penting di sini adalah adakah ada ketulusan seseorang yang sebegini untuk menyebarkan kebaikan kepada orang ramai? Kita tidak nampak orang sebegini ada keinginan ini. Dia hanya mempergunakan orang ramai untuk kepentingan dirinya sendiri dalam menampilkan bahawa dia ada jaringan kenalan masyayikh yang besar lagi ramai walahal itu tidak terbukti pun.

Dia tidak pernah pun benar-benar menunaikan kepentingan muslimin yang hadir dengan memperkenalkan shaykh yang dibaca kepadanya.

Yang kedua adalah kadangkala shaykh yang dibacakan itu sebenarnya kita sudah mendengarkan dan sudah mendapat ijazah riwayat daripadanya. Maka, ini hanya membuang masa sahaja dan tidak berbaloi dengan tekanan psikologi yang penganjur beri pada kita.

Yang ketiga adalah sepertimana majlis diumumkan secara mengejut, kadangkala majlis juga ditunda secara mengejut setelah membuat hadirin menunggu dengan lama.

Perangai buruk yang kedua adalah pengumuman secara mengejut atau lambat atau saat terakhir atau memulakan majlis setelah pengumuman!

Saya pernah melihat ada seorang penganjur mengumumkan majlis empat hari sebelum majlis, kemudian

ada seorang penganjur yang lain mengumumkan majlis bersama seorang shaykh yang senior dan pilihan ramai pada hari dan waktu yang sama.

Kemudian, apabila tiba waktunya, berlakunya dua majlis yang bertembung dalam masa yang sama. Saya melihat sebahagian orang mengecam penganjur yang pertama kerana melakukan majlis riwayat yang lain ketika kehadiran shaykh lebih senior dan orang ramai tertumpu padanya atas alasan ia melanggar kaedah riwayat!

Walhal, penganjur kedua yang lewat mengumumkannya dan mengadakannya pada waktu yang sama! Mereka sendiri yang sebenarnya melanggar kaedah riwayat dengan merompak waktu orang lain dan merampas kehadiran orang yang ingin hadir ke majlis dari penganjur yang pertama!

Saya kadangkala terjumpa situasi ini apabila masing-masing mengumumkan secara mengejut atau lewat atau saat terakhir. Lantas, ia menimbulkan pergaduhan sesama penganjur kerana masing-masing mendakwa majlis mereka amat penting untuk dikehadapankan dan hadirin mendapat tekanan untuk memilih kehadiran salah satu daripadanya.

Setiap hari, saya akan menyemak jadual majlis pada waktu pagi supaya saya boleh membuat perancangan. Apabila ada masa lapang pada waktu petang sebagai contoh, saya boleh hadir ke pengajian atau apa sahaja yang bermanfaat.

Akan tetapi, kadangkala, ada penganjur yang tiba-tiba sahaja mengumumkan mengejut pada waktu petang atau beberapa jam yang singkat atau minit yang dekat dengan perancangan saya pada hari ini. Kadangkala, saya terpaksa

curi masa dan curi ruang agar dapat mendengar juga mengikuti majlis itu.

Lebih teruk lagi pengumuman majlis itu menutup nama shaykh. Apabila selesai, shaykh tersebut sudah saya mendapat riwayat daripadanya dan sudah didengar apa yang dibaca kepadanya.

Kalau saya sendiri berhadapan dengan situasi yang perit sebegini, bagaimana dengan penuntut ilmu yang lain yang mungkin lebih sibuk dan terfokus waktunya dengan sesuatu yang lebih berguna untuknya apabila masa tersebut adalah lapang dan optimum untuk dia fokus kepadanya.

Keberkatan majlis adalah meraikan mereka yang menyertai bersama. Tidakkah mereka membaca ini dalam «*Taᶜlīm al-Mutaᶜallim Ṭorīq at-Taᶜallum*» karya Burhān al-Islām az-Zarnūjiyy?

Dari kalangan para penuntut riwayat, ada dari kalangan masyayikh, bahkan mungkin dari kalangan wali Allah. Janganlah menyusahkan masa mereka. Jika anda tidak suka dibuat sebegini, maka jangan dibuat pula pada orang lain.

Adakalanya, pengumuman majlis ini dilakukan secara mengejut dan lewat setelah dibaca beberapa perenggan dari kitab! Lantas, hanya penganjur majlis sahaja memiliki riwayat *qirōᶜah* yang penuh dan semua yang lain hanya mendapat *samāᶜ* secara kurang. Ini jelas bentuk monopoli yang menzalimi pihak lain.

Perangai buruk yang ketiga adalah melewatkan penghabisan majlis dari yang dijadualkan. Kadangkala, ada sebahagian penganjur sengaja melambatkan penghabisan selama lima minit atau lebih atas alasan berbaki sedikit dan

lain-lain, sedangkan para penuntut lain ada majlis lain yang seterusnya yang ingin dia ikuti atau ada urusan lain yang dia perlu keluar dengan awal.

Saya pernah mengikuti majlis yang penganjur berkata bahawa dia minta keizinan 10 minit tambahan untuk menghabiskan sebahagian pembacaan, kemudian ia menjadi 20 minit. Saya ingat lagi bagaimana ada shaykh yang hadir menegur perkara ini.

Kalau begini perasaan shaykh yang dijemput kerana dilengahkan masanya, bagaimana lagi sebahagian hadirin yang mungkin ada kedudukan jauh lebih utama dari shaykh itu sendiri?

Perangai buruk yang keempat adalah mengasingkan ruang hadirin dan masyayikh sehingga suara hadirin dan komen mereka tidak diambil peduli tentang masalah yang berlaku pada ruang mereka. Bahkan, hadirin disediakan ruang yang mana bacaan dari penganjur sangat kurang kualitinya atau sentiasa berhadapan masalah internet dari pihaknya sehingga sukar untuk memastikan berlakunya dengar pembacaan secara jelas.

Lantas, hanya penganjur majlis sahaja memiliki riwayat *qirōᶜah* yang penuh dan semua yang lain hanya mendapat *samāᶜ* secara kurang.

Perangai buruk yang kelima adalah tidak menyebutkan sebahagian maklumat yang penting dalam dokumentasi majlis entah sama ada kerana sengaja menyorokkannya atau bersikap culas terhadapnya.

Apabila shaykh menyebutkan bahawa beliau mengijazahkan *kẖōṣṣoh* dan *ᶜāmmah*, dia hanya menulis

bahawa shaykh mengijazahkan *kẖōṣṣoh* sahaja! Apabila shaykh mengejutkan bahawa beliau mengijazahkan *kẖōṣṣoh* dan *ᶜāmmah* kepada hadirin yang mendengar, keluarga hadirin dan rakan-rakannya, dia hanya menulis bahawa shaykh mengijazahkan *kẖōṣṣoh* dan *ᶜāmmah* sahaja!

Perangai buruk yang keenam adalah merompak majlis anjuran orang lain. Antara yang keji, bahkan termasuk dosa dan jenayah adalah apabila ada penganjur sudah menetapkan janji dan waktu bersama seorang shaykh yang tidak begitu kenal penganjurnya dan salurannya atau yang berkaitan dengan digital, lalu apabila tiba waktu majlis, ada penganjur lain yang tahu mengenainya menghubungi shaykh lebih awal, lalu membahasakan diri sebagai penganjur pertama, lalu menjalankan majlis seolah-olah dialah penganjur pertama yang ada perjanjian masa dengan shaykh.

Ini jelas bahawa perbuatan orang yang tidak takut kepada Allah dan sanggup menuruti kehendak syaitan demi menguasai hegemoni majlisnya.

Sebegitu juga yang keji adalah apabila ada seorang penganjur ingin mengadakan majlis seorang shaykh, ada penganjur lain yang bersikap pemonopoli mahu menghalangi penganjur tersebut, lalu dia menghubungi shaykh tersebut dan menawarkan harga yang tinggi jika beliau membatalkan majlis dari penganjur pertama dan tidak lagi mengadakan majlis bersamanya.

Mereka sanggup buat sebegini kerana mengetahui shaykh berhadapan dengan sakit atau kesempitan yang amat bergantung dengan pembayaran mereka, lalu orang ini menjadikan duit untuk menundukkan shaykh.

Semoga Allah menghukum orang yang keji ini yang menzalimi shaykh.

Perangai buruk yang ketujuh adalah monopoli shaykh. Sebahagian shaykh menyerahkan urusan kepada seseorang kerana kesukaran untuk menyusun jadual dan berurusan dengan orang ramai. Saya mendapat tahu bahawa ada seorang shaykh kadangkala menerima panggilan 20 kali sehari untuk diadakan majlis secara mengejut bersamanya.

Kita faham bahawa situasi shaykh yang sangat membebankan sebegini. Maka, shaykh melantik seseorang yang lain untuk menguruskannya sehingga jika kita ingin berbicara dengan beliau, perlu mendapat izin dari orang yang dilantik dan berbicara dengannya terlebih dahulu.

Namun, malang sekali orang yang dilantik ini mengambil kesempatan untuk memonopoli shaykh. Seseorang tidak boleh mengadakan majlis bersamanya melainkan di platform yang orang ini menetapkan dan pelbagai lagi yang shaykh tidak boleh keluar ke mana-mana melainkan di dalam sirkel orang ini. Shaykh pada hakikatnya langsung tidak diberi kebebasan sekalipun beliau dibawa ke mana sahaja ke tempat yang luas.

Perangai buruk kelapan adalah sanggup mengkehadapankan diri untuk menjadi tuan majlis meski kurang dari segi prasarana.

Adakalanya, saya lihat ada sebahagian penganjur tidak memiliki sambungan internet yang mantap dan kerapkali diadakan majlis riwayat di bawah anjurannya, pasti akan ada gangguan internet dari pihaknya.

Kadangkala, masalah ini akan menyebabkan waktu untuk menghabiskannya menjadi terheret lebih panjang kerana

gangguan internet menyebabkan perjalanan majlis terhenti beberapa masa sebentar sebelum bersambung kembali. Bahkan, tidak dapat dihabiskan sepertimana yang dijadualkan kerana masalah dari pihak penganjur.

Prasarana di sini juga bermaksud kemampuan diri. Saya juga pernah mengikuti satu majlis riwayat kitab «*al-Uṣūl aṯs-Ṯsalāṯsah*» karya ašh-Šhaykẖ Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-Tamīmiyy yang dibaca oleh pembaca yang tidak mahir dalam nahu sehingga banyak kesalahan yang dibuat. Majlis terheret menjadi lebih lama kerana shaykh yang hadir perlu membetulkan kesalahannya banyak kali, sedangkan ia bukan kelas praktikal nahu!

Saya sendiri tidak mampu menahan melihat kepincangan ini dan saya terus keluar sebelum selesai kitab ini dihabiskan kerana sangat membuang masa dan mengambil masa yang lama dari sepatutnya!

Sebegitu juga saya mengikuti majlis yang dibaca dengan laju, tetapi penuh dengan kesalahan dan banyak tersangkut keraena tersasul lidah dan seumpamanya. Jika tidak mampu baca dengan pantas, maka bacalah dengan sederhana dan tenang. Biar perjalanan bacaan itu lancar berbanding memberatkan diri dengan apa yang di luar kemampuan kerana ingin habis dengan cepat.

Sebegitu juga saya melihat sebahagian penganjur yang tidak mempunyai penjadualan tetap atau bagi yang sudah tua, selalu kerap sakit sehingga banyak kali majlis ditunda atau dibiaarkan terlalu lama untuk disambungkan semula.

Bahkan, kerap dengan penukaran jadual sehingga peserta sukar untuk mengikutinya secara tetap. Selalu sahaja alasan penukaran jadual ini bahawa ini adalah permintaan shaykh.

Sekali lagi persoalan yang penting adalah adakah mereka ini benar-benar mahu kemanfaatan yang tersebar dengan efisyen atau hanya mahu monopoli riwayat secara *qirōᶜah* pada shaykh?

Perangai buruk kesembilan adalah menjemput shaykh yang amat tidak sesuai dengan orientasi majlis yang dijemput dengan kehadirannya.

Saya kadangkala melihat sebahagian penganjur menggabungkan shaykh yang amat menekankan dirayah dengan shaykh yang tiada masalah dengan riwayat semata-mata atau shaykh yang sememangnya menjangkakan bahawa jemputan kehadirannya hanya untuk riwayat.

Kemudian, yang terjadi adalah sama ada dua perkara. Pertama, majlis sepatutnya difokuskan kepada riwayat semata-mata diheret menjadi lebih panjang dari yang dijadualkan sehingga shaykh yang ingin memfokuskan riwayat semata-mata terganggu dengan komentar yang mengganggu penjadualannya.

Kita bukannya membenci komentar yang diberikan dan perkongsian ilmu daripadanya. Namun, kita menekankan bahawa jangan menjemput shaykh yang sangat tidak sesuai ke objektif majlis.

Jika ingin menjemput shaykh yang sedemikian, jemput hanya dia seorang sahaja yang mana dia boleh memberikan syarahan sepenuhnya tanpa dia rasa terbeban dengannya.

Kedua, shaykh yang amat menekankan dirayah dipaksa berlama-lamaan dengan senyap dan dibisukan dalam keadaan dia tidak suka tentangnya.

Begitu juga saya juga melihat sebahagian penganjur menjemput shaykh yang tidak menyukai bacaan pantas didudukkan bersama bersama masyayikh yang dijemput ke majlis yang dibaca dengan pantas dan dipaksa untuk menghadap orientasi majlis sedemikian yang dia tidak menyukainya sepanjang penjadualan.

Begitu juga saya melihat sebahagian penganjur mencampurkan masyayikh yang berbeza waktu solat di tempat mereka sehingga sebahagian mereka merasa terganggu psikologinya apabila waktu solat semakin mendekati dan dilihat majlis masih lagi lama untuk dihabiskan serta diteruskan tanpa dipedulikan keadaan mereka.

Lebih teruk lagi jika di majlis itu, tiada ketetapan siapakah shaykh yang muktamad yang dibacakan kepadanya sehingga kita tidak tahu siapakah shaykh yang dibacakan dengan penuh dan dipastikan dengannya.

Sebegitu juga saya melihat sebahagian orang menghubungi shaykh yang amat segan untuk menolak permintaan para penuntut untuk dibacakan kepadanya pada hampir lewat malam di tempat mereka untuk diadakan majlis bersama mereka dan dibariskan bersama masyayikh yang di tempat ketika itu masih petang.

Ini sesungguhnya adalah buruk adab kepada shaykh. Bahkan, boleh jadi ia membuli psikologi masyayikh dengan hadir ke majlis yang dia tidak sepatutnya dihadirkan.

Janganlah hanya kerana semata-mata ingin mendapatkan riwayat daripadanya atau *masmūᶜāt* atau *maqrūᶜāt* kepadanya sampai tidak memberi perhatian kepada apa yang sangat penting kepada masyayikh.

Perangai buruk kesepuluh adalah menjemput shaykh yang dibacakan dalam keadaan tidak tahu periwayatannya secara pasti.

Saya pernah menyaksikan ini bahawa salah seorang penganjur setelah selesai majlis, dia berkata shaykh yang dijemput belum disemak lagi periwayatannya dan berkata bahawa dia akan bertanya kepada anakya dan cucunya, tetapi sampai sekarang tiada apa-apa perkembangan pun daripadanya!

Apakah kerana kemaruk dalam memperbanyakkan masyayikh riwayat sampai tidak membuat semakan terlebih dahulu?

Kalaulah mereka ada kepedulian dalam ilmu hadis dan tidak menjadikan ilmu hadis hanya aksesori dalam tradisi periwayatan, pasti ini adalah sesuatu yang sangat prihatin untuk diberikan penekanan.

Tidak perlu menempik orang yang meminta ijazah dari kamu jika kamu tidak ingin memberikannya

Kalau tidak mahu beri ijazah riwayat *ᶜāmmah* pun, tidak perlu tempik pada orang yang meminta. Tolak sahaja dengan cara yang baik.

Saya lihat senarai masyayikh ijazah kamu dan semuanya adalah mereka yang amat bermurah hati untuk memberikan ijazah *ᶜāmmah*. Bahkan, kamu juga meriwayatkan isnad kitab

yang dijadikan daurah atau majlis dengan ijazah semata-mata atas takhrij dari ijazah *ᶜāmmah* pun. Tiada sama sekali bahagian *samāᶜ* yang khusus untuknya.

Kamu sendiri mencari dan mengharapkan pengijazahan *ᶜāmmah* dari kehadiran kamu ke majlis masyayikh, lebih-lebih lagi yang sepuh dan memegang isnad yang tinggi. Tambah lagi jika majlis itu diadakan dengan panjang, bersiri dan yang kamu bersusah payah untuk mendapatkan masa lapang untuk menghadirinya. Mengapa orang lain tidak boleh pula sepanjang menuntut ijazah yang mungkin sama-sama situasi dengan kamu?

Tidak perlu seolah-olah menampakkan ijazah riwayat kamu terlalu berharga sehingga orang lain perlu tunduk merayu-rayu dan mendapatkannya dengan susah payah.

Tidak memberi itu adalah hak bagi pengijazah, tetapi menolak cara yang baik adalah adab kepada sesama muslim.

Saya melihat sebahagian mereka yang bersikap sebegini kerana ignoran tentang permintaan ijazah riwayat ini adalah amalan yang sudah popular sepanjang zaman sama ada dari kalangan salafi atau Ašhāᶜiroh-sufi. Apa yang mereka semua minta ini hanyalah kesinambungan dari amalan para ulama yang lepas.

Untuk salafi, saya sudah berikan contohnya dan rujukan untuk melihat selanjutnya. Ada masanya apabila semakin luas ilmu, semakin sedikit pengingkaran.

Indah khabar dari rupa

Dalam periwayatan, kadangkala kita menyaksikan sebahagian orang menggambarkan secara berlebih-lebihan

dari apa yang sepatutnya, bahkan berbeza dari apa yang sebenarnya.

Kadangkala, saya melihat sebahagian orang menampakkan keistimewaan majlisnya dihadiri oleh shaykh yang berumur 90 tahun sebagai contoh. Malah, memomokkan seolah-olah sesiapa yang terlepas, rugi yang besar untuk seumur hidup.

Namun, apabila disemak isnad yang dia miliki, ia adalah setara yang budak umur baru baligh sekarang pun boleh dapat yang setara dengan itu, bahkan ada yang umur baru baligh pun ada yang memiliki isnad yang lebih tinggi daripada itu. Itu pun riwayat dari mereka yang dikatakan berusia sepuh adalah dengan ijazah *ᶜāmmah*.

Kita bukan sama sekali memperlekehkan shaykh yang sepuh itu. Kita hanya menyinggung penganjur majlis yang menampakkan indah khabar dari rupa.

Dalam mendapatkan riwayat, kita akan mendahulukan mereka yang memiliki isnad yang tinggi. Dalam dirayah, kita akan mendahulukan yang berilmu lagi punya kefahaman. Bukannya melihat pada usia semata-mata sekalipun secara kebiasaannya sebegitu.

Namun, mereka terus menjual nama shaykh tersebut untuk melariskan majlisnya.

Saya pernah melihat orang menjaja penjualan sijil ijazah sanad dan pengijazahan secara *kẖōṣṣoh* bagi suatu riwayat kitab, kemudian ditulis pada profilnya bahawa dia adalah pemilik ratusan sanad. Apabila disemak, ia adalah isnad yang rendah. Bahkan, masyayikh riwayatnya pun adalah dari kalangan yang mudah didapatkan ijazah riwayatnya.

Kata mudahnya adalah membeli daripadanya adalah pembaziran yang tiada apa-apa manfaatnya. Lebih baik mereka mendapatkan terus isnadnya dari masyayikh ijazahnya.

Yang lebih melucukan lagi adalah kebanyakan yang dikatakan memiliki ratusan sanad itu adalah ijazah *kẖōṣṣoh* sahaja, bukan ijazah *ᶜāmmah*.

Itu pun dengan melalui perantara seorang sahaja dengan isnad yang rendah yang ditakhrij dengan jalur berbeza. Itu pun antara dalam senarai ratusannya itu adalah puluhan dari kitab al-Imām an-Nawawiyy yang dikumulatifkan dengan jumlah ratusan.

Kalau begitu, saya juga ingin mengatakan bahawa saya memiliki 500 sanad kepada pelbagai kitab dengan hanya berpaksikan ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Ḥayy bin ᶜAbdul Kabīr al-Kattāniyy yang 150 daripadanya adalah karya al-Imām as-Suyūṭiyy, lalu menjadikannya sebagai jual beli dan saya memiliki isnad yang lebih tinggi daripada itu!

Mereka yang berada dalam kepompong kecil ini rasa bangga memiliki ratusan sanad dengan ijazah *kẖōṣṣoh* sahaja yang melalui satu perantara yang rendah di hadapan orang yang tidak tahu apa-apa.

Sedangkan, mendapat 500 masyayikh ijazah *ᶜāmmah* untuk zaman ini sangat mudah jika seseorang itu rajin, berdedikasi dan mempunyai kewangan yang besar untuk merantau. Dengan 500 masyayikh ijazah *ᶜāmmah*, boleh ditakhrij dengan belasan ribu kitab.

Begitu juga mereka dalam kepompong kecil ini antara yang melucukan adalah seseorang ingin menyebutkan

pencapaiannya yang membanggakan dalam profilnya adalah dia memiliki ijazah riwayat untuk *al-Kutub at-Tisᶜah*! Apabila ditinjau, ia cumalah riwayat secara ijazah semata-mata atau mungkin bacaan pada awal atau tepian atau sebahagian hadis di dalamnya.

Lautan ini sangat luas wahai saudara. Pencapaian yang dirasakan tinggi itu sebenarnya adalah seekor ikan badut dari kalangan jerung.

Saya mencoretkan ini dengan sinis kerana kadangkala apabila si badut ini tidak kenal lautannya, dia akan mengingkari suatu pencapaian yang jauh mengatasi daripadanya.

Sebagai contoh, kalau dikatakan kepada mereka ada seseorang memiliki 500 masyayikh ijazah *ᶜāmmah*, pasti mereka tidak percaya dan mengingkarinya, lebih-lebih sesorang itu dilihat tiada aura yang megah seperti ašh-Šhaykẖ Yāsīn al-Fādāniyy.

Inilah sebabnya saya amat sinikal kepada mereka. Piawaian pencapaian mereka sangat sempit dan tidak berpijak pada realiti sebenar sehingga sesiapa yang mengatasinya, dianggap membuat dakwaan berlebihan.

Faedah Tergabung

Saya ingin merangkumkan sebahagian apa yang dibincangkan dalam buku ini secara terpisah kepada satu bahagian yang boleh dibincangkan secara tergabung supaya para pembaca dapat merasakan faedah besar yang diperoleh dalam periwayatan dengan menganalisis sedikit pada sanad saya kepada «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*».

Ia adalah seperti berikut:

- Sanad periwayatan utama saya:

(١) أَخْبَرَنَا الشَّيْخُ الْقَاضِي مُحَمَّدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ يَحْيَى بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ يُوسُفَ الْكِبْسِيُّ الْحَسَنِيُّ الرَّوْضِيُّ الصَّنْعَانِيُّ، (٢) أَخْبَرَنَا زَيْدُ بْنُ عَلِيِّ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ صَالِحِ بْنِ صَلَاحٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَلِيِّ بْنِ عَجْلَانَ بْنِ نَاصِرِ بْنِ إِسْمَاعِيلَ السُّدْمِيُّ الرَّوْضِيُّ، (٣) أَخْبَرَنَا وَالِدِي قِرَاءَةً عَلَيْهِ، (٤) أَخْبَرَنَا أَبُو الدَّرْدَاءِ مُحَمَّدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيِّ بْنِ حُسَيْنِ بْنِ صَالِحِ بْنِ شَائِعٍ الْعَمْرَانِيُّ الصَّنْعَانِيُّ الْيَمَنِيُّ، (٥) أَخْبَرَنَا الْوَجِيهُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ سُلَيْمَانَ بْنِ يَحْيَى بْنِ عُمَرَ مَقْبُولٍ الْأَهْدَلِ بِقِرَاءَتِهِ لِجَمِيعِهِ، (٦) حَدَّثَنَا وَالِدِي، (٧) أَخْبَرَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ شَرِيفٌ مَقْبُولٌ الْأَهْدَلُ قِرَاءَةً عَلَيْهِ وَعَبْدُ الْخَالِقِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ الْمِزْجَاجِيُّ سَمَاعًا، (٨) أَخْبَرَنِي يَحْيَى بْنُ عُمَرَ مَقْبُولٌ الْأَهْدَلُ سَمَاعًا، (٩) أَخْبَرَنَا أَبُو الْأَسْرَارِ حَسَنُ بْنُ عَلِيِّ بْنِ يَحْيَى بْنِ

عُمَرَ الْعُجَيْمِيُّ قِرَاءَةً أَوْ سَمَاعًا، (١٠) أَخْبَرَنَا أَبُو مَهْدِيٍّ عِيسَى بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ أَحْمَدَ الثَّعَالَبِيّ لِجَمِيعِهِ، (١١) بِسَمَاعِهِ عَلَى سُلْطَانُ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ سَلَامَةَ بْنِ إِسْمَاعِيلَ الْمَزَّاحِيُّ سَمَاعًا عَلَيْهِ، (١٢) بِقِرَاءَتِهِ عَلَى أَحْمَدَ بْنِ خَلِيلِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ السُّبْكِيّ (١٣) بِقِرَائَتِهِ عَلَى النَّجْمِ مُحَمَّدِ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ عَلِيّ بْنِ أَبِي بَكْرٍ الْغَيْطِيّ (١٤) بِقِرَاتِهِ عَلَى زَكَرِيَّا بْنِ مُحَمَّدٍ الْأَنْصَارِيّ، (١٥) أَخْبَرَنَا الْبُرْهَانُ أَبُو إِسْحَاقَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ صَدَقَةَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ إِسْمَاعِيلَ الصَّالِحِيُّ الْحَنْبَلِيُّ، (١٦) أَخْبَرَنَا النَّجْمُ أَبُو مُحَمَّدٍ عَبْدُ الرَّحِيمِ بْنِ عَبْدِ الْوَهَّابِ الْحَمَوِيُّ، (١٧) أَخْبَرَنَا النَّجْمُ أَبُو مُحَمَّدٍ عَبْدُ الرَّحِيمِ بْنِ عَبْدِ الْوَهَّابِ بْنِ عَبْدِ الْكَرِيمِ بْنِ الْحُسَيْنِ بْنِ رَزِينَ الْحَمَوِيُّ، (١٨) أَخْبَرَنَا الشِّهَابُ أَبُو الْعَبَّاسِ أَحْمَدُ بْنُ أَبِي طَالِبٍ الْحَجَّارُ سَمَاعًا عَلَيْهِ، (١٩) أَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ الْحُسَيْنُ بْنُ أَبِي بَكْرٍ الْمُبَارَكِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ يَحْيَى الزَّبِيدِيُّ، (٢٠) أَخْبَرَنَا أَبُو الْوَقْتِ عَبْدُ الْأَوَّلِ بْنُ عِيسَى بْنِ شُعَيْبَ السِّجْزِيُّ الْهَرَوِيُّ، (٢١) أَخْبَرَنَا أَبُو الْحُسَيْنِ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ الْمُظَفَّرِ بْنِ دَاوُدَ الدَّاوُدِيُّ، (٢٢) أَخْبَرَنَا أَبُو مُحَمَّدٍ عَبْدُ اللَّهِ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ حَمَوَيْهِ الْحَمَوِيُّ السَّرَخْسِيُّ، (٢٣) أَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدُ بْنِ يُوسُفَ بْنِ مَطَرِ بْنِ صَالِحِ بْنِ بِشْرٍ الْفِرَبْرِيُّ، (٢٤) أَخْبَرَنَا الْإِمَامُ الْحَافِظُ الْحُجَّةُ النَّاقِدُ الْجَهْبَذُ أَمِيرُ الْمُؤْمِنِينَ فِي الْحَدِيثِ الْمُؤَلِّفُ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ الْبُخَارِيُّ.

- Sanad jalur *al-Musalsal Bi al-Yamaniyyīn* sehingga al-Ḥajjār:

وَبِهِ إِلَى (٨) يَحْيَى الْأَهْدَلُ، (٩) أَخْبَرَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ عَلِيِّ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ يُوسُفَ بْنِ أَحْمَدَ الْبَطَّاحُ الْأَهْدَلُ، (١٠) أَخْبَرَنِي يُوسُفُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ يَحْيَى بْنِ أَبِي بَكْرِ بْنِ عَلِيٍّ الْبَطَّاحُ الْأَهْدَلُ، (١١) أَخْبَرَنِي الْجَمَالُ الطَّاهِرُ بْنُ حُسَيْنِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْأَهْدَلُ، (١٢) أَخْبَرَنِي الْوَجِيهُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَلِيِّ بْنِ الدَّيْبَعِ الشَّيْبَانِيُّ الزَّبِيدِيُّ، (١٣) أَخْبَرَنَا الزَّيْنُ أَحْمَدُ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدِ اللَّطِيفِ الشَّرْجِيُّ، (١٤) أَخْبَرَنَا النَّفِيسُ سُلَيْمَانُ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنُ عُمَرَ بْنِ عَلِيِّ بْنِ عُمَرَ الْعَلَوِيُّ قِرَاءَةً مِنِّي عَلَيْهِ لِبَعْضِهِ وَسَمَاعًا لِأَكْثَرِهِ وَإِجَازَةً، (١٥) أَخْبَرَنَا مُوسَى بْنُ مُرِّي بْنُ مَيَّاسِ بْنِ عَلِيِّ بْنِ رَبَاحِ الْغَزُولِيُّ الزَّبِيدِيُّ الدِّمَشْقِيُّ الْحَنْبَلِيُّ قِرَاءَةً عَلَيْهِ، (١٦) أَخْبَرَنَا الْحَجَّارُ بِهِ.

- Sanad melalui jajaran Urdu atau kadangkala disebut dengan jalur India[19] dengan memilih isnad yang paling

[19] Jalur jajaran Urdu adalah istilah yang saya sendiri memperkenalkan. Ia merangkumi mereka yang belajar di madrasah yang menggunakan dengan bahasa Urdu yang berada di India, Pakistan, Afghanistan dan Bangladesh serta mendapat riwayat dari situ memandangkan penamaan dan garis sempadan geografi sudah berbeza dan mereka yang meriwayatkan menetap di salah satu negara yang disebut.

Pun begitu, penggunaan istilah jalur India masih dikekalkan kerana berkemungkinan atas dua faktor. Pertama, kerana mengenangkan penamaan wilayah India yang lebih luas daripada hari ini meskipun berbeza-beza empayar yang memerintah, kawasan yang berjaya ia menakluki atau nama yang digunakan. Ini kerana boleh jadi apabila disebutkan India, ia juga merangkumi Pakistan yang mana asalnya dahulu adalah sebahagian dari negara India sebelum mendapat kemerdekaan dan kedaulatan sendiri. Bangladesh juga sedemikian. Begitu juga dengan sebahagian wilayah Afghanistan.

Ia sama seperti istilah Syam. Sekalipun penggunaan pada hari ini lebih tertumpu kepada Syria, bahkan sudah lebih spesifik dan ia adalah Damsyik, tetapi penggunaan dahulu adalah lebih luas yang merangkumi Syria, Palestin, Jordan dan Lubnan.

Kedua, kemungkinan sentral bagi sanad adalah terfokus kepada ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul ᶜAzīz ad-Dihlawiyy yang meriwayatkan daripada ayahnya, ašh-Šhāh Waliyyullāh Aḥmad bin ᶜAbdul Roḥīm ad-Dihlawiyy yang mana ini

tinggi yang boleh didapatkan, iaitu mereka yang meriwayatkan dari ašh-Šhaykẖ Naḏzīr Ḥusayn dengan dua perantara sahaja:

(١) أَخْبَرَنَا أَبُو أَزْهَرٍ مُحَمَّدُ عَبْدِ الرَّزَّاقِ بْنِ صِدِّيقِ حُسَيْنٍ الْعَالَيَوِيُّ لِطَرَفَيْهِ وَثُلَاثِيَّاتِهِ (٢) بِسَمَاعِهِ عَلَى أَحْمَدَ اللَّهَ بْنِ أَمِيرِ اللَّهِ الْقُرَشِيُّ الْبَرَتَابَكَرْهِيُّ[20]، (٣) أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ نَذِيرِ حُسَيْنِ بْنِ جَوَادِ عَلِيٍّ الدِّهْلَوِيّ قِرَاءَةً عَلَيْهِ، (٤) أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ إِسْحَاقَ بْنُ مُحَمَّدِ أَفْضَلَ الدِّهْلَوِيُّ، (٥) أَخْبَرَنَا جَدِّي لِأُمِّي عَبْدُ الْعَزِيزِ الدِّهْلَوِيُّ، (٦) أَخْبَرَنَا وَالِدِي الشَّاهُ وَلِيُّ اللَّهِ أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحِيمِ الدِّهْلَوِيُّ سَمَاعًا لِنُبَذٍ مِنْ أَوَائِلِ صَحِيحِ الْبَخَارِيّ، (٧) أَخْبَرَنَا أَبُو طَاهِرٍ بْنُ الْبُرْهَانِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ حَسَنٍ الْكُورَانِيُّ، (٨) أَخْبَرَنَا أَبُو الْأَسْرَارِ حَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ الْعُجَيْمِيُّ بِهِ.

- Sanad dari jajaran Urdu yang bersambung ke jalur Yaman.

وَبِهِ إِلَى (٢) أَحْمَدَ اللَّهَ الْقَرَشِيّ، (٣) أَخْبَرَنَا حُسَيْنُ بْنُ مُحْسِنٍ الْأَنْصَارِيُّ قِرَاءَةً عَلَيْهِ، (٤) أَخْبَرَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَبْدِ الْبَارِي الْأَهْدَلُ وَمُحَمَّدُ بْنُ نَاصِرٍ الْحَازِمِيُّ –وَعَلَيْهِ قِرَاءَةً–، (٥) أَخْبَرَنَا الْوَجِيهُ الْأَهْدَلُ بِهِ.

- Sanad yang melalui jalur salafi yang bersambung sehingga ašh-Šhaykẖ Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-

kedua-duanya adalah menetap di India sekalipun mereka yang meriwayatkannya pada sesudahnya bukan lagi tinggal di India berdasarkan persempadanan hari ini.

[20] Nisbah kepada Pratapgarh di negeri Uttar Pradesh di negara India.

Tamīmiyy, lalu bersambung kepada Ibn Qoyyim al-Jawziyyah dan Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah:

(١) أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْطَانَ الْقَثَامِيُّ لِطَرَفَيْهِ وثُلَاثِيَّاتِهِ، (٢) أَخْبَرَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ حَمْدَانَ الْحَمْدَانُ الْمَجْمَعِيُّ الْحَنْبَلِيّ، (٣) عَنْ عَبْدِ السَّتَّارِ بْنُ عَبْدِ الْوَهَّابِ الدِّهْلَوِيّ قِرَاءَةً عَلَيْهِ لِبَعْضِهِ، (٤) عَنْ أَحْمَدَ بْنِ عِيسَى بْنِ إِبْرَاهِيمَ الشَّرَقِيّ النَّجْدِيّ الْحَنْبَلِيّ قِرَاءَةً لِطَرَفٍ مِنْ أَوَّلِهِ، (٥) عَنْ عَبْدِ اللَّطِيفِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ حَسَنِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الْوَهَّابِ آلِ الشَّيْخِ قِرَاءَةً عَلَيْهِ لِطَرَفِهِ، (٦) عَنْ وَالِدِهِ، (٧) أَخْبَرَنَا جَدِّي مُحَمَّدُ بْنِ عَبْدِ الْوَهَّابِ التَّمِيمِيُّ النَّحْدِيُّ سَمَاعًا عَلَيْهِ بِقِرَاءَةِ عَمِّهِ عَلِيٍّ، (٨) عَنْ مُحَمَّدِ حَيَاةَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ السِّنْدِيّ سَمَاعًا لِبَعْضِهِ إِنْ صَحَّ ذَلِكَ وَإِلَّا فَإِجَازَةً، (٩) حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَالِمٍ الْبَصْرِيُّ، (١٠) أَخْبَرَنَا الشَّمْسِ مُحَمَّدِ بْنِ عَلَاءِ الدِّينِ الْبَابِلِيّ سَمَاعًا لِبَعْضِهِ، (١١) أَخْبَرَنَا أَبُو النَّجَا سَالِمُ بْنُ مُحَمَّدٍ السَّنْهُورِيُّ سَمَاعًا لِبَعْضِهِ، (١٢) عَنِ النَّجْمِ مُحَمَّدِ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ عَلِيٍّ الْغَيْطِيّ قِرَاءَةً لِجَمِيعِهِ، (١٣) عَنْ شَيْخِ الْإِسْلَامِ زَكَرِيَّا بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ أَحْمَدَ الْأَنْصَارِيّ قِرَاءَةً لِجَمِيعِهِ، (١٤) عَنِ النَّجْمِ عُمَرَ بْنِ مُحَمَّدِ ابْنِ فَهْدٍ الْهَاشِمِيّ إِجَازَةً، (١٥) عَنْ دَاوُدَ بْنِ سُلَيْمَانَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْمَوْصِلِيّ الدِّمَشْقِيّ الْحَنْبَلِيّ، (١٦) عَنِ الشِّهَابِ أَبِي الْعَبَّاسِ أَحْمَدَ بْنِ حَجِّي بْنِ مُوسَى بْنِ أَحْمَدَ السَّعْدِيّ الدِّمَشْقِيّ سَمَاعًا، (١٧) عَنِ مُحَمَّدِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ الْمَعْرُوفِ

بِابْنِ قَيِّمِ الْجَوْزِيَّةِ، (١٨) عَنْ شَيْخِ الْإِسْلَامِ التَّقِيِّ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدِ الْحَلِيمِ ابْنِ تَيْمِيَّةَ الْحَرَّانِيِّ، (١٩) أَخْبَرَنَا الْحَجَّارُ سَمَاعًا بِهِ.

- Sanad yang bersambung kepada Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah, tetapi dengan *al-Musalsal* dengan *samāᶜ* atau *qirōᶜah*:

وَبِالْإِسْنَادِ إِلَى زَكَرِيَّا، قَالَ: أَخْبَرَنَا ابْنُ حَجَرٍ الْعَسْقَلَانِيِّ -وَقَالَ زَكَرِيَّا: سَمَاعًا لِكَثِيرٍ مِنْهُ-، أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ أَبِي الْمَجْدِ بْنِ عَلِيٍّ الدِّمَشْقِيِّ، أَخْبَرَنَا شَيْخُ الْإِسْلَامِ ابْنُ تَيْمِيَّةَ فِي مَجْلِسِ الْخَتْمِ وَأَجَازَ لِلسَّامِعِينَ بِهِ.

- Sanad dengan jalur *al-Musalsal Bi ad-Dimašhqiyyīn*:

(١) أَخْبَرَنَا الشَّيْخَانِ مُحَمَّدُ مُطِيعٍ الْحَافِظِ الدِّمَشْقِيُّ لِطَرَفِيهِ وَمُحَمَّدُ عِمَادِ سُكَّرٍ الدِّمَشْقِيِّ لِأَوَّلِهِ، (٢) أَخْبَرَنَا أَبُو الْيُسْرِ مُحَمَّدُ بْنِ أَبِي الْخَيْرِ مُحَمَّدِ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ عَبْدِ الْغَنِيِّ بْنِ عُمَرَ عَابِدِينَ الدِّمَشْقِيُّ قِرَاءَةً عَلَيْهِ لِأَوَّلِهِ، (٣) أَخْبَرَنَا وَالِدِي أَبُو الْخَيرِ قِرَاءَةً عَلَيْهِ لِأَوَّلِهِ، (٤) أَخْبَرَنَا وَالِدِي أَحْمَدَ كَذَلِكَ، (٥) أَخْبَرَنَا عَمِّي مُحَمَّدِ أَمِينِ بْنُ عُمَرَ بْنِ عَبْدِ الْعَزِيزِ عَابِدِينَ الدِّمَشْقِيُّ كَذَلِكَ، (٦) أَخْبَرَنَا الشَّمْسُ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْكُزْبَرِيُّ الْوَسِيطُ الدِّمَشْقِيُّ، (٧) أَخْبَرَنَا وَالِدِي لِجَمِيعِهِ وَالشِّهَابُ أَبُو النَّجَاحِ أَحْمَدُ بْنُ عَلِيِّ بْنِ عُمَرَ بْنِ صَالِحٍ الْمُنِينِيُّ الدِّمَشْقِيُّ لِبَعْضِهِ، (٨) عَنْ أَبِي الْمَوَاهِبِ مُحَمَّدِ بْنِ التَّقِيِّ

عَبْدِ الْبَاقِي بْنِ عَبْدِ الْبَاقِي الْحَنْبَلِيّ الدِّمَشْقِيُّ -وَقَالَ الْمُنِينِيُّ: أَخْبَرَنَا سَمَاعًا لِكَثِيرٍ مِنْهُ-، أَخْبَرَنَا وَالِدِي قِرَاءَةً وَسَمَاعًا وَعَرْضًا، (٩) أَخْبَرَنَا الشَّمْسُ مُحَمَّدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ يُوسُفَ بْنِ أَحْمَدَ الدِّمَشْقِيُّ الْمَيْدَانِيُّ سَمَاعًا لِكَثِيرٍ مِنْهُ، (١٠) حَدَّثَنَا النُّورُ أَبُو السُّرُورِ مَنْصُورُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ بْنِ سَلَامَةَ مُحِبِّ الدِّينِ الدِّمَشْقِيُّ قِرَاءَةً وَرِوَايَةً، (١١) حَدَّثَنَا الْجَمَالُ أَبُو الْفَتْحِ إِبْرَاهِيمُ بْنُ عَلِيِّ بْنِ أَحْمَدَ الْقَلْقَشَنْدِيُّ الشَّافِعِيّ، (١٢) أَخْبَرَتْنَا أُمُّ مُحَمَّدٍ كُلْثُومُ بِنْتُ الزَّيْنِ الصَّلَاحِ عُمَرَ بْنِ صَالِحٍ النَّابُلُسِيَّةُ الشَّافِعِيَّةُ، (١٣) أَخْبَرَنَا الْجَمَالُ أَبُو الْمَحَاسِنِ يُوسُفُ بْنُ مُحَمَّدِ ابْنِ الصَّيْرَفِيُّ الْأَنْصَارِيُّ الْحَنْبَلِيُّ الدِّمَشْقِيُّ، -ح- (٩) وَبِهِ إِلَى الْمَيْدَانِيّ، (١٠) أَخْبَرَنَا يُونُسُ بْنُ عَبْدِ الْوَهَّابِ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ أَبِي بَكْرٍ الْعَيْثَاوِيُّ الدِّمَشْقِيُّ قِرَاءَةً مِنْ أَوَّلِهِ إِلَى كِتَابِ الْاسْتِسْقَاءِ، (١١) أَخْبَرَنَا الْكَمَالُ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدُ بْنُ حَمْزَةَ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ عَلِيِّ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيِّ بْنِ الْحَسَنِ بْنِ حَمْزَةَ الْحُسَيْنِيُّ الدِّمَشْقِيُّ الشَّافِعِيُّ بِالْقِرَاءَةِ وَالسَّمَاعِ وَالْإِجَازَةِ الْخَاصَّةِ وَالْعَامَّةِ، (١٢) أَخْبَرَنَا الشِّهَابُ أَحْمَدُ وَعَبْدُ الْكَرِيمِ ابْنَا مُحَمَّدِ بْنِ عُبَادَةَ بْنِ عَبْدِ الْغَنِيِّ الدِّمَشْقِيَّانِ الصَّالِحِيَّانِ قِرَاءَةً عَلَيْهِمَا لِلثُّلَاثِيَّاتِ، (١٣) قَالَا: (١٤) أَخْبَرَتْنَا أُمُّ مُحَمَّدٍ عَائِشَةُ بِنْتِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الْهَادِي الْمَقْدِسِيَّةُ الصَّالِحِيَّةُ، قَالَ كِلَاهُمَا: أَخْبَرَنَا الْحَجَّارُ بِهِ.

- Sanad dengan jalur *al-Musalsal Bi al-Miṣriyyīn*:

(١) أَخْبَرَنَا عِمَادُ الدِّينِ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ مُصْطَفَى السُّودَانِيُّ الْمَعْرُوفُ بِابْنِ كَثِيرٍ الْمَالِكِيُّ لِبَعْضِهِ (٢) بِسَمَاعِهِ عَلَى مُحَمَّدٍ الْفَاضِلِ التِّقْلَاوِيِّ السُّودَانِيِّ سَمَاعًا، (٣) عَنْ عَوَضِ الْكَرِيمِ الرِّفَاعِيِّ الْأَزْهَرِيِّ سَمَاعًا أَوْ قِرَاءَةً -وَلَمْ تُضْبَطْ صِيغَةُ التَّحْدِيثِ-، (٤) عَنْ أَحْمَدَ بْنِ مَحْجُوبٍ الْفَيُّومِيِّ الرِّفَاعِيِّ الْأَزْهَرِيِّ كَذَلِكَ، عَنْ مُصْطَفَى بْنِ مُحَمَّدٍ الْمُبَلَّطِ الشَّافِعِيِّ الْأَزْهَرِيِّ كَذَلِكَ، (٥) عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيِّ بْنِ مَنْصُورٍ الشَّنَوَانِيُّ الشَّافِعِيُّ الْأَزْهَرِيُّ سَمَاعًا أَوْ قِرَاءَةً -وَلَمْ تُضْبَطْ صِيغَةُ التَّحْدِيثِ- لِبَعْضِهِ إِنْ لَمْ يَكُنْ جَمِيعَهُ، (٦) عَنْ مُحَمَّدِ بْنُ سَالِمِ بْنِ أَحْمَدَ الْحِفْنِيِّ الْمِصْرِيِّ الشَّافِعِيِّ إِجَازَةً إِنْ لَمْ يَكُنْ سَمَاعًا أَوْ قِرَاءَةً، (٧) عَنْ أَبِي حَامِدٍ مُحَمَّدِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ أَحْمَدَ الْمَعْرُوفِ بِابْنِ الْمَيِّتِ الْبُدَيْرِيِّ الدِّمْيَاطِيِّ الشَّافِعِيِّ الشَّاذُلِيِّ سَمَاعًا أَوْ قِرَاءَةً -وَلَمْ تُضْبَطْ صِيغَةُ التَّحْدِيثِ-، (٨) عَنْ النُّورِ أَبِي الضِّيَاءِ عَلِيِّ بْنِ عَلِيِّ الشَّبْرَامَلِّسِيِّ كَذَلِكَ، (٩) عَنِ الشِّهَابِ أَحْمَدَ بْنِ خَلِيلٍ السُّبْكِيِّ كَذَلِكَ بِهِ.

- Sanad yang bersambung ke jalur Mesir, lalu melalui jalur Maghribi:

(١) أَخْبَرَنَا مُسَاعِدُ بْنُ بَشِيرِ بْنِ عَلِيِّ بْنِ الْحَاجِّ سَعْدِ السُّودَانِيُّ لِبَعضِهِ، (٢) أَخْبَرَنَا الْفَكِّيُّ عُمَرُ بْنُ عُثْمَانَ بْنِ يُوسُفَ الْعُثْمَانِيُّ الْأُمَوِيُّ الْفُونْجِيُّ، (٣) أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَحْمَدَ وُدُّ الْبَدَوِيُّ، (٤) أَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدُ بْنُ

أَحْمَدَ بْنِ مُحَمَّدٍ عِلِيشُ الْمَالِكِيُّ، أَخْبَرَنَا الْأَمِيرُ الصَّغِيرُ، (٥) أَخْبَرَنَا وَالِدِي الْأَمِيرُ الْكَبِيرُ، (٦) أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدٍ الْعَرَبِيُّ السَّقَّاطُ سَمَاعًا لِجَمِيعِهِ إِلَّا مِنْ أَوَّلِهِ إِلَّا بَابُ الْجِنَازَةِ، (٧) أَخْبَرَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدِ الْعَرَبِيِّ بْنِ حَمْدُونَ بْنِ الْحَاجِّ السُّلَمِيِّ، أَخْبَرَنَا عَبْدُ الْقَادِرِ بْنُ عَلِيِّ بْنِ يُوسُفَ الْفَاسِيُّ، (٨) أَخْبَرَنَا أَبُو الْعَبَّاسِ مُحَمَّدُ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ يَحْيَى الْمَقَّرِيُّ التِّلِمْسَانِيُّ الْفَاسِيُّ، (٩) أَخْبَرَنَا عَمِّي أَبُو عُثْمَانَ سَعِيدُ بْنُ أَحْمَدَ الْمَقَّرِيُّ التِّلِمْسَانِيُّ، (١٠) أَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الْجَلِيلِ التَّنَسِيُّ التِّلِمْسَانِيُّ، (١١) أَخْبَرَنَا أَبِي، (١٢) أَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ الْخَطِيبِ الشَّمْسِ مُحَمَّدِ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ أَبِي بَكْرٍ الْمَعْرُوفِ بِابْنُ مَرْزُوقٍ الْحَفِيدُ، (١٣) أَخْبَرَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ صِدِّيقٍ الرَّسَّامُ، (١٤) أَخْبَرَنَا الْحَجَّارُ بِهِ.

- Sanad dengan jalur *al-Musalsal Bi al-Maġhribiyyīn*:

(١) وَنَا مُسَاعِدٌ، (٢) أَخْبَرَنَا عَبْدُ الْحَيِّ بْنُ عَبْدِ الْكَبِيرِ الْكَتَّانِيُّ سَمَاعًا لِبَعْضِهِ، (٣) أَخْبَرَنَا أَحْمَدُ بْنُ طَالِبِ بْنِ سُودَةَ الْفَاسِيُّ قِرَاءَةً مِنْ أَوَّلِهِ إِلَى كِتَابِ الْإِيمَانِ، (٤) أَخْبَرَنَا أَبُو الْعَبَّاسِ أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الْقَادِرِ الْبَدْرَاوِيُّ الشَّهِيرُ بُونَافِعِ الْفَاسِيُّ قِرَاءَةً عَلَيْهِ مَرَّتَيْنِ، (٥) أَخْبَرَنَا التَّاوُدِيُّ بْنُ سُودَةَ الْفَاسِيُّ، (٦) أَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ مُحَمَّدُ بْنُ قَاسِمِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ أَحْمَدَ

بْنِ عَبْدِ اللَّهِ جَسُوسٌ الْفَاسِيُّ، (٧) أَخْبَرَنَا عَبْدُ السَّلَامِ بْنُ أَحْمَدَ جَسُوسٌ الْفَاسِيُّ، (٨) أَخْبَرَنَا عَبْدُ الْقَادِرِ الْفَاسِيُّ بِهِ -ح- (٢) وَبِهِ إِلَى عَبْدِ الْحَيِّ، (٣) أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ بْنِ مُحَمَّدٍ السِّبَاعِيُّ الْحَسَنِيُّ الْمَرَّاكِشِيُّ وَمُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْوَاحِدِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الْوَاحِدِ الْإِدْرِيسِيُّ الشَّبِيهِيُّ سَمَاعًا لِبَعْضِهِ، (٤) أَخْبَرَنَا أَبُو الْعَبَّاسِ أَحْمَدَ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيٍّ الْمِرْنِيسِيُّ، (٥) أَخْبَرَنَا الشِّهَابُ أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْمَغْرِبِيُّ الرِّبَاطِيُّ الدُّكَّالِيُّ السِّلَاوِيُّ سَمَاعًا وَإِجَازَةً، (٦) أَخْبَرَنَا أَبُو الْحَسَنِ عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيٍّ الْعَكَّارِيُّ، (٧) أَخْبَرَنَا عَبْدُ الْقَادِرِ الْفَاسِيُّ بِهِ.

Ada beberapa analisis yang boleh ditinjau daripada sini.

- Tempoh untuk menghabiskan «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*»

Saya mendengar pembacaan «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» kepada ašh-Šhaykẖ Muḥammad al-Kibsiyy secara penuh sebanyak 79 majlis yang puratanya adalah sejam dengan pembacaan 100 hadis secara purata.

Sebenarnya boleh dihabiskan kurang daripada ini. Namun, disebabkan kadangkala ašh-Šhaykẖ Muḥammad al-Kibsiyy mengalami gangguan internet sehingga perlu ditamatkan dari masa yang dijadualkan. Jika tidak berlaku sedemikian, mungkin boleh dihabiskan kira-kira 70 majlis sahaja.

Bahkan, saya mengenali seseorang yang mampu membaca lebih pantas dengan pembacaan 130 hadis secara purata dengan

lancar dan jelas sebutan hurufnya. Jika sedemikian, mungkin boleh dikurangi sehingga 64 majlis.

Dengan ini, pembacaan «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» boleh dihabiskan dalam masa 64 jam sahaja, iaitu hampir tiga hari dengan kurang lapan jam dengan sempat untuk melakukan solat dan rehat sebentar.

Oleh itu, amat munasabah jika al-Kẖoṭīb al-Baġhdādiyy mampu menghabiskannya kurang dari tiga hari dengan kiraan tempoh jam memandangkan kita sendiri yang menyaksikan kemampuan ini.

- Kualiti pada riwayat dengan *al-Musalsal*

Daripada sanad ini, ada beberapa *al-Musalsal* yang ada pada ini. Pertama, *al-Musalsal Bi al-Ikẖbār*. Ia adalah rantaian dengan setiap perawi yang meriwayatkan kitab ini dengan mengatakan: "أَخْبَرَنَا" dari awal sehingga akhir melalui sanad utama periwayatan saya, jalur *al-Musalsal Bi al-Yamāniyyīn*, jalur *al-Musalsal Bi ad-Dimašhqiyyīn* dan jalur *al-Musalsal Bi al-Maġhribiyyīn*.

Kedua, *al-Musalsal Bi as-Samāᶜ al-Kāmil Aw al-Qirōᶜah al-Kāmilah*. Ia adalah rantaian dengan setiap perawi mendapat riwayat kitab ini sama ada dengan mendengar secara penuh kepada shaykh atau membaca secara penuh kepada shaykh melalui sanad utama tadi dan jalur jajaran Urdu yang melalui jalur Yaman.

Ketiga, *al-Musalsal Bi al-Yamaniyyīn*, iaitu rantaian dengan mereka yang tinggal Yaman. Ia bermula daripada ašh-Šhaykẖ al-Kibsiyy hingga ke al-Ġhozūliyy.

Jika melalui jalur jajaran Urdu, maka ia bermula pada Ḥusayn bin Muḥsin al-Anṣōriyy dan beliau berulang alik antara Yaman dan India, lalu meninggal dunia di India sehingga ke al-Ġhozūliyy.

Keempat, *al-Musalsal Bi al-Ahdaliyīn*, iaitu rantaian dengan mereka yang berketurunan al-Ahdal. Ia bermula al-Wajīh al-Ahdal sehingga aṭ-Ṭōhir al-Ahdal melalui sanad utama tadi. Jika melalui jalur jajaran Urdu yang bersambung ke jalur Yaman, maka ia bermula dengan al-Ḥasan bin ᶜAbdul Bārī al-Ahdal.

Kelima, apabila wujudnya *al-Musalsal Bi al-Ahdaliyīn* maka wujudnya *al-Musalsal Bi al-Ašhrōf*, iaitu rantaian dengan mereka yang mulia yang sememangnya dari keturunan Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم kerana semua keluarga al-Ahdal keluarga junjungan kita yang mulia lagi dicintai. Ia bermula dari al-Ḥasan bin ᶜAbdul Bārī al-Ahdal hingga aṭ-Ṭōhir al-Ahdal melalui jalur jajaran Urdu yang bersambung ke Yaman.

Jika dengan sanad utama, maka bermula dari dengan ash-Šhaykẖ al-Kibsiyy yang mana juga berketurunan baginda juga, tetapi diselangi dengan Zayd as-Sudmiyy, ayahnya dan Muḥammad al-ᶜAmrōniyy yang saya setakat ini tidak menemukan biografi mereka dan tidak jelas nasab untuk saya. Semoga Allah menunjukkan saya jalan kepada pengenalan ini.

Keenam, *al-Musalsal Bi ad-Dihlawiyyīn*, iaitu rantaian dengan mereka yang tinggal yang bermula Delhi dari Aḥmadullāh yang juga menetap di Delhi sehingga ash-Šhāh Waliyyullāh ad-Dihlawiyy.

Ketujuh, apabila adanya *al-Musalsal Bi ad-Dihlawiyyīn*, maka wujudnya *al-Musalsal Bi al-Hindiyyīn*, iaitu rantaian dengan mereka yang tinggal di India jika kita ambil kira faktor geografi yang lama. Maka, ia bermula dari ash-Šhaykẖ Šhamsuddīn hingga ash-Šhāh Waliyyullāh ad-Dihlawiyy.

Kelapan, *al-Musalsal Bi an-Najdiyyīn*, iaitu rantaian dengan mereka yang tinggal di Najd. Maka, ia bermula dengan Aḥmad bin ᶜĪsā an-Najdiyy hingga ke ᶜAbdullāh bin ᶜĪsā an-Najdiyy.

Kesembilan, apabila adanya *al-Musalsal Bi an-Najdiyyīn*, maka wujudnya *al-Musalsal Bi al-Ḥjāziyyīn*, iaitu rantaian dengan mereka yang tinggal di tanah Hijaz. Maka, ia bermula dengan ash-Šhaykẖ al-Qoṯsāmiy hingga ᶜAbdullāh bin ᶜĪsā an-Najdiyy.

Kesepuluh, *al-Musalsal Bi al-Wahhābiyyīn* jika ini bukan istilah yang dicela di sisi pengikut ash-Šhaykẖ Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-Tamīmiyy, iaitu rantaian dengan pendukung, pembela dan manhaj ash-Šhaykẖ Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb atau *al-Musalsal Bi as-Salafiyyīn*, iaitu rantaian dengan mereka yang menisbahkan diri dengan manhaj salafi. Maka, ini bermula dari ash-Šhaykẖ al-Qoṯsāmiy hingga ke ash-Šhaykẖ Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-Tamīmiyy.

Kesebelas, *al-Musalsal Bi ad-Dimašhqiyyīn*, iaitu rantaian dengan mereka yang tinggal di Damsyik. Ia bermula dari ash-Šhaykẖ Muḥammad Muṭīᶜ al-Ḥāfiẓ ad-Dimašhqiyy dan ash-Šhaykẖ Muḥammad ᶜImād Sukkar ad-Dimašhyiqq hingga ᶜAᶜišhah al-Maqdisiyyah.

Kedua belas, *al-Musalsal Bi al-Fāsiyyīn*, iaitu rantaian dengan mereka yang tinggal di Fes. Maka, ia bermula dari ᶜAbdul Ḥayy al-Kattāniyy hingga Aḥmad al-Maqarriyy.

Ketiga belas, apabila adanya *al-Musalsal Bi al-Fāsiyyīn*, maka adanya *al-Musalsal Bi al-Maġhōribah*, iaitu rantaian dengan mereka yang tinggi di Maghribi atas faktor geografi yang lama. Maka, ia bermula dari ᶜAbdul Ḥayy al-Kattāniyy hingga Ibn Marzūq al-Ḥafīd.

Kelima belas, *al-Musalsal Bi al-Azhariyyīn*, iaitu rantaian dengan mereka yang dinisbahkan dengan Universiti Al-Azhar sama ada sebagai pengajar atau berkhidmat di sana atau yang sudah dikenali dengan nisbah sedemikian. Maka, ia bermula dari ᶜAwaḍ al-Karīm sehingga ash-Šhabarōmallisiyy.

Keenam belas, apabila adanya *al-Musalsal Bi al-Fāsiyyīn*, maka adanya *al-Musalsal Bi al-Miṣriyyīn*, iaitu rantaian dengan mereka yang tinggal di Mesir atau yang pernah memasuki Mesir. Maka, ia bermula dengan Aḥmad ar-Rifāᶜiyy sehingga al-Ḥusayn az-Zabīdiyy.

Ketujuh belas, *al-Musalsal Bi al-Mālikiyyah*, iaitu rantaian dengan mereka yang bermazhab Mālikī. Ia bermula dengan Musāᶜid as-Sūdāniyy dengan melalui Abdul Ḥayy al-Kattāniyy dan al-Fakkiyy ᶜUmar hingga Ibn Marzūq al-Ḥafīd.

Apa yang saya ingin memaparkan pada *al-Musalsal* ini adalah kita melihat ketersambungan periwayatan dengan konsistensi beberapa sifat yang unik sepertimana yang disebutkan, sekaligus merealisasikan apa yang disebutkan ash-Šhaykẖ Ḥasan al-Mashāṭ tadi tentang kelebihan *al-Musalsal*.

Saya boleh sahaja meriwayatkan «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» ini dengan jalan ijazah semata-mata dengan sanad yang paling tinggi di dunia sepertimana yang dilakukan oleh sebahagian pengarang tsabat dan sebahagian pengijazah.

Akan tetapi, apakah maknanya dengan semata-mata riwayat dengan isnad yang tinggi jika hanya diselangi dengna ijazah semata-mata, sedangkan ahli riwayat dan ahli hadis sepakat bahawa periwayatan dengan *at-Taḥdīṯs* atau *al-ᶜArḍ* lebih kuat dari sekadar ijazah semata-mata meskipun ia adalah tinggi?

Jika kebanggaan hanya pada riwayat yang tinggi semata-mata, di mana usaha untuk mengekalkan periwayatan dengan *at-Taḥdīṯs* atau *al-ᶜArḍ*?

- Kualiti pada ketinggian isnad

Jika ditinjau pada kualiti ketinggian isnad dengan ukuran yang bermula dengan masyayikh periwayatan saya hingga ke al-Ḥajjār, maka yang paling tinggi adalah melalui *al-Musalsal Bi al-Miṣriyyīn*.

Yang seterusnya adalah *al-Musalsal Bi ad-Dimašhqiyyīn* dan *al-Musalsal Bi al-Maġhribiyyīn*.

Yang seterusnya adalah riwayat melalui sanad *al-Musalsal Bi al-Yamāniyyīn*, sanad jajaran Urdu dan sanad jalur Mesir melalui jalur Maghribi dan

Yang seterusnya adalah sanad utama periwayatan saya dan sanad jajaran Urdu yang bersambung ke jalur Yaman.

Yang seterusnya adalah sanad *al-Musalsal Bi an-Najdiyyīn* jika tidak melalui Ibn Qoyyim al-Jawziyyah.

- Kriteria pilihan sanad

Setelah lihat analisis pada kualiti pada *al-Musalsal* dan ketinggian isnad, maka saya akan berusaha sedaya upaya memilih sanad yang memiliki ketersambungan pada aspek *samāᶜ* atau *qirōᵉah* yang penuh pada setiap peringkat

periwayatan dengan isnad yang tinggi bersama dengan *al-Musalsal*.

Saya akan cuba mengelakkan periwayatan sanad yang ada diselangi dengan ijazah semata-mata untuk setiap peringkat periwayatan pada setiap cabang jalur kecuali jika sememangnya tidak berjaya didapatkan. Saya tidak membawakannya sekalipun untuk tujuan sokongan atau menzahirkan isnad yang lebih tinggi dari jalur tersebut dan menambahkan kepelbagaian dalam rantaian sanad yang bersambung.

Contohnya adalah ash-Shaykẖ Muḥammad Ziyād bin ᶜUmar at-Tuklah dalam mentakhrijkan sanad ash-Shaykẖ Muḥammad Muṭīᶜ al-Ḥāfiẓ dalam kitab «*al-Kanz al-Farīd Fī Tarjamah al-ᶜAllāmah Muḥammad Muṭīᶜ al-Ḥāfiẓ Wa Aᶜmālih Wa Mā Lahu Min al-Ittiṣōlāt Wa al-Asānīd*», beliau membawakan pelbagai jalur dan didapati ada jalur yang lebih tinggi dari apa yang saya bawa di sini, tetapi ada diselangi dengan ijazah semata-mata. Maka, saya tidak memilih untuk meriwayatkan daripadanya dan memilih yang semuanya memiliki *samāᶜ* atau *qirōᶜah* sekalipun tidak penuh.

Maka, yang terbaik pada saya adalah jalur ash-Shaykẖ al-Kibsiyy sehingga bersambung kepada Ḥasan al-ᶜUjaymiyy sebagai sanad periwayatan utama saya kerana melalui ini, saya mendengar pembacaan «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» secara penuh dan semua peringkat periwayatan adalah mendapatkannya dengan *samāᶜ* yang penuh atau *qirōᶜah* yang penuh.

Sudah tentu ia adalah isnad paling rendah jika dibandingkan dengan kesemua isnad yang lain kecuali sanad *al-Musalsal Bi an-Najdiyyīn*. Akan tetapi, yang paling rendah inilah yang

paling berkualiti berbanding yang lain kerana ia adalah berangkaian dengan *samāᶜ* yang penuh atau *qirōᶜah* yang penuh pada setiap peringkat periwayatan.

Ini berbeza dengan jalur yang lain yang diselangit dengan *samāᶜ* yang tidak penuh atau *qirōᶜah* yang tidak penuh atau diselangi dengan ijazah semata-mata atau yang tidak dapat dipastikan status periwayatannya.

Walaupun ia setanding dengan jajaran Urdu pada aspek berangkaian ini, tetapi saya tidak mendapatkannya dengan *samāᶜ* yang penuh, lebih-lebih lagi ketika ingin diambil riwayat dari ašh-Šhaykẖ Muḥammad ᶜAbdul Rozzāq al-ᶜĀlayāwiyy - beliau adalah orang yang terakhir di dunia yang meriwayatkan kitab «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» dari ašh-Šhaykẖ Ḥusayn bin Muḥsin al-Anṣōriyy dengan satu perantara-, beliau sudah terbaring tenat.

Lagipun, aspek berangkaian dengan *samāᶜ* atau *qirōᶜah* yang penuh dengan jalur jajaran Urdu ini akhirnya perlu bersambung kepada jalur Yaman. Pada saya, lebih baik mendapatkannya dari musnid Yaman secara terus kerana mewarisi apa yang mereka memeliharanya dan mengambil warisannya secara terus sehingga dapat melestarikan sanad dari Yaman.

- Rujukan bagi takhrij sanad ini

Rujukan utama saya dalam menyemak susunan dan serta format penyampain mereka adalah kitab «*Ṯsabat al-Kuwayt*» karya ašh-Šhaykẖ Muḥammad Ziyād bin ᶜUmar at-Tuklah dan «*Buġhyah al-Qōṣidīn Fī Taḥqīq Asānīd aṣ-Ṣoḥīḥayn*» karya ᶜAbdullāh bin Marzūq bin ᶜAbdullāh al-Faqīh.

Para pembaca boleh analisis sanad bersama rujukannya sama ada yang bercetak atau manuskrip secara tuntas yang

menampakkan keluasan penerokaan ash-Shaykẖ Muḥammad Ziyād at-Tuklah dan ᶜAbdullāh bin Marzūq bin ᶜAbdullāh al-Faqīh dalam menyabitkan siapa yang perawi itu mengambil, bagaimana format penyampaiannya dan kadar *samāᶜ* dan *qirōᶜah*. Semoga Allah membahagiakan mereka berdua di dunia dan di akhirat sebagaimana Dia meluaskan manfaat pada kitabnya ini.

Saya juga ada mengusahakan sendiri dalam mencari sebahagian perincian format penyampaian dan pemastian dari sumber asal yang mana sebahagian yang ditakhrij oleh kedua-dua musnid dan pentahqiq ini tidak menyebutkannya demi menambahkan faedah yang ada dalam periwayatan sanad.

Kita menelusurinya dengan dengan mengikut kategori sanad yang berbeza.

Yang pertama sekali adalah rujukan untuk takhrij sanad periwayatan yang utama saya.

Rujukan untuk *al-Musalsal Bi al-Ikẖbār* yang bermula dengan ayah kepada Zayd bin ᶜAliyy as-Sudmiyy sehingga kepada ash-Shaykẖ Yaḥyā al-Ahdal adalah kitab «*al-Imtāᶜ Bi Ḏzikr Baᶜḍ Kutub as-Samāᶜ*» karya ash-Shaykẖ ᶜAbdullāh bin Ṣōliḥ al-ᶜUbayd at-Tamīmiyy.

Cuma, dalam «*al-Imtāᶜ*», pada penyebutan riwayat Aḥmad al-Ahdal dari ᶜUmar al-Ahdal adalah dengan penyebutan: "أَخْبَرَنِي", sedangkan dalam «*Tsabat al-Kuwayt*» dengan penyebutan: "أَخْبَرَنَا".

Rujukan untuk menetapkan adanya bacaan Zayd as-Sudmiyy kepada Muḥammad al-ᶜAmrōniyy adalah kitab «*al-Imtāᶜ Bi*

Ḏzikr Baᶜḍ Kutub as-Samāᶜ» karya ašh-Šhaykẖ ᶜAbdullāh bin Ṣōliḥ al-ᶜUbayd at-Tamīmiyy.

Rujukan untuk menetapkan adanya riwayat secara *samāᶜ* bagi Sulaymān al-Ahdal kepada al-Mizjājiyy adalah «*Ṯsabat al-Kuwayt*» karya ašh-Šhaykẖ Muḥammad Ziyād bin ᶜUmar at-Tuklah.

Rujukan untuk menetapkan adanya bacaan ašh-Šhaykẖ Sulaymān bin Yaḥyā bin ᶜUmar Maqbūl al-Ahdal kepada ašh-Šhaykẖ Aḥmad bin Muḥammad Šharīf Maqbūl al-Ahdal adalah kitab «*Barōkah ad-Dunyā Wa al-Ukẖrō Fī al-Ijāzah al-Kubrō*» karya al-Wajīh ᶜAbdul Roḥmān al-Ahdal.

Sebegitu juga kitab ini adalah rujukan untuk menetapkan ketersambungan *samāᶜ* bermula dari Aḥmad bin Muḥammad Šharīf Maqbūl al-Ahdal sehingga Yaḥyā bin ᶜUmar Maqbūl al-Ahdal.

Rujukan saya untuk menetapkan format penyampaian Yaḥyā al-Ahdal kepada Ḥasan al-ᶜUjaymiyy adalah «*Buġhyah al-Qōṣidīn Fī Taḥqīq Asānīd aṣ-Ṣoḥīḥayn*» karya ᶜAbdullāh bin Marzūq bin ᶜAbdullāh al-Faqīh.

Rujukan saya untuk menyambungkan format penyampaian al-ᶜUjaymiyy sehingga Zakariyyā al-Anṣōriyy adalah «*Itḥāf an-Nabīh Fī Mā Yaḥtāju Ilayhi al-Muḥaddiṯs Wa al-Faqīh*» karya ašh-Šhāh Waliyyullāh Aḥmad ibn ᶜAbdul Roḥīm ad-Dihlawiyy.

Sanad selebihnya dengan format penyampaian dari Zakariyyā al-Anṣōriyy sehingga akhir adalah «*Ṯsabat Šhaykẖ al-Islām al-Qōḍī Zakariyyā Ibn Muḥammad al-Anṣōriyy*».

Yang kedua adalah adalah rujukan untuk takhrij sanad untuk jalur *al-Musalsal Bi al-Yamāniyyīn*.

Rujukan saya untuk menetapkan format penyampaian yang bermula dari Yaḥyā bin ᶜUmar Maqbūl al-Ahdal sehingga al-Ḥāfiẓ Ibn ad-Dayba ᶜ adalah kitab «*al-Badr al-Akmal*» karya Yaḥyā bin ᶜUmar Maqbūl al-Ahdal.

Rujukan saya untuk menetapkan al-Ḥāfiẓ Ibn ad-Dayba ᶜ kepada az-Zayn ash-Sharjiyy adalah kitab «*Buġhyah al-Mustafīd Fī Tārikẖ Madīnah Zabīd karya al-Ḥāfiẓ Ibn ad-Dayba ᶜ ash-Shaybāniyy*».

Rujukan untuk menetapkan format penyampaian dari az-Zayn ash-Sharjiyy sehingga al-Ġhozūliyy adalah kitab «*at-Tajrīd aṣ-Ṣorīḥ Li Aḥādiṯs al-Jāmi ᶜ aṣ-Ṣoḥīḥ*» karya az-Zayn Aḥmad bin Aḥmad bin ᶜAbdul Laṭīf ash-Sharjiyy.

Rujukan untuk menetapkan adanya riwayat secara *samā ᶜ* bagi al-Ġhozūliyy kepada al-Ḥajjār adalah kitab «*Ḏzayl at-Taqyīd Fī Ruwāh as-Sunan Wa al-Asānīd*» karya at-Taqiyy al-Fāsiyy dan kitab «*at-Tajrīd aṣ-Ṣorīḥ Li Aḥādiṯs al-Jāmi ᶜ aṣ-Ṣoḥīḥ*» karya az-Zayn Aḥmad bin Aḥmad bin ᶜAbdul Laṭīf ash-Sharjiyy.

Yang ketiga adalah rujukan untuk takhrij sanad untuk jalur jajaran Urdu.

Rujukan saya untuk menetapkan pembacaan Aḥmadullāh al-Qurōshiyy kepada Ḥusayn al-Anṣōriyy adalah «*al-Ijāzāt al-Hindiyyah Wa Tarōjim ᶜUlamāᶜihim*» karya ᶜUmar bin Muḥammad Sirōj Ḥabībullāh.

Sebegitu juga rujukan ini dalam menetapkan riwayat dari Aḥmadullāh al-Quroshiyy sehingga dengar ᶜAbdul ᶜAzīz ad-Dihlawiyy.

Rujukan saya untuk menetapkan kadar kepada ayahnya adalah kitabnya «*al-ᶜUlālah an-Nājiᶜah Tarjamah al-ᶜUjālah an-Nāfiᶜah*».

Malah, ash-Shaykẖ Muḥammad Ziyād bin ᶜUmar at-Tuklah dalam kitabnya «*Ṯsabat al-Kuwayt*» menyebutkan bahawa *samāᶜ* «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» bagi ᶜAbdul ᶜAzīz ad-Dihlawiyy kepada ayahnya hanyalah dari awal sehingga *Kitāb al-Ḥajj* sahaja.

Rujukan saya untuk menetapkan bacaan Ḥusayn al-Anṣōriyy kepada al-Ḥāzimiyy adalah kitab «*Abjad al-ᶜUlūm*» karya Muḥammad Ṣiddīq Kẖōn.

Yang ketiga adalah rujukan untuk takhrij sanad untuk jalur salafi.

Rujukan saya untuk menetapkan *samāᶜ* «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» bagi Muḥammad bin ᶜAbṭōn al-Qoṯsāmiyy kepada ash-Shaykẖ Sulaymān al-Ḥamdān adalah kitab «*ash-Sharof as-Sāmī Bi Asānīd ash-Shaykẖ Muḥammad bin ᶜAbṭōn al-Qoṯsāmiyy*» yang ditakhrij oleh Badr bin ᶜAliyy al-ᶜUtaybiyy.

Rujukan untuk menetapkan kadar *samāᶜ* «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» bagi Sulaymān al-Ḥamdān kepada ᶜAbdul Sattār ad-Dihlawiyy adalah dalam tsabat ash-Shaykẖ Sulaymān al-Ḥamdān, iaitu kitab «*Itḥāf al-ᶜUdūl Wa aṯs-Ṯsiqōt Bi Ijāzah al-Kutub al-Ḥadiṯsiyyah Wa al-Aṯsbāt*».

Rujukan untuk menetapkan kadar *samāᶜ* «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» bagi ash-Shaykẖ ᶜAbdul Sattār bin ᶜAbdul Wahhāb

ad-Dihlawiyy kepada ašh-Šhaykẖ Aḥmad bin ᶜĪsā bin Ibrōhīm an-Najdiyy, kadar ašh-Šhaykẖ Aḥmad an-Najdiyy kepada ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Laṭīf Āli ašh-Šhaykẖ dan kadar ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Roḥmān bin Ḥasan bin Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-Tamīmiyy an-Najdiyy kepada datuknya adalah kitab «*al-Ijāzah al-ᶜIlmiyyah Fī Najd*» karya ašh-Šhaykẖ Hišhām bin Muḥammad bin Sulaymān as-Saᶜīd.

Rujukan untuk menetapkan adanya kemungkinan kadar dengar ašh-Šhaykẖ Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-Tamīmiyy kepada Muḥammad Ḥayāh as-Sindiyy adalah kitab «*al-Maqōmāt*» karya ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Roḥmān bin Ḥasan bin Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb at-Tamīmiyy an-Najdiyy dan kitab «*Miṣbāḥ aẓ-Ẓollām Fī ar-Rodd ᶜAlā Man Kaḏzḏzaba Šhaykẖ al-Islām Wa Nasabahu Ilā Takfīr Ahl al-Imān Wa al-Islām*» karya ašh-Šhaykẖ ᶜAbdul Laṭīf bin ᶜAbdul Roḥmān Ālu ašh-Šhaykẖ.

Cuma, penetapan wujudnya dengarnya sebahagian «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» kepada Muḥammad Ḥayāh as-Sindiyy oleh ašh-Šhaykẖ Muḥammad Ziyād bin ᶜUmar at-Tuklah dalam «*Ṯsabat al-Kuwayt*» dengan berasaskan dua nukilan ini sukar untuk dipastikan kerana kedua-duanya hanya menyebutkan bahawa beliau mendengar kitab hadis sahaja tanpa menentukan nama kitab. Namun, saya meraikannya ada pandangan sedemikian dengan ikatan bahawa jika ia adalah betul.

Rujukan untuk menetapkan adanya *samāᶜ* bagi Muḥammad Ḥayāh as-Sindiyy kepada ᶜAbdullāh bin Sālim al-Baṣriyy adalah kitab «*Ṯsabat al-Kuwayt*» karya ašh-Šhaykẖ Muḥammad Ziyād bin ᶜUmar at-Tuklah.

Rujukan untuk menetapkan kadar *samāᶜ* «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» bagi ᶜAbdullāh bin Sālim al-Baṣriyy kepada ašh-Šhams al-Bābiliyy adalah kitab «*al-Imdād Fī Maᶜrifah ᶜUluww al-Isnād*» karya ašh-Šhaykẖ ᶜAbdullāh bin Sālim al-Baṣriyy Rujukan untuk menetapkan menetapkan kadar *samāᶜ* «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» bagi ašh-Šhams al-Bābiliyy kepada as-Sanhūriyy sehingga Šhaykẖ al-Islām Zakariyyā al-Anṣōriyy adalah kitab «*Bugẖyah aṭ-Ṭōlibīn Li Bayān al-Mašhāyikẖ al-Muḥaqqiqīn al-Muᶜtamadīn*» karya ašh-Šhihāb an-Nakẖliyy, kitab «*al-Imdād Fī Maᶜrifah ᶜUluww al-Isnād*» karya ašh-Šhaykẖ ᶜAbdullāh bin Sālim al-Baṣriyy dan kitab «*Muntakẖob al-Asānīd Fī Waṣl al-Muṣonnafāt Wa al-Ajzāᶜ Wa al-Masānīd*» atau dinamakan dengan «*Ṯsabat Šhamsuddīn Muḥammad al-Bābiliyy*» dengan takhrij ašh-Šhaykẖ ᶜĪsā bin Muḥammad aṯs-Ṯsaᶜālabiyy.

Rujukan untuk menetapkan ijazah Šhaykẖ al-Islām Zakariyyā al-Anṣōriyy dari an-Najm ᶜUmar Ibn Fahd al-Hāšhimiyy adalah kitab «*Ṯsabat Šhaykẖ al-Islām al-Qōdī Zakariyyā al-Anṣōriyy*».

Rujukan untuk menetapkan riwayat an-Najm ᶜUmar Ibn Fahd dari Dāwud bin Sulaymān bin ᶜAbdullāh al-Mawṣiliyy adalah kitab «*Muᶜjam ašh-Šhuyūkẖ*» karya an-Najm ᶜUmar Ibn Fahd.

Rujukan untuk menetapkan *samāᶜ* «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» bagi Dāwud al-Mawṣiliyy kepada ašh-Šhihāb Abū al-ᶜAbbās Aḥmad bin Ḥajjī as-Saᶜdiyy adalah kitab «*Muᶜjam ašh-Šhuyūkẖ*» karya an-Najm ᶜUmar Ibn Fahd.

Rujukan untuk menetapkan *samāᶜ* «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» bagi Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah kepada ašh-Šhaykẖ

Aḥmad al-Ḥajjār adalah kitab «*al-Aᶜlām al-ᶜAliyyah Fī Manāqib Ibn Taymiyyah*» karya Sirōjuddīn Abū Ḥafṣ ᶜUmar bin ᶜAliyy al-Bazzār al-Baġhdāriyy.

Rujukan untuk menetapkan ijazah ašh-Šhihāb Aḥmad bin Ḥajjī as-Saᶜdiyy dari Ibn Qoyyim al-Jawziyyah adalah kitab «*aḍ-Ḍowᶜ al-Lāmiᶜ Li Ahl al-Qorn at-Tāsiᶜ*» karya al-Ḥāfiẓ as-Sakẖōwiyy.

Rujukan untuk menetapkan *samāᶜ* «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» bagi ᶜAliyy Ibn Abū al-Majd kepada Šhaykẖ al-Islām Ibn Taymiyyah ketika majlis khatam «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» dan beliau mengijazahkan kepada para pendengar adalah kitab «*al-Majmaᶜ al-Muᶜassis Li al-Muᶜjam al-Mufahros*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy.

Yang keempat adalah rujukan untuk takhrij sanad untuk *al-Musalsal Bi ad-Dimašhqiyyīn*. Rujukan sanad dari awal hingga al-Ḥajjār dengan format penyampaiannya dirujuk pada kitab «*al-Kanz al-Farīd Fī Tarjamah al-ᶜAllāmah Muḥammad Muṭīᶜ al-Ḥāfiẓ Wa Aᶜmālih Wa Mā Lahu Min al-Ittiṣōlāt Wa al-Asānīd*» takhrij ašh-Šhaykẖ Muḥammad Ziyād bin ᶜUmar at-Tuklah.

Yang kelima adalah rujukan untuk takhrij sanad ᶜImāduddīn. Saya merujuk sanad yang ditakhrij oleh admin saluran Telegram Madrosah al-Ḥadiṯs al-Miṣriyyah[21] yang pernah mengadakan majlis pembacaan «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» kepadanya.

Yang keenam adalah rujukan untuk takhrij sanad Musāᶜid as-Sūdāniyy.

---

[21] Rujuk: https://t.me/Madrasat_Alhadith_Almisria/1355

Rujukan untuk menetapkan dengar sebahagian Ṣoḥiḥ al-Bukẖōriyy bagi Musāᶜid as-Sūdāniyy kepada ᶜAbdul Ḥayy al-Kattāniyy adalah kitab «*an-Nazr al-Yasīr Fī Ijāzah ašh-Šhaykẖ Musāᶜid Ibn Bašhīr*».

Rujukan sanad dari awal awal hingga al-Ḥajjār yang melalui ᶜAbdul Ḥayy al-Kattāniyy dengan format penyampaiannya adalah kitab *«Nayl al-Amānī Bi Fahrosah Musnid al-ᶜAṣr ᶜAbd ar-Roḥmān Ibn ᶜAbd al-Ḥayy al-Kattāniyy*».

Yang terakhir adalah rujukan untuk *al-Musalsal Bi al-Ikẖbār* yang bermula dari Abū Isḥāq at-Tanūkẖiyy hingga akhir dirujuk dalam kedua-dua kitab yang disebutkan tadi dan juga kitab «*Ṯsabat Šhaykẖ al-Islām al-Qōdī Zakariyyā al-Anṣōriyy*».

Tujuan saya menyebutkan semua ini adalah dua perkara. Pertama, untuk mendemonstrasikan bagaimana untuk mentakhrij riwayat kerana sebahagian shaykh apabila mengijazahkan sesuatu, mereka tidak memberikan sanad secara lengkap. Oleh itu, ia adalah inisiatif sendiri untuk mendapatkannya.

Kedua, untuk memastikan bahawa setiap peringkat periwayatan dipastikan wujudnya penerimaan riwayat kitab «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» adalah bukan dengan semata-mata ijazah yang penuh dengan *al-Muᶜanᶜanah* sepertimana yang dilakukan oleh sebahagian pengijazah dan penulis tsabat kecuali yang sememangnya sudah tidak dapat dipastikan wujudnya dengar atau bacaan atau sememangnya diyakini bahawa ia adalah riwayat dengan jalan ijazah semata-mata.

Sebegitu juga untuk menampilkan bahawa kerja pentakhrijan bukan sesuatu yang mudah. Ia memerlukan

bacaan yang luas. Dalam menampilkan periwayatan dengan kualiti sebegini, sememangnya memerlukan masa yang lama dan kesungguhan yang besar.

Apabila seni mengekalkan *Siyaġh at-Taḥammul* dan *Siyaġh at-Taḥdīṯs* dikebelakangkan dan diabaikan, riwayat hanyalah berlumba untuk mencari yang tertinggi, tetapi tiada merit yang besar dan hanya semata-mata ijazah sahaja.

Seakan-akan pembinaan isnad riwayat ini hanya menjadi permainan seorang bayi mengejar ijazah riwayat dari tua yang sepuh semata-mata untuk mempertahankan isnad yang tinggi. Usaha untuk mendengar atau membaca dari awal sehingga habis serta sabar dengannya dihilangkan.

- Mengapa dibawakan riwayat dari salafi?

Tujuan saya membawakan riwayat dari salafi bersama perincian kadar *samāᶜ* dan *qirōᶜah* adalah kerana ingin memperkenalkan kepada salafi, khususnya di negara ini bahawa periwayatan bukan sesuatu yang terasing dari komuniti mereka, apatah lagi menganggap bahawa ia tidak penting.

Semua ini direkodkan dengan rapi dan setiap kadarnya disebutkan terperinci. Tidak sepatutnya dianggap rekod ini hanya catatan sejarah sahaja yang ditinggalkan pada hari ini. Ia ada makna yang besar untuk diteruskan pada hari ini.

Saya tidak mahu lagi memperpanjangkan lagi teguran yang telah saya menyampaikan pada yang lepas. Cukuplah pembentangan isnad ini menyedarkan bagi sesiapa yang mahu ambil peduli dan menerima manfaatnya.

- Mengapa dibawakan pelbagai jalur yang berbeza?

Tujuan saya membawakan pelbagai riwayat adalah untuk beberapa sebab. Pertama, dengan pelbagai jalur ini kita melihat bahawa periwayatan kitab ini tidak terhad hanya kepada satu mazhab tertentu atau satu negara tertentu walaupun masing-masing boleh mengekalkan keistimewaan itu yang dipanggil sebagai *al-Musalsal*.

Hadis dan ilmu yang ada di dalamnya sentiasa berpindah dan berlegar ke seluruh pelusuk dunia dengan bacaan kepada periwayatnya atau dengar bacaan kepada periwayatnya.

Kedua, untuk menunjukkan bahawa walaupun «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» adalah kitab yang paling sahih di dunia, masih amat sukar untuk menemukan periwayatan yang yang berangkaian dengan *samāᶜ* yang penuh atau *qiroᶜah* yang penuh pada setiap peringkat periwayatan kecuali dengan jalur murid al-Wajīh al-Ahdal yang mengambil darinya dengan penuh sahaja atau jalur jajaran Urdu yang akhirnya melalui ke jalur Yaman yang terhad dengan jalur ašh-Šhaykẖ Ḥusayn bin Muḥsin al-Anṣōriyy.

Kalaulah ada yang berkata sudah tiada lagi *al-Musalsal* ini untuk *al-Kutub at-Tisᶜah* kecuali amat sedikit yang terlalu terhad, amat sukar untuk mengatakan bahawa ia adalah dakwaan berlebihan. Poin yang penting adalah amat sukar untuk mendapatkannya melainkan perlu diterobos di ceruk yang tersorok.

Apa yang saya dapat mengatakan bahawa *al-Musalsal Bi as-Samāᶜ al-Kāmil Aw al-Qirōᶜah al-Kāmilah* untuk *al-Kutub at-Tisᶜah* yang wujud di dunia adalah «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» melalui mereka yang mengambil dari al-Wajīh al-Ahdal, iaitu Abū ad-Dardāᶜ, Muḥammad bin Nāṣir al-Ḥāzimiyy dan al-Ḥasan bin ᶜAbdul Bārī al-Ahdal.

Itu pun riwayat Abū ad-Dardāᵉ dengan sebegini pun hanya terhad dengan melalui Zayd as-Sudmiyy. Sebegitu juga al-Ḥāzimiyy dan al-Ḥasan al-Ahdal hanya terhad dengan melalui Ḥusayn al-Anṣōriyy. Ḥusayn al-Anṣōriyy pula terhad pada Aḥmadullāh al-Qurošhiyy dan ᶜAbdul Wahhāb bin Muḥammad al-Multāniyy. Itu pun yang benar-benar ada periwayatan melalui mereka berdua ini juga adalah terhad.

Adapun «*Muwaṭṭoᵉ Mālik*» riwayat al-Layṯsiyy yang didakwa memiliki rangkaian seperti ini ada dari jalur jajaran tertentu, maka masih belum dapat dipastikan buat setakat ini.

«*Ṣoḥīḥ Muslim*» juga adalah berangkaian sedemikian, tetapi tidak penuh pada peringkat Abū Isḥāq Ibrōhīm bin Muḥammad bin Sufyān, orang yang meriwayatkan terus dari al-Imām Muslim kerana wujudnya luput pada tiga tempat sepertimana yang diketahui dalam periwayatan kitab ini.

«*Jāmiᶜ at-Tirmiḏziyy*» juga adalah berangkaian sedemikian ada pada mereka yang mengambil dari ašh-Šhaykẖ Sulaymān bin Muḥammad bin ᶜAbdul Wahhāb al-Ahdal sepertimana yang disebutkan ašh-Šhaykẖ Muḥammad Ziyād bin ᶜUmar at-Tuklah dalam «*Ṯsabat al-Kuwayt*» kecuali pada satu peringkat yang tidak dapat dipastikan sama ada memperoleh *samāᶜ* atau *qirōᵉah* walaupun sebahagiannya atau sememangnya dengan ijazah semata-mata.

Untuk «*Sunan an-Nasāᵉiyy*» pula, maka ada pada jalur ašh-Šhaykẖ al-Kibsiyy yang melalui riwayat al-Imām ašh-Šhawkāniyy memiliki riwayat yang berangkaian seperti ini kecuali satu peringkat yang hanya dibaca pada awal hadis sahaja.

Untuk «*Sunan Abū Dāwud*» dan «*Sunan Ibn Mājah*», maka yang terbaik di dunia ini adalah sanad dengan berangkaian dengan *samāᶜ* atau *qirōᶜah* walaupun sebahagiannya sekadar sebahagian pada setiap peringkat sahaja kecuali satu peringkat sahaja yang diselangi dengan ijazah semata-mata.

Ini ada pada jalur India dari kalangan mereka yang meriwayatkan dari ašh-Šhaykẖ Muḥammad Isḥāq ad-Dihlawiyy dengan empat perantara. Yang popular adalah melalui muridnya, ašh-Šhaykẖ Naḏzīr Ḥusayn.

Adapun «*Musnad ad- Dārimiyy*», maka ia sama seperti sedemikian dengan melalui «*al-Musalsal Bi Qiroᶜah Sūroh aṣ-Ṣoff*» atau dengan kata lain, sesiapa yang memiliki *al-Musalsal* ini, seolah-olah mendapat riwayat satu hadis dalam kitab ini yang *al-Musalsa*l secara *samāᶜ*.

Adapun kitab lain seperti «*ašh-Šhamāᶜil al-Muḥammadiyyah*» karya at-Tirmiḏziyy dan lain-lain, barangkali ada, tetapi menjadi amat langka jika ia adalah melebihi sepuluh peringkat periwayatan. Namun, yang menjadi sorotan sekarang adalah *al-Kutub at-Tisᶜah*.

Apa yang penting bagi seseorang adalah mendapatkan riwayat secara *samāᶜ* atau *qirōᶜah* semampunya dengan isnad yang tinggi. Usah rasa tercela dengan wujudnya kekurangan pada kedua-duanya.

Saya secara peribadi memperoleh sebahagian isnad yang tidak sehebat kualitnya dengan yang lain yang ada, namun tidak berkesempatan untuk mendapatkannya.

Contohnya adalah jalur yang melalui jajaran Urdu pada «*Sunan Abū Dāwud*» dan «*Sunan Ibn Mājah*» adalah lebih baik dari jalur Yaman.

Apabila diteliti kajian isnad dua kitab ini, jalur jajaran Urdu memiliki isnad yang masing-masing memperoleh dengan *samāᶜ* atau *qirōᶜah* pada setiap peringkat periwayatan walaupun sebahagiannya sekadar sebahagian sahaja kecuali satu peringkat sahaja yang diselangi dengan ijazah semata-mata.

Namun, pada jalur dari Yaman dan lain-lain, akan didapati pada dua peringkat periwayatan secara minimum yang diselangi dengan ijazah semata-mata setelah saya berusaha sehabisnya untuk mencari jalan agar ia hanya diselangi dengan satu peringkat sahaja dengan ijazah semata-mata.

Akan tetapi, saya mendapakan kedua-dua ini melalui jalur ash-Shaykẖ al-Kibsiyy dan sudah tentu ini tidak setanding dengan jalur jajaran Urdu yang wajar didapatkan.

Sebegitu juga yang berlaku pada saya untuk kitab yang lain. Allah jualah pemberi rezeki kepada sesiapa yang Dia mahu.

Kemudian, perlu diingatkan bahawa apabila saya mencadangkan isnad yang terbaik untuk didapatkan, bukan bermakna saya ingin meremehkan isnad yang lain.

Sama seperti syarah kitab «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» yang paling diberi rekomendasi adalah «*Fatḥ al-Bārī Šharḥ Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-ᶜAsqolāniyy, tetapi tidak bermakna syarah yang lain tiada apa-apa kelebihan dan kualiti.

Sebegitu juga perlu diingatkan bahawa boleh jadi isnad yang terjaga pada zaman seterusnya adalah riwayat yang dengan isnad yang rendah dan yang tidak memiliki bacaan atau dengar bacaan dengan penuh. Boleh jadi apa yang saya merekomendasikan pada masa saya adalah sama pada generasi

setelah saya. Boleh jadi apa yang saya peroleh sekarang tidak sebagus apa yang dikejar oleh generasi kemudian.

Yang lebih penting adalah memahami hadis baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, mengamalkan ajarannya dengan sebaik-baiknya, menyampaikan hadis baginda kepada orang ramai, membela sunnahnya dari sebagai pencemaran, menegakkan keagungannya dalam masyarakat dan memahamkan orang sekeliling dengan sebenarnya. Inilah yang lebih penting dalam penyebaran hadis baginda.

Boleh jadi pahala yang besar adalah pada golongan yang tidak ada riwayat bagi kitab hadis, tetapi menyempurnakan apa yang menjadi objektif dalam ilmu hadis dan kelestarian periwayatan hadis. Bahkan, sebahagian ulama agung dalam hadis pun bukan semua memiliki kualiti isnad yang direkomendasikan.

Akhirnya yang lebih penting adalah keberuntungan yang diperoleh di hari akhirat. Riwayat kitab dengan isnad yang berkualiti mungkin hanya pemanis di dunia sahaja. Allah jualah yang merezekikan kebaikan dan keberkatan kepada sesiapa yang Dia kehendaki.Ketiga, beginilah pencarian ahli hadis dalam mencari pelbagai jalur supaya mendapatkan sanad yang berkualiti, khususnya dari aspek ketinggian memandangkan pencarian isnad yang tinggi adalah sunnah bagi salaf.

Walaupun isnad yang tinggi pada masa kini tidak memfokuskan penyemakan hadis, tetapi gerak kerja ini sekaligus mengenangkan nostalgia bagaimana ahli hadis bekerja dalam mendapatkan data yang pelbagai, lalu disaring

untuk memilih yang sahih dan benar-benar dapat dijadikan hujah.

Mereka tidak hanya bergantung kepada satu jalur sahaja walaupun sebahagiannya sudah memadai dengan satu jalur sahaja disebabkan ketinggiannya dan kesahihannya, tetapi demi meraikan yang lain yang mungkin juga ada kualitinya tersendiri, itu sebabnya dicari juga jalur yang lain.

Apabila ada jalur lain yang berkongsi sama-sama kualiti, maka dapatlah menjadi penguat antara satu sama lain dan kita mempunyai sokongan yang padu dalam sesuatu periwayatan, khususnya apabila ia melibatkan penerimaan kesabitan hadis.

Ini sepertimana yang saya telah memberitahu pada awal lagi bahawa tradisi periwayatan ini adalah mengenangkan nostalgia tradisi ahli hadis terdahulu. Komitmen ahli hadis bukan hanya mencari perawi, tetapi menapis dan menyaring. Kerja mereka bukan mudah melainkan orang yang berkesanggupan.

Saya sendiri secara peribadi mengambil masa yang agak panjang dan ketekunan yang lebih daripada biasa untuk mendapatkan dan memilih sanad yang berkualiti, di samping mencari sumber yang boleh menetapkan format penyampaian pada setiap perawi dengan terperinci.

Malang sekali apabila kita lihat sebahagian orang mentakhrij isnad untuk *al-Kutub as-Sittah* dengan hanya memperbanyakkan *al-Mu^{c}an^{c}anah* ketika menyampaikan periwayatan kerana itu adalah kerja yang paling mudah. Kemudian, berbangga bahawa inilah sanad yang paling tinggi di dunia yang mereka berjaya mendapatkannya, sedangkan permata sebenar pada periwayatan yang tiada diselangi dengan ijazah tidak diusahakan pencarian walaupun ada.

Apabila berbicara tentang kualiti, pencarian jalur yang pelbagai ini juga memperkenalkan kepada kita tentang yang mana satu yang menjadi sebaik-baik jalur untuk didapatkan. Kadangkala, seseorang boleh mendabik dada bahawa jalurnya yang diperoleh dari gurunya atau kelompoknya adalah yang paling baik untuk didapatkan.

Akan tetapi, boleh jadi ia bukan sepertimana yang dijangkakan. Benarlah bahawa adakalanya seseorang tidak akan tahu tentang kekurangan seseorang yang lain melainkan apabila dibandingkan dengan orang lain.

Tujuan saya mentakhrijkan dan menerbitkan sanad ini juga supaya seseorang yang ingin mencari riwayat *Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» yang tertinggi di dunia yang memiliki *al-Musalsal Bi as-Samāᶜ al-Kāmil Aw al-Qirōᶜah al-Kāmilah*, maka saya telah memudahkan kepada siapa yang boleh dicari.

Keempat, sebaik-baik yang boleh diperoleh adalah banyak yang terkumpul. Bukankah seseorang musnid atau bakal musnid adalah lebih memiliki pelbagai riwayat yang bersambung melaluinya?

Lampiran

Jadual bagi sebahagian sanad «*Ṣoḥīḥ al-Bukẖōriyy*» untuk memudahkan kefahaman dalam menentukan dua isnad yang bergabung pada satu jalur dan isnad yang paling tinggi.

Untuk perincian format penyampaian bagi setiap peringkat periwawayatan, sila lihat semula rantaian yang disebutkan sebelumnya.

<table>
<tr><td colspan="3">مساعد السوداني</td><td>محمد بن عبطان القثامي</td><td>عماد الدين السوداني</td><td colspan="2">محمد عبد الرزاق العيالوي</td><td>محمد الكبسي</td><td>محمد مطيع ومحمد عماد</td></tr>
<tr><td colspan="2">عبد الحي الكتاني</td><td>الفكي عمر</td><td>سليمان الحمدان</td><td>محمد الفاضل التقلاوي</td><td colspan="2">أحمد الله القرشي</td><td>زيد السدمي</td><td>أبو اليسر عابدين</td></tr>
<tr><td>محمد ابن سودة</td><td>محمد بن إبراهيم السباعي ومحمد الشبيهي</td><td>محمد بن أحمد البدوي</td><td>عبد الستار الدهلوي</td><td>عوض الكريم الرفاعي</td><td>نذير حسين</td><td>حسين الأنصاري</td><td>علي السدمي</td><td>أبو الخير عابدين</td></tr>
<tr><td>أحمد بونافع الفاسي</td><td>أحمد المرنيسي</td><td>محمد عليش</td><td>أحمد بن عيسى النجدي</td><td>أحمد بن محجوب الرفاعي</td><td>محمد إسحاق الدهلوي</td><td>الحسن الأهدل وناصر الحازمي</td><td>محمد العمراني</td><td>أحمد بن عبد الغني</td></tr>
<tr><td>التاودي بن سودة</td><td>أحمد التاودي</td><td>الأمير الصغير</td><td>عبد اللطيف آل الشيخ</td><td>مصطفى مبلط الأزهري</td><td>عبد العزيز الدهلوي</td><td colspan="2">الوجيه الأهدل</td><td>ابن عابدين</td></tr>
<tr><td>محمد بن قاسم جسوس</td><td>أحمد بن عبد الله المغربي</td><td>الأمير الكبير</td><td>عبد الرحمن آل الشيخ</td><td>محمد بن علي الشنواني</td><td>ولي الله الدهلوي</td><td colspan="2">سليمان الأهدل</td><td>الشمس محمد الكزبري</td></tr>
<tr><td>عبد السلام جسوس</td><td>أبو الحسن علي العكاري</td><td>علي السقاط</td><td>محمد بن عبد الوهاب</td><td>محمد بن سالم الحفني</td><td>أبو طاهر الكوراني</td><td colspan="2">أحمد الأهدل والمزاجي</td><td>عبد الرحمن الكزبري وأحمد المنيني</td></tr>
<tr><td colspan="2"></td><td>أحمد السلمي</td><td>محمد حياة السندي</td><td>ابن الميت الدمياطي</td><td>حسن العجيمي</td><td colspan="2">يحيى الأهدل</td><td>أبو المواهب الحنبلي</td></tr>
<tr><td colspan="3">عبد القادر الفاسي</td><td>عبد الله بن سالم البصري</td><td>ضياء الدين الشبراملسي</td><td>عيسى الثعالبي</td><td colspan="2">أبو بكر الأهدل</td><td>التقي عبد الباقي الحنبلي</td></tr>
<tr><td colspan="3">أحمد بن محمد المقري</td><td>الشمس البابلي</td><td colspan="2">سلطان المزاحي</td><td colspan="2">يوسف الأهدل</td><td>الشمس محمد الميداني</td></tr>
<tr><td colspan="3">سعيد بن محمد المقري</td><td>محمد السنهوري</td><td colspan="2">أحمد السبكي</td><td colspan="2">الطاهر الأهدل</td><td>النور أبو السرور ابن المحب</td><td>يونس العيثاوي</td></tr>
<tr><td colspan="3">محمد التنسي التلمساني</td><td colspan="3">النجم الغيطي</td><td colspan="2">ابن الديع الشيباني</td><td>الجمال القلقشندي</td><td>الكمال ابن حمزة</td></tr>
<tr><td colspan="3">محمد بن عبد الجليل التنيسي</td><td colspan="3">زكريا الأنصاري</td><td colspan="2">الزين الشرجي</td><td>كلثوم بن عمر النابلسية</td><td>أحمد وعبد الكريم ابنا عبادة</td></tr>
<tr><td colspan="3">محمد ابن مرزوق الحفيد</td><td>إبراهيم بن صدقة</td><td colspan="2">ابن حجر العسقلاني</td><td colspan="2">النفيس العلوي</td><td>الجمال ابن الصيرفي</td><td>عائشة بنت عبد الهادي</td></tr>
<tr><td colspan="3">إبراهيم الرسام</td><td>النجم الحموي</td><td colspan="2">علي ابن المجد</td><td colspan="2">موسى الغزولي</td><td colspan="2"></td></tr>
<tr><td colspan="9">الحجار</td></tr>
<tr><td colspan="9">الحسين بن المبارك الزبيدي</td></tr>
<tr><td colspan="9">أبو الوقت السجزي</td></tr>
<tr><td colspan="9">أبو الحسين الداودي</td></tr>
<tr><td colspan="9">محمد الفربري</td></tr>
<tr><td colspan="9">الإمام البخاري</td></tr>
</table>

Penutup

Cukup sekadar di sini dalam memperkenalkan tradisi periwayatan. Semoga Allah menaburkan keluhuran dan manfaat yang ada dalam karya saya yang serba kekurangan dan tempang ini.

Karya ini disiapkan pada 26 September 2025 untuk edisi pertama. Sekarang, edisi terbaru dengan suntingan beberapa perbincangan adalah pada 30 Julai 2026.

Setiap kali edisi yang terbaru jika ada, saya akan memaklumkannya dengan perubahan tarikh ini dan saya akan memaklumkannya di platform yang sesuai dengan izin Allah. Semoga Allah mempermudahkannya.

Saya mengijazahkan riwayat kitab ini kepada sesiapa yang membacanya dan berkeinginan untuknya.

طَبَقَةُ مَجْلِسِ هَذَا الْكِتَابِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي يسلسل بركته على عباده باتصال الحب والرضى. والصلاة والسلام والمباركة على مولانا المصطفى سيدنا حبيبنا محمد الذي إسناد حياتنا والنجاة في الدارين وعلى آله الأطهر كما صلى وبارك على خليله إبراهيم وعلى آله. في العالمين إنك حميد مجيد.

وبعد، فقد سهلني الله بعونه وبفضله مع أبي أمير الرضوان بن رشيدي ذو القصور والضعف والعيوب والفقر في عقد مجلس قراءة كتابي الصحف المجموعة في تعريف دمجة الرواية من أوله إلى باب التمهيد تبعا لعمل شيخ الإسلام ابن تيمية رحمه الله تعالى في عقد مجلس قراءة عدة فصول من أول كتابه جوامع الكلم الطيب وسمعه عليه بدر الدين أبو عبد الله محمد بن شرف الدين محمود بن إسماعيل وناوله سائر الكتاب وأجاز له شيخ الإسلام بجميع مروياته وإحياءَ ما من خصائص هذه الأمة وعمل أسلافنا من العلماء وارثي الأنبياء وهبةً مني تقديرا على اجتماعهم.

وقد حضر هذا المجلس إخواني الكرام أيمان بن محمد يونس وتاج الدين جيهان بن جعفر وأمين الحفيظ بن محمد ظفر الله ومحمد حنيف حزم بن محمد داروس والزكي أحمد عقيل أكبر بن زيد الأثري ومحمد خيرول بن محمد عصري وعلي حيدر صادق بن نور إخوان ومحمد حسني بن عبد الكريم وأمير فائز بن عبد الملك ونور شهيرة بنت نظر الدين وسمعوا مني قراءة القدر المذكر.

فأجزت لهم برواية هذا الكتاب ولكل من قرأ هذا الكتاب مريدا لروايته.

أوصيهم بتقوى الله سرا وعلانية واتباع سنة نبينا المصطفى محمد صلى الله عليه وسلم وحفظ تراث علمائنا الصالحين وملازمة أهل الصلاح وصاحب الفقه ونشر العلم.